



MENCORAKKAN KEMAJUAN SECARA BERTANGGUNGJAWAB

Laporan Bersepadu Tahunan
2022

LAPORAN INI MENGHURAIKAN IKHTIAR KAMI UNTUK

KANDUNGAN **LAPORAN INI**

BERPANDUKAN AMALAN TERBAIK GLOBAL

3 Asas Pelaporan

KAMI MENGEKALKAN KEMAPANAN PERNIAGAAN

6 Perihal Kami
8 Sorotan 2022
10 Sorotan Kewangan
Lima Tahun
11 Sorotan Kelestarian
12 Pendekatan Kelestarian
Kami
14 Kehadiran Global
16 Butiran Korporat
17 Perniagaan Utama FGV
18 Struktur Organisasi

BERKAT HALA TUJU KEPIMPINAN YANG BERWIBAWA

20 Perutusan Pengerusi
24 Sekalung Penghargaan
Buat Bekas Pengerusi
FGV
25 Ulasan Ketua Pegawai
Eksekutif Kumpulan

MENATIJAHKAN HASIL DARIPADA STRATEGI

30 Landskap Operasi
32 Interaksi Pemegang
Kepentingan
36 Perkara Material
38 Model Penciptaan Nilai
Kami
40 Strategi Perniagaan
46 Hubung Kait Perkara
Material dengan Risiko
dan Strategi

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-

15



Selasa, 20 Jun 2023



11:00 pagi



<https://meeting.boardroomlimited.my>
(platform mesyuarat maya)

MENCORAKKAN KEMAJUAN SECARA **BERTANGGUNGJAWAB**

Matlamat FGV untuk menjadi syarikat perniagaan tani global tatkala mencipta nilai secara bertanggungjawab dan lestari kini semakin hampir terlaksana. Asas kejayaan kami menebar kehadiran di sembilan negara di seluruh dunia termakbul lantaran kehematan dan kebertanggungjawaban amalan perniagaan, justeru menescayakan kesejahteraan komuniti kami dari segi ekonomi, alam sekitar dan sosial, sambil kami melindungi keutamaan pemegang kepentingan FGV.

Tema Mencorakkan Kemajuan Secara Bertanggungjawab ini selaras dengan harapan kami untuk memperkukuh kelebihan rantai nilai bersepadu. Perniagaan kami telah berkembang melangkaui sektor teras perladangan untuk merebut peluang yang akan memacu hasrat perniagaan tani global kami.

MEMPERHEBAT CIPTAAN NILAI

PENCIPTAAN NILAI MEMBENTUK TERAS PERNIAGAAN

- 49 Ulasan Kewangan Kumpulan
- 55 Ulasan Perniagaan Kumpulan
- 73 Ulasan Kelestarian

PENERAPAN PIAWAIAN TERTINGGI TADBIR URUS

- 106 Sekilas Pandang - Lembaga Pengarah
- 108 Profil Lembaga Pengarah
- 116 Sekilas Pandang - Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan
- 119 Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan
- 126 Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat
- 161 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

PENYEBATAN KETELUSAN DALAM AMALAN PERNIAGAAN

- 171 Pergerakan Harga Saham
- 172 Kalendar Kewangan
- 173 Analisis Pegangan Saham
- 177 10 Hartanah Utama Kumpulan FGV
- 179 Pendedahan Tambahan:
 - Penggunaan Penerimaan
 - Yuran Bukan Audit
 - Kontrak Material
 - Pelan Insentif Jangka Panjang
 - Skim Terbitan Saham
 - Urus Niaga Pihak Berkaitan Bersifat Hasil atau Dagangan
- 188 Indeks Kandungan Inisiatif Pelaporan Global
- 192 Penerapan Prinsip dan Amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (MCCG 2021)



Lakaran ilustrasi pada kulit hadapan memaparkan kitaran lestari kehadiran kami pada pelbagai peringkat rantai nilai. Titik sentuhan terakhir diwakili oleh stor runcit yang merupakan wadah perantaraan antara kami dengan orang ramai untuk membekalkan keperluan harian mereka. Keyakinan, semangat dan azam kami diserlahkan menerusi rona warna yang hangat, kerana kami ingin pemegang kepentingan kami menikmati kegembiraan dan keselesaan serta menjiwai semangat yang positif.

BERPANDUKAN **AMALAN TERBAIK** **GLOBAL**

3 Asas Pelaporan

ASAS PELAPORAN

“

LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN KE-8 FGV BERFUNGSI SEBAGAI ALAT PENTING UNTUK MENGUMUMKAN PRESTASI KEWANGAN DAN BUKAN KEWANGAN TAHUNAN KAMI. LAPORAN INI BERPANDUKAN PRINSIP PELAPORAN BERSEPADU SEPERTI YANG DIJELASKAN OLEH MAJLIS PELAPORAN BERSEPADU ANTARABANGSA.

”

Menerusi usaha berterusan untuk memperbaiki pendedahan dan amalan pelaporan, kami berhasrat untuk meningkatkan pemahaman pelabur dan perniagaan tentang penciptaan, pemeliharaan dan perkongsian nilai oleh FGV Holdings Berhad (FGV) dengan pemegang kepentingan kami.

FGV mematuhi pelbagai garis panduan dan piawaian pelaporan termasuk Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) dalam penerbitan Laporan Bersepadu Tahunan ini. Kami terus memastikan usaha pelaporan kelestarian kami menepati Piawaian Inisiatif Pelaporan Global.

SKOP DAN BATASAN PELAPORAN

Laporan ini merangkumi aktiviti penciptaan nilai kami dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022. Kecuali dinyatakan sebaliknya, aktiviti ini termasuk semua perniagaan FGV di Malaysia dan di negara lain yang melibatkan operasi bawah kawalan penuh, subsidiari dan usaha sama. Kami juga melaporkan pelbagai perkembangan yang mungkin melangkaui batasan pelaporan tetapi dianggap material terhadap prestasi Kumpulan.

Laporan ini disusun untuk menyediakan maklumat dalam format perbandingan bagi memudahkan semakan oleh pembaca. Kami juga menyertakan pendedahan kelestarian dalam keseluruhan laporan ini, menunjukkan komitmen kami terhadap kelestarian dan kepentingannya dalam proses penciptaan nilai.

SET PELAPORAN 2022



Laporan Bersepadu Tahunan 2022



Penyata Kewangan Diaudit 2022



Untuk pemahaman lanjut, Laporan ini hendaklah dibaca berserta laporan lain dalam Set Pelaporan kami di atas dan juga maklumat lain yang terdapat di laman web kami.



www.fgvholdings.com

Kami menyokong Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG) dengan menyelaraskan pendekatan dan inisiatif kelestarian dengan 14 matlamat tersebut sedaya upaya kami. Kami berusaha untuk melestarikan masa hadapan untuk semua, selaras dengan matlamat UN SDG agar tiada sesiapa ketinggalan.

UN SDGs



Menamatkan kelaparan, menjamin bekalan makanan dan penambahbaikan nutrisi, serta menggalakkan pertanian lestari



Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua dalam segenap lapisan umur



Memastikan rangkuman serta kesaksamaan pendidikan berkualiti dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua



Mencapai kesaksamaan jantina dan memperkasakan semua wanita



Memastikan akses kepada tenaga mampu milik, andal, lestari dan moden untuk semua



Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang terjamin, inklusif dan lestari, pekerjaan penuh dan produktif, serta pekerjaan sesuai untuk semua



Mengurangkan ketidaksamaan dalam dan antara negara



Menjadikan bandar serta penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan lestari



Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang lestari



Mengambil tindakan segera untuk memerangi perubahan iklim dan kesannya



Memulihara serta menggunakan lautan, laut dan sumber marin secara mampan demi pembangunan lestari



Melindungi, memulihara dan menggalakkan penggunaan lestari ekosistem darat, menguruskan hutan secara lestari, memberantas penggurunan, menghentikan dan membalikkan degradasi tanah, serta menghentikan kehilangan biodiversiti



Menggalakkan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan lestari, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua serta membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif pada setiap peringkat




Memperkuh kaedah pelaksanaan dan menggiatkan semula kerjasama global dalam pembangunan lestari

Asas Pelaporan

PENENTUAN PERKARA MATERIAL KAMI

Laporan ini telah disediakan berdasarkan perkara material yang dikenal pasti pada 2021 dan disahkan semula pada 2022 untuk memastikan pelaporan ini menyampaikan maklumat yang saksama, tepat dan komprehensif tentang strategi, prestasi dan prospek FGV. Perkara material ini dipetakan berdasarkan tiga tonggak kelestarian kami untuk memberikan pandangan yang lebih inklusif dan termaklum kepada pemegang kepentingan.

 Maklumat lanjut tentang Perkara Material boleh didapati pada halaman xx hingga xx.

PELAPORAN INTEGRITI

Untuk melindungi integriti Laporan ini, kami memastikan keandalan, ketekalan dan kesempurnaan maklumat yang diberikan. Proses semakan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Pelaporan memastikan pematuhan terhadap Rangka Kerja Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa dan merupakan gambaran yang saksama tentang prestasi dan operasi FGV.

Laporan ini juga telah disemak oleh Jawatankuasa Audit dan diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan akhir berserta Penyata Kewangan Diaudit sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus kami yang mantap.


Semakan Laporan ini disokong pula oleh juruaudit luaran yang memberikan jaminan atas Penyata Kewangan Diaudit kami. Juruaudit luaran juga menyediakan semakan jaminan terhadap Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman kami.

KENYATAAN PANDANG KE HADAPAN

Kenyataan pandang ke hadapan digunakan dalam keseluruhan Laporan ini untuk menerangkan rancangan, objektif, strategi serta operasi dan prestasi masa hadapan FGV. Kenyataan sedemikian tidak boleh dianggap sebagai jaminan prestasi masa hadapan Kumpulan kerana hasilnya tertakluk pada risiko, ketidakpastian dan andaian. Keputusan dan natijah sebenar mungkin berbeza daripada maklumat dalam kenyataan pandang ke hadapan. FGV tidak membuat sebarang gambaran atau jaminan, sama ada tersurat atau tersirat, bahawa kenyataan pandang ke hadapan akan direalisasikan.

PELUANG UNTUK MEMBERIKAN MAKLUM BALAS

Kami mengalu-alukan maklum balas pemegang kepentingan dan orang ramai tentang pelaporan ini untuk terus membantu kami dalam penambahbaikan amalan dan piawaian pelaporan. Sila hubungi pasukan Perhubungan Pelabur kami menerusi telefon atau e-mel seperti butiran hubungan berikut:

 03-2789 0000

 fgv.investors@fgvholdings.com

PANDUAN PEMBACAAN LAPORAN INI

Semua paparan ikon di bawah ialah Ikon Navigasi yang akan dilihat secara konsisten dalam Laporan kami sebagai panduan ke arah peningkatan penyepaduan dan pembentangan maklumat.



KAMI MENGEKALKAN **KEMAPANAN PERNIAGAAN**

- 6 Perihal Kami
- 8 Sorotan 2022
- 10 Sorotan Kewangan Lima Tahun
- 11 Sorotan Kelestarian
- 12 Pendekatan Kelestarian Kami
- 14 Kehadiran Global
- 16 Butiran Korporat
- 17 Perniagaan Utama FGV
- 18 Struktur Organisasi

PERIHAL KAMI

“

FGV merupakan syarikat perniagaan tani yang berpangkalan di Malaysia dan merupakan salah satu pengeluar Minyak Sawit Mentah (MSM) yang terbesar di dunia, menyumbang 4% kepada pengeluaran MSM global dan 15% kepada pengeluaran MSM Malaysia. Sejak penyenaiaannya di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 2012, FGV sentiasa komited untuk mencapai matlamat strategiknya serta memanfaatkan sinergi dalam penciptaan nilai pemegang kepentingannya.

”

VISI KAMI



Membekalkan Makanan Lestari dan Produk Tani kepada Dunia

TENAGA KERJA KAMI



51,919

MISI KAMI



Membangunkan dan menghasilkan produk berkualiti tinggi secara lestari yang baik untuk pengguna dan alam sekitar

Menyediakan persekitaran dan budaya kerja yang sihat dan inovatif dalam kumpulan sambil menggalakkan pembekal kami untuk meneladani usaha ini

Mewujudkan ekosistem rantaian nilai bersepadu perniagaan

Menjulung tadbir urus dan pematuhan

Membudayakan kepelbagaian produk dan geografi

NILAI ORGANISASI KAMI

P

KERJASAMA (Partnership)

Penyelesaian dan idea terbaik hasil daripada kerjasama dengan pihak dalaman dan luaran.

R

HORMAT (Respect)

Kejayaan dan pencapaian yang berterusan hanya dapat diperoleh dengan menghormati setiap individu serta persekitaran, yang merupakan sumber utama perniagaan kami.

I

INTEGRITI (Integrity)

Bertanggungjawab dan kebertanggungjawaban atas tindakan dan tingkah laku masing-masing. Setiap kakitangan bertanggungjawab terhadap kejayaan dan reputasi perniagaan Kumpulan.

D

DINAMISME (Dynamism)

Berusaha untuk meneroka, mencipta idea dan mengenal pasti potensi pertumbuhan daripada peluang baharu dan menjangkau batasan tradisional untuk memanfaatkan pemegang kepentingan kami.

E

SEMANGAT (Enthusiasm)

Tulus berikhtiar, komited terhadap pertumbuhan dan masa hadapan perniagaan tani kami serta pada masa yang sama, menyokong pembangunan lestari di seluruh dunia.

JENAMA PRODUK PENGGUNA



Perihal Kami

PERNIAGAAN KAMI



PERLADANGAN

Sektor Perladangan membentuk teras Kumpulan dan menitikberatkan semua aspek rantai bekalan, termasuk Hulu, Hiliran, Penyelidikan & Pembangunan, Pemasaran & Perdagangan, serta Tenaga Boleh Baharu.

Jumlah Bank Tanah
(termasuk Malaysia dan Indonesia)

439,051 Ha

Pengeluaran MSM

2.90 juta MT

Kawasan Bertanam

BTS Diproses

Kelapa sawit

334,075 Ha

Getah

7,204 Ha

Tanaman lain

3,435 Ha

14.25 juta MT

Ladang FGV

28% (3.99 juta MT)

Pihak Ketiga

27% (3.85 juta MT)

Kawasan Tanpa Tanaman

94,337 Ha

Peneroka FELDA

45% (6.41 juta MT)

67 Kilang

100% diperakui MSPO & **45%** diperakui RSPO

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN

>12,000 Ha

ladang kelapa sawit untuk tujuan Penyelidikan & Pembangunan

69 penyelidik berkelayakan tinggi

15 ahli agronomi

Pengeluar Yangambi ML161, bahan tanaman teriktiraf dengan

>40% penguasaan pasaran benih domestik

Pengeluar baja terulung Malaysia dengan

>700,000 MT kapasiti pengeluaran tahunan



GULA

Sektor Gula beroperasi menerusi subsidiari milik 51% kami, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM). MSM ialah pengeluar gula bertapis yang terulung di Malaysia dan salah satu penapis gula selengkapnya yang terbesar di Asia. MSM mengeluarkan, memasarkan dan menjual produk gula bertapis seperti gula halus, gula sukralosa dan campuran stevia, untuk mempromosikan pilihan yang lebih sihat kepada pengguna kami.

Kapasiti Penapisan Gula

2.05 million MT



GULA PRAI

>60% penguasaan pasaran gula bertapis domestik



LOGISTIK & LAIN-LAIN

Cabang Logistik kami mengukuhkan teras entiti perniagaan FGV dengan pangkalan pukal cecair terbesar di negara ini serta armada pengangkutan terkhusus untuk memacu pertumbuhan Logistik menerusi inovasi dan teknologi. Perniagaan sokongan lain dalam Sektor ini termasuk Teknologi Maklumat dan Hospitaliti.

Jumlah Kapasiti Penyimpanan
(termasuk Malaysia dan Pakistan)

1.07 juta MT

Armada Pengangkutan

>600 unit

Cecair

948,990 MT

Kargo Kering

123,000 MT



PRODUK PENGGUNA & PERTANIAN BERSEPADU

Produk Pengguna & Pertanian Bersepadu memanfaatkan sinergi dalam FGV untuk mempelbagaikan produk asas kepada produk pertanian bentuk lain, bagi meningkatkan hasil tambahan Kumpulan.



#1 jenama minyak masak bertapis di Malaysia dengan penguasaan pasaran

45.7%



#1 jenama marjerin di Malaysia dengan penguasaan pasaran

43.9%



Maklumat lanjut tentang Prestasi Perniagaan setiap Sektor boleh didapati pada halaman 55 hingga 72.

SOROTAN 2022



MODAL SEMULA JADI



Menyiapkan **10,858 Ha** kerja penebangan dan **3,232 Ha** kerja penanaman.

Aplikasi **240,448 MT** baja, bersamaan dengan **75%** liputan kawasan.



MODAL INTELEK



Mengemas kini **aplikasi mudah alih e-Dompet FGV** dengan ciri kiriman wang yang membolehkan pekerja asing kami mengirim wang kepada keluarga di negara asal mereka.

Melancarkan **aplikasi mudah alih e-Produktiviti FGV** untuk pekerja ladang kami menguruskan hal pentadbiran mereka dengan berkesan dan berinteraksi dengan pekerja di tapak.

Memperkenalkan **Automasi Proses Robotik pintar** kepada Pusat Perkhidmatan Bersama untuk mengautomasikan dan mengurangkan tugas yang memakan masa.



Dianugerahkan **Projek Jendela (Fasa 1)** untuk 91 tapak di seluruh Malaysia.

Melaksanakan **Analitis Perintah Audit** yang membolehkan pengekstrakan data, pengurusan risiko serta pengesanan dan pencegahan penipuan.



MODAL SOSIAL & PERHUBUNGAN



Mewujudkan **Rangka Kerja Kelestarian** untuk menguruskan risiko dan peluang Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus.

Bekerjasama dengan **Yayasan Didik Negara**, untuk mendidik 120 pelajar sekolah rendah tentang pemuliharaan hidupan liar.



Melabur sekitar **RM17.18 juta** dalam pelbagai inisiatif yang memberikan impak bawah Tanggungjawab Sosial Korporat.



Bekerjasama dengan **Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia** dan **Pertubuhan Buruh Antarabangsa Malaysia** untuk meningkatkan kesedaran tentang buruh kanak-kanak dan buruh paksa.

Melancarkan **Program Perundingan Pekebun Kecil Bebas** untuk berinteraksi dengan pekebun kecil selaras dengan komitmen penyumbangan bertanggungjawab FGV.

Bekerjasama dengan **Project Liber8** untuk mengadakan beberapa bengkel dengan 117 pelajar dan guru untuk meningkatkan kesedaran tentang pemerdagangan kanak-kanak.





MODAL KEWANGAN

Bekerjasama dengan **Bank Simpanan Nasional** melancarkan kemudahan pembiayaan patuh **Syariah** untuk Umrah, Haji dan lawatan berpakej.



MODAL INSAN

Mengadakan **230,626 jam** latihan merentas semua peringkat untuk meningkatkan kemahiran pekerja.



Memperoleh lebih **10,000 pekerja ladang** yang mengurangkan kekurangan buruh kepada 13%.



Mencatat **81%** dalam **Kaji Selidik Penglibatan Pekerja FGV**, meletakkan kami dalam kuartil teratas norma Malaysia.



MODAL PEMBUATAN

Meningkatkan **penguasaan pasaran minyak masak Saji** dan **marjerin Seri Pelangi** masing-masing kepada **45.7%** dan **43.9%**.



Melancarkan sembilan Unit Penyimpanan Stok (SKU):

- **Lima SKU bawah segmen Minyak & Lemak**
 - Minyak Masak Saji 3 Kg, Beras Basmathi & Aroma Saji, Minyak Bunga Matahari Adela dan Marjerin Adela.
- **Empat SKU bawah segmen Pertanian Bersepadu**
 - Beras Wangi Malaysia Horeca (bawah Ladang'57), Makanan Ayam Kampung, Makanan Kucing dan Pasir Kumbahan Kucing (bawah ALMA).

Membekalkan olein dan produk berasaskan sawit lain ke **Kemboja** dan **Vietnam**, dan lelemak berasaskan sawit ke **pasaran Amerika Utara**.



Mentauliahkan **gudang baharu berkapasiti 15,000 MT** di Pasir Gudang.

Memperoleh **kontrak pengangkutan selama tiga tahun** dengan **Tabung Haji** mengendalikan bagasi jemaah haji.



Memperluas kapasiti pemprosesan susu segar di Linggi kepada **30,000 liter sehari**.




Menandatangani **Perjanjian Usaha Sama bersyarat** dengan Baladna Q.P.S.C. dan Touch Group Holdings Sdn Bhd untuk menyokong Agenda Keselamatan Makanan Negara.

SOROTAN KEWANGAN LIMA TAHUN

	2022	2021	2020	2019	2018
Keputusan Operasi (RM Juta)					
Hasil	25,562	19,566	14,076	13,259	13,464
Keuntungan/(kerugian) operasi	1,907	1,779	445	(194)	(815)
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai dan zakat	1,955	1,714	346	(339)	(1,025)
Keuntungan/(kerugian) yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat	1,329	1,168	146	(246)	(1,081)
Data Penyata Imbangan (RM Juta)					
Hartanah, loji dan peralatan	7,728	7,674	7,810	8,190	8,501
Jumlah aset	18,111	17,956	17,180	17,702	18,992
Jumlah pinjaman	3,059	3,998	4,293	4,907	5,403
Jumlah liabiliti	10,226	10,770	11,079	11,601	12,388
Ekuiti pemegang saham	6,232	5,421	4,262	4,173	4,465
Maklumat Saham					
Pendapatan sesaham (sen)	36.4	32.0	4.0	(6.7)	(29.6)
Dividen sesaham (sen)	15.0	8.0	3.0	2.0	Tiada
Aset bersih sesaham	1.71	1.49	1.17	1.14	1.22
Harga saham pada 31 Disember (RM)	1.32	1.48	1.28	1.52	0.71

Catatan: Sorotan kewangan tahun-tahun sebelumnya dikira berdasarkan jumlah dinyatakan semula terkini mengikut perubahan dalam dasar perakaunan dan penggunaan MFRS baharu.



SOROTAN KELESTARIAN

Menandatangani 16 Perjanjian Kolektif

dengan kesatuan pekerja kami bagi tempoh 2022 hingga 2024.



Membuktikan komitmen kami terhadap kesaksamaan jantina, sebagai **syarikat perladangan pertama** di Malaysia yang menjadi penandatangan **Prinsip Pemerkasaan Wanita (WEP)**, yang diasaskan oleh Perjanjian Global Bangsa-Bangsa Bersatu dan Wanita Bangsa-Bangsa Bersatu.



Mengekalkan **100% Kebolehhesanan ke Kilang** dan mencapai **99% Kebolehhesanan ke Ladang**.



Menerima **Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) 2022** di bawah kategori Tenaga Boleh Baharu pada Grid Nasional bagi Loji Kuasa Biogas Triang.

Menganjurkan **Fun Run** untuk pihak pengurusan, syarikat pengurusan ladang dan pekerja asing kami sempena sambutan **Hari Migran Antarabangsa**.



Menyemak dan memperkukuh **Garis Panduan dan Prosedur Pengambilan Pekerja Secara Bertanggungjawab dan Guna Tenaga Pekerja Migran** untuk menyelaraskan amalan kami dengan piawaian antarabangsa, dan memastikan penerapan dasar **Tiada Yuran Pengambilan Pekerja**.



Mendapat **Anugerah Kepimpinan Pasaran Pembangunan Minyak Sawit Mampan Malaysia 2022** daripada *Frost & Sullivan's Best Practices*.



Menerima **Anugerah Kecemerlangan Korporat dalam Sektor Komoditi untuk Rantaian Nilai Lestari 2022** daripada *International Business Review ASEAN*.

PENDEKATAN KELESTARIAN KAMI

RANGKA KERJA KELESTARIAN

Kelestarian membentuk teras semua pembuatan keputusan dan pengurusan perniagaan kami, sewaktu kami berusaha untuk mencapai operasi perniagaan impak sifar. Kami berpandukan Rangka Kerja Kelestarian yang baik, membolehkan kami menyepadukan amalan lestari dalam pengurusan dan operasi perniagaan sambil memastikan penciptaan nilai berterusan untuk pemegang kepentingan kami dengan impak sosial dan alam sekitar yang minimum. Kami komited untuk menegakkan hak asasi manusia dalam operasi dan rantai bekalan kami, dan akan terus meningkatkan amalan buruh kami dalam usaha untuk membatalkan Perintah Pelepasan Penahanan (WRO) yang dikeluarkan oleh agensi *Customs and Border Protection* (CBP), Amerika Syarikat.

Rangka Kerja Kelestarian kami merangkumi aspek utama Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

PENDEKATAN ASPEK ESG KAMI BERPANDUKAN RANGKA KERJA KELESTARIAN



Perkembangan Ekonomi

Keuntungan dan pertumbuhan ekonomi sebagai keluaran utama pendekatan kelestarian secara holistik.



Tadbir Urus

Penyepaduan objektif dengan sasaran kelestarian dalam strategi perniagaan teras, model dan struktur tadbir urus.



Sosial

Penyepaduan pendekatan bertanggungjawab terhadap isu sosial dengan hak asasi manusia.



Alam Sekitar

Penyepaduan perlindungan alam sekitar dengan kelestarian pengeluaran makanan untuk menjadi perniagaan impak sifar alam sekitar.



Inovasi & Transformasi

Menghubungkan inovasi dengan transformasi untuk menggalakkan inovasi dan kemajuan disruptif berasaskan kelestarian.

Transformasi

Tadbir Urus

FGV

Alam Sekitar

Sosial

Inovasi

DAN MENYEDIAKAN PEMANGKIN UNTUK

Keutamaan kami adalah untuk memanfaatkan sepenuhnya pendekatan kelestarian holistik yang merangkumi semua program dan sasaran kelestarian untuk memberikan impak yang positif terhadap ekonomi, alam sekitar dan sosial. Pendekatan ini terbahagi kepada tiga fasa - Fikir Semula, Guna Semula dan Reka Semula, dan dilaksanakan pada 2022 hingga 2024:

MEMULAKAN LANGKAH 2022 – FIKIR SEMULA

- Semakan dasar dan piawaian
- Menangani tentangan dan ketiadaan penyepaduan
- Kajian kebolehlaksanaan dan penilaian semula strategi perniagaan sedia ada dan baharu
- Peningkatan program kelestarian sedia ada
- Memperkukuh tadbir urus untuk pendekatan holistik
- Menggalakkan pengurusan inovasi berkaitan kelestarian



Pendekatan Kelestarian Kami

TADBIR URUS KELESTARIAN

Lembaga Pengarah mengawasi urusan berkaitan kelestarian dan menetapkan hala tuju kelestarian Kumpulan. Disokong oleh Jawatankuasa Kelestarian Lembaga, yang menerima laporan daripada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan, Lembaga Pengarah memastikan penyusunan strategik dan pelaksanaan Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP), dan bertanggungjawab untuk meluluskan pendedahan kelestarian Kumpulan.



Maklumat lanjut tentang Tadbir Urus Kelestarian FGV boleh didapati dalam Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat pada halaman 126 hingga 160.

STRATEGI KELESTARIAN KAMI

MENYEMPURNAKAN PROSES 2024 – REKA SEMULA

- Reka bentuk semula proses dan produk untuk melengkapkan kitaran
- Pematuhan penuh dan berterusan terhadap peraturan dan piawaian kelestarian pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- Interaksi berterusan dan penilaian material
- Penambahbaikan berterusan dasar dan piawaian dalaman
- Penjenamaan FGV sebagai perniagaan berasaskan kelestarian

MEMESATKAN USAHA 2023 - GUNA SEMULA

- Penerapan dan penyepaduan pendekatan kelestarian holistik pada peringkat operasi
- Pengurusan impak negatif dalam keseluruhan operasi
- Membina budaya yang menyepadukan prinsip kelestarian untuk meningkatkan keuntungan dan punca pendapatan
- Komitmen terhadap operasi perniagaan impak sifar menerusi kitaran (gelung tertutup)
- Pelaburan dan penyumberan beretika penuh

YANG DISOKONG OLEH DASAR KELESTARIAN KAMI

GSP, yang pertama kali diperkenalkan pada 2016, merupakan komitmen kami untuk mengimbangi hasrat ekonomi dengan pertimbangan alam sekitar dan sosial yang positif, tanpa menjejaskan tadbir urus atau etika kami. GSP disemak dan dikemas kini secara berkala untuk membolehkan penyelarasan dengan landskap ESG terkini dan kehendak pemegang kepentingan, serta indeks ESG. Pada 2020, kami memperkenalkan GSP 4.0 yang dipertingkatkan sebagai dasar yang dikemas kini untuk menekankan komitmen berterusan Syarikat terhadap kelestarian.

Terdiri daripada tiga tonggak, Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi, Menghormati Hak Asasi Manusia dan Melindungi Alam Sekitar, GSP berfungsi sebagai rangka kerja menyeluruh dalam agenda kelestarian FGV. GSP bersesuaian dengan semua portfolio dan entiti kami, termasuk subsidiari yang tersenarai dan tidak tersenarai di seluruh dunia bawah kawalan pengurusan FGV, melibatkan juga kontraktor, perunding, pembekal dan semua pihak ketiga lain yang bekerja untuk mereka.

DASAR KELESTARIAN KUMPULAN



Mempromosikan Pertumbuhan Ekonomi

- Meningkatkan punca pendapatan
- Keberuntungan dan penggunaan sumber yang cekap
- Kewajipan rakan kongsi rantaian nilai



Menghormati Hak Asasi Manusia

- Kesaksamaan dan tiada diskriminasi
- Menegakkan piawaian buruh
- Menghormati hak orang asli dan masyarakat tempatan
- Kesihatan dan keselamatan
- Mencegah kekerasan dan penderaan



Memelihara Alam Sekitar

- Penggunaan sumber asli dengan cekap
- Menguruskannya impak alam sekitar
- Tiada penebangan hutan dan penanaman di tanah gambut
- Melindungi kawasan dengan nilai biodiversiti dan pemuliharaan yang tinggi
- Menghadkan penggunaan bahan kimia dan agrokimia yang berbahaya
- Tiada pembakaran terbuka/penggunaan api
- Pengurusan air dan sisa
- Menangani perubahan iklim

KEHADIRAN GLOBAL

FGV BEROPERASI DI 9 NEGARA MERENTAS

Amerika Utara



AMERIKA SYARIKAT

- 1 Kilang oleokimia

Eropah



PERANCIS

- 1 Pejabat perdagangan*

SEpanyol

- 1 Pejabat perdagangan*

TURKI

- 1 Kilang penapisan minyak sayuran*

Aset FGV

● Perladangan

- 219 Ladang
- 67 Kilang sawit
- 8 Kilang penapisan minyak sayuran (termasuk 3 Usaha Sama)*
- 6 Kemudahan pemprosesan getah
- 4 Kilang pemecahan isirung sawit
- 3 Pusat R&D
- 3 Pusat pengeluaran benih
- 3 Kilang pembuatan baja
- 3 Pejabat perdagangan*
- 2 Kilang oleokimia (termasuk 1 Usaha Sama)*
- 1 Kilang biodiesel
- 1 Kemudahan pemprosesan getah mesra alam

▲ Gula

- 2 Kilang penapisan gula
- 1 Gudang gula bertapis

◆ Logistik & Lain-lain

- 12 Terminal simpanan pukal (termasuk 1 Usaha Sama)*
- 10 Hab dan laluan pengangkutan
- 8 Gudang (termasuk 1 Usaha Sama)*
- 4 Depoh pengangkutan
- 2 Operasi jeti
- 1 Hotel

■ Pertanian Bersepadu

- 2 Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan
- 1 Lembah makanan pertanian
- 1 Penanaman padi
- 1 Kilang makanan haiwan
- 1 Kemudahan pemprosesan susu segar
- 1 Ladang tenusu lembu bersepadu

* Usaha Sama




Maklumat lanjut tentang aset yang dimiliki oleh FGV boleh didapati di laman web kami, www.fgvholdings.com.



AMERIKA UTARA, EROPAH DAN ASIA

Asia



INDONESIA

- 5 Ladang

THAILAND

- 1 Kemudahan pemrosesan getah

KEMBOJA

- 1 Kemudahan pemrosesan getah

PAKISTAN

- 1 Kilang penapisan minyak sayuran
- 1 Pejabat perdagangan*
- ◆ 2 Terminal simpanan pukal (termasuk 1 Usaha Sama)*
- ◆ 1 Gudang
- ◆ 1 Operasi jeti

MALAYSIA

- 214 Ladang
- 67 Kilang sawit
- 6 Kilang penapisan minyak sayuran (termasuk 2 Usaha Sama)*
- 4 Kemudahan pemrosesan getah
- 4 Kilang pemecahan isirung sawit
- 3 Pusat R&D
- 3 Pusat pengeluaran benih
- 3 Kilang pembuatan baja
- 1 Kilang biodiesel
- 1 Kilang oleokimia*
- 1 Kemudahan pemrosesan getah mesra alam
- ▲ 2 Kilang penapisan gula
- ▲ 1 Gudang gula bertapis
- ◆ 10 Terminal simpanan pukal
- ◆ 10 Hab dan laluan pengangkutan
- ◆ 7 Gudang
- ◆ 4 Depoh pengangkutan
- ◆ 1 Operasi jeti
- ◆ 1 Hotel
- 2 Pusat Pengumpulan, Pemrosesan dan Pembungkusan (CPCC)
- 1 Kemudahan pemrosesan susu segar
- 1 Lembah makanan pertanian
- 1 Kilang makanan haiwan
- 1 Penanaman padi
- 1 Ladang tenusu lembu bersepadu

Jumlah Tenaga Kerja FGV¹

51,919

(Lelaki)

86%



(Perempuan)

14%



Pekerja Tetap

16,812

(Lelaki)

84%



(Perempuan)

16%



Buruh Operasi

35,107

(Lelaki)

87%



(Perempuan)

13%



¹ Jumlah tenaga kerja FGV pada 31 Disember 2022 termasuk pekerja tetap dan buruh operasi

BUTIRAN KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Shahrol Anuwar Sarman

Pengerusi (Interim)
Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad

Pengaruh Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin

Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Amiruddin Abdul Satar

Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi

Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif

Azmin Che Yusoff

Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Yatimah Sarjiman

Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Kasmuri Sukardi

Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN**Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor****SETIAUSAHA SYARIKAT****Azni Ariffin**

LS0010610

Dilantik pada 13 Julai 2022

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 21, Wisma FGV

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel : +603 2789 0000

Faks : +603 2789 0001

Laman Web : www.fgvholdings.com

**PLATFORM BAGI PEMEGANG SAHAM/
PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK
MENYUARAKAN PENDAPAT****Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad**

(Pengaruh Kanan Bebas Bukan Eksekutif)

E-mel : sid@fgvholdings.com

**PERHUBUNGAN PELABUR DAN
PERTANYAAN****Nurul Syazatul Aiman Taifor**

Ketua Perhubungan Pelabur

Aras 20, Wisma FGV

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel : +603 2789 0000

E-mel : fgv.investors@fgvholdings.com

PENDAFTARAN SAHAM**Boardroom Share Registrars Sdn Bhd**

No Pendaftaran: 199601006647 (378993-D)

Tingkat 11, Menara Symphony

No 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim

Seksyen 13

46200 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel (Meja Bantuan) : +603 7890 4700

Faks : +603 7890 4670

Laman Web : www.boardroomlimited.com

E-mel : bsr.helpdesk@
boardroomlimited.com

JURUAUDIT**PricewaterhouseCoopers PLT**

(LLP0014401-LCA & AF 1146)

Akauntan Berkanun

Aras 10, Menara TH 1 Sentral

Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral

Peti Surat 10192

50706 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel : +603 2173 1188

Faks : +603 2173 1288

Laman Web : www.pwc.com/my

PENYENARAIAH PASARAN SAHAM

Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia
Securities Berhad

Tarikh Penyenaraian : 28 Jun 2012

Nama Stok : FGV

Kod Stok : 5222

Sektor Saham : Perladangan



@fgvholdings



@fgvholdings




FGV Holdings Berhad



FGV Holdings Berhad



PERNIAGAAN UTAMA FGV




■ Subsidiari ■ Usaha Sama

🔍 Maklumat lanjut boleh didapati dalam Penyata Kewangan Diaudit 2022.



Imbas kod QR untuk
mendapatkan Penyata
Kewangan Diaudit kami.

STRUKTUR ORGANISASI



BERKAT HALA TUJU **KEPIMPINAN YANG BERWIBAWA**

20 Perutusan Pengerusi

24 Sekalung Penghargaan Buat Bekas Pengerusi FGV

25 Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

PERUTUSAN Pengerusi



Dato' Shahrol Anuwar Sarman
Pengerusi (Interim)

“

Tahun kewangan ini sangat bererti buat kami kerana FGV telah merekodkan prestasi kewangan yang paling cemerlang sejak disenaraikan, dan terus mempromosikan perjalanan kelestariannya. FGV sentiasa mengukuhkan kedudukannya demi pertumbuhan lestari jangka panjang tatkala mencorakkan kemajuan secara bertanggungjawab ke peringkat seterusnya, melabur sumber dalam kakitangannya dan menyusun strategi secara tuntas untuk membekalkan produk pertanian yang lestari kepada dunia. Pencapaian pada tahun ini terhasil berkat ketekalan iktikad dan ikhtiar Pasukan Pengurusan dan kakitangan kami.

”

RENTAK PEMULIHAN PASCAPANDEMIK

Keadaan ekonomi, perniagaan dan masyarakat dunia kembali normal pada umumnya disebabkan oleh penarikan balik sekatan pada 2022, selepas dua tahun yang penuh dengan kekeliruan akibat pandemik yang melanda. Penormalan tahap penggunaan dengan sebegini cepat susulan penarikan balik sekatan itu menyebabkan pasaran tidak tersedia sehinggakan harga tenaga dan komoditi menjulang naik, malah mencecah paras tertinggi dalam tempoh sedekad pada separuh pertama 2022. Keadaan ini diburukkan lagi oleh konflik Rusia-Ukraine yang mencetuskan rantaian peristiwa sehingga mengakibatkan kenaikan seterusnya harga makanan dan baja serta mengganggu rantaian bekalan. Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) yang turut meningkat pada 2021, semakin melonjak pada 2022.

Kesan kenaikan harga seterusnya meningkatkan inflasi secara ketara, menyebabkan bank pusat di seluruh dunia mengetatkan dasar monetari lantas mengembalikan kadar faedah ke paras prapandemik di kebanyakan negara, termasuk Malaysia. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia, yang berkembang dengan stabil pada 2022 dijangka menyederhana pada masa hadapan apabila kadar faedah yang tinggi mula meredakan perbelanjaan dan permintaan¹.

PURATA HARGA MSM FGV MENCAPAI PARAS TERTINGGI SEJARAH RM4,832 SETIAP TAN METRIK PADA 2022.

SOROTAN KEWANGAN

Lantaran kenaikan harga minyak sawit secara mendadak, pengeluaran MSM Sektor Perladangan kami turut melonjak, justeru Kumpulan berupaya untuk menempa rekod hasil dan keuntungan pada 2022, yang terbaik sejak penyenaian FGV. Rekod ini disokong juga oleh pengukuhan hasil Sektor Logistik & Lain-lain tetapi sebahagiannya dibalas timbal oleh kerugian Sektor Gula disebabkan kenaikan kos input.

Berdasarkan keputusan yang terpuji ini, Lembaga Pengarah meluluskan dividen interim sebanyak 4 sen sesaham pada suku kedua 2022 dan mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 11 sen sesaham, membabitkan jumlah pembayaran dividen sebanyak RM547 juta bagi tahun tersebut.



JUMLAH DIVIDEN

15 sen sesaham

¹ Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kemas Kini Tinjauan Ekonomi Dunia Januari 2023



Perutusan Pengerusi

MEMBINA ASAS PERTUMBUHAN LESTARI

Pada tahun kewangan yang dikaji, Kumpulan menitikberatkan pembangunan strategi baharu sebagai sokongan terhadap aspirasinya untuk mencorakkan kemajuan secara bertanggungjawab demi mencipta nilai lestari jangka panjang pemegang saham. Maju ke hadapan, Pelan Perniagaan Kumpulan 2025 (BP25) mengandungi inisiatif khusus yang akan memperluas perniagaan kami menjangkau batasan tradisi operasi FGV iaitu Hulu dan Hiliran, dan juga Logistik dan Gula.

Secara amnya, Sektor Perladangan kekal komited untuk menambah baik amalan buruh dan pertanian, menerapkan inovasi dan memaksimumkan pengeluaran agar sebarang potensi halangan mampu diatasi. Meskipun kos input yang tinggi dalam Sektor Gula mendatangkan cabaran yang berterusan, kami berazam untuk menerapkan pendekatan proaktif dalam pengurusan risiko. Kami akan menerapkan amalan lindung nilai strategik untuk gula mentah, mata wang dan minyak mentah, sambil menggiatkan usaha dalam peningkatan pengeluaran dan pengukuhan keandalan. Dalam Sektor Logistik & Lain-lain, perniagaan kami akan berpeluang untuk mempersubur pertumbuhan apabila ekonomi semakin pulih.

Namun demikian, tidak kurang pentingnya tenaga kerja di sebalik penyampaian produk dan perkhidmatan kami ke pasaran. Dalam hal ini, anjakan minda diperlukan agar tenaga kerja FGV mendukung usaha pembelajaran sepanjang hayat serta amalan budaya keusahawanan agar potensi keupayaan Kumpulan dapat dipelopori. Pekerja harus faham bahawa pembelajaran berterusan bukan sahaja akan memanfaatkan Syarikat, tetapi juga akan memperkaya kehidupan profesional dan peribadi mereka. Oleh itu, kami sentiasa membuat pelaburan ketara dalam peningkatan kemahiran dan latihan merentas semua peringkat pekerja.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk memupuk budaya inovasi dan menerapkan nilai PRIDE dalam kalangan kakitangan, kami melancarkan edisi sulung Anugerah Inovasi Pengerusi, yang menerima sejumlah 34 penyertaan

daripada subsidiari FGV. Penyertaan ini dinilai berdasarkan pelbagai kriteria, termasuk produktiviti, Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) serta keselamatan, kebolehskalaan, pembentangan dan konsep. Selepas pertimbangan yang teliti, FGV Palm Industries Sdn Bhd memaparkan inovasi terbaik dengan Penyiring Minyak Tong Berputar (RODOS) dan Pensteril Automatik, yang berpotensi besar dapat meningkatkan operasi kami dan memacu pertumbuhan lestari. Sementara itu, FGV R&D Sdn Bhd memperkenalkan Baja Organik Diperkuat yang inovatif serta berpotensi untuk merevolusikan pendekatan kami terhadap pertanian lestari.

Idea dan inisiatif mereka menjadi bukti akan kreativiti dan kepintaran yang menyokong kejayaan FGV, dan kami ingin memesatkan momentum ini agar inovasi dan pertumbuhan selanjutnya dapat dipacu.

MENCORAKKAN KEMAJUAN SECARA BERTANGGUNGJAWAB

Kami di FGV kekal komited sepenuhnya untuk memajukan perniagaan secara bertanggungjawab, lestari dan beretika. Dalam hal inilah pertimbangan ESG menjadi tumpuan utama, sebagai alat dan rangka kerja untuk memacu kemajuan FGV dan industri minyak sawit secara lestari. Pada tahun yang dikaji, kami terus memantapkan agenda ESG terutamanya dalam konteks amalan buruh secara bertanggungjawab, dan telah mendapat sebilangan pengiktirafan domestik dan serantau atas amalan kelestarian kami.

Sebagai pengiktirafan atas usaha ESG kami, FGV menerima dua anugerah penting pada 2022, iaitu Anugerah Kepimpinan Pasaran Pembangunan Minyak Sawit Lestari Malaysia 2022 daripada *Frost & Sullivan's Best Practices Awards* dan Anugerah Rantaian Nilai Lestari bagi Kecemerlangan Korporat dalam Sektor Komoditi 2022 daripada *International Business Review ASEAN Awards*. Anugerah ini menguatkan azam kami untuk terus memperkukuh usaha ESG bersama-sama pemegang kepentingan kami.



Meraikan pemenang Anugerah Inovasi Pengerusi, sebagai inspirasi kami untuk berinovasi dan berkembang ke arah masa hadapan yang lebih cerah.

Perutusan Pengerusi



Alam Sekitar

Dari perspektif alam sekitar, FGV telah meneruskan usaha pemuliharaan menerusi pelancaran Garis Panduan Pengurusan Beruang Matahari bersama rakan alam sekitar kami; PERHILITAN, *Malaysian Nature Society* (MNS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia. FGV juga teruja untuk menerapkan pendekatan kitaran dalam kelestarian menerusi pengukuhan inisiatif sisa kepada kekayaan. Dalam hal ini, kami secara aktif meneroka kerjasama dengan pengeluar tempatan untuk menukar Tandan Sawit Kosong (EFB) kami kepada pelet EFB yang boleh berfungsi sebagai penyelesaian alternatif tenaga boleh baharu.

Penerokaan alternatif tenaga boleh baharu merupakan salah satu usaha kami untuk memerangi perubahan iklim, yang kini merupakan desakan isu paling utama di dunia. Kesan negatif pemanasan global akibat aktiviti manusia semakin bertambah dan memberikan impak kepada semua industri dan rantaian bekalan global. Perladangan, yang merupakan perniagaan teras kami, merupakan salah satu industri yang amat terjejas oleh impak perubahan iklim.

Memandangkan keperluan segera untuk memerangi perubahan iklim, kami komited kepada inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) serta aspirasi sifar bersih pada 2021 untuk mempercepat peralihan kami kepada ekonomi rendah karbon. Kami berhasrat untuk menubuhkan Pasukan Petugas Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim pada tahun kewangan yang akan datang, untuk mengenal pasti risiko dan peluang kami dari sudut iklim.



Sosial

Pada tahun ini, FGV mengkaji dan memperkukuh Garis Panduan dan Prosedur Pengambilan dan Guna Tenaga Pekerja Migran Secara Bertanggungjawab untuk menyelaraskan amalnya dengan piawaian antarabangsa, termasuk komitmen terhadap Tiada Yuran Pengambilan pekerja migrannya. Berikutan pelunasan yuran ini, pekerja asing kami tidak perlu membayar yuran pengambilan kepada pihak ketiga. Inisiatif yang patut dipuji ini bertujuan untuk melindungi dan menghormati hak pekerja asing, dan memastikan amalan pekerjaan yang saksama dan beretika. Kami juga terus mengeratkan kerjasama dengan pertubuhan bukan untung berkaitan dengan buruh seperti *Fair Labor Association* (FLA), *Project Liber8*, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Malaysia dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk meluaskan pengiktirafan dan pemahaman tentang isu buruh kanak-kanak dan buruh paksa dalam kalangan pekerja ladang.

Kumpulan juga berjaya memuktamadkan 16 Rundingan Kolektif dengan kesatuan sekerjanya, yang terdiri daripada kesatuan sekerja dalaman dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perusahaan Petroleum Dan Kimia Semenanjung Malaysia, meliputi tempoh 2022 hingga 2024. Rundingan ini, yang diadakan setiap tiga tahun, akan memastikan gaji dan manfaat pekerja kami setimpal dengan pasaran.

Untuk pekebun kecil, kami melancarkan Program Konsultasi Pekebun Kecil Bebas yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang peranan pekebun kecil dalam industri minyak sawit lestari dan untuk memahami cabaran dan hala tuju industri. Untuk mengimbal masyarakat, FGV melabur sekitar RM17.18 juta dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat untuk kumpulan kurang bernasib baik, dan dalam inisiatif pendidikan yang telah memanfaatkan pelajar di seluruh negara.

FGV MERUPAKAN SYARIKAT PERNIAGAAN PERTANIAN PERTAMA DI MALAYSIA YANG MENJADI PENANDATANGAN PRINSIP PEMERKASAAN WANITA (WEP), SUATU SET GARIS PANDUAN YANG DIBANGUNKAN OLEH GLOBAL COMPACT BANGSA-BANGSA BERSATU DAN UN WOMEN, SELARAS DENGAN AGENDA KESAKSAMAAN JANTINA DAN PEMERKASAAN WANITA.



Tadbir Urus

Di FGV, komitmen kami terhadap tadbir urus amat jitu, dan kami berusaha untuk memupuk budaya yang terselaraskan dengan nilai PRIDE kami. Dalam penerapan amalan terbaik tadbir urus korporat dan pemupukan budaya yang berpaksikannya, kami sentiasa mengikuti perkembangan dan amalan terkini dalam bidang tersebut. Rangka kerja kami menetapkan sempadan yang jelas dan mentakrifkan pelbagai jawatankuasa yang mengawal pelbagai aspek perniagaan. Sepanjang tahun tersebut, kami mengesahkan dan mengelilingkan Rangka Kerja Tadbir Urus FGV yang menegaskan jangkaan perlakuan perniagaan subsidiari kami agar terselaraskan dengan keinginan risiko Lembaga Pengarah, serta pematuhan subsidiari terhadap pertimbangan FGV dalam perkara tertentu.

Pada peringkat Lembaga Pengarah, kami membincangkan pelbagai isu termasuk strategi, risiko dan kelestarian. Isu ini termasuk pemantauan aturan tadbir urus FGV secara berterusan, dan pemastian perlakuan yang terbuka, jujur dan telus oleh semua warga kami. Kami akur akan kepentingan untuk mengekalkan keutuhan budaya yang terselaraskan dengan visi, strategi dan nilai kami tatkala FGV terus berkembang.

Kami menitikberatkan inisiatif Antisogokan dan Antirasuah memandangkan pendirian toleransi sifar kami terhadap sogokan dan rasuah. Pada 2022, kami memperkukuh program Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dengan memperluas liputan kepada 32 syarikat, berbanding dengan 28 pada 2021, dan menjalankan Audit Dalaman Antirasuah atas tapak tertentu FGV.

Selain itu, kami melibatkan kepakaran pihak ketiga untuk menilai prestasi audit tersebut. Kami mencatatkan markah 91% atas dokumentasi dan 85% atas pelaksanaan dalam pematuhan Kecukupan Prosedur Seksyen 17A Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan berjaya menjalani Audit Pengawasan ke-2 SIRIM Berhad. Kami juga mengambil langkah proaktif untuk mengukuhkan usaha integriti kami dengan melantik dua bekas pegawai SPRM untuk mengetuai inisiatif Pemberitahuan Maklumat dan Rungutan.

Hasil daripada keutuhan komitmen untuk menegakkan tadbir urus yang baik, kami menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan sebagai bukti amalan baik kami.



Perutusan Pengerusi

Anugerah Pendedahan Tadbir Urus Korporat ASEAN 2021 dan Anugerah Kelas Aset ASEAN 2021

berdasarkan Kad Skor Tadbir Urus Korporat Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti ASEAN



Kategori Pematuhan Terbaik terhadap Tadbir Urus Korporat 2021

dalam Anugerah Pelabur Institusi Tahunan ke-12 Alpha Southeast Asia



Pingat Gangsa Anugerah Integriti, Tadbir Urus & Antirasuah 2022

daripada Institut Integriti Malaysia



MEMBINA MASA HADAPAN YANG LESTARI

Berpandangan hadapan, kami agak optimis namun berwaspada akan prospek global, terutamanya atas jangkaan kemelesetan yang semakin hampir, kesan inflasi yang bertegaran dan ketidaktentuan geopolitik yang berterusan. KDNK global dijangka menyederhana kepada 2.7% pada 2023, manakala pertumbuhan KDNK Malaysia diramalkan 4% hingga 5%, menurut Kementerian Kewangan. Sektor minyak sawit bagaimanapun dijangka kekal berdaya tahan walaupun harga MSM dijangka merosot kepada sekitar RM4,000 setiap MT pada 2023.

Bagi Kumpulan, selain penambahbaikan produktiviti dan kecekapan yang berterusan dalam perniagaan Huluan, kami akan terus memanfaatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan kami untuk meningkatkan proses sedia ada serta mencipta aliran hasil dan penawaran produk baharu. Perniagaan Hiliran dan Gula kami akan mengutamakan inisiatif kecemerlangan operasi sambil menembusi pasaran dan saluran perniagaan baharu. Sementara itu, perniagaan Logistik kami akan terus mengembangkan kapasiti dan menerapkan teknologi dalam penyediaan perkhidmatan kepada pelanggan secara berkesan. Akhir sekali, kami akan meneroka segmen lain yang berpotensi besar untuk FGV berlandaskan keupayaan dan aset kami yang sedia ada.

Kami juga mempunyai sebilangan inisiatif ESG yang mantap, termasuk pembangunan pelan inventori dan pengurangan Gas Rumah Hijau (GHG), selaras dengan aspirasi sifar bersih kami, berserta program lain untuk mengurangkan impak terhadap alam sekitar. Dalam konteks sosial, kami akan menerapkan dasar secara rasmi untuk menghormati dan melindungi hak kanak-kanak serta kesaksamaan jantina dan pemeraksaan wanita. Kami juga akan berusaha untuk mengubah Perintah Sekatan Pelepasan (WRO) oleh *Customs and Border Protection* (CBP) Amerika Syarikat (AS). Penilai bebas kami telah menyelesaikan penilaian di tapak, dan kami sedang melaksanakan cadangan penilaian itu dan menjangkakan serahan laporan akhir kepada CBP AS tidak lama lagi.

Amalan tadbir urus yang berkesan adalah penting untuk kejayaan dan kelestarian FGV. Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Risiko merupakan salah satu langkah ke arah pencapaian matlamat ini, kerana jawatankuasa ini menyediakan pengawasan dan bantuan untuk mengenal pasti dan mengurus potensi risiko serta menggalakkan pengukuhan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Selain itu, dasar kami sentiasa dikaji untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan garis panduan semasa. Kami juga bersedia untuk menjalani audit pensijilan semula ISO 37001 SIRIM Berhad. Langkah ini menegaskan komitmen kami terhadap tadbir urus yang bertanggungjawab dan berkesan, yang akhirnya boleh memanfaatkan Syarikat dan pemegang kepentingannya.

Dari perspektif kelestarian keseluruhan, kami akan menyokong tanggungjawab bersama dalam penggalakan kelestarian. Kami percaya bahawa semua pemegang kepentingan perlu memainkan peranan masing-masing, terutamanya kerajaan, untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan kelestarian diserapkan dalam operasi perniagaan. Oleh itu, FGV akan terus berinteraksi dengan kerajaan untuk mengemukakan insentif dan dasar mesra ESG, sementara menjalin hubungan baharu dengan pihak berkaitan untuk menangani isu alam sekitar, sosial dan kelestarian lain.

PENGHARGAAN

Kejayaan yang ditempa sewaktu kami mencorakkan kemajuan secara bertanggungjawab berpunca daripada usaha pelbagai pihak, termasuk Lembaga Pengarah dahulu dan sekarang. Bagi pihak Warga FGV, saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada bekas Pengerusi kami, Dato' Dzulkifli Abd Wahab, yang menyerahkan tampuk pimpinan kepada saya pada 1 April 2023, selepas berkhidmat selama dua tahun dengan cemerlang di FGV. Kami mendoakan kejayaan usaha beliau seterusnya dan menghargai komitmen dan dedikasi beliau yang tidak berbelah bahagi terhadap pertumbuhan dan kejayaan FGV. Wawasan, strategi dan panduan daripada Dato' Dzulkifli memainkan peranan penting dalam pembentukan budaya korporat, pemupukan inovasi dan pemacu pertumbuhan lestari FGV. Kami semua di FGV berbesar hati kerana berpeluang untuk bekerjasama dengan Dato' Dzulkifli. Saya amat bersyukur kerana diamanahkan dengan tanggungjawab untuk meneruskan legasi beliau, dan akan menumpukan komitmen sepenuhnya untuk memimpin dan menetapkan hala tuju FGV.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengarah Bukan Eksekutif kami, Datuk Dr. Zunika Mohamed, yang berkhidmat dengan kami sehingga 11 Mac 2022. Saya juga mengalu-alukan kedatangan dua Pengarah Bukan Eksekutif baharu yang menyertai Lembaga Pengarah, Datuk Yatimah Sarjiman pada 8 April 2022, dan Encik Azmin Che Yusoff pada 13 September 2022. Lembaga Pengarah kini mempunyai seramai lapan orang Pengarah, tiga daripadanya wanita, sebagai bukti penerapan amalan terbaik yang digariskan menurut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Ahli Lembaga Pengarah kami membawa pelbagai kemahiran, keupayaan dan pengalaman yang mendalam untuk memastikan keutuhan kedudukan FGV pada masa hadapan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada rakan Ahli Lembaga atas sokongan, bimbingan dan pandangan mereka yang amat berharga. Terima kasih juga kepada Pasukan Pengurusan dan kakitangan FGV, atas dedikasi dan iltizam mereka yang tidak goyah demi mencapai visi kami, dan atas usaha mereka yang mencerminkan nilai PRIDE FGV. Kakitangan kamilah yang membolehkan pencapaian bersejarah FGV pada tahun ini dan saya yakin mereka akan terus melaksanakan tugas sebaik mungkin.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan penerokanya, dan pemegang kepentingan yang dihargai; Terima kasih atas kepercayaan, kesetiaan dan kepercayaan anda. Kami bermatlamat untuk meningkatkan kejayaan serta memanfaatkan peluang yang ada kini demi memastikan masa hadapan yang lebih gemilang untuk semua.

Dato' Shahrol Anuwar Sarman

Pengerusi (Interim)

SEKALUNG PENGHARGAAN BUAT BEKAS PENERUS FGV



Terima kasih

Dato' Dzulkifli Abd Wahab

Warga FGV mengucapkan selamat berpisah kepada Dato' Dzulkifli Abd Wahab, seorang pemimpin komited yang telah menabur jasa selama dua tahun di FGV sebagai Pengerusi. Sebagai seorang veteran industri perladangan yang disegani, kemahiran kepimpinannya yang cemerlang, berserta pengalamannya yang luas dalam industri perladangan, telah memainkan peranan penting untuk mencorakkan kemajuan organisasi secara bertanggungjawab, mencipta nilai untuk pemegang kepentingan, dan memperkukuh prestasi FGV.

Dato' Dzulkifli telah melakarkan hala tuju strategik sambil mengekalkan daya saing FGV sewaktu memimpin kami dalam landskap perniagaan yang silih berubah. Beliau juga telah memupuk budaya pembelajaran di FGV, menggalakkan kami untuk menerima idea dan teknologi baharu, dan sumbangannya yang berharga kepada organisasi akan kekal dalam ingatan kami.

Kami merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada beliau atas dedikasinya yang tidak berbelah bahagi dan atas komitmennya yang padu terhadap FGV dan industri perladangan. Kami mendoakan kejayaan usaha Dato' Dzulkifli seterusnya, dan pasti bahawa beliau akan terus memberikan impak positif di mana-mana jua.

Kami berbesar hati kerana berpeluang untuk bertugas bawah kepimpinan beliau sebagai Pengerusi. Dedikasi Dato' Dzulkifli telah meninggalkan impak yang akan berkekalan di FGV. Kami berterima kasih atas kewibawaan pimpinan beliau yang telah membangkitkan semangat kami untuk menjulang kecemerlangan.



ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN



Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

“

Walaupun tahun kewangan ini penuh dengan cabaran, namun FGV sekali lagi mampu menampilkan prestasi yang cemerlang, mencipta nilai bukan sahaja bagi perniagaan, malah bagi pekerja dan negara. Kami mencorakkan kemajuan secara bertanggungjawab dengan meningkatkan amalan buruh, mengukuhkan komitmen pemuliharaan alam sekitar dan menyangga Agenda Keselamatan Makanan Kebangsaan. Selain itu, kami juga memanfaatkan kekukuhan harga minyak sawit dan telah berupaya untuk merekodkan keputusan kewangan yang terbaik.

”

Walaupun persekitaran perniagaan Huluhan kami sememangnya positif, kami tetap terjejas oleh cabaran buruh yang mempengaruhi pengeluaran minyak sawit. Namun demikian, isu ini semakin lega menjelang akhir tahun berikutan usaha pengambilan pekerja yang agresif apabila aliran pekerja asing dibenarkan, justeru memperkukuh kedudukan kami untuk melangkah ke tahun hadapan.

Kedudukan ini disokong pula oleh kestabilan prestasi Perdagangan dan Logistik berserta usaha untuk meningkatkan daya tahan menerusi pengoptimuman operasi merentas keseluruhan rantai bekalan. Namun demikian, sektor Gula kami yang beroperasi dalam persekitaran kos input yang tinggi, nyata terjejas susulan kenaikan harga komoditi yang telah memberikan impak kepada prestasi kewangan kami.

Paling penting, kami telah mempermaju perjalanan penciptaan nilai secara bertanggungjawab, mengambil kira pertimbangan ESG dalam pelaksanaan segala usaha kami. Saya pasti bahawa kesemua 51,919 pekerja kami menggenggam nekad dan juga penuh bersemangat dalam pelaksanaan tugas untuk membekalkan produk pertanian yang lestari kepada dunia.

MENYAMPAIKAN NILAI

Secara keseluruhannya, Kumpulan merekodkan hasil dan keuntungan yang terbaik dengan pencapaian paras tertinggi sejak FGV menjadi syarikat tersenarai awam pada 2012. Hasil direkodkan RM25.56 bilion, meningkat 31% daripada RM19.57 bilion pada tahun sebelumnya, manakala Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) meningkat 14% kepada RM1.33 bilion daripada RM1.17 bilion yang dicatatkan pada 2021.

Kekukuhan prestasi kewangan Kumpulan sebahagian besarnya disumbangkan oleh kenaikan margin produk sawit berikutan peningkatan purata harga MSM dan Minyak Sawit Diproses (PPO) pada 2022. Hal ini juga disebabkan oleh peningkatan pemprosesan dan muatan Sektor Logistik & Lain-lain. Walau bagaimanapun, kerugian Sektor Gula menjejaskan hasil kami berikutan kenaikan kos pengeluaran yang dicatatkan pada tahun tersebut.



HASIL

RM25.56 bilion



PATAMI

RM1.33 bilion

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

MELAKSANAKAN STRATEGI SECARA BERTANGGUNGJAWAB

Pada tahun yang dikaji, Kumpulan menitikberatkan pelaksanaan empat teras strategiknya iaitu Penambahbaikan Operasi, Produk & Penembusan Pasaran, Bidang Pertumbuhan Baharu dan Pengukuhan Kewangan & Keupayaan. Usaha kami jelas telah membuahkan hasil yang seterusnya memberikan impak positif kepada keuntungan, meningkatkan kecekapan serta mengukuhkan potensi pertumbuhan FGV.



Penambahbaikan Operasi

Kemajuan terpapar jelas dalam usaha pengambilan pekerja kerana perniagaan Huluan berjaya menangani masalah kekurangan buruh yang dialami sejak wabak melanda pada 2020. Menjelang akhir 2022, kami berjaya membawa masuk lebih daripada 10,000 pekerja ladang, menurunkan kadar kekurangan buruh kami daripada 32% pada 2021 kepada 13% pada 2022. Pada tahun ini, pengeluaran BTS meningkat kepada 3.99 juta MT sementara hasil BTS meningkat kepada 14.57 MT setiap Ha disebabkan oleh peningkatan hasil pokok sawit dan juga pengukuhan produktiviti buruh berikutan tambahan bilangan pekerja pada penghujung 2022.

Operasi ladang dan kilang Huluan kami sedang dikaji, dan beberapa inisiatif, seperti Amalan Pertanian Baik (GAP) dan program mekanisasi, sedang dilaksanakan untuk menambah baik amalan ladang dan kilang. Kami sedar bahawa operasi ladang merupakan tonggak utama perniagaan yang mesti diurus dengan baik agar kekuatan yang tersedia dapat di manfaatkan. Perniagaan hiliran pula memacu penambahbaikan operasi untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan impak kenaikan kos pembungkusan menerusi strategi pengurusan inventori.

Sepanjang tahun, Sektor Gula kami tertumpu pada pemantapan keandalan kilang penapisannya untuk menambah produktiviti. Kerja pembetulan dandang juga sedang dijalankan dan dijangka siap tidak lama lagi di MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor). Kilang penapisan di MSM Prai Berhad juga telah memulakan kerja pemuliharaan untuk kelestarian jangka panjang.



Penembusan Produk & Pasaran

Bahagian Hiliran terus mengembangkan penguasaan pasaran produk utama FGV iaitu minyak masak Saji sebanyak 45.7% dan marjerin Seri Pelangi sebanyak 43.9% pada 2022, lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. Kami melancarkan lima Unit Penyimpanan Stok baharu pada tahun ini iaitu Minyak Masak 3 Kg Saji, Saji Beras Basmathi & Aroma, Minyak Bunga Matahari Adela dan Marjerin Adela untuk mengekalkan kebolehlihatan jenama kami dan memenuhi keperluan pengguna. Selain itu, kami berjaya meningkatkan penembusan pasaran Kemboja, Vietnam dan Amerika Utara dengan produk berasaskan olein dan sawit kami.

Sektor Gula kami juga mengembangkan saluran jualannya pada 2022, menjalin kerjasama untuk membekalkan gula kepada kedai serbaneka serta sektor Makanan & Minuman.



Bidang Pertumbuhan Baharu

Pada tahun yang dikaji, kami meneroka peluang perniagaan makanan selanjutnya. Sebagai contoh, kami memajukan perniagaan tenusu dengan memeterai Perjanjian Usaha Sama bersyarat untuk membangunkan perniagaan ladang tenusu bersepadu di Chuping, Perlis. Langkah ini merupakan pelengkap kepada kilang pemprosesan susu segar kami di Linggi yang sedia ada, yang baru-baru ini dinaik taraf untuk meningkatkan kapasiti pemrosesannya kepada 30,000 liter sehari.

FGV juga melancarkan makanan baharu berkualiti tinggi untuk ayam kampung, yang dihasilkan dengan kerjasama Padiberas Nasional Bhd (BERNAS), untuk mengurangkan pergantungan negara pada makanan ayam import dan menambah baik kitaran produk sampingan padi. Kami juga menerajui kerjasama dengan FELDA melalui Projek Pembangunan Peneroka dan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar untuk mewujudkan pengaturan ternakan kontrak untuk bekalan ayam kampung dalam pasaran.



Pelancaran Garis Panduan Pengurusan Beruang Matahari dengan rakan alam sekitar kami; PERHILITAN, MNS dan UKM.



Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



Pengukuhan Kewangan & Keupayaan

Pada tahun yang dikaji, kami meningkatkan keupayaan dalam konteks modal insan, digital dan kelestarian.



Modal Insan

Pada 2022, kami meningkatkan purata jam latihan setiap pekerja kepada 11 jam berbanding dengan tiga jam pada 2021 dan menjalankan program seperti Tunjuk Ajar Eksekutif C-Suites, Program Pembangunan Pengurusan Pertengahan dan Program Wanita dalam Kepimpinan. Program sedemikian melengkapkan pelan penggantian berterusan kami yang mengenal pasti bakat untuk pengurusan kanan dan jawatan kritikal pada masa hadapan.

Selain itu, program Wanita dalam Kepimpinan menyerlahkan komitmen FGV untuk meningkatkan kesaksamaan jantina dengan mempersiapkan bakal pemimpin wanita agar mereka berkemampuan untuk memimpin dengan berkesan dan yakin sambil menyediakan ruang selamat untuk mengadakan perbincangan terbuka.

Kumpulan juga mengutamakan penubuhan Cadangan Nilai Pekerja (EVP) dengan menjalankan penilaian kerja dan semakan tanda aras jumlah pampasan pada 2022. Dilaksanakan oleh perunding luar, langkah semakan ini memudahkan perumusan sistem imbuhan keseluruhan yang kompetitif sebagai komponen kritikal EVP yang mantap dan diperlukan untuk menarik dan mengekalkan modal insan utama.

Pada tahun yang dikaji, kami menjalankan Tinjauan Interaksi Pekerja (EES) untuk menentukan tahap kepuasan mereka. Dengan kadar respons 92%, kami mencapai skor kepuasan 81%, meletakkan kami di kuartil teratas apabila ditanda aras dengan norma Malaysia. Pencapaian ini mencerminkan penghargaan pekerja terhadap usaha Syarikat untuk menyokong dan berinteraksi dengan mereka. Tatkala FGV bergerak maju, kami akan terus mengutamakan kesejahteraan dan kepuasan kerja kakitangan kami, sementara mengekalkan komitmen kami terhadap persekitaran kerja yang positif.



Pendigitalan

Di keseluruhan FGV, kami memanfaatkan pendigitalan dan teknologi untuk mengembangkan produktiviti, meningkatkan automasi dan memudahkan tugas harian. Pada 2022, kami memperkenalkan beberapa inisiatif digital dalam Sektor Perladangan, termasuk Sistem Maklumat Geografi (GIS), sistem rintis pemantauan kilang berpusat, pelancaran aplikasi mudah alih e-Produktiviti, dan pengemaskinian aplikasi e-Dompet dengan ciri tambahan yang memanfaatkan lebih 25,000 pekerja ladang.

Pelaksanaan GIS merupakan langkah kemajuan penting dalam pendekatan dipacu data yang diterapkan dalam pengurusan ladang kami. Sementara itu, aplikasi e-Produktiviti telah memudahkan urusan pentadbiran manakala aplikasi e-Dompet membolehkan pekerja kami mengurus gaji mereka dan membuat kiriman wang dengan mudah.

Kami juga telah mengautomasikan proses perniagaan yang berulang dan memakan masa menerusi Automasi Proses Robotik pintar, yang banyak menjimatkan masa pengurus perhubungan pelanggan kami, dan dalam proses transaksi pembayaran. Selain itu, Kumpulan menggunakan Analitis Bahasa Perintah Audit dalam pengesanan dan pencegahan penipuan, dan pengurusan risiko dalam proses perniagaannya. Alat ini mengautomasikan pengekstrakan data kewangan untuk tujuan penyatuan dan pelaporan serta mengenal pasti penyelewengan dalam amaun fail data yang besar.



Keputusan suku tahunan FGV disampaikan kepada hadirin oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan.



Tindakan Iklim

Perubahan iklim menimbulkan salah satu ancaman kemanusiaan terbesar, dan sebagai salah satu pengeluar minyak sawit terbesar di Malaysia, FGV komited dalam peranannya untuk memerangi pemanasan global. Kami percaya bahawa kami mampu menyokong agenda tindakan iklim melalui pelaksanaan berterusan Rangka Kerja Kelestarian yang menegaskan komitmen kami terhadap alam sekitar. Di FGV, kami percaya bahawa jika kelestarian diutamakan, keuntungan serta pertumbuhan akan menyusul.

Bahagian penting dalam perjalanan kelestarian kami termasuk pembangunan dan pelaksanaan Pelan Tindakan Iklim Seluruh Kumpulan FGV yang terdiri daripada enam bidang tumpuan:



Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

MELANGKAH KE MASA HADAPAN BAHARU

Apabila kami merenung ke hadapan pada tahun 2023, saya berasa optimis secara berwaspada dengan prestasi FGV kerana kami telah membina momentum yang baik sejak dua tahun lalu dengan sebilangan inisiatif berterusan yang telah membuahkan hasil. Walaupun prospek ekonomi global kekal tidak menentu, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 4% hingga 5%, disokong oleh harga minyak sawit yang dijangka kekal dalam julat dagangan yang stabil.

PERKEMBANGAN YANG PALING PENTING BAGI FGV PADA MASA HADAPAN ADALAH UNTUK MEMPERKUKUH DAN MENINGKATKAN PERNIAGAAN TERAS PERLADANGAN DAN, PADA MASA YANG SAMA, MULA MENEMBUSI PERNIAGAAN HILIRAN DALAM PERNIAGAAN PENGGUNA TERTENTU.

Pelan ini menggariskan strategi yang menggabungkan kedua-dua inisiatif pertumbuhan organik dan bukan organik, bertujuan untuk melindungi perniagaan teras kami sambil merebut peluang baharu dalam semua perniagaan yang kami sertai. Strategi ini juga disokong oleh beberapa komitmen utama, termasuk pengubahan WRO yang dikeluarkan oleh CBP AS, tindakan untuk mendapatkan pensijilan RSPO bagi semua 67 kilang dan pangkalan bekalan FGV, dan aspirasi kami untuk mencapai pelepasan sifar bersih. Kami komited sepenuhnya kepada pencapaian matlamat untuk menjadi peneraju dalam penyelidikan dan pembangunan, meneruskan usaha penambahbaikan produk dan peningkatan teknologi kami, tat kala juga mempelopori kesaksamaan dan kepelbagaian jantina dalam industri perladangan.

Dalam prospek pelbagai sektor perniagaan, kakitangan kami akan berhadapan dengan cabaran, namun pasti akan teruja dalam tempoh pelaksanaan pelbagai strategi bawah BP25. Perniagaan Hulu kami akan tertumpu pada peningkatan hasil, pemodenan kilang, pengembalian tenaga kerja kepada kekuatan penuh dan seterusnya, pencepatan penanaman semula yang ketinggalan semasa pandemik.

Selain itu, untuk menyokong BP25, Bahagian Penyelidikan & Pembangunan (R&D) akan mengilhamkan penciptaan berinovasi untuk menjana aliran hasil baharu melalui produk pertanian, tanaman bernilai tinggi dan produk pengguna melangkaui minyak dan lemak.

Perniagaan Hiliran dan Gula akan meneruskan usaha pertumbuhan pasaran dan pengembangan produk pada peringkat domestik dan antarabangsa, sambil memacu penambahbaikan operasi. Sektor Gula kami khususnya, dijangka mengembangkan faktor penggunaan apabila MSM Johor meningkatkan pengeluaran

pada 2023. Perniagaan Logistik kami akan memanfaatkan peluang pertumbuhan baharu manakala kami akan sentiasa meneroka peluang pasaran makanan di Malaysia yang semakin berkembang.

Dari sudut agenda ESG, Bahagian Tenaga Boleh Baharu akan terus meneliti kaedah tambahan untuk menggiatkan usaha penyahkarbonan FGV seperti ekonomi kitaran dan inisiatif sisa kepada kekayaan. Kami juga akan berusaha untuk mengubah WRO yang dikeluarkan oleh CBP AS kerana kami sedang melaksanakan pelan pemulihan berdasarkan cadangan penilai bebas. Kami menjangkakan serahan laporan akhir kepada CBP AS tidak lama lagi. Selain itu, kami akan terus mendapatkan pensijilan RSPO untuk kilang kami yang belum diperakui tetapi telah melengkapkan semua persiapan perlu, dan kini bersedia untuk memulakan audit pensijilan.

PENGHARGAAN

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah atas kebijaksanaan, bimbingan dan sumbangan mereka sehingga FGV berjaya menampilkan prestasi yang terbaik pada tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dato' Dzulkifli Abd Wahab atas kepimpinannya yang cemerlang dan dedikasinya yang tidak berbelah bahagi sepanjang beliau menyandang jawatan Pengerusi FGV. Kepimpinannya yang berwibawa dan pengetahuan industrinya yang meluas telah menyokong kejayaan FGV.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada FELDA dan pemegang saham, pelanggan, pembekal, kerajaan negeri dan kementerian lain atas kesetiaan, kepercayaan dan sokongan mereka, sehingga kami berjaya untuk menggenggam kecemerlangan. Kepada semua peneroka, pembekal dan pekebun kecil bebas FELDA, terima kasih atas komitmen berterusan anda terhadap persepakatan yang telah lama terjalin. Kerjasama dan sokongan antara satu sama lain ini akan mendatangkan hasil untuk manfaat semua pemegang kepentingan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan kami yang berdedikasi dan Pasukan Pengurusan yang telah gigih berusaha untuk menjayakan sasaran FGV dan memacu kemajuan perniagaan. Semua ini tidak akan dapat dicapai tanpa dedikasi khidmat berterusan mereka. Terima Kasih! Berpandangan hadapan, kami akan mencorakkan kemajuan secara bertanggungjawab dan kami kekal komited untuk memastikan keupayaan pertanggungjawaban masa hadapan perniagaan menerusi penerapan segala aspek kelestarian untuk membina hari esok yang lebih gemilang.



Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



MENATIJAHKAN HASIL **DARIPADA STRATEGI**

- 30 Lanskap Operasi
- 32 Interaksi Pemegang Kepentingan
- 36 Perkara Material
- 38 Model Penciptaan Nilai Kami
- 40 Strategi Perniagaan
- 46 Hubung Kait Perkara Material dengan Risiko dan Strategi

LANDSKAP OPERASI

Persekitaran pasaran di tempat FGV beroperasi pada 2022 dicirikan oleh turun naik dan ketidaktentuan akibat pelbagai faktor, termasuk lonjakan harga komoditi, gangguan rantaian bekalan dan penormalan kadar faedah. Didorong oleh permintaan yang kukuh apabila wabak mula reda di dunia, harga tenaga dan makanan meningkat ke paras rekod tertinggi, diburukkan lagi oleh konflik Rusia-Ukraine dan impaknya terhadap sektor pertanian dan rantaian bekalan.

Pertumbuhan ekonomi global menurun kepada 3.2% pada 2022 daripada 6% pada 2021, manakala di Malaysia, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar mencecah 8.7% pada 2022 berbanding dengan 3.1% yang dicatatkan pada 2021¹. Namun begitu, tekanan inflasi dirasakan, walaupun kurang berbanding dengan negara maju dan membangun yang lain di seluruh dunia. Tekanan ini terutamanya disebabkan oleh dasar makroekonomi dan pengurusan sumber Malaysia yang kukuh, membolehkan Malaysia mengurus tekanan inflasi secara berkesan. Di sebaliknya pula, Bank Negara Malaysia menaikkan kadar faedahnya sehingga pari passu dengan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) untuk meminimumkan impak terhadap mata wang Malaysia, yang mengembalikan Kadar Dasar Semalaman ke paras awalnya.

Tekanan inflasi akibat kenaikan kos input bukan sahaja memberikan impak kepada pengguna tetapi juga menjejaskan perniagaan. Sebagai contoh, perniagaan perladangan FGV terjejas oleh kenaikan harga baja, terutamanya disebabkan konflik Rusia-Ukraine, yang melumpuhkan bekalan bahan baja utama.

Kami membincangkan arah aliran makroekonomi utama yang mempengaruhi dunia pada 2022 dengan lebih terperinci di bawah:



Kenaikan Harga Komoditi

Harga komoditi kekal meningkat sepanjang separuh pertama 2022 tetapi jatuh sedikit menjelang akhir tahun. Purata harga baja meningkat lebih dua kali ganda pada 2022 berbanding dengan 2021 disebabkan oleh kos input yang melambung tinggi dan pengurangan pengeluaran. Bagaimanapun, harga Minyak Sawit Mentah (MSM) kembali normal daripada paras tertinggi, jatuh daripada RM8,077 setiap MT pada Mac 2022 kepada RM3,808 setiap MT pada Disember 2022 berikutan pembalikan larangan eksport minyak sawit Indonesia dan pelegaan kekurangan pekerja asing². Secara kumulatif, peningkatan perolehan FGV dipengaruhi oleh kenaikan harga baja yang mengakibatkan peningkatan 21% dalam kos pengeluaran MSM pada 2022 berbanding dengan tahun sebelumnya.



Gangguan Perdagangan Global

Gangguan bekalan yang sedia ada akibat pandemik diburukkan lagi oleh konflik Rusia-Ukraine yang berpanjangan, yang menyebabkan kesesakan fizikal dan logistik yang teruk. Perdagangan global mencecah rekod USD32 trilion pada 2022, tetapi prospek 2023 dijangka bertambah buruk disebabkan keadaan kewangan yang ketat berserta kos pengangkutan yang tinggi ketika gangguan rantaian nilai global³. Namun, mujur gangguan perdagangan dijangka berkurangan dari semasa ke semasa apabila sekatan pergerakan ditarik balik dan sempadan dibuka semula.



Inflasi Tinggi Dalam Keadaan Dasar Fiskal dan Monetari yang Negatif

Kadar inflasi global pada 2022 meningkat kepada 8.8% berbanding dengan 4.7% pada 2021, manakala di Malaysia, inflasi meningkat kepada 3.3% pada 2022 berbanding dengan 2.5% pada 2021⁴. Inflasi di Malaysia didorong terutamanya oleh kenaikan harga produk pertanian, gangguan rantaian bekalan dan kelemahan Ringgit Malaysia berbanding dengan Dolar AS (USD), sama seperti mata wang lain di kebanyakan bahagian dunia akibat kenaikan kadar faedah oleh AS untuk mengekang inflasi. Inflasi mendorong langkah pengetatan monetari yang agresif apabila Rizab Persekutuan AS meningkatkan kadar faedah tujuh kali pada 2022 daripada hampir 0% kepada 4.5%⁵. Langkah pengetatan yang agresif, walaupun bertujuan baik, mungkin akan memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi, dengan pakar meramalkan kemelesetan pada 2023. Secara keseluruhan, ruang fiskal yang tersedia untuk membuat penyesuaian kekal ketat, terutamanya di negara membangun, kerana kerajaan menghadapi beban hutang yang tinggi berikutan gerak balas mereka dalam pengurusan wabak COVID-19 yang tidak pernah berlaku sebelum ini.



Usaha Keselamatan Makanan Berleluasa

Pada 2022, banyak kerajaan bergerak balas terhadap gangguan bekalan dengan mengenakan larangan eksport sementara atau sekatan atas produk pertanian kritikal sebagai cara untuk mengelakkan kekurangan makanan di negara masing-masing. Sebagai contoh, India menyekat eksport gandum dan gula, manakala Indonesia mengharamkan eksport minyak sawit dan mengenakan tanggungan pasaran domestik atas minyak sawit. Malaysia juga mengharamkan eksport ayam berikutan kekurangan ayam yang disebabkan oleh kesusutan makanan ayam. Secara konteks, bil import makanan Malaysia terkumpul sehingga RM482.8 bilion sepanjang dekad yang lalu⁶. Berikutan hasrat kerajaan untuk mempertimbangkan pengukuhan keselamatan makanannya, peluang masa hadapan mungkin muncul dan dimanfaatkan secara beransur-ansur.

¹ Tinjauan Ekonomi Dunia - Tabung Kewangan Antarabangsa, Oktober 2022, dan Kementerian Kewangan, Februari 2023

² Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM), Disember 2022

³ Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perdagangan dan Pembangunan, Disember 2022

⁴ Tinjauan Ekonomi Dunia - Tabung Kewangan Antarabangsa, Oktober 2022, dan Jabatan Perangkaan Malaysia, Mac 2023

⁵ Rizab Persekutuan AS, Disember 2022

⁶ Jabatan Perangkaan Malaysia, Januari 2023

TINJAUAN 2023



PERLADANGAN

Sektor minyak sawit dijangka mengalami turun naik yang lebih rendah pada 2023 berbanding dengan 2022. LMSM, serta rumah penyelidikan domestik, meramalkan harga minyak sawit kekal dalam julat dengan purata RM3,800 setiap MT pada 2023¹. Walaupun purata ini lebih rendah daripada purata harga RM5,100 setiap MT pada 2022, beberapa faktor boleh meningkatkan permintaan, seperti keberterusan konflik Russia-Ukraine yang telah mengurangkan pengeluaran minyak bunga matahari. Pertambahan permintaan juga akan disokong oleh pengumuman Indonesia untuk meningkatkan nisbah campuran bahan api bio mulai Januari 2023 dan oleh permintaan berterusan dari India.

Bagaimanapun, cabaran kekal dalam bentuk cuaca yang tidak menentu akibat fenomena La Nina yang berpanjangan yang boleh menjejaskan pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS). Kenaikan kos baja juga akan membebankan industri, walaupun kekurangan tenaga kerja berkemungkinan akan stabil, menyebabkan pengeluaran yang lebih tinggi pada 2023 berbanding dengan 2022. Hal ini berkemungkinan mendahului stok minyak sawit pada akhir 2023 sekitar 2 juta MT, lebih tinggi daripada 19.01 juta MT yang dicatatkan pada penghujung 2022².

Industri perladangan, secara amnya, akan mendapat manfaat daripada kelebihan menerima Industri 4.0 yang akan meningkatkan kecekapan operasi keseluruhan melalui pertanian persis, pemodenan ladang dan amalan pengilangan digital.



LOGISTIK & LAIN-LAIN

Pandemik yang semakin reda telah meningkatkan prospek Sektor Logistik & Lain-lain apabila permintaan terhadap bahan api, perkhidmatan dan perjalanan bertambah baik. Dari segi simpanan pukal dan penyimpanan, pertumbuhan pengeluaran minyak sawit, ditambah dengan permintaan yang bertambah baik, telah memungkinkan eksport, justeru menambah baik penggunaan kemudahan penyimpanan minyak. Perniagaan Logistik juga menjangkakan prospek pertumbuhan yang lebih baik hasil daripada pemulihan ekonomi, disokong oleh perdagangan rentas sempadan, permintaan domestik yang lebih tinggi dan peningkatan dalam e-dagang dan penghantaran terakhir.

Perniagaan Pelancongan terus mengalami pemulihan yang stabil apabila pelancongan dan perjalanan meningkat semula berikutan peralihan kepada keendemikan. Banyak negara telah membuka semula sempadan mereka, menyebabkan peningkatan beransur-ansur dalam permintaan terhadap perjalanan.

Dari perspektif maklumat & teknologi, penggunaan teknologi digital dalam pelbagai sektor dijangka memacu pertumbuhan dalam bidang seperti pengkomputeran awan, kecerdasan buatan, keselamatan siber dan Internet Benda. Teknologi ini berpotensi untuk mengubah berbagai-bagai industri dan mencipta peluang baharu perniagaan.



GULA

Harga gula mentah dijangka kekal tinggi pada 2023, dengan ukur rujuk NY11 dijangka mencecah USD22.90 sen setiap paun pada 2023 berbanding dengan USD20.50 sen setiap paun pada 2022³. Selain itu, pengeluaran gula global dianggarkan meningkat kepada 183.2 juta MT pada 2023 kerana pengeluaran yang lebih tinggi di Brazil, China dan Rusia dijangka mengimbangi penurunan di Kesatuan Eropah, India dan Ukraine⁴. Dari segi gula bertapis, permintaan kekal tinggi di tengah-tengah usaha keselamatan makanan dan permintaan terpendam berikutan pengembangan industri makanan dan minuman, serta peningkatan populasi global.

Faktor lain yang akan memberikan impak kepada industri termasuk konflik Russia-Ukraine yang berterusan dan pengalihan tebu kepada pengeluaran etanol dan bukannya pengeluaran gula. Harga etanol berkait rapat dengan harga minyak mentah dan harga minyak mentah yang lebih tinggi pasti akan memacu keuntungan yang lebih besar dalam pengeluaran etanol berasaskan tanaman. Namun demikian, dalam jangka panjang, gula kekal sebagai produk yang didagangkan tinggi dengan importnya mewakili 35% daripada penggunaan global dan tiada perubahan besar dijangka dalam pengagihan import gula mentah atau gula bertapis.



PRODUK PENGGUNA & PERTANIAN BERSEPADU

Negara di seluruh dunia meningkatkan langkah keselamatan makanan mereka semasa gangguan rantai bekalan, kos input produk pertanian yang lebih tinggi dan peningkatan populasi dunia yang melepasi paras lapan bilion pada 2022. Di Asia Tenggara, industri makanan dijangka mencatat pertumbuhan tahunan dengan kadar 18.3% dari 2023 hingga 2027, dengan hasil dijangka mencecah USD12.18 bilion pada 2023 dan volum pasaran diunjurkan berkembang kepada 23.83 bilion menjelang 2027⁵.

Di Malaysia, industri makanan menjana pendapatan hampir USD50 bilion pada 2022, dengan segmen utama seperti bahan masakan, hasil segar dan tenusu terus menunjukkan potensi pertumbuhan yang teguh.

¹ Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Januari 2023

² Prestasi Industri Kelapa Sawit Malaysia, Mac 2023

³ Ekonomi Perdagangan, Mac 2023

⁴ Jabatan Pertanian AS, November 2022

⁵ Statista, Februari 2023



INTERAKSI PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan ialah sekumpulan pihak yang boleh memberikan impak dan menerima impak daripada keputusan, inisiatif dan operasi perniagaan kami. Interaksi secara proaktif dengan pemegang kepentingan adalah penting untuk kami mengenal pasti dan memenuhi keperluan, serta menangani usaha utama mereka. Pendekatan ini bukan sahaja memupuk hubungan positif dengan pemegang kepentingan kami, tetapi juga membolehkan FGV mengurus isu berpotensi secara berkesan.

<p>PELANGGAN</p> <p>KEPENTINGANNYA</p> <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kami Memacu hasil FGV <p>PENDEKATAN INTERAKSI</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat Mesyuarat, perhubungan dan dialog (maya, bersemuka) Acara dan aktiviti syarikat seperti rundingan meja bulat dan perhimpunan Tinjauan dan maklum balas luaran 	<p>KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA</p> <p>BIDANG USAHAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Kualiti, keselamatan, penghantaran dan perkhidmatan produk Harga produk Kebolehesanan produk Kemudaran alam sekitar, ketidakadilan sosial atau eksploitasi Inovasi dan pembangunan produk <p>REAKSI KAMI</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan sistem kebolehesanan untuk pelanggan kami mendapatkan butiran seperti pensijilan, geolokasi dan pengeluaran Berurusan dan bekerjasama erat dengan pelanggan untuk memaksimumkan sumber dan produktiviti Terus memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang lestari dan inovatif Menyediakan harga kompetitif dan syarat saksama
<p>PEMBEKAL</p> <p>KEPENTINGANNYA</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan bahan mentah atau bahan yang diperlukan untuk pengeluaran barangan dan perkhidmatan Memainkan peranan penting dalam rantai nilai perniagaan <p>PENDEKATAN INTERAKSI</p> <ul style="list-style-type: none"> Kemas kini laman web dan media sosial syarikat Mesyuarat, perhubungan dan dialog (maya, bersemuka) Acara dan aktiviti syarikat seperti rundingan meja bulat dan perhimpunan Lawatan dan pemeriksaan tapak Tinjauan dan maklum balas luaran 	<p>KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA</p> <p>BIDANG USAHAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Gangguan rantai bekalan dan turun naik pasaran Kesedaran dan pematuhan terhadap dasar FGV, jika berkenaan Tatakelakuan Pembekal dan Protokol Ketidakpatuhan Keadaan kerja yang selamat <p>REAKSI KAMI</p> <ul style="list-style-type: none"> Menambah baik proses perolehan untuk memastikan amalan bertanggungjawab dan lestari dalam pelaksanaan perniagaan Memastikan pengurusan yang baik dan sokongan secukupnya sebelum dan selepas interaksi dengan pembekal
<p>BADAN KAWAL SELIA & KERAJAAN</p> <p>KEPENTINGANNYA</p> <ul style="list-style-type: none"> Menguatkuasakan peraturan dan pengawalseliaan industri untuk memastikan pematuhan operasi kami Melindungi keutamaan pemegang kepentingan <p>PENDEKATAN INTERAKSI</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemas kini laman web syarikat Mesyuarat, perhubungan dan dialog (maya, bersemuka) Lawatan, audit dan pemeriksaan tapak Tinjauan dan maklum balas luaran 	<p>KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA</p> <p>BIDANG USAHAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Sokongan untuk dasar dan inisiatif kerajaan dalam industri Sumbangan kepada matlamat kelestarian negara Pematuhan statut dan peraturan Isu dan kemas kini yang berkaitan dengan industri <p>REAKSI KAMI</p> <ul style="list-style-type: none"> Memastikan unit perniagaan mematuhi semua keperluan kawal selia semasa menjayakan objektif perniagaan Interaksi berterusan dengan pengawal selia untuk menyediakan kemas kini dan perkembangan tentang inisiatif FGV di seluruh perniagaan Semakan dan peningkatan berterusan alat, sistem dan proses pemantauan pematuhan dan pengurusan risiko kami

Interaksi Pemegang Kepentingan

LEMBAGA PENGARAH DAN KAKITANGAN

KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA



KEPENTINGANNYA

Lembaga Pengarah

- Mengurus organisasi pada peringkat strategik
- Mengawasi pengendalian perniagaan Kumpulan
- Mengurus risiko dan memastikan pelaksanaan rangka kerja kawalan dalaman dan langkah pencegahan yang sesuai

Kakitangan

- Mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknikal untuk menjalankan operasi perniagaan kami
- Mewakili FGV untuk berkomunikasi dengan pelanggan dan pembekal kami
- Mengendalikan dan mengurus operasi harian organisasi

PENDEKATAN INTERAKSI

- Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat
- Mesyuarat, perhubungan dan dialog (maya, bersemuka, hibrid)
- Penilaian tahunan
- Acara dan aktiviti syarikat seperti dialog awam, bimbingan, rundingan meja bulat dan perhimpunan
- Intranet/surat berita syarikat
- Tinjauan dalaman dan maklum balas

BIDANG USAHAAN

- Pembangunan pekerja dan kepuasan kerja
- Kebajikan dan imbuhan
- Pemerolehan bakat
- Amalan keselamatan dan kesihatan

REAKSI KAMI

- Menjalankan Tinjauan Interaksi Pekerja untuk penambahbaikan interaksi pada masa hadapan
- Ukur rujuk yang kompetitif dan analisis kedudukan pasaran untuk semua pekerja dari segi kebajikan dan gaji
- Memastikan mekanisme rungutan FGV boleh diakses oleh tenaga kerja FGV
- Meningkatkan kemahiran dan kemahiran semula pekerja melalui program pembelajaran dan pembangunan
- Bersedia untuk pembangunan peranan kepimpinan dan perancangan penggantian.

TENAGA KERJA PERLADANGAN

KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA



KEPENTINGANNYA

- Pekerja Ladang melakukan kerja di lapangan dan menuai hasil tanaman yang mampu memberikan impak kepada produktiviti dan kecekapan FG

PENDEKATAN INTERAKSI

- Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat
- Mesyuarat, perhubungan dan taklimat (maya, bersemuka)
- Acara dan aktiviti syarikat seperti dialog awam dan rundingan meja bulat
- Lawatan, audit dan pemeriksaan tapak
- Tinjauan dalaman dan maklum balas

BIDANG USAHAAN

- Gaji yang saksama dan manfaat kesihatan & kebajikan
- Keadaan kerja yang selamat
- Perlindungan daripada eksploitasi dan diskriminasi

REAKSI KAMI

- Menjalankan sesi suai tugas dan kesedaran untuk memastikan kakitangan memahami bidang hak mereka
- Mematuhi kebajikan pekerja di lapangan dan mematuhi undang-undang dan peraturan berhubung dengan hak asasi manusia dan piawaian buruh
- Mengkaji dan memperkukuh Garis Panduan dan Prosedur Pengambilan dan Guna Tenaga Pekerja Migran Secara Bertanggungjawab untuk menyelaraskan amalan kami dengan piawaian antarabangsa
- Memastikan mekanisme rungutan FGV boleh diakses oleh tenaga kerja FGV

FELDA

KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA



KEPENTINGANNYA

- Pemegang kepentingan utama FGV

PENDEKATAN INTERAKSI

- Mesyuarat, perhubungan dan dialog (maya, bersemuka)
- Acara dan aktiviti syarikat seperti dialog awam dan taklimat

BIDANG USAHAAN

- Perancangan strategik dan pertumbuhan perniagaan
- Prestasi Syarikat termasuk mencapai sasaran kewangan dan operasi

REAKSI KAMI

- Menjalankan sesi berkala tentang pembangunan, cabaran dan keperluan kawal selia industri minyak sawit antara FGV dengan FELDA
- Menyediakan laporan dan kemas kini prestasi dan kemajuan perniagaan



Interaksi Pemegang Kepentingan

PENEROKA FELDA

KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA



KEPENTINGANNYA

- 112,638 peneroka sekitar ladang dan kilang FGV yang mendapat manfaat daripada pendapatan perladangan melalui FELDA
- Menyediakan 45% daripada bekalan BTS FGV

PENDEKATAN INTERAKSI

- Mesyuarat, perhubungan dan dialog (maya, bersemuka)
- Acara dan aktiviti syarikat seperti rundingan meja bulat
- Mesyuarat Agung Tahunan
- Maklum balas dalaman

BIDANG USAHAAN

- Harga BTS yang Saksama
- Tanggungjawab alam sekitar dan sosial
- Interaksi komuniti

REAKSI KAMI

- Meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat di sekitar kawasan operasi kami melalui tanggungjawab sosial korporat dan pelaburan dalam pelbagai program pendidikan
- Melancarkan Program Perundingan Pekebun Kecil Bebas untuk mewujudkan kesedaran tentang peranan pekebun kecil dalam industri minyak sawit lestari
- Bantuan masyarakat untuk memupuk hubungan positif dan menunjukkan komitmen FGV terhadap kebajikan peneroka FELDA

PELABUR & PEMBEKAL MODAL

KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA



KEPENTINGANNYA

- Input modal kewangan yang stabil menunjukkan keyakinan terhadap FGV untuk mengembangkan perniagaannya

PENDEKATAN INTERAKSI

- Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat
- Mesyuarat, perhubungan dan dialog (maya, bersemuka, hibrid)
- Mesyuarat Agung Tahunan
- Taklimat syarikat
- Siri jelajah dan lawatan tapak
- Tinjauan dan maklum balas luaran

BIDANG USAHAAN

- Memaksimumkan nilai pemegang saham
- Kemajuan dan pematuan piawaian kelestarian
- Isu dan kemas kini yang berkaitan dengan industri
- Prestasi kewangan Syarikat

REAKSI KAMI

- Memastikan kesinambungan perniagaan dan pendekatan yang lestari diterapkan merentas rantai nilai
- Melaksanakan kawalan dalaman dan memantau sebarang ketidakpatuhan
- Memastikan produktiviti dan kecekapan dalam operasi perniagaan
- Menyediakan maklumat yang kena pada masanya dan tepat untuk pelabur membuat keputusan termaklum

USAHA SAMA & RAKAN NIAGA

KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA



KEPENTINGANNYA

- Perkongsian muafakat dengan pakar industri untuk mencipta produk dan perkhidmatan untuk pasaran

PENDEKATAN INTERAKSI

- Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat
- Mesyuarat, perhubungan dan taklimat (maya, bersemuka, hibrid)
- Acara dan aktiviti syarikat seperti pementoran dan rundingan meja bulat
- Intranet dan surat berita syarikat
- Lawatan, audit dan pemeriksaan tapak,
- Tinjauan dan maklum balas luaran

BIDANG USAHAAN

- Strategi syarikat dan pertumbuhan perniagaan
- Pelaksanaan kecekapan kos
- Gabungan kepakaran dan kemahiran

REAKSI KAMI

- Membangunkan model dengan rakan usaha sama/kongsi perniagaan FGV untuk mengenal pasti risiko kelestarian yang dikaitkan dengan kawasan geografi tertentu untuk memastikan kebolehsesanan produk dengan lebih baik
- Mengadakan bengkel dan sesi perkongsian pengetahuan untuk meningkatkan keupayaan keseluruhan yang boleh menyebabkan peningkatan prestasi dan inovasi

Interaksi Pemegang Kepentingan

MEDIA

KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA



KEPENTINGANNYA

- Dapat berkongsi pandangan daripada orang ramai
- Bertanggungjawab untuk melaporkan berita dan maklumat industri perniagaan semasa

PENDEKATAN INTERAKSI

- Kemas kini laman web dan media sosial syarikat
- Mesyuarat, interaksi dan taklimat media (maya, bersemuka, hibrid)
- Acara dan aktiviti syarikat seperti perhimpunan
- Siaran akhbar media
- Tinjauan dan maklum balas luaran

BIDANG USAHAAN

- Isu dan kemas kini yang berkaitan oleh Syarikat
- Penjelasan tentang maklumat salah tentang industri minyak sawit

REAKSI KAMI

- Menyediakan pelan komunikasi untuk membangunkan pemesejan dan respons yang telus dan konsisten
- Melibatkan diri secara proaktif dengan saluran media untuk membina hubungan dan mewujudkan kepercayaan
- Memantau liputan media untuk mengenal pasti isu berpotensi atau liputan negatif yang boleh menjejaskan reputasi FGV

BADAN BUKAN KERAJAAN

KAITAN PERKARA MATERIAL UTAMA



KEPENTINGANNYA

- Menggalakkan nilai sosial dan sivik serta inisiatif tempatan
- Memastikan kami mengikuti perkembangan sosioekonomi yang boleh memberikan impak kepada perniagaan kami

PENDEKATAN INTERAKSI

- Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat
- Mesyuarat, perhubungan dan dialog (maya, bersemuka)
- Kerjasama dan perkongsian projek
- Tinjauan dan maklum balas luaran

BIDANG USAHAAN

- Usaha berkaitan dengan kelestarian dan sosioekonomi
- Cabaran yang dihadapi oleh FGV dan industri minyak sawit secara keseluruhan

REAKSI KAMI

- Melibatkan diri dalam dialog dengan NGO untuk lebih memahami usaha dan perspektif mereka
- Membina perkongsian dengan NGO yang berkongsi nilai sama, untuk mencetuskan kerjasama projek serta meningkatkan persefahaman dan sokongan bersama
- Menangani usaha khusus yang dibangkitkan oleh NGO dan menawarkan penyelesaian jika boleh



Maklumat lanjut tentang Kaitan Perkara Material Utama boleh didapati bawah Kaedah Kami Mentakrifkan Perkara Material pada halaman 37.



PERKARA MATERIAL

PENILAIAN MATERIAL


Penilaian material membentuk sebahagian penting perjalanan kelestarian dan membolehkan kami mencipta nilai jangka panjang perniagaan dan pemegang kepentingan kami. Pengenalpastian dan kajian isu kelestarian yang paling penting untuk kami dan pemegang kepentingan kami dijadikan keutamaan dalam pengurusan impak kelestarian kami. Kami boleh menangani risiko dan menentukan peluang isu utama ekonomi, alam sekitar dan sosial, serta menegakkan hak asasi manusia. Hal ini juga membantu kami dalam penyelarasan pendekatan dan strategi kelestarian dengan rakan industri, selain kekal relevan dengan perkembangan kelestarian semasa dan trend global.


Pada 2021, kami menjalankan penilaian material dengan sokongan perunding bebas luar dan mengumpulkan pandangan serta maklum balas daripada pemegang kepentingan dalaman dan luaran. Usaha itu mengenal pasti 16 perkara material, tujuh daripadanya dikategorikan sebagai perkara material keutamaan tinggi. Tindakan iklim juga ditambah sebagai perkara keutamaan kerana kepentingan pelepasan gas rumah hijau (GHG) yang memberikan impak kepada operasi FGV.

Pengesahan

Tahun ini, kami menjalankan semakan dalaman untuk mengesahkan perkara penting terhadap keperluan pendedahan nasional terkini dan piawaian pelaporan kelestarian global, seperti Piawaian GRI, Lembaga Piawaian Perakaunan Kelestarian (SASB) dan Laporan Kesatuan Global. Perkara itu juga dipetakan berbanding dengan kalangan setaraf tempatan dan antarabangsa. Pendekatan komprehensif ini mencerminkan pandangan dinamik material yang membolehkan kami bergerak balas terhadap perubahan dalaman dan luaran sambil kekal relevan dan mengelakkan pengulangan proses. Usaha itu menunjukkan matriks material kami yang dimuktamadkan pada 2021 kekal relevan dan mencerminkan keutamaan pemegang kepentingan.

Dalam semakannya, Lembaga Pengarah mengenal pasti Pengurusan Sisa dan Tenaga Boleh Baharu & Pengurusan Tenaga sebagai dua perkara material yang sedang berkembang. Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, kami perlu mementingkan usaha menangani risiko material tersebut, kerana potensinya untuk memberi impak kepada alam sekitar dan perniagaan kami. Bagi tahun yang dikaji, perkara material tersebut telah ditangani dalam Kajian Kelestarian kami. Matlamat kami adalah untuk menunjukkan komitmen penyelesaian isu ini dan menyumbang secara positif kepada komuniti dan persekitaran yang lebih luas.

 Maklumat lanjut tentang penilaian material penuh FGV pada 2021 boleh didapati dalam Laporan Kelestarian FGV 2020/2021 di laman web kami, www.fgvholdings.com.



* Perkara Material Sedar berkembang

Perkara Material

KAEDAH PENENTUAN PERKARA MATERIAL KAMI

Perkara Material	Dalam Konteks dan Penerapan FGV
KEPENTINGAN TINGGI	
 Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh	Menghormati dan melindungi hak asasi manusia tenaga kerja kami dengan memastikan layanan saksama dan menegakkan piawaian buruh antarabangsa yang ditetapkan.
 Kecemerlangan Operasi	Penambahbaikan hasil pengeluaran dan peningkatan operasi dengan memanfaatkan inovasi, penyelidikan dan pembangunan, serta dasar dan amalan alam sekitar dan iklim yang lestari tanpa menjejaskan hak asasi manusia & piawaian buruh.
 Pensijilan Kelestarian	Pematuhan piawaian kelestarian yang teriktiraf seperti Prinsip dan Kriteria Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) untuk tujuan pensijilan dan pelarasan amalan dengan piawaian kelestarian yang diterima secara meluas dalam industri minyak sawit.
 Tadbir Urus, Etika & Integriti	Pematuhan terhadap keperluan kawal selia dan prinsip tadbir urus korporat yang baik.
 Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan	Inisiatif untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada tenaga kerja kami dan pemegang kepentingan luar seperti pembekal, vendor dan penyedia perkhidmatan.
 Tindakan Iklim	Inisiatif untuk mengurangkan dan mengakuri impak buruk perubahan iklim kepada operasi perniagaan, dan melaksanakan langkah tadbir urus iklim terbaik dalam pemastian kesinambungan perniagaan.
 Kebolehesanan, Penyumberan Bertanggungjawab & Pengurusan Rantaian Bekalan	Penubuhan sistem kebolehesanan dan proses perolehan untuk memastikan amalan bertanggungjawab dan lestari dalam rantaian nilai minyak sawit.
 Pengurusan Sisa*	Mengurus sisa yang dijana daripada operasi dan memanfaatkan peluang kitaran untuk menggunakan semula bahan buangan sebagai kegunaan alternatif yang berkesan.
 Tenaga Boleh Baharu & Pengurusan Tenaga*	Penggunaan dan pengurusan penggunaan tenaga yang mengutamakan kelestarian dengan perhatian khusus untuk memanfaatkan peluang penjanaan dan penggunaan tenaga bersih.
KEPENTINGAN SEDERHANA	
 Pembangunan Perniagaan & Kualiti Produk	Meluaskan dan membenamkan kehadiran pasaran, menembusi pasaran baharu, mempelbagaikan aliran hasil dan mengukuhkan kedudukan pasaran.
 Perhubungan bersama Kakitangan	Membolehkan pekerja menyuarakan pendapat dan meminta pandangan mereka untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat serta memperkukuh hubungan simbiotik dan saling untung.
 Pengurusan Biodiversiti & Tanah	Operasi yang maklum dan bertanggungjawab untuk memelihara kelestarian anugerah alam semula jadi, termasuk pemuliharaan aktif biodiversiti dan pemeliharaan habitat semula jadi.
 Pengurusan Bakat	Membentuk dan mengekalkan tenaga kerja berprestasi tinggi yang tersirat dengan ketangkasan dan kefleksibelan untuk mengakuri, menyampaikan dan mengikuti perubahan tuntutan tempat kerja.
KEPENTINGAN RENDAH	
 Pengurusan Tanah, Air, Makhluk Perosak & Penyakit	Pengurusan kawalan tanah, air, makhluk perosak dan penyakit secara lestari untuk meminimumkan impak negatif terhadap alam sekitar.
 Perhubungan & Pembangunan Komuniti	Memanfaatkan keupayaan kami untuk berbakti demi kebaikan komuniti dan masyarakat secara amnya.
 Keselamatan & Perlindungan Data	Menjaga keselamatan data pada setiap masa daripada sebarang bentuk pencerobohan untuk memastikan operasi perniagaan terlindung daripada bahaya dan agar kepercayaan pemegang kepentingan terpelihara.



MODEL PENCIPTAAN NILAI KAMI

TERAS STRATEGIK KAMI



Penambahbaikan Operasi

MODAL UTAMA



Modal Kewangan

- Ekuiti Pemegang Saham **RM6.23 bilion**
- Jumlah Aset **RM18.11 bilion**
- Deposit, Tunai dan Baki Bank **RM1.40 bilion**



Modal Semula Jadi

- Bank Tanah **439,051 Ha**
- Kawasan Mekanisasi **115,000 Ha**
- Jumlah Kawasan Tanaman Semula:
 - Penebangan **10,858 Ha**
 - Ditanam semula **3,232 Ha**
- Kawasan Ditanam:
 - Kelapa Sawit **334,075 Ha**
 - Getah **7,204 Ha**
 - Tanaman Lain **3,435 Ha**



Modal Pembuatan

- **67** Kilang
- **12** Terminal simpanan pukal
- **8** Kilang minyak sayuran
- **1.07 juta MT** Kapasiti simpanan
- **>600** Armada pengangkutan
- **2** Kilang penapisan gula
- **9** Gudang (termasuk gudang gula bertapis)



Modal Intelek

- **69** Penyelidik berkelayakan tinggi
- **15** Ahli agronomi
- **3** Pusat pengeluaran benih
- **3** Pusat R&D
- Pembangunan bahan tanaman premium dan amalan mekanisasi terbaik serta pendigitalan operasi ladang dan kilang
- Pengurusan bersepadu makhluk perosak dan penyakit
- Teknologi Makanan dan Bukan Makanan



Modal Insan

Jumlah Tenaga Kerja FGV
51,919

(Lelaki)
86%

(Perempuan)
14%



Modal Sosial & Perhubungan

- Bekerjasama dengan **112,638** peneroka dan menyokong komuniti FELDA
- 100% Kilang yang diperakui MSPO
- 45% Kilang yang diperakui RSPO

PERNIAGAAN KAMI

PERLADANGAN

Hiliran



Tenaga Boleh Baharu

Pemasaran & Perdagangan



GULA

Penapisan

Jualan dan Pengedaran



Teknologi Maklumat

Pelancongan



PERNIAGAAN BAHARU

Pertanian Bersepadu



Model Penciptaan Nilai Kami



Penembusan Produk & Pasaran



Bidang Pertumbuhan Baharu



Pengukuhan Kewangan & Keupayaan

	KELUARAN UTAMA	HASIL
Huluan 	<ul style="list-style-type: none"> Hasil RM25.56 bilion Dividen sebanyak 15 sen sesaham telah diisytiharkan bagi 2022, membabitkan pembayaran dividen RM547 juta. 	Menyampaikan pulangan yang lebih baik dan konsisten kepada pemegang saham.
R&D 	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran BTS 3.99 juta MT Hasil BTS 14.57 MT per Ha Purata umur pokok kelapa sawit 13.65 tahun 	Inisiatif kecemerlangan operasi yang lebih baik untuk mengoptimumkan prestasi, dan inisiatif kelestarian tersirat untuk memacu pertumbuhan perniagaan yang bertanggungjawab.
Pembangunan Produk Gula Premium 	<ul style="list-style-type: none"> BTS diproses 14.25 juta MT Pengeluaran MSM 2.90 juta MT Kadar Perahan Minyak 20.35% Jumlah jualan Minyak & Lemak 400,306 MT Jumlah jualan biodiesel 77,479 MT Pengeluaran gula bertapis 946,834 MT Melancarkan sejumlah sembilan SKU, lima dalam segmen Minyak & Lemak dan empat dalam segmen Pertanian Bersepadu 	Memanfaatkan semua bahagian rantaian nilai minyak sawit untuk mendapatkan sinergi dan pulangan pelaburan yang lebih baik.
LOGISTIK & LAIN-LAIN Pukal & Storan 	<ul style="list-style-type: none"> Aplikasi mudah alih e-Produktiviti FGV Aplikasi mudah alih e-Dompet FGV Sistem Maklumat Geografi Automasi Proses Robotik Pintar Analitis Bahasa Perintah Audit 	Menambah baik kedudukan kepimpinan kami dalam amalan pengurusan pertanian, inovasi produk baharu dan usaha yang lestari.
Perkhidmatan Pengangkutan 	<ul style="list-style-type: none"> 230,626 jam latihan Mengambil lebih 10,000 pekerja asing Keputusan Tinjauan Interaksi Pekerja 81% 	Membudayakan tenaga kerja mahir, berdaya tahan dan sihat dengan budaya pembelajaran yang tersirat.
Produk Pengguna 	<ul style="list-style-type: none"> Minyak sawit kami 100% Kebolehesanan ke Kilang dan 99% Kebolehesanan ke Ladang Kerjasama dengan pertubuhan bukan untung berkaitan dengan buruh seperti <i>Fair Labour Association</i>, <i>Project Liber8</i>, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Malaysia dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia Garis Panduan dan Prosedur Pengambilan dan Guna Tenaga Pekerja Migran Secara Bertanggungjawab yang dikaji dan diperkukuh Menyumbang sekitar RM17.18 juta untuk aktiviti berkaitan CSR FGV merupakan syarikat perniagaan tani pertama di Malaysia yang menjadi penandatangan Prinsip Pemerkasaan Wanita yang ditubuhkan oleh <i>Global Compact</i> Bangsa-Bangsa Bersatu dan <i>UN Women</i> 	Memastikan amalan buruh secara bertanggungjawab, dan komitmen terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat sekeliling.



STRATEGI PERNIAGAAN

FGV memacu aspirasi baharunya untuk menjadi Syarikat Makanan dan Perniagaan Tani Global dan telah merangka pelan perniagaan peringkat tinggi yang selaras dengan Teras Strategiknya yang khusus untuk setiap segmen perniagaan. Pelan Perniagaan kami, yang dikenali sebagai BP25, menetapkan sasaran tahunan yang perlu ditempa oleh FGV dalam tempoh tiga tahun menerusi gabungan kedua-dua inisiatif pertumbuhan organik dan bukan organik. FGV akan terus melaraskan dan menyesuaikan pelan pelaksanaannya setiap tahun untuk memastikan Kumpulan kekal berdaya saing dalam persekitaran yang silih berubah hari ini.



Kumpulan secara berstruktur telah memulakan pembinaan teras baharu yang berkembang melangkaui perniagaan berkaitan minyak sawit tetapi tetap dalam segmen perniagaan tani. Kami juga mengiktiraf cabaran struktur yang wujud dalam perniagaan teras semasa Kumpulan dan pengaruh tidak wajar perubahan harga komoditi terhadap minyak sawit yang menghadkan kemungkinan penciptaan nilai.

Dua pertiga daripada BTS yang diproses FGV dibeli daripada pihak luar seperti peneroka FELDA dan pekebun kecil. Liputan kilang FGV bagi setiap satu juta MT kapasiti kilang adalah agak rendah berbanding dengan kalangan setarafnya, disebabkan kewajipan kontrak FGV untuk memproses BTS daripada peneroka FELDA.

Pada masa ini, FGV menitikberatkan produk sawit mentah, yang berbeza daripada kalangan setaraf kami yang telah mengalihkan

tumpuan mereka ke arah produk hiliran. Sepanjang dekad yang lalu, margin bersepadu FGV untuk rantai nilai minyak sawitnya telah banyak dipengaruhi oleh turun naik harga komoditi.

Pada masa ini, kami mempunyai pelbagai inisiatif berterusan yang bertujuan untuk mengembangkan kehadiran global FGV dan mengukuhkan perniagaan teras kami. Antaranya termasuk bekerjasama dengan rakan niaga yang bereputasi, mengenal pasti peluang baharu di destinasi yang lebih canggih, menubuhkan pejabat pemasaran di luar negara menerusi pertumbuhan organik atau penggabungan & pemerolehan, dan menjalankan perdagangan destinasi di negara pengguna yang termasuk pukat tempatan, penentuan harga, pembungkusan semula dan rangkaian pengedaran. Kehadiran antarabangsa adalah penting agar FGV mencapai aspirasinya untuk membekalkan makanan dan produk pertanian yang lestari kepada dunia.

Strategi Perniagaan

STRATEGI PELAN PERNIAGAAN

PENGENALAN BP25

Dalam pencapaian aspirasi, Teras Strategik kami disokong oleh Inisiatif Strategik Utama (KSI) Kumpulan yang akan dilaksanakan antara 2023 hingga 2025. Bagi 2023, kami telah menetapkan tema kumpulan sebagai 'Berkembang', mencerminkan matlamat untuk mengembangkan syarikat dan aktiviti perniagaan kami dalam pasaran serta meningkatkan rangkaian produk kami sementara meningkatkan hasil dan keuntungan dari semasa ke semasa. Penubuhan KSI kami, selaras dengan Penambahbaikan Operasi, Produk & Penembusan Pasaran, Bidang Pertumbuhan Baharu dan Pengukuhan Kewangan & Keupayaan, akan membentuk hala tuju pendekatan kami seterusnya.



Penambahbaikan Operasi

- Menambah kecekapan operasi menerusi pemodenan dan mekanisasi tertinggi, dan usaha penanaman semula
- Meningkatkan keupayaan Logistik menerusi peluang luaran
- Memperkukuh kawalan proses di kilang
- Meningkatkan interaksi kelestarian dan menggiatkan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus
- Menegakkan hak asasi manusia dan amalan buruh saksama
- Mengukuhkan ekuiti dan kehadiran jenama
- Memperketat amalan tadbir urus dan pengurusan risiko



Penembusan Produk & Pasaran

- Meningkatkan faktor penggunaan dan kapasiti loji penapisan
- Memaksimumkan potensi tenaga boleh baharu dan memperhebat inisiatif sisa kepada kekayaan
- Mengembangkan produk nilai tambah menerusi tumpuan pada pasaran bernilai lebih tinggi dan produk sampingan
- Membangunkan kawasan pertanian berskala besar



Bidang Pertumbuhan Baharu

- Menerokai segmen pasaran dan produk bernilai lebih tinggi
- Menubuhkan pusat pengedaran dan mentauliahkan perniagaan Logistik baharu



Pengukuhan Kewangan & Keupayaan

- Meningkatkan strategi buruh untuk Mengambil dan Mengekalkan Pekerja
- Menggalakkan pengoptimuman kos sepanjang operasi perniagaan
- Meningkatkan pengurusan bakat dan pembangunan keupayaan dalaman

BP25 telah dirumuskan berdasarkan penilaian komprehensif tentang kedudukan kami kini, pemahaman cabaran semasa dan masa hadapan kami serta pengenalpastian peluang kami kini dan pada masa hadapan.

Dalam Sektor Perladangan, perniagaan dan operasinya tertakluk pada pelbagai faktor luaran yang boleh memberikan impak ketara kepada prestasi, seperti yang dialami kesan daripada pandemik dua tahun lalu. Namun begitu, kami tetap komited untuk membina asas yang betul, menginovasi dan memastikan amalan buruh dan pertanian yang baik untuk memaksimumkan pengeluaran, yang akan menangani sebarang kemungkinan rintangan.

Dalam Sektor Gula, persekitaran kos input yang tinggi dijangka berterusan. Selain lindung nilai strategik gula mentah, mata wang dan minyak mentah, tumpuan utama adalah untuk meningkatkan produktiviti kilang penapisan di MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd dan memastikan keandalan kilang penapisan lain, di samping mengembangkan saluran jualan kami.

Bagi Sektor Logistik & Lain-lain, setiap perniagaan FGV akan disokong oleh peluang pertumbuhan pada masa hadapan kerana ekonomi kini beroperasi pada tahap yang lebih teguh berbanding dengan tempoh pandemik.

Berhubung dengan industri makanan, kami akur akan kepentingan, kekuatan dan peluangnya, terutamanya apabila populasi terus berkembang dan kebanyakan negara berusaha untuk memperkukuh tahap keselamatan makanan. Di Asia Tenggara, segmen makanan dijangka berkembang pada CAGR 18.3% hingga 2027, manakala di Malaysia, pertumbuhan akan berada pada CAGR 7.9% hingga 2027, mencapai nilai USD51.1 bilion pada 2023. Oleh itu, kategori hasil segar, makanan haiwan, tenusu dan ramuan masak akan dititikberatkan¹.

¹ Sumber: Statista, Mac 2023



Strategi Perniagaan

MEMBINA TERAS BAHARU

Sebagai sebahagian daripada strategi perniagaan kami, FGV telah mula meneroka bidang tumpuan baharu yang dipacu oleh matlamat kami untuk Membekalkan Makanan dan Produk Tani yang Lestari kepada Dunia. Kami sedang membina keupayaan rantai nilai makanan untuk mencipta produk tambah nilai lebih tinggi dan memanfaatkan sinergi yang terdapat dalam Kumpulan. Menerusi usaha ini, FGV akan dapat berkembang, memulangkan nilai kepada pemegang kepentingannya dan menetapkan asas pertumbuhan yang lebih lestari.

Dalam konteks ini, kami telah menetapkan sasaran pada dua domain, Produk Pengguna & Pertanian Bersepadu. Dalam kedua-dua bidang ini, kami menjuruskan minat kepada tiga segmen, iaitu FMCG, Hasil Segar dan Produk Perindustrian. Walaupun kami sudah mempunyai produk tertentu dalam pasaran, kami percaya masih terdapat banyak peluang untuk memenuhi keperluan pengguna. Terdapat juga unsur kepentingan negara dalam pelaksanaan usaha kami untuk menyokong Dasar Agromakanan Negara 2.0 (NAP 2.0) dan meningkatkan kadar mampu diri barangan makanan tertentu.



Pada tahun yang dikaji, kami sentiasa membina dan mengembangkan keupayaan produk tenusu, hasil segar dan segmen makanan haiwan. Sebagai contoh, kami memanfaatkan potensi jenama utama seperti Saji, Bright Cow, Ladang'57, dan ALMA, sambil kami berusaha untuk mengembangkan rangkaian produk dan kedudukan pasaran kami. Dalam pengutamaan segmen penting ini, kami menjamin masa hadapan FGV dan juga mengembangkan pengaruh kami merentas rantai nilai perniagaan tani dengan menyediakan peluang kepada penduduk tempatan untuk mengambil bahagian dalam rantai bekalan makanan. Selain itu, kami mengoptimalkan margin menerusi aktiviti perniagaan ekonomi kitaran dalam Kumpulan dan rantai nilai.

Produk Pengguna

Di FGV, keutamaan kami adalah untuk membina kekukuhan asas perniagaan komersial sementara meneroka peluang baharu untuk berkembang dan tumbuh dalam pasaran domestik dan eksport. Kami menyasarkan kedudukan sebagai pengusaha produk pengguna yang inovatif yang mencipta produk bernilai tinggi untuk segenap lapisan masyarakat. Selain itu, kami sedang meneroka kemungkinan untuk mencipta jenama baharu dalam segmen pasaran baharu.

Dalam segmen produk isi rumah dan ramuan masak permintaan tinggi, kami menjalankan penyelidikan dan pembangunan secara berterusan sementara mengakuri ubah ansur keperluan pelanggan kami. Interaksi sedemikian akan menentukan pengoptimuman strategi pengedaran kami untuk meningkatkan kebolehlihatan dan ketersediaan produk kami dalam pasaran.

Pada 2022, kami melancarkan Saji Beras Basmathi & Aroma dan menguji kehadiran produk kami di pasar raya besar utama untuk memastikan tahap penerimaan pengguna terhadapnya. Kami mempunyai rancangan untuk meluaskan pengedaran pasaran secara agresif dan kami yakin bahawa menerusi peluasan jangkauan, dan pengembangan kesedaran dan ekuiti jenama produk, kami boleh mengembangkan perniagaan ini lagi dan meletakkan diri kami sebagai pengusaha produk pengguna terkemuka dalam pasaran.



Memperkenalkan Saji Beras Aroma, produk terbaru FGV dalam pasaran yang dilancarkan pada 2022.

Maklumat lanjut tentang jenama Saji boleh didapati dalam Kajian Perniagaan Perladangan pada halaman 59.

Perladangan Tenusu Bersepadu

Kami amat berbangga dengan penghasilan produk tenusu segar dan berkualiti tinggi yang dihasilkan bawah jenama Bright Cow. Kemudahan pengeluaran tenusu bersepadu sepenuhnya membolehkan pengkhususan kami dalam pengeluaran susu segar, keju, yogurt dan kefir, memastikan pelanggan kami hanya menerima produk tenusu terbaik. Susu kami berasal daripada baka Holstein Friesian dan Jersey, yang kami ternak dan biak dengan baik. Komitmen kami terhadap kecemerlangan amalan penternakan tenusu dan kualiti produk telah menjadikan kami sebagai pengeluar tenusu bereputasi dan dipercayai.

Strategi Perniagaan



Penuhi cita rasa anda dengan kelazatan pelbagai produk tenusu kami yang kaya dan berkrim.

Pada tahun yang dikaji, FGV telah mengembangkan perniagaan tenusunya ke tahap yang membolehkan kami bersaing secara berkesan dari sudut pengeluaran dan pengedaran. Pertama, kami menyiapkan pembesaran kilang pemprosesan susu segar Linggi, meningkatkan kapasiti pengeluarannya daripada 4,200 liter sehari kepada 30,000 liter sehari. Untuk menyokong peningkatan pengeluaran ini, FGV juga telah meluaskan jangkauan pasaran dengan mengedarkan produknya kepada 369 cawangan runcit tambahan, terutamanya kedai bawah rangkaian pasar raya Giant dan Mydin.

Kami juga telah mengembangkan perkongsian kami menerusi kerjasama dengan Gigi Coffee, syarikat kopi tempatan, untuk membekalkan 40,000 liter susu segar setiap bulan. Perkongsian ini selaras dengan pelan strategik FGV untuk mengembangkan kehadirannya dalam sektor Hotel, Restoran dan Kafe (HORECA).

Untuk memperkukuh keupayaan kami, FGV telah memeterai perjanjian pemegang saham bersyarat dengan Baladna Q.P.S.C. dan Touch Group Holdings Sdn Bhd untuk menubuhkan perniagaan ladang tenusu bersepadu di kawasan seluas 3,259 Ha di FGV Chuping Agro Valley (FCAV) yang terletak di Chuping, Perlis. Usaha ini merupakan batu loncatan untuk FGV menjadi salah satu perniagaan tani bersepadu dan lestari terkemuka di dunia, meletakkan Syarikat dalam industri susu dan tenusu yang semakin berkembang serta mengukuhkan kehadirannya dalam segmen makanan.

Projek itu juga selaras dengan rancangan jangka panjang FGV untuk meletakkan FCAV sebagai salah satu hab lembah pertanian terkemuka di Malaysia. Langkah ini bertujuan untuk melestarikan nilai pemegang kepentingan dan menambah baik keadaan hidup masyarakat setempat sementara menangani usaha keselamatan makanan di negara ini.

Produk Segar

Menerusi jenama Ladang'57, kami menghasilkan produk pertanian yang segar dan berkualiti tinggi secara besar-besaran menerusi tanaman selingan dan pertanian kontrak. Rangkaian produk kami terdiri daripada nenas MD2, pisang Cavendish, mangga Harumanis dan jagung manis. Selain produk buah-buahan dan sayur-sayuran, kami juga pakar dalam penanaman padi wangi berskala besar menerusi model pertanian kontrak Fortified Field. Sistem pengeluaran beras berteknologi tinggi bersepadu sepenuhnya memastikan penghasilan Beras Wangi Malaysia (MRQ76) kami berkualiti terbaik, daripada benih hingga pemprosesan, untuk pelanggan kami.

Sepanjang tahun, kami terus memperkukuh kedudukan dengan mengembangkan perniagaan hasil segar kami. Untuk melengkapkan tawaran semasa, kami berjaya memperkenalkan kentang import, daging beku dan artichok. Walaupun sebagai import percubaan, peningkatan volum jualan sebanyak 711 MT berbanding dengan 186 MT pada 2021 telah menggalakkan kami untuk meluaskan jangkauan dan meneroka pasaran baharu selanjutnya.



Strategi Perniagaan



Alami kesegaran produk kami yang dipupuk menerusi pembangunan dalaman dan perkongsian yang kukuh.

Untuk memanfaatkan potensi penuh tanah pertanian yang dimiliki oleh FGV, kami telah meluaskan kawasan penanaman dan membangunkan kawasan baharu untuk nanas MD2, pisang Cavendish dan jagung bijirin. Kami juga telah menambah bekalan nanas MD2 dan jagung manis menerusi pelantikan lima petani kontrak. Selain itu, kami telah menubuhkan dua Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPCC) di Selayang dan Glenmarie, yang memenuhi keperluan perdagangan, pemprosesan dan pengeluaran tanaman kontan.

Dari segi produk ternakan, kami bekerjasama dengan FELDA menerusi Projek Pembangunan Peneroka dan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar untuk mewujudkan pengaturan ternakan kontrak untuk bekalan ayam kampung ke pasaran. Kami mengedarkan produk ayam bawah jenama Ladang'57 ke cawangan Mydin di Lembah Klang dan cawangan AEON BiG di seluruh negara. AEON BiG juga turut serta sebagai salah satu rakan pemasaran dan pengedaran kami untuk menjayakan Agenda Keselamatan Makanan Kebangsaan.

Untuk produk beras, FGV memperkenalkan Horeca Malaysian Fragrant Rice kepada restoran, kafe, hotel dan katerer. Kami faham akan kepentingan ketara kualiti makanan dalam industri HORECA, justeru usaha kami untuk menyediakan beras berkualiti terbaik. Pada tahun yang dikaji, kami juga menambah baik Prosedur Operasi Piawai (SOP) dan mengoptimumkan kos dalam operasi hulu dan pengilangan perniagaan padi.

Makanan Haiwan

Makanan haiwan, mineral dan penambah yang dihasilkan bawah jenama ALMA untuk ternakan dan ayam itik menggunakan Hampas Isirung Sawit (PKE), hasil sampingan industri minyak sawit, sebagai ramuan utama untuk memastikan penggunaan sumber ini secara bertanggungjawab dan lestari. Produk kami dirumuskan untuk daging lembu dan tenusu, kambing, ayam itik dan arnab, menyediakan nutrien penting untuk pertumbuhan dan kesihatan yang optimum. Komitmen terhadap kelestarian dan kualiti ini telah membangunkan reputasi kami sebagai pilihan utama petani dan pengeluar ternakan.

Pada tahun yang dikaji, FGV melancarkan makanan ayam kampung berkualiti tinggi untuk menyokong Agenda Keselamatan Makanan Negara dan NAP 2.0. Makanan itu dirumuskan bersama BERNAS dan menggunakan produk sampingan daripada kilang padi dan beras tempatan sebagai sebahagian daripada inisiatif sisa kepada kekayaan. Produk ini akan mengurangkan kos pengeluaran kira-kira 10% menerusi penggantian komponen jagung bijirin yang diimport. Dianggarkan 30,000 MT bahan produk sampingan akan digunakan setiap tahun untuk menghasilkan makanan ayam kampung ALMA.



FGV menghasilkan makanan haiwan dan penambah yang berkualiti untuk ternakan yang sihat.

Strategi Perniagaan

Sementara itu, kemudahan Kilang Makanan Haiwan kami di Kapar dan Bukit Sagu telah ditauliahkan dan dilengkapi untuk menyokong perniagaan PKE kami dengan menawarkan perkhidmatan pembungkusan semula dan pembungkusan jumbo. Kemudahan ini amat berguna semasa masa puncak antara Mac dengan September apabila permintaan daripada industri ternakan dan ayam itik adalah tinggi. Pasukan profesional kami berdedikasi untuk memastikan pemprosesan PKE yang cekap dan kena pada masanya, dan memenuhi keperluan khusus pelanggan kami dalam industri.

Tinjauan

Berpandangan hadapan, industri FMCG di Malaysia akan menghadapi tahun yang sukar, kerana kesan inflasi tinggi dan potensi kenaikan kadar faedah selanjutnya boleh mengurangkan keyakinan perbelanjaan pengguna. Oleh itu, pelaksanaan inisiatif pemasaran strategik yang menekankan pemahaman yang mendalam tentang pelanggan dan pengguna adalah penting untuk memenuhi permintaan dan keperluan mereka. Selain itu, untuk mengembangkan pangkalan pelanggan kami dan memastikan produk kami boleh diakses oleh lebih ramai khalayak, kami akan terus membangunkan pelbagai saluran pengedaran untuk menguji respons pasaran terhadap produk kami.



Untuk perniagaan makanan haiwan, kami akan memperkenalkan produk seperti PKE yang diubah suai, makanan akuakultur dan ternakan, untuk meningkatkan jumlah pengeluaran dan memenuhi ubah ansur keperluan pelanggan kami. Produk baharu ini akan dihasilkan dengan komitmen yang sama terhadap kualiti dan inovasi menurut jangkaan pelanggan kami. FGV juga teruja untuk menceburi perniagaan baharu menggunakan larva lalat askar hitam sebagai sumber protein alternatif.

Segmen tenusu kami akan menitikberatkan penghasilan produk kesihatan, seperti yogurt acerola, dan mempelbagaikan produk baharu dengan hayat di rak lebih lama, seperti susu Suhu Ultra Tinggi (UHT) dan produk susu hidangan tunggal. Kami komited untuk menggunakan hanya bahan berkualiti terbaik dan teknik pengeluaran terkini untuk memastikan produk kami memenuhi piawaian kualiti dan kesegaran tertinggi.

Untuk perniagaan padi, kami telah melaksanakan rancangan untuk mengekalkan petani kontrak *Fortified Field* kami, dan juga melanjutkan perjanjian kami dengan mereka. Rancangan ini akan memastikan keandalan sumber beras kami dan mengekalkan keamatan hubungan dengan rakan tani kami. Kami juga menitikberatkan peningkatan produktiviti menerusi penguatkuasaan SOP, melengkapkan petani kami dengan alat dan sumber yang mereka perlukan dan melaksanakan amalan terbaik. Kami komited untuk mendapatkan pensijilan MyGAP, yang merupakan pensijilan yang memastikan produk pertanian ditanam, dituai dan dikendalikan secara selamat dan lestari. Pensijilan ini akan membantu peningkatan kualiti produk kami dan juga membuka lebih banyak peluang dalam pasaran antarabangsa.



HUBUNG KAIT PERKARA MATERIAL DENGAN RISIKO DAN STRATEGI

Perkara Material	Pelarasan SDG	Hubung Kait kepada Risiko Utama	Reaksi Kami Semasa Tahun 2021
 Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh	   	 Risiko Buruh  Risiko Kelestarian	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan interaksi pemegang kepentingan menerusi pembangunan pelan komunikasi yang berkesan dan cekap. Mengkaji dan memperkukuh Garis Panduan dan Prosedur Pengambilan dan Guna Tenaga Pekerja Migran Secara Bertanggungjawab menerusi pelarasan amalan kami dengan piawaian antarabangsa.
 Kecemerlangan Operasi	 	 Risiko Perdagangan  Risiko Pasaran  Risiko Kelestarian  Risiko Keselamatan Siber	<ul style="list-style-type: none"> Memantapkan pelaksanaan Amalan Pertanian Baik dan Amalan Pemuliharaan Lembapan semasa aktiviti penanaman semula. Bekerjasama dengan institusi pendidikan untuk menyediakan program peningkatan kemahiran dan pemahiran semula untuk operasi ladang.
 Pensijilan Kelestarian	   	 Risiko Kelestarian  Risiko Perdagangan	<ul style="list-style-type: none"> Memperkukuh maklumat kebolehkesanan, menyasarkan 100% Kebolehkesanan ke Ladang. Membangunkan dan memantau pelan tindakan pensijilan RSPO agar selaras dengan keperluan piawai.
 Tadbir Urus, Etika & Integriti		 Risiko Rasuah	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan amalan tadbir urus Kumpulan dengan memulakan dasar dan prosedur yang komprehensif dan lebih ketat merentas rantaian nilai. Menggalakkan budaya kerja berintegriti tinggi.
 Kesihatan & Keselamatan Pekerja	 	 Risiko Kawal Selia  Risiko Kesihatan & Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan dengan menerapkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara yang terkini Menyediakan komunikasi yang berkesan tentang prosedur kesihatan dan keselamatan kepada pemegang kepentingan dalaman dan luaran.
 Tindakan Iklim	   	 Risiko Iklim	<ul style="list-style-type: none"> Ikhtiar untuk mengurangkan pelepasan GHG selaras dengan SBTi dan aspirasi sifar bersih. Menjalankan Audit Tenaga dengan menganalisis corak tenaga dan kadar penggunaan.
 Kebolehkesanan, Penyumberan Bertanggungjawab & Pengurusan Rantaian Bekalan	   	 Risiko Perdagangan  Risiko Pasaran  Risiko Kelestarian  Risiko Keselamatan Siber	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kecekapan pengurusan rantaian bekalan, bertujuan untuk mengurangkan kos operasi. Penyumberan strategik dengan transaksi rundingan dan proses dalaman yang lebih baik.



Maklumat lanjut tentang Risiko Utama Kumpulan (ditunjukkan oleh ikon merah) boleh didapati dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada halaman 161 hingga 169.

Hubung Kait Perkara Material dengan Risiko dan Strategi

	Pautan ke Teras Strategik	Impak kepada Modal
<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan pusat sehati di Malaysia, India dan Indonesia untuk mengukuhkan pengambilan pekerja asing kami. Menjalankan usaha wajar atas pelantikan agensi pengambilan menerusi mekanisme prapenyumberan untuk menilai komitmen agensi terhadap buruh dan hak asasi manusia. Meneruskan pemantauan operasi FGV untuk menangani sebarang risiko amalan buruh paksa menerusi mekanisme rungutan dan pemberian maklumat. 	 Pengukuhan Kewangan & Keupayaan  Penambahbaikan Operasi	 Insan  Sosial & Perhubungan
<ul style="list-style-type: none"> Replikasi ladang model, kilang dan kilang getah yang menggalakkan amalan 5S dalam kalangan tenaga kerja operasi kami. Menggunakan <i>Lean Six Sigma</i> yang menyediakan pendekatan komprehensif dalam penambahbaikan proses. Menambah baik proses pengumpulan dan memastikan loji dan kilang diurus dengan cekap. Lindung nilai jualan hadapan dan pembelian bahan mentah untuk mengurangkan pendedahan risiko harga. 	 Penambahbaikan Operasi  Penembusan Produk & Pasaran  Bidang Pertumbuhan Baharu	 Semula Jadi  Pembuatan  Intelek
<ul style="list-style-type: none"> Interaksi dan kerjasama dengan pemegang kepentingan utama untuk menangani isu yang berkaitan dengan kelestarian. Menguatkuasakan dan memantau pematuan pembekal mengikut keperluan Dasar Kelestarian Kumpulan. Menggalakkan pertumbuhan lestari dan penjaan pendapatan menerusi operasi patuh ISCC kami. 	 Penambahbaikan Operasi  Penembusan Produk & Pasaran	 Sosial & Perhubungan  Pembuatan  Insan
<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan latihan dan meningkatkan kesedaran tentang tadbir urus, integriti dan etika untuk meningkatkan piawaian tadbir urus, seperti: <ul style="list-style-type: none"> Latihan dan Kesedaran Tadbir Urus dan Integriti. Audit Dalaman Antirasuah. Peningkatan Modul Kesedaran Integriti. Peningkatan Tadbir Urus Korporat dan Integriti Perniagaan atas Pelan Pencegahan Rasuah FGV. 	 Pengukuhan Kewangan & Keupayaan	 Kewangan  Sosial & Perhubungan  Insan
<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan Audit Kesihatan dan Keselamatan seperti pemasangan Model Kematangan Budaya Keselamatan dalam rangka kerja perniagaan kami. Mempromosikan <i>OSH Vision Zero</i> untuk membudayakan tempat kerja yang bebas kecederaan dan Program <i>#GOHOMESAFE</i> untuk mengurangkan bilangan kejadian dalam operasi FGV. Mengadakan latihan HSE untuk pekerja yang terutamanya mempunyai pendedahan yang lebih tinggi kepada risiko berbahaya agar mereka menerapkan budaya keselamatan dalam operasi FGV. 	 Pengukuhan Kewangan & Keupayaan  Penambahbaikan Operasi	 Insan  Sosial & Perhubungan
<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan Pelan Tindakan Iklim Seluruh Kumpulan untuk menggalakkan usaha kelestarian dan melaksanakan program tindakan iklim pada peringkat operasi. Mengenal pasti dan membangunkan pelan tindakan untuk meningkatkan ketelusan dan pendedahan tentang amalan yang lestari dan bertanggungjawab. 	 Pengukuhan Kewangan & Keupayaan  Penambahbaikan Operasi	 Semula Jadi  Sosial & Perhubungan
<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan sesi suai kenal dengan pembekal agar mereka akur dengan keperluan dan amalan Dasar Kelestarian Kumpulan. Memastikan semua bahan mentah diperoleh daripada sumber yang lestari selaras dengan komitmen Dasar Kelestarian Kumpulan. Memperkenalkan siri perjanjian pembekal untuk memastikan pembekal kami mematuhi dasar Tatakelakuan Pembekal. Melaksanakan mekanisme pemantauan yang diperlukan untuk mencapai kebolehesanan lengkap sepanjang rantai bekalan. 	 Pengukuhan Kewangan & Keupayaan	 Semula Jadi  Pembuatan  Intelek



PENCIPTAAN NILAI **MEMBENTUK TERAS PERNIAGAAN**

49 Ulasan Kewangan Kumpulan
55 Ulasan Perniagaan Kumpulan
73 Ulasan Kelestarian

ULASAN KEWANGAN KUMPULAN

RINGKASAN PRESTASI

Kumpulan sekali lagi mencapai hasil dan keuntungan yang mencatatkan sejarah tertinggi bagi tahun kewangan berakhir 2022, mengatasi prestasi kami pada 2021 dan dengan itu, memberikan keputusan terbaik sejak penyenaian kami. Hasil melonjak 31% kepada RM25.56 bilion pada 2022 daripada RM19.57 bilion pada 2021, manakala Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) meningkat 14% kepada RM1.33 bilion berbanding dengan RM1.17 bilion pada 2021. Prestasi cemerlang ini didorong oleh purata harga Minyak Sawit Mentah (MSM) yang lebih tinggi dan kenaikan harga produk sawit.

Keputusan kukuh ini turut disumbangkan oleh peningkatan daya pemprosesan dan muatan daripada Sektor Logistik & Lain-lain (LO) kami, dan peningkatan sumbangan daripada usaha sama berikutan prestasi yang lebih baik dan keuntungan sekali sahaja daripada pelupusan subsidiarinya. Keputusan ini, bagaimanapun, telah dibalas timbal sebahagiannya oleh kerugian yang ditanggung dalam Sektor Gula, berpunca daripada kos pengeluaran yang lebih tinggi.

Purata harga jualan MSM yang dicapai oleh Kumpulan ialah RM4,832 setiap MT berbanding dengan RM3,671 setiap MT pada 2021. Peningkatan ini didorong oleh pelbagai faktor, termasuk konflik Rusia-Ukraine yang berpanjangan, kekurangan buruh, pengeluaran sawit yang lebih rendah dan bekalan yang lebih lemah daripada minyak sayuran lain.



KEDUDUKAN KEWANGAN SEKTOR



Di ladang inilah hasil kami berpunca, dari benih hingga penuaian.



Gula Prai, jenama utama produk gula kami.



Sektor LO memastikan operasi kami berjalan lancar.

Perladangan

Sektor Perladangan kami mencatatkan keuntungan ketara yang bertambah baik kepada RM2,118 juta berbanding dengan RM1,602 juta pada 2021. Prestasi yang lebih kukuh ini terutamanya disebabkan oleh realisasi purata harga MSM yang lebih tinggi, margin yang lebih baik dalam perniagaan hiliran dan baja serta bahagian keuntungan yang lebih baik daripada usaha sama. Peningkatan ini sebahagiannya dibalas timbal oleh caj nilai saksama yang lebih tinggi bagi Perjanjian Pajak Tanah (LLA) berjumlah RM352.87 juta berbanding dengan RM3.98 juta yang didaftarkan pada 2021.

Hasil

RM22,573 juta

2021: RM16,920 juta

Keuntungan Sebelum Cukai

RM2,118 juta

2021: RM1,602 juta

Gula

Sektor Gula kami mencatatkan kerugian RM177 juta berbanding dengan keuntungan RM86 juta pada 2021. Prestasi Sektor terjejas teruk oleh pemampatan margin, terutamanya disebabkan oleh kos input yang tinggi dan kelemahan Ringgit Malaysia walaupun hasil lebih tinggi dicatatkan di sebalik purata harga jualan keseluruhan yang lebih tinggi.

Hasil

RM2,566 juta

2021: RM2,260 juta

Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai (RM177 juta)

2021: RM86 juta

Logistik & Lain-lain

Keuntungan Sektor LO kami terus meningkat kepada RM104 juta daripada RM90 juta yang didaftarkan pada 2021. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh volum minyak premium yang lebih tinggi dan pemprosesan yang dikendalikan, serta tan yang lebih tinggi dibawa pada 2022. Bagaimanapun, keuntungan telah dibalas timbal oleh kerugian ditanggung oleh Bahagian Lain-lain disebabkan oleh kemerosotan nilai.

Hasil

RM389 juta

2021: RM363 juta

Keuntungan Sebelum Cukai

RM104 juta

2021: RM90 juta



Ulasan Kewangan Kumpulan

Jumlah aset Kumpulan pada 2022 meningkat sedikit kepada RM18,111 juta daripada RM17,956 juta yang didaftarkan pada 2021. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan 23% dalam inventori hasil daripada harga dan volum yang lebih tinggi. Jumlah liabiliti dikurangkan sebanyak 5% disebabkan oleh penurunan jumlah pinjaman sebanyak 24%, tetapi sebahagiannya telah dibalas timbal oleh peningkatan 36% dalam pemiutang. Termasuk dalam pemiutang ialah peruntukan pampasan yuran pengambilan berjumlah RM112 juta. Peruntukan ini ialah sebahagian daripada pelan pemulihan Kumpulan untuk pekerja asing yang sedia ada dan dahulu. Usaha ini juga dilaksanakan untuk memastikan pekerja FGV bebas daripada buruh paksa dan amalan eksploitatif dan selaras dengan dasar Tiada Yuran Pengambilan Kumpulan.

Jumlah ekuiti bagi Kumpulan pada 2022 berjumlah RM7,885 juta, meningkat 10% daripada RM7,187 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Jumlah baki tunai Kumpulan pada 31 Disember 2022 menurun sebanyak 31% kepada RM1,397 juta daripada RM2,032 juta yang dicatatkan pada 2021. Penurunan ini disebabkan oleh tunai bersih yang lebih tinggi digunakan dalam aktiviti pelaburan dan pembiayaan masing-masing sebanyak RM724 juta dan RM2,173 juta yang termasuk pembayaran dividen kepada pemegang saham dan kepentingan tidak mengawal sebanyak RM549 juta, pinjaman dan pembayaran balik LLA kepada FELDA sebanyak RM777 juta.

Pada 2022, nisbah penggearing meningkat kepada 0.39 kali daripada 0.56 kali pada 2021 disebabkan oleh pinjaman yang lebih rendah dan jumlah ekuiti yang bertambah baik hasil daripada keuntungan yang lebih tinggi. Sementara itu, nisbah kecairan menurun kepada 1.17 pada 2022 daripada 1.22 yang dicatatkan pada 2021 disebabkan peningkatan dalam pemiutang dan pengelasan semula pinjaman kepada liabiliti semasa disebabkan oleh FELDA. Hal ini berhubung dengan penyelesaian akhir yang akan dibuat pada 2023.

Kumpulan mencatatkan aset bersih sesaham yang lebih baik sebanyak RM1.71 berbanding dengan RM1.49 pada 2021, manakala pendapatan sesaham juga meningkat kepada 36.4 sen daripada 32.0 sen pada tahun sebelumnya, seiring dengan peningkatan keputusan Kumpulan.

Kumpulan mencatatkan kadar cukai berkesan yang lebih tinggi disebabkan peruntukan Cukai Makmur kira-kira RM107 juta dan penggunaan kerugian perniagaan yang lebih rendah yang dibawa ke hadapan pada 2022.

Memandangkan prestasi FGV yang bertambah baik, Lembaga Pengarah meluluskan jumlah pembayaran dividen sebanyak 15 sen sesaham bagi 2022 berjumlah RM547 juta, pembayaran tertinggi sejak 2014. Dividen interim sebanyak 4 sen telah dibayar pada 29 September 2022, manakala pembayaran terakhir dividen 11 sen sesaham telah dibayar pada 13 April 2023.

Sorotan Kewangan Utama

	2022	2021
Tunai dan Kesetaraan Tunai (RM juta)	1,397	2,032
Jumlah Pinjaman (RM juta)	3,059	3,998
Nisbah Kecairan (kali)	1.17	1.22
Nisbah Penggearing (kali)	0.4	0.6
Pendapatan Sesaham (sen)	36.4	32.0
Dividen (sen)	15	8



Dari kiri • Chew Tong Lai - Ketua, Perolehan Kumpulan • Daniel VC Lee - Pegawai Maklumat Kumpulan • Aznur Kama Azmir - Pengawal Kewangan Kumpulan • Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid - Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan • Manvinder Singh - Pengawal Cukai Kumpulan • Shahrul Azman Mohd Mokhtar - Bendahari Kumpulan • Nor Marhamah Yahya - Penasihat Undang-undang

Ulasan Kewangan Kumpulan



SOROTAN OPERASI KEWANGAN

FGV Shared Service Centre Sdn Bhd melaksanakan Perencanaan Semula Proses Perniagaan Kewangan untuk ladang dan wilayah, yang bertujuan untuk menyeragamkan dan mendigitalkan pemprosesan invois dan pembayaran. Perencanaan ini akan mempercepat proses penutupan, membolehkan subsidiari melaraskan operasi kewangan mereka dan mencapai kecekapan, ketepatan dan ketekalan yang lebih tinggi dalam pelaporan kewangan.

Selain itu, skop Automasi Proses Robotik (iRPA) pintar diperluas untuk memasukkan pengesahan invois perubatan dan pemprosesan Pentadbiran Personel, menyepadukan tugas ini dengan lancar untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti fungsi perkhidmatan perkongsian kewangan. Proses iRPA bertujuan untuk mengurangkan tugas berulang bagi meningkatkan keupayaan operasi dan mencipta aliran kerja yang lebih cekap.

PEROLEHAN

FGV lebih berhati-hati dalam perbelanjaan perolehan dan telah memperkenalkan langkah untuk meminimumkan bocoran sejak 2021, menghasilkan proses dan strategi rundingan yang lebih baik. Kumpulan meneruskan usaha ini pada 2022 dan melepasi sasaran 2022 yang dilanjutkan dengan mencapai 131% atau RM157.27 juta dalam penjimatan, walaupun pandemik COVID-19 mengurangkan aktiviti perolehan. Pada masa hadapan, kami akan terus meneliti perbelanjaan perolehan kami sebagai sebahagian daripada pendekatan untuk mengurangkan kos operasi.

**PENJIMATAN
RM157.27 JUTA
DIREALISASIKAN
MEWAKILI
PENGURANGAN KOS
SEBANYAK 16%
BERBANDING DENGAN
BELANJAWAN.**



KECEMERLANGAN OPERASI

- **Pendigitalan Proses Perolehan**

Kami melaksanakan beberapa penambahbaikan sistem ePerolehan, tadbir urus dan kawalan proses serta penyepaduan pangkalan data dalam sistem Perancangan Sumber Perusahaan (ERP) sedia ada. Inisiatif pendigitalan ini adalah untuk membolehkan automasi, menambah baik masa pemulihan, meningkatkan kualiti data dan ketelusan proses, seterusnya melaraskan kitaran tanpa kertas perolehan hujung ke hujung.

TINJAUAN

Meninjau ke hadapan, dari perspektif global, imbalan risiko condong ke bawah apabila ketegangan geopolitik dan peningkatan inflasi memberikan impak kepada prospek pertumbuhan. Dalam negeri pula, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 4.5% pada 2023, disokong oleh permintaan tempatan. Bagaimanapun, inflasi dijangka kekal tinggi dan eksport dijangka menurun. Selain itu, harga MSM diramalkan kekal tinggi berikutan pasaran buruh yang ketat dan keberterusan konflik Rusia-Ukraine, yang boleh memanfaatkan FGV.

Secara keseluruhannya, Kumpulan akan terus mencari jalan untuk meningkatkan kecekapan operasinya dan akan melaksanakan inisiatif pengoptimuman kos untuk mengurus kos yang semakin meningkat merentas semua Sektor. Sektor Perladangan, khususnya, akan meneruskan usaha mekanisasi dan memacu program penanaman semulanya untuk memastikan produktiviti yang lebih tinggi di ladang dan kilang. Kami juga menjangkakan aliran masuk hasil dari kawasan tumpuan baharu dalam beberapa tahun akan datang.

Dari segi amalan buruh, kami menjangkakan Perintah Sekatan Pelepasan (WRO) kami akan diubah suai dalam masa terdekat, setelah memulakan semua langkah sewajarnya untuk menangani perkara itu dan berharap untuk menyerahkan laporan akhir kepada *Customs and Border Protection* (CBP) Amerika Syarikat (AS) dalam masa terdekat.



Ulasan Kewangan Kumpulan

EKSTRAK PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN

	2022 RM'000	2021 RM'000
Hasil	25,561,543	19,565,891
Keuntungan operasi	1,906,655	1,778,776
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	1,955,223	1,713,980
Keuntungan bagi tahun kewangan	1,268,601	1,175,578
Keuntungan Boleh Diagihkan kepada:		
Pemilik Syarikat	1,329,226	1,167,874
Kepentingan Tidak Mengawal	(60,625)	7,704
	1,268,601	1,175,578

EKSTRAK PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	2022 RM'000	2021 RM'000
Hartanah, Loji dan Peralatan	7,727,964	7,674,392
Kepentingan dalam Usaha Sama dan Syarikat Bersekutu	631,043	519,788
Aset Bukan Semasa Yang Lain	3,690,187	3,885,779
Aset Bukan Semasa	12,049,194	12,079,959
Aset Semasa Tidak Termasuk Wang Tunai	4,664,326	3,844,769
Deposit, Tunai dan Baki Bank	1,397,106	2,031,666
Aset Semasa	6,061,432	5,876,435
Jumlah Aset	18,110,626	17,956,394
Modal Dan Rizab		
Ekuiti Boleh Diagihkan kepada Pemilik Syarikat	6,231,657	5,420,601
Kepentingan Tidak Mengawal	1,653,028	1,765,917
Jumlah Ekuiti	7,884,685	7,186,518
Pinjaman	3,058,960	3,998,162
Liabiliti LLA	3,680,354	3,804,790
Liabiliti Bukan Semasa Yang Lain	951,749	976,566
Liabiliti Semasa Yang Lain	2,534,878	1,990,358
Jumlah Liabiliti	10,225,941	10,769,876
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti	18,110,626	17,956,394

Ulasan Kewangan Kumpulan

EKSTRAK PENYATA ALIRAN TUNAI

	2022 RM'000	2021 RM'000
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	3,249,029	2,554,567
Perubahan Modal Kerja	(504,310)	(401,901)
Tunai Dijana daripada Operasi	2,744,719	2,152,666
Pendapatan Kewangan	26,256	22,728
Bayaran Cukai dan Zakat	(538,821)	(229,419)
Bayaran Manfaat Persaraan	(5,646)	(4,089)
Tunai Bersih Dijana daripada Aktiviti Operasi	2,226,508	1,941,886
Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Pelaburan	(723,853)	(569,263)
Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Pembiayaan	(2,173,340)	(1,087,941)
Peningkatan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	(670,685)	284,682
Kesan daripada Kadar Pertukaran Mata Wang Asing	32,777	17,052
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Permulaan Tahun Kewangan	1,967,191	1,665,457
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Akhir Tahun Kewangan	1,329,283	1,967,191
Deposit, Baki Tunai dan di Bank	1,397,106	2,031,666
Tolak: Tunai Terhad	(67,823)	(64,475)
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Akhir Tahun Kewangan	1,329,283	1,967,191



Ulasan Kewangan Kumpulan

PENYATA NILAI TAMBAH

	2022 RM'000	2021 RM'000
Hasil	25,561,543	19,565,891
Kos Langsung & Tidak Langsung	(14,281,053)	(10,140,761)
Pembelian BTS daripada Peneroka	(6,770,968)	(5,333,216)
Nilai Tambah daripada Operasi	4,509,522	4,091,914
Lain-lain Pendapatan Operasi	152,783	95,113
Lain-lain Keuntungan	(39,267)	87,959
Bahagian Keputusan daripada Syarikat Usaha Sama & Bersekutu	148,822	39,409
Pendapatan Kewangan	26,256	22,728
Jumlah Nilai Tambah	4,798,116	4,337,123

PENYATA NILAI DIAGIHKAN

	2022 RM'000	2021 RM'000
Pekerja	1,985,493	1,720,201
Kerajaan dan Masyarakat	699,365	549,141
Pembekal Modal		
Dividen kepada Pemilik Syarikat	437,778	109,445
Kos Kewangan	126,510	126,933
Kepentingan Tidak Mengawal	(60,625)	7,704
Pelaburan Semula	1,609,595	1,823,699
Jumlah Nilai Diagihkan	4,798,116	4,337,123

ULASAN PERNIAGAAN KUMPULAN


PERLADANGAN

Sektor Perladangan FGV mencatat prestasi kewangan yang sangat kukuh disokong harga produk kelapa sawit yang mencatatkan rekod tertinggi pada tahun 2022. Walaupun terdapat peningkatan kos pengeluaran keseluruhan di semua Sektor dan diburukkan lagi oleh kekurangan pekerja ladang, Sektor ini telah berjaya mencapai hasil yang luar biasa pada 2022, mencatatkan keuntungan sebanyak RM2.12 bilion, menunjukkan kenaikan 33% berbanding dengan RM1.60 bilion pada 2021.




Terus dari ladang, buah tandan segar kami sedia untuk diproses.

Harga Purata MSM (RM/MT)



Harga Purata PK (RM/MT)




Pada tahun yang dikaji, kami meningkatkan tumpuan dalam pengukuhan operasi Huluhan untuk mencapai sasaran operasi kami seiring dengan inisiatif penanaman semula dan mekanisasi demi meningkatkan produktiviti. Selain itu, kami menggiatkan aktiviti pengambilan pekerja untuk menangani kekurangan buruh yang mengganggu industri perladangan.

Perniagaan Hiliran kami terus berkembang dengan kukuh dan semakin maju dalam pasaran antarabangsa, menerajui pasaran dengan jenama Saji dan Seri Pelangi serta melancarkan Unit Penyimpanan Stok (SKU) baharu untuk memenuhi keperluan pasaran. Cabang penyelidikan memperkukuh Sektor ini dengan komitmen sepenuhnya untuk membangunkan dan menambah baik teknologi dan pendekatan inovatif, untuk digunakan dalam operasi kami menerusi Bahagian Penyelidikan & Pembangunan (R&D). Kami secara aktif mengusahakan peningkatan kemantapan operasi serta mencipta peluang baharu. Bahagian lain dalam Sektor ini terus melaksanakan strategi Kumpulan dan menyumbang secara positif kepada prestasi kami tahun ini.

Ulasan Perniagaan Kumpulan

PRESTASI KEWANGAN



Pada tahun yang dikaji, kami menyaksikan lonjakan keuntungan yang luar biasa bagi Sektor Perladangan, dengan keuntungan melonjak daripada RM1,602 juta pada 2021 kepada RM2,118 juta pada 2022. Pemacu utama pertumbuhan yang amat positif ini ialah peningkatan ketara sebanyak 32% purata harga MSM direalisasikan pada RM4,832 setiap MT daripada RM3,671 setiap MT pada tahun sebelumnya. Selain itu, Sektor ini mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 19% dalam jumlah jualan, seterusnya menyumbang kepada kenaikan keuntungan. Bagaimanapun, prestasi yang amat positif itu sebahagiannya dibalas timbal oleh kenaikan kos MSM dari kilang, yang meningkat daripada RM1,801 setiap MT kepada RM2,182 setiap MT, terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga baja serta kos tenaga dan tenaga kerja.

Bahagian Hiliran melaporkan margin keseluruhan yang lebih tinggi daripada semua perniagaan, termasuk segmen oleokimia, yang menyaksikan tambahan permintaan daripada industri penjagaan diri dan penembusan selanjutnya dalam akaun-akaun yang mempunyai margin lebih tinggi. Kenaikan harga komoditi dan volum jualan yang lebih besar dalam perniagaan minyak & lemak dan biodiesel juga menyumbang kepada margin yang lebih tinggi. Sumbangan daripada Bahagian Pembangunan & Penyelidikan (R&D) terus bertambah baik, didorong oleh margin yang lebih tinggi daripada perniagaan baja dan benih, berserta jumlah jualan yang lebih besar.



Berdiri baris pertama dari kiri • Anwar Abdul Talib - CEO, FGV Rubber Industries Sdn Bhd • Hj Abu Samah Sulaiman - Ketua, Bahagian Tenaga Boleh Baharu • Mohd Aris Omar - Ketua, Kejuruteraan Perladangan • Mohd Sarian Md Shahid - Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan & Ketua, Bahagian Hulan • Roslizam Shaari - Ketua, Sumber Manusia Sektor Perladangan • Mazatul Aishah Aziz - Ketua, Hal Ehwal Korporat • Shahril Ibrahim - Akauntan Kumpulan, Sektor Perladangan
Berdiri baris kedua dari kiri • Mohd Azam Si Rajab - CEO, FGV Trading Sdn Bhd • Zarif Zainul - Ketua, Tenaga Kerja Lapangan & Interaksi Peneroka • Rahimi Hissan Wahid - CEO, FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd (FGVPM) • Abdul Malik Sekak - CEO, FGV Palm Industries Sdn Bhd • Zulkifli Othman - Ketua, Bahagian Hulan & Pembangunan Perniagaan dan Pegawai Penjaga bagi Ketua, Bahagian Pemasaran & Perdagangan • Romzi Ishak - Ketua, Bahagian R&D

Ulasan Perniagaan Kumpulan


PRESTASI OPERASI

HULUAN

Gambaran Keseluruhan

Di Bahagian Hulan, kami mengurus bank tanah sebesar 439,051 Ha dengan keluasan tanaman seluas 334,075 Ha di seluruh Malaysia dan Indonesia. Kami merupakan antara pengeluar MSM global terkemuka di dunia, menyumbang 4% daripada pengeluaran dunia daripada 67 kilang kami, semuanya terletak di Malaysia. Bahagian ini juga mempunyai akses tersedia kepada Yangambi ML161, bahan penanaman yang baik dengan potensi hasil yang tinggi.

Bank Tanah (Ha)	2020	2021	2022
Malaysia			
• Semenanjung	252,543	252,451	252,606
• Sabah & Sarawak	164,154	163,856	163,866
Indonesia			
• Subsidiari	22,578	22,578	22,578
• Usaha Sama (JV)	42,824	–	–
Jumlah bank tanah (tidak termasuk JV)	439,275	438,885	439,051
Kawasan bertanam (kelapa sawit)			
• Tidak matang	59,842	56,660	51,268
• Matang	275,562	279,655	282,807
Jumlah kawasan bertanam (kelapa sawit)	335,404	336,315	334,075



¹ Berdasarkan kawasan matang selepas selesai pemuliharaan.

* Berdasarkan amaun terkini yang dinyatakan semula.



Ulasan Perniagaan Kumpulan

Pada tahun yang dikaji, kami mencapai jumlah pengeluaran BTS sebanyak 3.99 juta MT, mewakili sedikit peningkatan daripada tahun sebelumnya, manakala hasil BTS kami bertambah baik daripada 14.40 MT setiap Ha kepada 14.57 MT setiap Ha. Peningkatan itu disumbangkan oleh hasil yang lebih baik dari kawasan lama dan utama kami serta peningkatan produktiviti buruh dengan peningkatan bilangan pekerja yang tiba pada penghujung 2022. Hasil juga dikira berdasarkan kawasan matang selepas selesai pemuliharaan.

BTS yang diproses pada tahun ini melonjak 9% kepada 14.25 juta MT, disumbangkan oleh pengeluaran tanaman yang lebih tinggi daripada peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan sumber luar. Daripada jumlah BTS yang diproses sebanyak 14.25 juta MT, 28% dihasilkan secara dalaman, manakala 45% dan 27% masing-masing diperoleh daripada peneroka FELDA dan pihak ketiga. Hal ini menyebabkan pengeluaran MSM meningkat sebanyak 8% kepada 2.90 juta MT pada 2022.

Walaupun pengeluaran bertambah baik, kos MSM dari kilang kami berjumlah RM2,182 setiap MT, peningkatan sebanyak 21% terutamanya disebabkan oleh peningkatan global kos bahan seperti baja, akibat konflik Rusia-Ukraine, pelaksanaan gaji minimum pada Mei 2022 dan kos tambahan yang berkaitan dengan pengambilan pekerja asing baharu.

Kadar Pengekstrakan Minyak (OER) bagi 2022 mengalami sedikit kejatuhan, menurun kepada 20.35% disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja pada awal tahun, mengakibatkan selang penuaian yang lebih lama dan pengumpulan buah yang tidak mencukupi. Isu ini juga menyebabkan peningkatan tandan yang terlalu masak. Namun begitu, OER masih melebihi purata industri sebanyak 19.70%. Sementara itu, Kadar Perahan Isirung (KER) kami meningkat sedikit kepada 5.06% daripada 5.04% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Penanaman semula terus menjadi keutamaan utama Kumpulan untuk mengekalkan produktiviti pada tahap optimum dan kelestarian ladang kami. Pada tahun yang dikaji, Kumpulan telah menyelesaikan penebangan seluas 10,858 Ha. Jumlah penanaman semula, bagaimanapun, berjumlah hanya 3,232 Ha disebabkan penjadualan semula penanaman untuk memadamkan kesediaan anak benih dan penyerahan semula kontrak kepada vendor baharu untuk projek penanaman semula jangka panjang. Kekurangan tenaga kerja yang dihadapi oleh ladang dan kontraktor memburukkan lagi keadaan. Dalam penambahbaikan program penanaman semula, kami akan menggunakan bahan penanaman baharu dan melaksanakan teknologi baharu serta pemodenan dalam penanaman semula semasa peringkat belum matang.



Jumlah Kawasan Penanaman Semula

3,232 Ha

2021: 5,342 Ha




Kawasan Kelapa Sawit Mengikut Profil Umur

13.65 tahun

2021: 14.25 tahun

Kawasan Kelapa Sawit Mengikut Profil Umur



Komponen utama inisiatif peningkatan produktiviti FGV ialah mekanisasi yang mengurangkan kos dan pergantungan pada pekerja asing. Pada 2022, sejumlah 21,403 Ha telah diusahakan menggunakan Pengangkutan Pungutan Bantuan Mekanik (MACT) yang asalnya daripada kawasan kontrak dan diuruskan oleh pengangkutan luar. Pada tahun ini, kami memperluas program Pungutan Dalam Lapangan Bantuan Mekanik (MAIC) untuk meliputi kawasan teres berbukit, yang meliputi 4,309 Ha dengan melaksanakan penggunaan kereta sorong berkuasa untuk membantu pembawa dalam pemindahan tanaman, berbeza dengan tahun sebelumnya apabila kami memberikan tumpuan pada kawasan rata dan beralun.

Kawasan Mekanisasi



Jumlah Kawasan MACT:

21,403 Ha

2021: 7,320 Ha

Jumlah Kawasan MAIC:

4,309 Ha

2021: 30,391 Ha

FGV terus menggiatkan pengambilan pekerja ladang kerana kekurangan buruh kekal sebagai risiko utama operasi ladang. Strategi Rekrut, Kekal dan Hantar Balik buruh kami akan ditumpukan pada peluasan hab pengambilan pekerja kami di Indonesia untuk pekerja asing, memastikan mata pencarian yang lebih baik untuk pekerja ladang kami dan berusaha untuk kadar pengendalian yang lebih kukuh. Pada 2022, usaha Kumpulan untuk mengambil pekerja ladang membuahkan hasil, dengan kemasukan lebih daripada 10,000 pekerja merangkumi 8% pekerja tempatan. Pengambilan ini menjadikan tenaga kerja ladang berjumlah 29,929 pekerja pada penghujung 2022 berbanding dengan keperluan 34,000 pekerja, menjadikan kekurangan buruh kami turun kepada 13% daripada 32% tahun sebelumnya.

Ulasan Perniagaan Kumpulan

Prospek

Tinjauan bagi industri perladangan didorong oleh permintaan global untuk komoditi pertanian dijangka meningkat pada tahun-tahun akan datang apabila populasi dan pendapatan meningkat, sekali gus meningkatkan permintaan terhadap makanan, makanan haiwan dan bioteknologi. Namun demikian, industri juga menghadapi cabaran seperti perubahan iklim, kekangan sumber, dan anjakan pilihan pengguna untuk produk yang lestari dan bertanggungjawab.

Pada masa hadapan, Bahagian Hulu FGV mempunyai sasaran dan strategi jelas yang disasarkan untuk dicapai pada 2023 meliputi penambahbaikan hasil BTS, strategi buruh, mekanisasi, penanaman semula dan kelestarian. Dalam pelaksanaan projek 25:23 (Hasil:OER), kami menyasarkan peningkatan hasil sekitar 18% pada 2023 dengan memantau penuaian tanaman dan kecekapan kilang di ladang kami, memastikan bahan tanaman sesuai untuk tapak penanaman masing-masing, mengurangkan kerosakan haiwan perosak dan penyakit serta melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP). Kami juga akan menitikberatkan pemaksimuman daya pengeluaran kilang kepada lebih daripada 95% dengan mengukuhkan program penyelenggaraan pencegahan dan menggantikan mesin dengan teknologi baharu. Memaksimumkan pemulihan minyak dengan meningkatkan pemulihan minyak dalam lubang pengumpulan enap cemar dan memasang tangki lamina untuk meningkatkan penyingkiran minyak daripada jus Tandam Sawit Kosong (EFB) juga akan meningkatkan hasil minyak.

Dari segi tenaga kerja, kami akan mengembangkan hab pengambilan kami dengan matlamat untuk mencapai 110% kekuatan pekerja pada 2023. Disamping meningkatkan taraf hidup pekerja kami secara berterusan seperti yang ditetapkan dalam peraturan, kami akan memperuntukkan tambahan RM121 juta untuk tujuan menaik taraf.

Kami juga akan meneruskan inisiatif mekanisasi dengan tujuan untuk menambah baik nisbah manusia kepada tanah daripada 1:12 kepada 1:15 pada masa hadapan. Dalam usaha memperkukuh mekanisasi, kami bercadang untuk mengambil alih tambahan 20,000 Ha kawasan pengangkutan kontrak luar untuk MACT dan memperluas MAIC di kawasan berbukit BTS dengan kereta kuasa berkuasa untuk pemindahan BTS. Rancangannya adalah untuk mengembangkan MAIC ke kawasan seluas 104,244 Ha dalam tempoh enam tahun dan MACT ke kawasan seluas 98,054 Ha dalam tempoh lima tahun.

Kami juga akan mempercepat penanaman semula untuk membetulkan profil umur ladang kami dengan sasaran untuk menanam semula sekitar 20,000 Ha. Kami menjangkakan profil umur 10.2 tahun pokok kami menjelang 2025.

HILIRAN

Gambaran Keseluruhan


Bahagian Hiliran FGV terlibat dalam penapisan dan pembuatan produk makanan berasaskan sawit dan operasi oleokimia. Kami menawarkan rangkaian produk dalam kategori seperti minyak masak, marjerin, krim, santan dan beras. Kami merupakan peneraju pasaran dalam segmen minyak masak sawit dan marjerin menerusi jenama utama kami; Saji dan Seri Pelangi. Operasi kami terletak secara strategik di seluruh Malaysia dan di AS dan kami memanfaatkan akses terus yang kami ada dengan Bahagian Hulu untuk mendapatkan bekalan minyak sawit kami.

Pada 2022, kami mencatatkan jumlah jualan yang lebih tinggi dalam segmen minyak & lemak sebanyak 2% kepada 0.40 juta MT, disumbangkan oleh strategi harga kompetitif kami dan pertumbuhan positif jumlah produk berbungkus semasa kami mengembangkan rangkaian pengedaran kami ke pasaran baharu di Kemboja, Vietnam dan Amerika Utara. Penurunan harga MSM menjelang akhir 2022 juga meningkatkan jumlah jualan.


Berdasarkan penyelidikan pasaran bebas yang dijalankan pada 2022, jenama utama kami, Saji, terus menjadi jenama paling dipercayai dalam kategori minyak masak serta Jenama Terpentas Berkembang dekad ini. Penguasaan pasaran kami untuk minyak masak sawit bertapis meningkat kepada 45.7% daripada 42.1% sebelum ini, manakala, Seri Pelangi juga bertambah baik dalam penguasaan pasarnya bagi kategori marjerin, iaitu 43.9% daripada 41.3% pada 2021. Kami mengkomersialkan lima SKU baharu pada tahun ini, termasuk Minyak Masak 3 Kg Saji, Saji Beras Basmathi & Aroma, Minyak Bunga Matahari Adela dan Marjerin Adela.

Jumlah jualan segmen biodiesel juga meningkat dengan ketara sebanyak 30% kepada 77,479 MT susulan lonjakan permintaan apabila ekonomi kembali normal. Pada tahun ini, Bahagian ini secara aktif menitikberatkan portfolio produk margin tinggi dalam segmen minyak & lemak dan oleokimia sambil memacu kecekapan operasi menerusi pelbagai strategi pengurusan inventori untuk melindungi margin kami daripada impak gangguan rantaian bekalan.

Jumlah Jualan Minyak & Lemak (Juta MT)



Jumlah Jualan Biodiesel (000 MT)



Penguasaan Pasaran Minyak Masak Saji

45.7%

2021: 42.1%



Penguasaan Pasaran Marjerin Seri Pelangi

43.9%

2021: 41.3%



Ulasan Perniagaan Kumpulan

Prospek

Terdapat cabaran dan peluang dalam perniagaan minyak & lemak, berikutan dengan persaingan daripada minyak alternatif, pengguna menjadi lebih prihatin terhadap kesihatan dan kelestarian di tengah-tengah peningkatan populasi dan peningkatan permintaan secara keseluruhan untuk makanan yang diproses.

Walaupun ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan sederhana pada 2023, sektor Barangan Pengguna Laris (FMCG) di Malaysia akan berdepan dengan tahun yang sukar kerana tekanan inflasi berterusan. Namun begitu, kami akan terus gigih dengan inisiatif pertumbuhan pasaran dan pengembangan produk kami, serta inisiatif kecemerlangan operasi. Inisiatif ini termasuk peluasan rangkaian pengedaran kami dengan mengikuti model pengedaran serantau di kawasan Utara, Selatan dan Tengah Semenanjung Malaysia. Kami juga akan memperkenalkan minyak masak baharu dan produk minyak masak premium.


Pada peringkat global, kami akan berkembang lebih jauh ke Timur Tengah dan Afrika Utara, serta ke Amerika Utara, selaras dengan prospek permintaan dan margin yang sihat dalam pasaran ini. Secara operasi, kami telah menentukan pelbagai inisiatif untuk menambah kecekapan operasi dan meningkatkan penjimatan kos operasi untuk mengurangkan kos bahan mentah dan utiliti yang semakin meningkat.

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN

Gambaran Keseluruhan

Sebagai komponen penting operasi Kumpulan, cabang R&D FGV terus memberi kami inovasi dan teknologi baharu yang meningkatkan produktiviti dan kecekapan syarikat. Hasil kedua daripada aktiviti ini ialah pengkomersialan pelbagai aplikasi dan produk ciptaannya yang menambah nilai kepada Kumpulan dari perspektif pendapatan. Kami memiliki salah satu kemudahan penyelidikan kelapa sawit terbesar di rantau ini dan kami menghasilkan Yangambi ML161, bahan tanaman teriktiraf yang dengan lebih 40% penguasaan pasaran benih domestik. Selain itu, kami mempunyai kapasiti pengeluaran baja 700,000 MT setiap tahun.

Permintaan produk Bahagian R&D, yang termasuk benih Yangambi ML161, baja dan umpan tikus melonjak pada 2022, meningkatkan jumlah jualan. Peningkatan permintaan ini disokong oleh harga MSM yang kukuh dan peralihan industri perladangan ke arah aktiviti penanaman semula yang lebih kerap dan lestari. Sebagai contoh, jualan baja kami mengalami pertumbuhan yang ketara dengan sejumlah 0.72 juta MT dijual apabila kami memperoleh kontrak tambahan pada 2022.



Selaras dengan peluasan fokus FGV, usaha Bahagian R&D dilanjutkan untuk menyokong pembangunan produk merentas rantai nilai dan menyediakan penyelesaian untuk penambahbaikan operasi dan peningkatan produktiviti. Bidang tumpuan R&D kami termasuk pemodenan dan mekanisasi ladang dan kilang, bahan tanaman berkualiti tinggi, kepelbagaian tanaman dan pembangunan produk makanan dan bukan makanan. Selain itu, kami telah menjalankan inisiatif penyelidikan yang bertujuan untuk menyokong agenda kelestarian FGV, seperti tenaga boleh baharu, bahan tanaman tahan kemarau, pengairan dan baja pelepasan perlahan. Untuk mempercepat inisiatif penyelidikan, kami telah membentuk perkongsian bersama-sama institusi pendidikan dengan objektif untuk menyediakan program latihan peningkatan kemahiran dan pemahaman semula untuk operasi ladang.

Ulasan Perniagaan Kumpulan

Prospek

Pada masa hadapan, Bahagian R&D akan terus menitikberatkan inisiatif berterusan, dimana beberapa daripadanya berpotensi untuk dikomersialkan, serta menerapkan teknologi termaju untuk menangani kekurangan buruh. Matlamat keseluruhan adalah untuk memaksimumkan keuntungan dan menjana aliran hasil baharu menerusi produk pertanian, tanaman bernilai tinggi dan produk pengguna melangkaui minyak & lemak. Bahagian ini juga akan menitikberatkan pengenalan teknologi termaju untuk menangani kekurangan buruh, menyesuaikan automasi dan menggabungkan proses hijau dan lestari dalam operasi kami. Dipacu oleh pelan strategik tiga tahun FGV yang akan mengemudi kami ke 2025, kami juga komited untuk meningkatkan produktiviti keseluruhan FGV menerusi inisiatif 25:23 (Hasil:OER) untuk menyasarkan hasil BTS sebanyak 25 MT setiap Ha dan 23% OER untuk semua kilang menjelang 2026.

PEMASARAN & PERDAGANGAN

Gambaran Keseluruhan

Di Bahagian Pemasaran & Perdagangan, jualan dan dagangan perniagaan minyak pukat FGV merupakan salah satu penyumbang hasil utama Sektor Perladangan. Kami pusat sehati untuk penjualan produk simpanan pukat, menyediakan perkhidmatan rantaian bekalan hujung ke hujung dan mempunyai pasukan peniaga berpengalaman yang menjual dan mendagangkan lebih 2 juta MT MSM setiap tahun. Kami berpengalaman dalam pengurusan penghantaran ke pelbagai pelabuhan di seluruh dunia selain memudahkan pengangkutan darat untuk pembeli tempatan.

Bahagian ini mencatatkan jualan cemerlang sebanyak 3.83 juta MT semua produknya berikutan kenaikan harga komoditi berikutan kebimbangan global tentang bekalan pada 2022. Walaupun terdapat ketidakpastian selanjutnya pada tahun ini, terutamanya dengan bermulanya konflik Rusia-Ukraine dan perubahan dasar Indonesia, kenaikan margin dagangan dicapai susulan strategi jualan dan dagangan, serta pengurusan rantaian bekalan yang padu.

Prospek

Dagangan barang minyak sawit dijangka mengalami pertumbuhan pada tahun-tahun akan datang seiring dengan pertumbuhan populasi. Namun demikian, ubah ansur dasar kerajaan sebagai gerak balas terhadap keperluan keselamatan makanan atau permintaan dan bekalan boleh menimbulkan risiko pada masa hadapan. Pengguna akhir dalam rantaian nilai juga menuntut produk yang lebih lestari dan mesra alam serta prihatin sama ada produk itu terhasil secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Untuk menangani landskap ini, Bahagian Pemasaran & Perdagangan akan terus memperkuat rantaian nilai dan spektrum rantaian bekalannya, serta meneroka pertumbuhan kapasiti dalam pasaran destinasi. Kami juga akan terus menitikberatkan peningkatan amalan kebolehsasaran kami untuk memenuhi keperihatinan pasaran yang semakin meningkat tentang kelestarian.

GETAH

Gambaran Keseluruhan

Bahagian Getah kami merupakan pengusaha utama di Malaysia dengan pengalaman 50 tahun dalam perniagaan getah dan penguasaan pasaran kira-kira 18% disokong oleh jumlah pengeluaran 90,000 MT hingga 125,000 MT setahun. Kami merupakan salah satu pengeluar Getah Piawai Teknikal terkemuka dengan lima kemudahan pemprosesan getah dan

satu kilang Latex Concentrate di seluruh ASEAN, serta pengeluar tunggal produk Getah Hijau di Malaysia

Pelanggan utama kami merupakan pengeluar tayar dan kami juga menjual kontrak semerta kepada pedagang. Bahagian ini mempunyai sejumlah enam kilang dengan empat di Malaysia, satu di Thailand dan satu di Kemboja, dengan jumlah kemuatan terpasang digabungkan sebanyak 236,000 MT setahun.

Perniagaan getah kami kini sedang mempelbagaikan pengeluaran bahan Getah Hijau. Getah Hijau ialah Getah Asli yang diubah suai dengan ciri yang boleh menggantikan Getah Sintetik dalam semua jenis tayar dan aplikasi kejuruteraan. Langkah ini selaras dengan aspirasi FGV untuk memajukan perniagaan secara lestari dan mengurangkan penggunaan getah sintetik, yang merupakan bahan berasaskan petroleum. Untuk meningkatkan perniagaan ini, kami sedang menjalankan proses R&D untuk penambahbaikan kualiti produk.

Prospek


Prospek perniagaan Getah secara amnya adalah positif, kerana permintaan terhadap getah terus berkembang dalam pelbagai industri, termasuk automotif dan penjagaan kesihatan. Namun demikian, tetap ada beberapa rintangan, termasuk konflik Rusia-Ukraine, kelembapan ekonomi global dan kekurangan semikonduktor, yang boleh menjejaskan pemulihan dalam industri automotif dan tayar yang merupakan pengguna terbesar getah. Oleh itu, kami mempunyai inisiatif strategik yang mengutamakan kecemerlangan operasi, kawalan kos, pengurusan risiko, serta pertumbuhan pasaran menerusi kerjasama baharu dan usaha sama berpotensi.

TENAGA BOLEH BAHARU

Gambaran Keseluruhan

Bahagian Tenaga Boleh Baharu ialah pemacu utama perniagaan sisa kepada kekayaan Kumpulan yang menggunakan biojisim dari kilang kami dalam penghasilan bahan api biogas untuk Tarif Feed-in (FiT), sambungan grid tempatan dan luar bandar, dan loji Gas Asli Biomampat (Bio-CNG). Sebagai sebahagian daripada Kumpulan FGV, kami merupakan satu-satunya syarikat perladangan kelapa sawit di dunia dengan 28 loji jana kuasa biogas dan yang pertama di dunia yang membangunkan kilang Bio-CNG berasaskan sawit berskala komersial menerusi kerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Jumlah Pengelakan Pelepasan Karbon
(MT CO₂e)



Ulasan Perniagaan Kumpulan

Pada tahun yang dikaji, Bahagian Tenaga Boleh Baharu terus menyokong komitmen Kumpulan terhadap inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) dan aspirasi sifar bersih. Loji jana kuasa biogas FiT kami menawarkan bentuk tenaga boleh baharu yang cekap menerusi penukaran biogas kepada biotenaaga daripada Efluen Kilang Minyak Sawit (POME), yang mengurangkan pelepasan gas metana berbahaya ke atmosfera.

Selain ciri kitarannya, proses ini merupakan contoh ideal sisa kepada kekayaan. Pada 2022, jumlah pengelakan pelepasan karbon daripada loji jana kuasa biogas kami bertambah baik daripada 117,246 MT CO₂e kepada 149,253 MT CO₂e hasil daripada sistem pemantauan yang dinaik taraf di loji yang dapat mengukur pelepasan karbon dengan lebih tepat. Sejumlah 53,025 MWj tenaga elektrik telah dieksport kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada lapan loji jana kuasa biogas FiT kami. Selain itu, kami menyempurnakan pentauliahan loji 2.0 MW Keratong 9 di Pahang yang kini menunggu kelulusan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA). Kilang itu dijangka beroperasi secara komersial pada 2023.


Sebagai sebahagian daripada inisiatif tenaga boleh baharu, kami sedang berunding dengan pengeluar tempatan untuk membekalkan EFB dan EFB parut sebagai bahan mentah untuk menghasilkan pelet EFB. Pelet EFB ialah penyelesaian tenaga boleh baharu alternatif yang menukar sisa pertanian kepada tenaga lestari sementara mengurangkan penggunaan arang batu, serta pelepasan karbon dioksida dan metana.

FGV juga telah memulakan pengeluaran Baja Organik Diperkuat, yang menggunakan kompos kami untuk menghasilkan baja nilai tinggi kurang cemar yang berpotensi untuk menjimatkan kos baja ladang serta mengurangkan pelepasan karbon.

Prospek

Secara keseluruhannya, prospek tenaga boleh baharu menggunakan produk sampingan perladangan adalah positif, kerana terdapat peningkatan dalam kepentingan sumber tenaga boleh baharu dan keperluan untuk mengurangkan pergantungan pada bahan api fosil. FGV telah mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju industri minyak sawit Malaysia dengan mengurus produk sampingannya secara berkesan dan membangunkan kaedah yang lestari dan cekap untuk menghasilkan biotenaaga. Menerusi Bahagian Tenaga Boleh Baharu, FGV komited untuk menyumbang kepada masa hadapan yang lebih bersih dan lestari.

Pada masa hadapan, Bahagian ini akan terus memacu usaha untuk memaksimumkan penggunaan bahan buangan daripada kilang kami. Kami juga akan menyokong usaha penyahkarbonan Kumpulan FGV menerusi jualan produk sekunder dan membekalkan bahan api biogas kepada projek FiT dan Bio-CNG, serta projek pemulihan minyak EFB menerusi pengaturan Bina, Milik, Kendali (BOO) dengan matlamat utama untuk meningkatkan hasil jangka masa panjang kami.

 Maklumat lanjut tentang Tenaga Boleh Baharu dan Pengurusan Tenaga boleh didapati dalam Ulasan Kelestarian pada halaman 101 hingga 104.

MENANGANI CABARAN

Cabaran	Reaksi	Hasil
Kekurangan tenaga kerja di ladang, terutamanya untuk kerja penuaian dan penyelenggaraan	<ul style="list-style-type: none"> Menggiatkan latihan pengambilan etika Meningkatkan kerjasama dengan agensi pengambilan di pelbagai negara sumber seperti India, Bangladesh dan Indonesia 	<ul style="list-style-type: none"> Pada 2022, peratusan kekurangan buruh menurun kepada 13% daripada 32% pada 2021
WRO yang dikeluarkan oleh CBP AS atas dakwaan hak buruh terus menjejaskan akses kepada pasaran antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan Pelan Pemulihan seperti yang dicadangkan oleh Penyemak Bebas yang dilantik Menitikberatkan langkah tambahan dan penambahbaikan dasar dan prosedur sedia ada tentang kebajikan dan hak pekerja 	<ul style="list-style-type: none"> Berterusan, kerana perkara ini tertakluk pada budi bicara CBP AS untuk mengubah WRO
Peningkatan harga dan kekurangan bahan mentah menyebabkan peningkatan kos logistik dan pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> Penyumberan alternatif pembekal untuk bahan mentah Menggunakan inisiatif perdagangan untuk meminimumkan impak global 	<ul style="list-style-type: none"> Bahan mentah diperoleh dengan berpatutan, dan bekalan dikekalkan tanpa gangguan kepada operasi

Ulasan Perniagaan Kumpulan

Cabaran	Reaksi	Hasil
Turun naik harga minyak sayuran global	<ul style="list-style-type: none"> Mekanisme lindung nilai atas jualan hadapan dan pembelian BTS Semakan peruntukan pembeli yang komited untuk memperuntukkan jualan berdasarkan margin yang dikira antara eksport dengan MSM tempatan berbanding dengan minyak sawit diproses 	<ul style="list-style-type: none"> Meminimumkan variasi antara belanjawan dan rekod jualan sebenar
Peningkatan persaingan dalam tempat pasaran pengguna dan industri	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan pasaran berterusan terhadap dasar Indonesia, harga MSM dan tebaran margin Interaksi intensif dengan pelanggan untuk memahami dan memenuhi keperluan dan jangkaan mereka Penambahbaikan Model Perniagaan Pengedaran untuk mengembangkan bilangan pengedar pada peringkat tempatan dan global 	<ul style="list-style-type: none"> Meminimumkan jurang dengan sasaran jualan keperluan produk

STRATEGI DALAM PENCIPTAAN NILAI

Meningkatkan strategi buruh untuk Mengambil dan Mengekalkan Pekerja		Menambah baik produktiviti menerusi mekanisasi dan pemodenan		Mempercepat program penanaman semula	
Menambah baik Hasil BTS & penambahbaikan OER menerusi projek 25:23	Menggabungkan inisiatif ESG di kilang	Memaksimumkan potensi Tenaga Boleh Baharu & Inisiatif sisa kepada kekayaan		Menjadikan PPTR sebagai Pusat Kecemerlangan perladangan lestari	
Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan produk pengguna Hiliran untuk dikomersialkan		Menerokai produk Hiliran Getah dan meningkatkan pembeli premium getah	Meningkatkan pertumbuhan pasaran eksport minyak & lemak		Meningkatkan kebolehsasaran BTS diperoleh



Ulasan Perniagaan Kumpulan

GULA

Sektor Gula FGV beroperasi terutamanya menerusi subsidiari 51% miliknya, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula utama negara dengan salah satu kilang penapisan gula terbesar di dunia. MSM mengendalikan dua kilang penapisan di Pulau Pinang dan Johor dengan jumlah kapasiti penapisan 2.05 juta MT. Memandangkan gula terus menjadi komoditi penting merentas pelbagai segmen ekonomi, kami sentiasa berusaha untuk meningkatkan penembusan pasaran dan meneroka peluang pempelbagaian sambil meningkatkan kecekapan operasi.



MSM Malaysia Holdings Berhad ialah penapis gula terkemuka di Malaysia.

Perniagaan Gula kami menghadapi tahun yang sangat sukar pada 2022 kerana gula mentah membentuk 80% daripada kos pengeluaran kami. Kontrak ukur rujuk dunia untuk gula mentah, NY11, turun naik antara USD17 sen setiap paun hingga USD20 sen setiap paun¹ menyebabkan purata harga lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya. Hasil daripada tekanan inflasi dan tekanan global, kami telah mengalami peningkatan kos operasi keseluruhan yang menyebabkan pemampatan margin dan menjejaskan keuntungan Sektor Gula kami.

Untuk mengurangkan cabaran ini, kami bertindak untuk melindungi margin, mengoptimumkan kos dan kapasiti penggunaan. MSM mengkaji harga industri dan eksportnya sementara terus berinteraksi dengan kerajaan Malaysia untuk menyemak harga siling borong atau mempertimbangkan subsidi sebagai ganti, memandangkan harga runcit kekal tidak berubah sejak sedekad yang lalu. Kami mengambil langkah tambahan untuk mengurus kos operasi yang tinggi dan terus melindungi nilai minyak mentah Brent untuk mengurangkan kenaikan harga gas.

PRESTASI KEWANGAN



HASIL

RM2,566 juta

2021: RM2,260 juta



P/(L)BT

(RM177 juta)

2021: RM86 juta

Sektor ini mencatatkan jumlah hasil sebanyak RM2.57 bilion pada 2022, meningkat 14% daripada RM2.26 bilion tahun lepas. Pertumbuhan hasil ini didorong terutamanya oleh kenaikan purata harga jualan gula bertapis merentas segmen borong, industri dan eksport. Selain itu, Sektor ini mengalami peningkatan jumlah jualan selaras dengan permintaan pasaran. Di sebalik perkembangan positif ini, Sektor ini mencatatkan Kerugian Sebelum Cukai (LBT) sebanyak RM177 juta pada 2022, berbanding dengan PBT sebanyak RM86 juta pada 2021. Hasil yang negatif ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos pengeluaran akibat kenaikan kos gula mentah yang didorong oleh NY11, kos pengangkutan dan kos bahan api, serta kelemahan Ringgit Malaysia.


¹ <https://www.nasdaq.com/market-activity/commodities/yo:nmx>

Ulasan Perniagaan Kumpulan



Daripada kiri • Ahmad Fer-Rouse Ahmad Khairuddin - Ketua, Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko • Cheah Poh Lye – Ketua Operasi, MSM Prai Berhad • Abdul Hadi Karim - Ketua, Strategi Korporat & Perhubungan Pelabur • Hasni Ahmad - Ketua Pegawai Operasi Kumpulan • Syed Feizal Syed Mohammad - Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan • Dr Mazatul 'Aini Shahar Abdul Malek Shahar - Ketua Pegawai Kewangan • Mohd Bakthiar Mohd Pahraraji - Ketua, Insan & Budaya Kumpulan • Sanuri Saari – Ketua Operasi, Gudang Sungai Buloh • Wan Anniza S.M. Jamaluddin – Ketua, Hal Ehwal Undang-undang • Mohd Amir Redzuan – Ketua Operasi, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd

PRESTASI OPERASI



Pada tahun yang dikaji, jumlah import gula mentah meningkat sebanyak 4%, kepada 1.01 juta MT daripada 0.97 juta MT tahun lepas, berikutan rancangan peningkatan di kilang penapisan gula kami di MSM Prai Berhad (MSM Prai) dan MSM Johor Sdn Bhd (MSM Johor). Bagaimanapun, jumlah jualan eksport berkurangan sebanyak 12% kepada 0.22 juta MT kerana kami menitikberatkan penghantaran pesanan tempatan untuk mengelakkan kekurangan gula dalam negeri. Walaupun jumlah jualan menurun dalam segmen eksport, kami meningkatkan jumlah jualan domestik kami kepada 0.75 juta MT apabila pasaran domestik mula pulih daripada impak pandemik COVID-19 pada 2021. Peningkatan ini juga disebabkan oleh peningkatan pembelian daripada borong dan pelanggan industri.

Untuk memastikan MSM Johor mengeluarkan produk yang lebih baik, kami telah mempercepat kemajuan pembetulan dandang kami untuk meningkatkan penggunaan dan kelestarian jangka panjang, manakala MSM Prai memulakan program pemuliharaan yang membolehkan loji itu untuk beroperasi selama 30 tahun lagi. Secara keseluruhan, jumlah Faktor Penggunaan (UF) bagi tahun tersebut meningkat kepada 46% daripada 44%. Kami terus menambah baik kilang penapisan kami di MSM Johor dengan pembetulan Dandang 2 dan kami menjangkakan Dandang 1 akan ditauliahkan semula pada 2023 berikutan kerosakannya pada Januari 2022. Kami sedang mengusahakan perolehan dandang baharu untuk lebih dan kefleksibelan agar sesuai dengan peringkat pengeluaran yang berubah-ubah.

Di seluruh Kumpulan MSM, kami telah melaksanakan inisiatif penjimatan kos, pemuliharaan aliran tunai dan penjanaan hasil (C2R) seperti pengurangan kos perolehan dan pembiayaan, serta penjimatan dalam perbelanjaan operasi dan modal. Inisiatif ini telah mendorong Kumpulan untuk memaksimumkan penjimatan kos dan meningkatkan hasil pada 2022.

Dari segi pengembangan jualan, pada 2022 kami memeterai kontrak dua tahun dengan *The Coca-Cola Company* bernilai kira-kira RM300 juta. Kami juga mengembangkan saluran jualan kami menerusi inisiatif Last Mile, mengedar produk kami di rangkaian runcit terbesar di Malaysia, berjumlah sekitar 2,293 kedai di seluruh negara. Selain itu, kami sedang berbincang dengan rangkaian runcit lain dan berkembang ke Singapura. Rundingannya kini sedang berlangsung. Kami juga melancarkan semula pembungkusan SKU kecil menerusi *Cuppack*, yang sesuai untuk kafe dan restoran, dan mendapatkan pelanggan Makanan & Minuman (F&B) pertama kami di Johor baru-baru ini.



Ulasan Perniagaan Kumpulan

Selain strategi operasi dan jualan, kami sentiasa melabur dalam kakitangan kami. Jabatan Sumber Manusia telah dijenamakan semula kepada Insan & Budaya untuk memberikan ungkapan yang jelas tentang penghargaan Pengurusan terhadap kakitangan kami sebagai sumber penting dan penggerak Syarikat. Kami juga menjalankan dua inisiatif untuk meningkatkan semangat pekerja, dengan melaksanakan kenaikan gaji minimum dan menganjurkan dialog awam suku tahunan sulung untuk meningkatkan komunikasi antara Pengurusan dan semua pekerja, memastikan semua warga kami dimaklumkan dan dikemas kini tentang hala tuju dan kemajuan Syarikat, serta menggalakkan maklum balas daripada pekerja kami.

Prospek




Penggunaan gula bertapis dijangka meningkat dari tahun ke tahun. Apabila ekonomi negara pulih, kami menjangkakan aliran naik pada 2023 ke arah tahap prapandemik. Kami menitikberatkan peningkatan penguasaan pasaran menerusi kehadiran serantau dan mengembangkan eksport kami. MSM menjangka untuk mengeksport 30% daripada jumlah pengeluarannya, yang akan meluaskan kehadiran pasaran serantau daripada 8% kini kepada kira-kira 12% hingga 15% di rantau Asia Pasifik. Rancangan kami juga termasuk pengembangan perniagaan Produk Tambah Nilai bagi gula cair dan pracampuran ke pasaran utama seperti China.

Selain itu, perniagaan Gula selaras dengan hala tuju kami ke arah penyepaduan dalam sektor FMCG dengan melangkaui gula. MSM akan mengukuhkan perniagaan nilai tambah hilirannya dengan meneruskan penyelidikan dan pembangunan ke arah kepelbagaian produk.

MENANGANI CABARAN

Cabaran	Reaksi	Hasil
Peningkatan gula mentah NY11 dan kos pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> Lindung nilai NY11 menurut dasar dan belanjawan MSM Semakan meningkat harga jualan untuk mengekalkan margin Melaksanakan strategi untuk mengurangkan kos pengangkutan 	<ul style="list-style-type: none"> MSM mencatatkan hasil yang lebih tinggi pada 2022 berbanding dengan 2021 disebabkan oleh semakan harga dan peringanan kos pengangkutan tinggi menerusi sewaan jangka panjang
UF dan hasil rendah dalam operasi penapisan MSM Johor	<ul style="list-style-type: none"> Menjuruskan tumpuan terhadap penambahbaikan UF kilang penapisan MSM Johor dari segi kecekapan dan keupayaan pengeluaran untuk memastikan kelestarian prestasi masa hadapan 	<ul style="list-style-type: none"> Menjelang Mei 2023, kami menjangkakan dua dandang beroperasi sepenuhnya, yang akan membolehkan peningkatan pengeluaran melebihi titik pulang modalnya
Kenaikan kos gas asli	<ul style="list-style-type: none"> Melindung nilai kenaikan kos gas asli dengan derivatif berkaitan Brent seperti kontrak opsyen dan hadapan 	<ul style="list-style-type: none"> Risiko kenaikan harga tenaga telah dikurangkan sebahagiannya dengan lindung nilai berhemat menerusi kontrak derivatif berkaitan Brent

STRATEGI PENCIPTAAN NILAI

Meningkatkan prestasi kelestarian kilang penapisan kami	Meningkatkan prestasi jualan 	Menggalakkan perancangan tenaga dan tenaga hijau demi kelestarian operasi 
Meningkatkan penembusan pasaran menerusi perkongsian strategik, terutamanya untuk segmen eksport 	Mengoptimumkan kos dan menguruskan modal strategik	Menggiatkan transformasi digital ke arah Industri 4.0 

Ulasan Perniagaan Kumpulan

LOGISTIK & LAIN-LAIN

Sektor Logistik & Lain-lain (LO) telah meraih manfaat yang ketara daripada pemulihan ekonomi yang berterusan apabila wabak terus surut. Manfaat ini telah dicerminkan dalam prestasi pelbagai bahagian dalam Sektor ini. Bahagian Simpanan Pukul & Penyimpanan telah merekodkan peningkatan pemprosesan yang ketara dan hasil yang lebih baik selaras dengan peningkatan pengeluaran MSM. Selain itu, Bahagian Pengangkutan telah mengangkut muatan yang lebih tinggi apabila aktiviti ekonomi kembali normal. Bahagian Teknologi Maklumat (IT) pula telah mengambil bahagian dalam tender luar yang memfokuskan kontrak kerajaan. Akhir sekali, Bahagian Pelancongan menyaksikan permintaan perjalanan kukuh meningkat apabila sempadan dibuka semula pada 2022.



FGV menyasarkan penyediaan penyelesaian logistik keseluruhan di Malaysia.

PRESTASI KEWANGAN



HASIL

RM389 juta

2021: RM363 juta



PBT

RM104 juta

2021: RM90 juta

Ulasan Perniagaan Kumpulan



HASIL*
RM254 juta
2021: RM210 juta



PBT
RM110 juta
2021: RM80 juta



HASIL*
RM307 juta
2021: RM245 juta



PBT
RM9 juta
2021: RM11 juta



* Hasil Bahagian Simpanan Pukul dan Pengangkutan termasuk hasil luaran dan dalaman.

Pada tahun kewangan ini, keuntungan Sektor LO meningkat sebanyak 16% kepada RM104 juta daripada RM90 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Bahagian Simpanan Pukul dan Pengangkutan memainkan peranan penting untuk memacu pertumbuhan Sektor, kerana kedua-dua Bahagian menyumbang 31% kepada pertumbuhan keuntungan. Hal ini disebabkan oleh peningkatan jumlah minyak premium dan pemprosesan yang dikendalikan oleh Bahagian Simpanan Pukul dan Penyimpanan, serta peningkatan muatan yang diangkut oleh Bahagian Pengangkutan, selaras dengan tambahan pengeluaran MSM. Faktor lain yang menyebabkan peningkatan keuntungan Sektor ini ialah pemesanan Program Kawalan Kos (CCP), yang telah menghasilkan penjimatan kos yang ketara.



Daripada Kiri • Abdul Halim Ab Wahid - Pengurus Besar Kanan (Projek Khas), Sektor LO • Omar Affan - Ketua, Strategi & Pembangunan Perniagaan, Sektor LO • Abdul Rasheed JanMohammed - CEO, FVQ Enterprises PVT (LTD) • Jainal Ismail - CEO, FGV Transport Services Sdn Bhd • Fakhrunniam Othman - Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor LO & Pegawai Penjaga, FGV Prodata Systems Sdn Bhd • Kamaradin Selamat - CEO, FGV Johor Bulkiers Group of Companies • Mohd Izam Pariz Zamri - Akauntan Kumpulan, Sektor LO • Amirul Hadi - CEO, Felda Travel Sdn Bhd

PRESTASI OPERASI

SIMPANAN PUKAL DAN PENYIMPANAN


Gambaran Keseluruhan

Bahagian Simpanan Pukul dan Penyimpanan kami mempunyai lebih 45 tahun pengalaman dalam operasi penyimpanan dan mengendalikan salah satu kemudahan penyimpanan terbesar dan tercanggih untuk minyak makan dan kargo kering di seluruh dunia, dengan jumlah kapasiti melebihi 1 juta MT. Selain itu, Bahagian ini mempunyai 12 terminal yang terletak di lokasi strategik di seluruh Malaysia dan Pakistan. Kemudahan penyimpanan kami juga telah diluluskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad untuk mengurus Pemasangan Tangki Pelabuhan di Pasir Gudang dan Pelabuhan Klang untuk MSM, dan Minyak Isirung Sawit Mentah (CPKO) dan dagangan hadapan MSM lanjutan di Lahad Datu.

Pada tahun yang dikaji, menerusi subsidiari kami, FGV Johor Bulkiers (Kumpulan FGVJB), kami telah merekodkan kendalian jumlah pemprosesan sebanyak 8.36 juta MT, 2% lebih tinggi daripada 8.21 juta MT pada 2021, yang disumbangkan oleh peningkatan pemprosesan jangka panjang daripada pelanggan luar, selaras dengan kenaikan jumlah pengeluaran MSM apabila penghasilan tanaman pulih di seluruh negara. Selain itu, peningkatan kendalian jumlah minyak premium, seperti oleokimia juga menyokong peningkatan positif ini. Hasilnya, kadar pusing ganti tangki simpanan meningkat kepada 8.37 kali, berbanding dengan 8.15 kali tahun sebelumnya.

Ulasan Perniagaan Kumpulan

Walaupun kami menghadapi cabaran akibat penutupan kemudahan Indonesia, kami dapat mengekalkan jumlah kapasiti penyimpanan melebihi 1 juta MT pada 2022. Selain itu, kami telah membalas timbal sebahagian pengurangan ini dengan mentauliahkan kemudahan gudang baharu 15,000 MT di Pasir Gudang. Kemudahan baharu ini dibina untuk memenuhi kenaikan permintaan terhadap ruang penyimpanan dan memperkukuh kedudukan kami sebagai peneraju pasaran di Malaysia.



Prospek

Pada masa hadapan, Bahagian ini terus meneroka cara menjalankan perniagaan yang lebih cekap dan lestari. Antaranya termasuk menitikberatkan impak kami terhadap alam sekitar dan memanfaatkan teknologi untuk mengoptimalkan operasi dan kos. Kami juga menjangkakan peningkatan pengeluaran MSM Malaysia seterusnya pada 2023, meningkatkan hasil perniagaan simpanan pukal kami. Walaupun kami bersedia untuk merebut peluang pengembangan menerusi pemerolehan atau pelaburan, keutamaan kami adalah untuk meningkatkan operasi sedia ada dan memastikan keuntungan jangka panjang.



FGV menyediakan salah satu kemudahan penyimpanan terbesar dan terancang di dunia untuk minyak makan.



Ulasan Perniagaan Kumpulan

PENGANGKUTAN


Gambaran Keseluruhan

Bahagian Pengangkutan kami memainkan peranan penting dalam matlamat Kumpulan untuk menjadi penyedia penyelesaian logistik keseluruhan di Malaysia. Dengan sejarah lebih 47 tahun dan kini dilengkapi dengan lebih 600 unit kenderaan armada pengangkutan, kami mempunyai kepakaran Pengangkutan Darat (kapal tangki cecair, trak kargo, trak rangkaian sejuk, treler sisi, roro, pengangkutan), Logistik Kontrak (3PL), Pengendali Pengangkutan Multimodal (MTO), Penghantaran Barang, dan Projek Khas (mengendalikan bagasi jemaah haji).

Pada 2022, menerusi subsidiari kami, FGV Transport Services Sdn Bhd (FGVTS), kami meningkatkan jumlah pengangkutan kami kepada 6.33 juta MT daripada 5.71 juta MT yang dilaporkan tahun lepas. Peningkatan muatan yang dibawa selaras dengan peningkatan pengeluaran MSM dan PK serta tambahan muatan produk BTS dan FMCG.

Pada tahun ini, kami memperoleh kontrak baharu dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), TNB, Pelabuhan Johor dan lain-lain yang mengukuhkan portfolio dan meluaskan jangkauan kami. Kontrak sedemikian bukan sahaja telah meningkatkan keuntungan kami tetapi juga membuka peluang baharu untuk meningkatkan operasi dan penawaran perkhidmatan kami.

Kami melancarkan aplikasi mudah alih dinamakan Angkut.asia sebagai perkhidmatan nilai tambah yang berfungsi sebagai penjejak bagasi jemaah haji.



Prospek

Pada masa hadapan, pasaran logistik global diunjurkan berkembang pada Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR) sebanyak 6.8% dari 2022 hingga 2030, didorong oleh peningkatan dalam perdagangan rentas sempadan dan sektor e-dagang yang berkembang pesat. Perkembangan ini membuka banyak peluang pertumbuhan dalam bidang seperti pengangkutan darat, MTO, pengangkutan, Minyak & Gas (O&G), 3PL, rangkaian sejuk dan perkhidmatan kurier. Namun demikian, untuk memanfaatkan pertumbuhan ini, kami perlu menggunakan teknologi terkini untuk mengekalkan kecekapan operasi, terutamanya dalam penggudangan, yang memerlukan penyelesaian inovatif.

Kami bercadang untuk membangunkan semula gudang semasa kami di Shah Alam sebagai Pusat Pengedaran Berpusat. Selain itu, kami merancang untuk mengembangkan 3PL ke pasaran luar dan meneroka pemerolehan sinergi sebagai sebahagian daripada rancangan pertumbuhan strategik kami. Dalam ruang MTO, kami akan memperhebat pendekatan yang melibatkan Logistik Projek, produk khusus dan pengedaran O&G. Kami juga akan meningkatkan tumpuan pada operasi rantai bekalan menerusi logistik sampingan termasuk rangkaian sejuk, pengangkutan, e-dagang, treler sisi dan pengendalian bagasi segmen Haji & Umrah.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Gambaran Keseluruhan

Bahagian IT menyumbang kepada pembangunan reputasi kami sebagai salah satu penyepadu sistem dan penyedia penyelesaian yang terkemuka di Malaysia. Selama bertahun-tahun, kami telah mencipta kejayaan rekod prestasi dalam pengurusan penyelesaian IT dari hujung ke hujung yang sesuai dengan keperluan pelanggan kami. Berdasarkan status kami sebagai Penjual Semula Nilai Tambah dan Rakan Kongsi Emas SAP, serta pelbagai hak dan paten Harta Intelek (IP) yang dimiliki, kami dapat memenuhi keperluan pelanggan secara berkesan.

Menerusi cabang IT kami, FGV Prodata Systems Sdn Bhd (FGV Prodata), kami telah meningkatkan momentum dalam kemajuan IT untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam penyelesaian digital. FGV Prodata mencipta dan mengekalkan IP sendiri untuk menyokong perniagaan hulu dan hiliran FGV, serta operasi logistik dan rantai bekalannya. Penyelesaian ini, termasuk Sistem Pengurusan Gudang (WMS), Sistem Automasi Bersepadu Kilang Minyak Sawit (POMIS), dan Sistem Logistik & Pengedaran Bersepadu (ILDS), disesuaikan secara khusus untuk memenuhi keperluan ekosistem FGV. Selain itu, sistem jambatan timbang kami, *PROWEIGHER*, telah teriktiraf secara rasmi dan diperakui oleh Institut Metrologi Negara Malaysia (SIRIM-NMIM) untuk memenuhi keperluan piawaian Malaysia. FGV Prodata juga telah dilantik sebagai salah satu Pembekal Perkhidmatan Universal Tentuan (DUSP) oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menyediakan dan melaksanakan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa Satu di seluruh negara.

Prospek

Industri IT dijangka pesat maju dalam masa terdekat, terutamanya dalam bidang seperti Kecerdasan Buatan (AI), data besar, pengkomputeran awan dan Internet Benda (IoT). Bahagian ini berhasrat untuk menambah nilai kepada Kumpulan FGV dan FELDA serta pelanggan luar dengan memacu pelaksanaan teknologi, aplikasi dan inovasi baharu. Untuk mencapai matlamat ini, kami akan berusaha untuk berkhidmat sebagai arkitek teknologi pusat dan pelaksana segmen perniagaan utama seperti telekomunikasi, pertahanan dan sektor awam. Selain itu, Bahagian ini berusaha untuk mengembangkan keselamatan siber sebagai respons terhadap usaha yang semakin meningkat terhadap privasi dan perlindungan data, sambil mengukuhkan keupayaan pengurusan perubahan kami.

Ulasan Perniagaan Kumpulan

PELANCONGAN

Gambaran Keseluruhan

Bahagian Pelancongan FGV menawarkan pengetahuan pakar, serangkaian luas produk dan perkhidmatan pelancongan, serta kecemerlangan perkhidmatan pelanggan yang teriktiraf secara meluas dalam pasaran. Walaupun kami terjejas dengan ketara oleh pandemik COVID-19, 2022 ialah tahun yang lebih baik kerana kami telah berjaya membuat penyesuaian dengan fasa endemik yang telah menghidupkan semula industri pelancongan.

Pada 2022, perniagaan pelancongan kami pulih daripada paras terendah pandemik, apabila tiket yang dijual meningkat sebanyak 81% menerusi subsidiari milik penuh kami, Felda Travel Sdn Bhd (Felda Travel). Pembukaan semula sempadan juga menyokong kedatangan semula aliran pekerja asing ke Malaysia. Kami telah memudahkan urusan perjalanan lebih 10,000 pekerja asing dari negara asal mereka ke ladang masing-masing.

Sepanjang tahun ini, kami mengurus 121 haji dan 1,211 jemaah umrah yang tidak dapat melakukan perjalanan pada 2021 akibat wabak itu. Felda Travel telah bekerjasama dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk melancarkan kemudahan pembiayaan patuh syariah baharu bernilai sehingga RM200,000 untuk kakitangan kerajaan dan organisasi swasta terpilih untuk membiayai perbelanjaan Umrah dan Haji mereka. Kerjasama ini merupakan peristiwa penting yang kami percaya akan mengukuhkan kedudukan kami dalam pasaran pelancongan Malaysia.

Kami juga telah bekerjasama dengan Persatuan Pelancongan Saudi (STA) yang menawarkan tajaan RM166,000 untuk Felda Travel mempromosikan pelancongan Arab Saudi. Peruntukan ini akan dibelanjakan untuk aktiviti promosi yang melibatkan laman web, platform digital, automasi bot, iklan komersial dan pemasaran kandungan.

Dalam perniagaan hospitaliti, kami telah menyelesaikan fasa pertama dan kedua pengubahsuaian bilik di Hotel Seri Costa di Melaka. Dengan penyiapan ini, kami telah mengubah suai sebanyak 61 bilik daripada 88 bilik yang pada mulanya dikenal pasti untuk pengubahsuaian. Untuk meningkatkan kadar penghunian, kami telah menubuhkan Costa Club untuk meningkatkan interaksi dan pengekalan pelanggan, serta menganjurkan lebih banyak seminar dan mesyuarat.

Prospek

Maju ke hadapan, kami akan terus menitikberatkan segmen haji, memandangkan kuota jemaah haji Malaysia telah kembali ke tahap prapandemik iaitu 31,600 jemaah pada 2023. Untuk tiket korporat, kami akan terus menerokai segmen pasaran yang lebih besar dan menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan baharu dan sedia ada. Kami menjangkakan peningkatan ketara pelancong dari China, yang akan menjadi perkembangan positif untuk perniagaan hospitaliti kami.

MENANGANI CABARAN





Cabaran	Reaksi	Hasil
Kekurangan kehadiran perniagaan simpanan pukal di pelabuhan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> Inisiatif pengembangan perniagaan tempatan dan luar negara secara berterusan untuk meningkatkan kehadiran kami dalam perniagaan simpanan pukal Bekerjasama dengan rakan niaga yang mantap untuk meluaskan penguasaan pasaran 	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan penerokaan kerjasama perniagaan dengan pengusaha dan peniaga utama minyak sawit tempatan dan luar negara untuk menjadi ruang dagangan utama simpanan pukal Peningkatan pemprosesan tenaga boleh baharu
Kilang penapisan dengan akses terus ke jeti kurang bergantung pada terminal simpanan pukal bebas	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan keflexibelan kepada pelanggan menerusi pakej simpanan pukal yang disesuaikan khas, dengan menawarkan kadar kompetitif 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan sumbangan hasil luaran sebanyak 24% berbanding dengan tahun sebelumnya dan menambah enam pelanggan baharu dengan pemprosesan tambahan sebanyak 30,000 MT
Kebergantungan tinggi pada inisiatif pertumbuhan organik	<ul style="list-style-type: none"> Mencarta pelan pertumbuhan menerusi potensi Penggabungan & Pemerolehan (M&A) 	<ul style="list-style-type: none"> Interaksi berterusan dengan pengusaha industri utama untuk potensi M&A dan kerjasama



Ulasan Perniagaan Kumpulan

Cabaran	Reaksi	Hasil
Margin rendah dan persekitaran IT yang sangat kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> Mengurus kos projek secara berkesan dengan mengukuhkan keupayaan pengurusan projek Memanfaatkan perkhidmatan nilai tambah untuk mendapatkan kelebihan daya saing 	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan alat pengurusan projek yang membolehkan pengurus projek menjejak dan mengurus projek dalam masa nyata
Cabaran berkaitan dengan ketersediaan penerbangan umrah dan kenaikan kos	<ul style="list-style-type: none"> Komunikasi yang jelas dengan pelanggan tentang keadaan semasa pasaran umrah dan cabaran yang berkaitan dengan turun naik harga 	<ul style="list-style-type: none"> Meminimumkan pembatalan perjalanan Umrah

STRATEGI PENCIPTAAN NILAI

Pembinaan kemudahan baharu untuk memenuhi permintaan terhadap pelbagai minyak dan bahan kimia		Menubuhkan pusat pengedaran pusat dan memulakan perniagaan pengangkutan	Meningkatkan pengendalian produk bernilai tinggi	
Mendapatkan aset logistik untuk mengukuhkan kapasiti kami dalam perniagaan luar		Pengubahsuaian hotel kami bawah Bahagian Pelancongan		

ULASAN KELESTARIAN



Tapak semaian kami membentuk hati nurani dalam amalan lestari kami, memelihara generasi tanaman seterusnya agar sihat dan teguh.

GAMBARAN KESELURUHAN

Di FGV, kami menerapkan kelestarian dalam dasar kami, yang dilaksanakan di seluruh Kumpulan. Kami amat mementingkan pengembangan perniagaan secara bertanggungjawab, dengan mengambil kira impak alam sekitar dan sosial kami. Kelestarian menjadi asas perniagaan dan penting untuk memastikan kesinambungan Syarikat. Oleh itu, kami akan terus mengintegrasikan kelestarian dalam DNA kami untuk menjadikannya sebagai norma apabila kami menjalankan tugas harian. Segala kegiatan kami hanya akan memperkukuh komitmen untuk mewujudkan impak Ekonomi, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang positif kepada perniagaan dan pemegang kepentingan kami. Kami percaya bahawa kelestarian boleh menjadi pemacu utama untuk memupuk inovasi, kecekapan dan keuntungan. Kami komited untuk menjana nilai pemegang kepentingan kami menerusi usaha yang bererti demi menegakkan amalan lestari. Komitmen kelestarian kami diserlahkan dalam Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP), yang merangkumi tiga tonggak:



**Tonggak 1:
Mempromosikan
Pertumbuhan
Ekonomi**



**Tonggak 2:
Menghormati
Hak Asasi
Manusia**



**Tonggak 3:
Memelihara
Alam Sekitar**

Ulasan Kelestarian

TONGGAK 1: MEMPROMOSIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

KECEMERLANGAN OPERASI

KEPENTINGANNYA


Perniagaan kami berasaskan kecemerlangan operasi, yang memerlukan bukan sahaja peningkatan produktiviti dan kecekapan untuk mengurangkan kos, tetapi juga penerimaan teknologi dan peletakan kedudukan FGV sebagai peneraju dalam operasi bersepadu. Kecemerlangan operasi akan membolehkan pemupukan tenaga kerja berprestasi tinggi yang merangkumi budaya dalam PRIDE kami. Selain itu, kami melindungi kebajikan pekerja kami serta kesihatan dan keselamatan pekerjaan mereka. Kami kekal teguh dalam komitmen kami terhadap penyelidikan dan pembangunan, mencipta penyelesaian yang meninggikan hasil, meningkatkan automasi, menggalakkan kelestarian dan ekonomi kitaran serta memperkukuh prestasi kewangan kami.



KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN


PELAN HALA TUJU KECEMERLANGAN OPERASI PERNIAGAAN

FGV berpandukan Pelan Hala Tuju Kecemerlangan Operasi Perniagaan jangka panjang yang menitikberatkan operasi perladangan kami. Pelan Hala Tuju akan dilaksanakan dalam tiga fasa dan didorong oleh empat strategi:



Sejak perumusan Pelan Hala Tuju pada 2019, terdapat kemajuan yang ketara di tapak model yang dipilih untuk merintis pelaksanaan Pelan Hala Tuju. Tapak model bertindak sebagai inkubator untuk pelbagai inisiatif kecemerlangan operasi yang akan di replikasi di lokasi lain. Tapak model semasa tersebar di Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah, dan termasuk tiga ladang kelapa sawit, tiga kilang kelapa sawit, satu kilang getah dan satu kilang penapisan. Pada 2022, kami berjaya mereplikakan empat ladang, lapan kilang dan tiga kilang getah, yang menerima pensijilan daripada Program Pensijilan Dalam (ICP) QE/5S. Pensijilan ini menggalakkan amalan 5S dalam kalangan tenaga kerja operasi kami untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan mengurangkan kebolehdajian kemalangan.

Untuk memastikan kami mencapai operasi berstatus 'Terbaik dalam Kelas', kami mewujudkan perkongsian bersepadu antara tapak 'rintis' dan pasukan operasi (tapak replika) dengan memadankan operasi dan pakar bidang di FGV untuk menangani bidang utama. Perkaedahan dan pendekatan yang sesuai dan berstruktur digunakan sepanjang tempoh projek berserta penyampaian dan garis masa tertentu. Projek diselia oleh Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Kerja berada yang bertanggungjawab untuk melaksanakan semua aspek operasi inisiatif.




Pasukan kami gigih berusaha, menjalankan pemeriksaan komprehensif untuk memastikan kualiti dan prestasi.


INISIATIF 2022



Inisiatif Kecemerlangan Operasi



Pengagihan Inisiatif Mengikut Kategori



Operasi kami terus menggunakan *Lean Six Sigma* (LSS), yang menyediakan pendekatan komprehensif dalam inisiatif penambahbaikan berterusan kami. Pada tahun ini, kami menjalankan pelbagai latihan LSS serta latihan Penyelenggaraan Autonomi untuk 697 pekerja pada peringkat berbeza, meliputi Tali Pinggang Putih dan Tali Pinggang Hijau. Pendekatan LSS, yang merupakan inisiatif berterusan, menjimatkan kira-kira RM45.55 juta pada 2022 menerusi pengurangan pembaziran, peninggian kualiti dan peningkatan produktiviti.

Jumlah Bilangan Peserta Latihan LSS

Pembinaan Kapasiti (Tahun)	2020	2021	2022
Jumlah Keseluruhan	2,513	480	697

Jumlah Penjimatan Kewangan berdasarkan Analisis Data Statistik

Penjimatan Projek dan Kewangan	2021	2022
Penjimatan Kewangan (RM Juta)	8.91	45.55

MAJU KE HADAPAN

Maju ke hadapan, FGV akan terus meningkatkan kecemerlangan operasi dengan menerapkan teknologi baharu yang mengautomatiskan proses, meningkatkan produktiviti dan menambah baik pengurusan tanaman. Kami juga akan terus menggunakan analisis data statistik untuk mencerap hasil, kualiti dan kos supaya kami boleh mengenal pasti bidang penambahbaikan dan melaksanakan tindakan pembetulan. Kami akan terus melaksanakan inisiatif dan amalan terbaik serta program pembinaan kapasiti untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti.



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 1: MEMPROMOSIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

KEBOLEHKESSANAN, PENYUMBERAN BERTANGGUNGJAWAB & PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN

KEPENTINGANNYA

Memastikan rantai bekalan yang bertanggungjawab dan lestari adalah penting untuk pertumbuhan jangka panjang kami dalam industri minyak sawit terkawal ketat yang tertakluk pada penelitian global. Kebolehhkesanan dan penyumberan yang bertanggungjawab membolehkan kami memenuhi komitmen terhadap amalan perniagaan lestari, yang merangkumi perlindungan alam sekitar dan penegakan hak asasi manusia.

Pengesanan sumber bekalan dan punca bahan mentah membolehkan kami bertindak dengan telus untuk menegakkan etika perniagaan yang baik dalam keseluruhan rantai bekalan. Kami dapat mengenal pasti dan meringankan risiko kelestarian menerusi pelaksanaan sistem dan proses yang teguh untuk memastikan kelestarian operasi kami. Selain itu, kebolehhkesanan memberikan FGV akses kepada pasaran yang lebih besar menerusi pembuktian komitmen kami untuk menyampaikan produk yang diperoleh secara bertanggungjawab. Kami akan terus berkomunikasi dengan pembekal untuk meningkatkan pemahaman kami tentang operasi dan cabaran mereka dalam pembuatan keputusan termaklum dan pertumbuhan secara bertanggungjawab.



KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

Kebolehhkesanan adalah penting dalam Sektor Perladangan untuk membolehkan kami mengesan dan menjejak pembekal kami serta menilai mereka berdasarkan komitmen kelestarian kami, terutamanya dasar Tiada Pembasmian Hutan, Tiada Penanaman di Tanah Gambut, Tiada Eksploitasi (NDPE). Kami juga boleh mengenal pasti pembekal berisiko tinggi dan bekerjasama erat dengan mereka untuk melaksanakan langkah peringanan strategik.

Sebagai pengeluar minyak sawit terkemuka, komitmen FGV terhadap kebolehhkesanan ialah elemen penting dalam perniagaan. Kami beroperasi dengan tahap kebolehhkesanan dan ketelusan yang tinggi untuk memastikan produk kami bukan berpunca daripada sumber yang menimbulkan sebarang risiko ketidakpatuhan terhadap kelestarian seperti eksploitasi pekerja dan pencabulan hak asasi manusia, penebangan hutan, penanaman di tanah gambut atau pembakaran terbuka. Untuk mencapai matlamat kebolehhkesanan lengkap sepanjang rantai bekalan, kami sentiasa melaksanakan mekanisme pemantauan yang diperlukan. Kami telah melancarkan set perjanjian pembekal baharu untuk pembekal BTS kami mendedahkan semua sumber BTS mereka dan memastikan pematuan terhadap Tatakelakuan Pembekal (SCOC) FGV. Untuk tujuan ini, kami akan meneruskan usaha sosialisasi GSP FGV pembekal yang bekerja dengan kami. Pada masa yang sama, pasukan Dagangan kami berdedikasi untuk memastikan FGV hanya menggunakan pembekal yang mematuhi dasar kami.

KEBOLEHKESSANAN DALAM PERNIAGAAN PERLADANGAN KAMI

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan produk kami tidak dikaitkan dengan sebarang risiko ketidakpatuhan berkaitan dengan kelestarian termasuk eksploitasi pekerja dan hak asasi manusia, penebangan hutan, penanaman di tanah gambut atau pembakaran terbuka, FGV telah melaksanakan sistem kebolehhkesanan yang mantap, disokong oleh dasar dan prosedur yang sesuai. Oleh itu, kami dapat mengenal pasti potensi risiko dan menyelesaikannya dengan segera menerusi penambahbaikan berterusan.

Kami mula mengesan bahan mentah kami pada 2017. Kebolehhkesanan kami meliputi Kebolehhkesanan ke Kilang (TTM) dan Kebolehhkesanan ke Ladang (TTP), dan maklumat ini disampaikan kepada orang ramai menerusi laman web Syarikat dan platform Kebolehhkesanan Produk (ToP) FGV.



Maklumat lanjut tentang Kebolehhkesanan Produk FGV boleh didapati di laman web kami, www.fgvholdings.com.


Ulasan Kelestarian

Pada 2022, sejumlah 28% daripada bekalan BTS kami diperoleh secara dalaman dari ladang kami sendiri, 45% datang daripada peneroka Lembaga Pengarah Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan 27% lagi dibekalkan terus dari ladang swasta ke kilang kami, serta daripada rangkaian peniaga yang terutamanya dari ladang pekebun kecil. Kami mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh pekebun kecil dalam industri minyak sawit dan komited untuk menyediakan sokongan yang diperlukan untuk mereka mengembangkan perniagaan secara lestari. Kami telah membina perkongsian yang kukuh dengan komuniti ini, menyokong mereka menerusi bantuan teknikal dan sumber untuk meningkatkan produktiviti dan mata pencarian mereka.

“

Sejak 2019, kami telah mengekalkan 100% Kebolehkesanan ke Kilang.

”



Kami akur bahawa kebolehkesanan mendatangkan cabaran disebabkan oleh kekompleksan rangkaian peniaga BTS dan pembekal pihak ketiga kami. Namun begitu, FGV komited untuk mengekalkan amalan rantai bekalan yang ketat dan telus. Untuk mengurangkan isu ini, kami bekerjasama dengan rakan niaga rantai nilai secara meluas untuk memastikan kebolehkesanan dan ketelusan turut tersirat dalam prosedur mereka. Pasukan Kelestarian dan Perdagangan kami bekerjasama dengan pembekal BTS untuk memastikan penambahbaikan berterusan dan pematuhan terhadap komitmen kelestarian kami.

MAJU KE HADAPAN

Kebolehkesanan merupakan sebahagian penting perniagaan perladangan, kerana pengguna dan pemegang kepentingan menuntut ketelusan dan kebertanggungjawaban yang tinggi dalam rantai bekalan. Maju ke hadapan, kami akan melaksanakan sistem digital untuk mengesan produk dari ladang ke pasaran yang bermatlamat untuk membolehkan kami mengenal pasti potensi sesakan dan ketidakcekapan dalam rantai bekalan. Kami juga akan meningkatkan pengumpulan data untuk mengenal pasti potensi sebarang risiko atau isu dan mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kerjasama dengan perniagaan perladangan lain, serta pembekal dan pelanggan. Selain itu, kami akan berinteraksi dengan pemegang kepentingan untuk mengenal pasti bidang penambahbaikan dan membina kepercayaan dengan mereka.



Menerusi R&D dan komitmen terhadap amalan bertanggungjawab, FGV sedang menuju ke arah masa hadapan yang lebih baik.



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 1: MEMPROMOSIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

PENSIJILAN KELESTARIAN



KEPENTINGANNYA

FGV komited untuk memperoleh pensijilan nasional dan antarabangsa serta piawaian kelestarian industri yang teriktiraf pada peringkat global untuk terus mendapat akses kepada pasaran premium. Pensijilan adalah penting untuk kami meminimumkan pendedahan organisasi terhadap pelbagai risiko seperti risiko pengawalseliaan serta risiko operasi dan reputasi. Langkah tersebut selain meminimumkan gangguan atas operasi harian dan menjamin kualiti produk dan perkhidmatan kami untuk pelanggan. Tanda aras berbanding dengan piawaian industri dan amalan terbaik yang tertinggi menyangga komitmen kami untuk beroperasi dan mencorakkan kemajuan secara bertanggungjawab, memastikan operasi dan amalan perniagaan kami meringankan dan meminimumkan impak buruk sosial dan alam sekitar.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

PENSIJILAN RSPO

Sejak 2010, kami komited kepada usaha untuk mendapatkan pensijilan penuh Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO), yang merupakan piawaian global kelestarian kelapa sawit yang paling teriktiraf, untuk semua 67 kilang dan pangkalan bekalan FGV. Pensijilan RSPO berpandukan prinsip dan kriteria yang menggalakkan penanaman minyak sawit lestari, pemprosesan minyak dan pembuatan produk berdasarkan pelbagai petunjuk ekonomi, alam sekitar dan sosial. Sehingga penghujung 2022, sejumlah 30 daripada 67 kilang dan pangkalan bekalan FGV telah diperakui RSPO, manakala kilang yang belum diperakui telah menjalani dan menyelesaikan semua penyediaan perlu dan bersedia untuk memulakan audit pensijilan.

PENSIJILAN MSPO

Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) ialah skim pensijilan kebangsaan Malaysia untuk ladang kelapa sawit, pekebun kecil bebas dan terurus, serta kemudahan pemprosesan minyak sawit lain di Malaysia. MSPO menetapkan set kriteria dan petunjuk yang komprehensif berfokuskan kelestarian, kebanyakannya teriktiraf pada peringkat antarabangsa oleh badan piawaian alam sekitar dan etika.

Pada 2022, kami mengekalkan pensijilan MSPO untuk semua 67 kilang dan pangkalan bekalan FGV, dan kami akan terus memastikan pematuhan amalan lestari menerusi pemantauan, penilaian dan peningkatan prestasi secara berkala.

PENSIJILAN KELESTARIAN DAN KARBON ANTARABANGSA

FGV berhasrat untuk menggalakkan pertumbuhan lestari dan penjana pendapatan menerusi operasi yang mematuhi Pensijilan Kelestarian Dan Karbon Antarabangsa (ISCC). Kami mempunyai lapan kilang yang diperakui ISCC, yang mencerminkan komitmen kami terhadap kelestarian dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab. Kami mematuhi piawaian ketat yang ditetapkan oleh ISCC dan memastikan operasi kami memenuhi kriteria ESG untuk menghormati hak komuniti di kawasan operasi kami, berinteraksi dengan komunitinya dan melabur dalam keperluan pembangunan mereka.

MAJU KE HADAPAN

Kami akan terus mengusahakan perolehan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa untuk menanda aras kualiti produk dan perkhidmatan kami berbanding dengan piawaian industri tertinggi. Peningkatan piawaian akan membuktikan komitmen kami untuk beroperasi dan berkembang secara bertanggungjawab, justeru membina kepercayaan pengguna dan pemegang kepentingan.



TADBIR URUS, ETIKA & INTEGRITI

KEPENTINGANNYA

Penegakan tadbir urus korporat yang baik adalah penting kepada kelestarian mana-mana organisasi perniagaan. Amalan tadbir urus korporat yang baik menerusi dasar dan proses akan membolehkan organisasi terus menghala ke arah kecemerlangan perniagaan.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

FGV komited kepada tahap tertinggi tadbir urus korporat dengan menerapkan amalan terbaik dan menegakkan piawaian kami pada setiap peringkat kepimpinan dan operasi dalam organisasi. Untuk tujuan ini, FGV telah mewujudkan Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan, yang berfungsi sebagai sistem pentadbiran kami yang komprehensif.

Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan disokong oleh pelbagai dasar, termasuk Tataetika dan Tatakelakuan yang menetapkan jangkaan piawaian Lembaga Pengarah dan pekerja, menetapkan bidang tugas dan had kuasa yang menggambarkan peranan dan kuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan dan mengandungi pernyataan jangkaan nilai, dasar dan prosedur untuk aktiviti rutin utama, proses dan urusan.

Pelbagai penambahbaikan dokumen dasar yang membentuk Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan telah dilaksanakan sepanjang tahun untuk mengekalkan kaitannya dengan operasi perniagaan FGV. Usaha juga tertumpu pada pengukuhan tadbir urus dalam bidang yang berkaitan dengan piawaian kelestarian tertinggi untuk perkara yang telah diterapkan dalam dasar dan prosedur FGV.

Ditubuhkan pada 2021, Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah terus menyokong tumpuan dan penekanan Lembaga Pengarah terhadap agenda kelestarian FGV. Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah membantu pelaksanaan tanggungjawab pengawasan Lembaga Pengarah atas objektif, dasar dan amalan kelestarian Kumpulan.

FGV meneruskan usahanya untuk meningkatkan etika dan integriti dengan sentiasa mengikuti perkembangan dan amalan terkini. Usaha ini direalisasikan dengan mematuhi pematuhan, melibatkan kepakaran yang betul, serta menilai dan mempertingkatkan dasar kami untuk kekal relevan. Kami juga komited untuk berhubung dengan pekerja kami untuk mengukuhkan kesedaran, terutamanya menerusi Ikrar Integriti FGV.



Maklumat lanjut tentang Tadbir Urus Kelestarian dan Laporan Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah boleh didapati dalam Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat pada halaman 126 hingga 160.

MAJU KE HADAPAN

FGV akan terus menekankan tadbir urus yang baik untuk menyediakan panduan komprehensif yang akan mengurus risiko dan peluang alam sekitar, sosial dan ekonomi yang berkaitan dengan operasi perniagaan. Kami akan memastikan integriti tersirat dan ditegakkan dalam semua urusan untuk terus membina kepercayaan dalam kalangan pemegang kepentingan kami.



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 1: MEMPROMOSIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI

PERHUBUNGAN & PEMBANGUNAN KOMUNITI



KEPENTINGANNYA

Perhubungan yang konsisten dengan komuniti tempatan membolehkan kami untuk mengenal pasti dan menangani keperluan mereka. Kami akur bahawa perhubungan yang produktif akan memperkasakan komuniti agar mereka tumbuh serentak dengan perniagaan kami. Pendekatan kami terhadap perhubungan dan pembangunan komuniti terdiri daripada inisiatif sekali laksana serta program jangka panjang yang menjana impak positif berkekalan kepada masyarakat. Di FGV, kami percaya bahawa tanggungjawab kami kepada masyarakat melangkaui pemberian bantuan dan sumbangan tunai. Oleh itu, kami berusaha untuk bekerjasama dengan rakan niaga strategik untuk melaksanakan inisiatif berkesan yang akan memanfaatkan komuniti sedemikian dalam jangka masa panjang. Salah satu cara adalah untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan menyediakan sumber dan pengetahuan perlu untuk meningkatkan pendapatan mereka dan menggalakkan amalan pertanian lestari.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

Selaras dengan arahan kerajaan tentang Pensijilan MSPO mandatori untuk semua pengusaha minyak sawit termasuk pekebun kecil dan peniaga bebas, FGV telah mengambil inisiatif dengan melancarkan Program Konsultasi Pekebun Kecil Bebas pada 2022. Program ini membolehkan kami berhubung dengan pekebun kecil selaras dengan komitmen penyumberaan secara bertanggungjawab FGV. Selain membiasakan pemegang kepentingan kami dengan kemas kini tentang komitmen kelestarian FGV, konsultasi sedemikian juga mengumpulkan maklum balas mereka dalam penambahbaikan berterusan operasi kami. FGV menjalankan dua sesi masing-masing di Johor Bahru dan Kuching yang disertai seramai 129 peserta. Kami merancang tujuh sesi tambahan pada 2023 dengan penyertaan 800 peserta merangkumi pekebun kecil dan peniaga bebas.


MEMBANTU KOMUNITI YANG SERBA KEKURANGAN

Pada 2022, kami melabur RM17.18 juta dalam pelbagai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk mengurangkan beban kewangan masyarakat yang serba kekurangan dan mewujudkan kesedaran tentang kelestarian dan industri kelapa sawit.

Kami percaya bahawa sumbangan kami kepada masyarakat merupakan aspek penting kelestarian di samping menyediakan peluang untuk berhubung komuniti. Kami komited untuk memperkasakan komuniti tempatan di kawasan operasi kami untuk menyokong kejayaan jangka panjang mereka.

Pada tahun yang dikaji, kami berhubung dengan pelbagai komuniti untuk meluaskan kesedaran tentang ESG, pemuliharaan alam sekitar dan industri minyak sawit, selain menghulurkan sumbangan kepada tabung bencana negara.

Jumlah amaun yang dilaburkan untuk aktiviti CSR (RM Juta)



TABUNG BANTUAN BENCANA NEGARA

FGV menghulurkan sumbangan kepada Tabung Bantuan Bencana Negara bawah seliaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk memberikan sokongan segera kepada komuniti yang dilanda bencana.



MARI KENALI SAWIT

Selaras dengan usaha kerajaan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar dan mendidik mereka tentang industri kelapa sawit, kami bekerjasama dengan Kementerian Perlindungan dan Komoditi dan terlibat dengan 100 sekolah. Maklumat tentang minyak sawit seperti khasiat dan faedahnya disampaikan menerusi ceramah, bengkel dan taklimat sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan duta muda untuk mempromosikan minyak sawit Malaysia.

Ulasan Kelestarian



YAYASAN FELDA

- i) **Kepimpinan Digital Global (GDL)** – menerusi Yayasan FELDA, FGV menyokong Program GDL Universiti Teknologi & Inovasi Asia Pasifik (APU). Program ini merangkumi pelbagai pengkhususan teknologi dan berusaha untuk meningkatkan tahap kesediaan digital pelajar menerusi pendedahan yang realistik dan praktikal, menghasilkan modal insan berkualiti tinggi. Selaras dengan Industri 4.0, program GDL menawarkan 18 kursus berasaskan teknologi seperti Teknologi Maklumat (IT), Keselamatan Sistem dan Transformasi Digital. Pada tahun ini, sejumlah 13 pelajar cemerlang komuniti FELDA menerima tajaan pendidikan tinggi berasaskan teknologi, membentuk kohort awal untuk mengikuti program sehingga ke peringkat ijazah sarjana muda.
- ii) **Kolej Komuniti FELDA** – sumbangan tahunan kami kepada Yayasan FELDA digunakan untuk membiayai kursus vokasional di tiga kolej bawah pengurusanannya di Pahang, Negeri Sembilan dan Perak. Pelajar diajar dalam bidang seperti pemasakan, pembuatan pastri, katering, pengurusan acara, jahitan, pengurusan pejabat, kesihatan dan kursus intensif Bahasa Inggeris.



PROGRAM EKSPLORASI ALAM

Dengan kerjasama Yayasan Didik Negara, program ini bertujuan untuk menyemai kesedaran dan kefahaman tentang kelestarian alam sekitar dalam kalangan murid sekolah rendah. Program tersebut berlangsung di beberapa lokasi antaranya Zoo Negara, Paya Indah Wetlands, Pusat Pemuliharaan Hidupan Liar, Pusat Pemuliharaan Gajah Negara dan Taman Negara Tanjung Piai. Kira-kira 500 pelajar daripada 26 sekolah menyertai program ini.



MENYOKONG KESEDARAN ESG

Kami mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti kesedaran ESG untuk menyokong kepentingan amalan lestari. Pada 2022, kami mengambil bahagian dalam acara berkaitan ESG yang berikut:

- i) **Simposium Inisiatif Sasaran Berasaskan Sains – The Race to Zero**
FGV merupakan syarikat perniagaan tani pertama di Malaysia yang komited kepada inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) dan aspirasi sifar bersih. Tahun ini juga Malaysia sebagai menjadi tuan rumah Simposium SBTi yang pertama, anjuran UNGC Malaysia & Brunei. Kami mengambil bahagian untuk menyerlahkan komitmen FGV terhadap tanggungjawab korporat dan kepimpinan dalam tindakan iklim.
- ii) **Sidang Kemuncak Korporat ESG – Memacu Kelestarian & Transformasi Lestari**
Pada Februari 2022, FGV mengambil bahagian dalam Sidang Kemuncak Korporat ESG, yang dianjurkan supaya sektor korporat dapat memainkan peranan untuk memacu perubahan transformasi dengan sasaran sifar bersih yang jelas dan boleh dicapai. Penyertaan kami selaras dengan usaha untuk mengurus pematuhan kawal selia dan bergerak balas secara berkesan terhadap usaha ESG pemegang kepentingan.
- iii) **Intervarsity Malaysia Public Policy Advocacy Competition (myIMPACT)**
myIMPACT ialah pertandingan peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Youthcare Malaysia untuk menggalakkan pelajar di institusi pengajian tinggi mengambil bahagian dalam pembangunan cadangan dasar alam sekitar dan iklim. FGV merupakan salah satu penaja pertandingan ini. Pertandingan itu meliputi lima daripada 17 Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG), iaitu SDG 6 (Air Bersih dan Pensanitasi), SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari), SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab), SDG 13 (Tindakan Iklim) dan SDG 15 (Kehidupan Daratan). Peserta diberi peluang untuk mengenal pasti jurang yang ketara dalam dasar sedia ada Malaysia supaya cadangan boleh dibuat untuk menangani jurang ini.

MAJU KE HADAPAN

Kami akan terus meneroka inisiatif sosial yang akan memberikan impak positif kepada komuniti, pelanggan dan pemegang kepentingan kami yang lain. Kami ingin berhubung dengan pemegang kepentingan untuk membina kepercayaan dan mewujudkan hubungan yang positif. Seterusnya, kami akan dapat meningkatkan reputasi dan penjenamaan kami, yang akan menarik pelanggan baharu dan memacu pengekalan bakat dan penjenamaan pekerja.



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 2: MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

MENEGAKKAN HAK ASASI MANUSIA & PIAWAIAN BURUH

KEPENTINGANNYA

FGV berusaha untuk menghormati hak asasi manusia dalam setiap aspek perniagaan dan operasinya, serta mematuhi undang-undang baharu tentang penilaian teliti hak asasi manusia. Kumpulan menghormati hak asasi manusia semua pemegang kepentingan dalam seluruh perniagaan dan operasinya, termasuk pekerja ladangnya dan komuniti orang asli di kawasan sekitar operasinya. Dalam usaha untuk mewujudkan industri minyak sawit lestari dan menggalas tanggungjawab sosial, Kumpulan komited untuk memastikan operasinya bebas daripada sebarang eksploitasi, sama ada buruh paksa atau buruh kanak-kanak, pemerdagangan manusia atau perhambaan moden. FGV berpegang pada pendirian toleransi sifar terhadap pencabulan hak asasi manusia, yang dikuatkuasakan dalam seluruh operasinya.



KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

Sebagai organisasi yang bertanggungjawab, Kumpulan mempunyai komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk menegakkan dan mematuhi prinsip dan piawaian hak asasi manusia yang teriktiraf pada peringkat antarabangsa. Selain itu, FGV mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan untuk memastikan piawaian buruh dipenuhi agar hak pelbagai tenaga kerjanya terlindung. FGV juga komited untuk menghormati hak semua, dan memperlakukan mereka secara bermaruah dan saksama selaras dengan prinsip kesaksamaan dan tanpa diskriminasi. Dalam konteks ini, kami berpanduan tonggak kedua GSP kami dalam penegakan hak asasi manusia. Kami juga telah mewajibkan pematuhan terhadap GSP untuk vendor, pembekal, perunding dan kontraktor FGV.

Perkara berikut telah dimasukkan dalam GSP bawah tonggak Menghormati Hak Asasi Manusia:



GABUNGAN DENGAN FAIR LABOR ASSOCIATION

Sebagai syarikat gabungan FLA sejak Oktober 2019, FGV telah melaksanakan program jangka panjang untuk melaraskan amalan buruhnya dengan Tatakelakuan Tempat Kerja (WCOC) FLA, yang diperoleh daripada piawaian buruh antarabangsa.

FGV tertakluk pada tiga penilaian pematuhan buruh oleh FLA. Berikutan tahun kedua gabungan FGV, FLA menjalankan Penilaian Luar Bebas (IEA) antara November 2021 dan Januari 2022, yang melibatkan semakan sistem pengurusan dan operasi lapangan kami. Secara keseluruhan, FLA menilai sembilan tapak yang terdiri daripada tiga kilang dan enam ladang. FLA mendapati tiada ketidakpatuhan terhadap tanda aras buruh paksa FLA dan tidak menemui bukti buruh kanak-kanak. Selain itu, laporan IEA menunjukkan pencapaian kemajuan FGV dalam komitmen Pengurusan Tertingginya, pelarasan dasar dengan piawaian antarabangsa dan kebangsaan serta interaksi dengan organisasi masyarakat madani, khususnya pada peringkat ibu pejabat.

FGV telah melaksanakan pelbagai program untuk mengukuhkan amalan buruhnya, termasuk pembinaan kapasiti dan peningkatan kesedaran dalam kalangan pekerja tentang hak asasi manusia, pengukuhan mekanisme untuk memudahkan penerapan hak kebebasan berserikat dan perundingan kolektif, meningkatkan kawalan dan sistem tentang pematuhan piawaian buruh, mempertingkatkan perumahan dan kemudahan pekerja selaras dengan keperluan undang-undang dan mengukuhkan prosedur dalam pengambilan pekerja asing yang termasuk pengenalan penilaian prapenyumberan tentang pematuhan piawaian buruh atas agensi pengambilan.

PENDEKATAN UNTUK MENCEGAH BURUH KANAK-KANAK

FGV menyertai Kempen Ikrar Kebangsaan Menentang Buruh Kanak-kanak yang dimulakan oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Malaysia. Sebagai sebahagian daripada ikrar, FGV melaksanakan aktiviti berikut untuk mencegah dan menangani isu buruh kanak-kanak di Malaysia:

- Memulakan program perlindungan kanak-kanak untuk meminimumkan risiko buruh kanak-kanak dalam operasi dan rantaian bekalan FGV
- Menggalakkan pemerksaan kanak-kanak bawah tanggungjawab penjagaan FGV dengan melaksanakan program yang boleh merealisasikan potensi mereka sepenuhnya
- Menggiatkan program peningkatan kesedaran dan pembinaan kapasiti tentang hak kanak-kanak untuk kakitangan FGV dan rakan niaga rantaian bekalan

Pada 2022, FGV berserta Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan ILO Malaysia, menganjurkan bengkel yang dihadiri kira-kira 90 peserta, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (CEO), Ketua Pegawai Eksekutif FGVP, Timbalan Presiden MTUC, pengurusan ladang dan pekerja. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang isu berkaitan kanak-kanak dan buruh paksa dalam kalangan pekerja ladang kami. Di Lahad Datu, FGV dan *Project Liber8*, Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang perdagangan manusia, menganjurkan bengkel bersama untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu perdagangan kanak-kanak dan buruh kanak-kanak dalam kalangan pelajar daripada sekolah awam dan Pusat Pembelajaran Komuniti FGV untuk anak-anak pekerja asing kami.

PENDEKATAN TERHADAP PEKERJA MIGRAN

FGV komited untuk menghormati dan memenuhi hak semua pekerjaannya, termasuk pekerja asing. Kami mengiktiraf kepentingan peranan mereka dalam operasi kami dan pada 2022, FGV mengkaji dan memperkukuh Garis Panduan dan Prosedur Pengambilan dan Guna Tenaga Pekerja Migran Secara Bertanggungjawab (GPRRMW) untuk melaraskan amalannya dengan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik, seperti dasar Tiada Yuran Pengambilan pekerja migrannya, yang melarang mana-mana pihak mengenakan bayaran pengambilan pekerja migran. Selain itu, FGV memperkukuh penilitian telitinya terhadap pelantikan agensi menerusi mekanisme prapenyumberan untuk menilai bakal agensi pengambilan atas komitmen mereka terhadap hak asasi manusia dan piawaian buruh. Seterusnya, usaha penilaian selanjutnya dibuat atas proses dan kemudahan operasi pengambilan mereka di negara masing-masing. Kami menemu bual pekerja tentang pengalaman pengambilan mereka di negara sumber sebaik tiba di Malaysia. Selain itu, kami juga mengadakan latihan untuk agensi pengambilan tentang pengambilan pekerja secara bertanggungjawab dan beretika. Pada 2022, tiga agensi pengambilan telah digantung kerana gagal mematuhi keperluan etika pengambilan pekerja FGV.



MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

Kumpulan telah melaksanakan beberapa inisiatif sebagai sebahagian daripada usaha untuk menghormati hak asasi manusia dan piawaian buruh. Sebagai contoh, Pusat Sehati telah ditubuhkan di Bukit Rokan, Malaysia, Chennai dan Kolkata, India dan Lombok, Indonesia untuk memperkukuh prosedur pengambilan pekerja asing kami. Di Pusat Sehati ini, pekerja asing menjalani sesi orientasi dan diberikan taklimat kedua tentang hak dan tanggungjawab mereka, syarat pekerjaan, skop kerja dan sifat kerja, serta induksi tentang aplikasi e-Dompet FGV.

Program pembinaan kapasiti hak asasi manusia juga telah dimulakan dengan pekerja di ladangnya. Menerusi kerjasama strategik dengan NGO, FGV membangunkan modul latihan hak asasi manusia untuk pekerja ladang.

Ulasan Kelestarian

TONGGAK 2: MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA



TIADA BURUH PAKSA

Selaras dengan komitmen untuk menegakkan piawaian buruh, FGV terus memantau operasinya untuk menangani sebarang risiko amalan buruh paksa. Antara inisiatif lain, kami telah menggiatkan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman 11 Petunjuk ILO tentang Buruh Paksa dalam kalangan kakitangan, termasuk buruh operasi kami. Sebagai contoh, 48 sesi latihan tentang 11 Petunjuk ILO Buruh paksa telah dijalankan untuk lebih 1,200 anggota keselamatan pada 2022.

Selain itu, mekanisme rungutan FGV memberikan pandangan penting tentang realiti di lapangan, meningkatkan pelaksanaan penambahbaikan berterusan dalam amalan buruh kami. Mekanisme rungutan FGV membolehkan pekerja untuk mengemukakan rungutan tanpa nama menerusi pelbagai saluran, termasuk fungsi e-Rungutan pada aplikasi e-Dompet FGV, Talian Aduan FGV, peti aduan, buku aduan atau menerusi wakil yang dilantik oleh mereka.



KESEJAHTERAAN PEKERJA

Untuk meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan pekerja kami, FGV telah menubuhkan 13 klinik dengan perbelanjaan kami sendiri di ladang kami yang terletak di kawasan terpencil, dengan panduan dan kelulusan Kementerian Kesihatan. FGV juga menyediakan Alat Pelindung Diri (PPE) tanpa kos kepada pekerja dan memperuntukkan dana untuk rawatan perubatan pekerja.

Dalam hal pembayaran gaji pekerja, FGV telah menyediakan aplikasi e-Dompet yang memudahkan transaksi gaji tanpa tunai secara selamat dan mudah. Pekerja dibayar terus ke e-Dompet mereka dan mereka boleh menjalankan transaksi tanpa tunai serta menghantar kiriman wang kepada keluarga mereka di negara asal.

Aplikasi e-Dompet itu turut dilengkapi dengan empat ciri nilai tambah termasuk e-kehadiran, e-SOS, e-rungutan, e-produktiviti dan papan buletin untuk FGV menyebarkan maklumat terus kepada pekerja menerusi aplikasi tersebut. Pekerja kami diberi kebebasan untuk melaporkan sebarang rungutan secara tanpa nama, sama ada menerusi teks atau rakaman audio dalam bahasa pilihan mereka menerusi ciri e-Rungutan aplikasi e-Dompet FGV pada bila-bila masa.



Nilai PRIDE tersirat dalam hati warga kerja FGV.



PERINTAH SEKATAN PELEPASAN DIKELUARKAN OLEH CUSTOMS AND BORDER PROTECTION AMERIKA SYARIKAT

Customs and Border Protection (CBP) Amerika Syarikat (AS) mengeluarkan Perintah Sekatan Pelepasan (WRO) atas minyak sawit dan produk minyak sawit yang dikeluarkan oleh FGV, subsidiari dan usaha samanya. Untuk menangani isu ini, FGV telah mengambil langkah untuk mengubah WRO oleh CBP AS. Setakat 31 Disember 2022, FGV telah melaksanakan langkah berikut:

- Melantik Crowell dan Moring, penasihat undang-undang yang berpangkalan di AS
- Melantik ELEVATE untuk menjalankan penilaian bebas atas operasi FGV berbanding dengan 11 Petunjuk ILO untuk Buruh Paksa
- Membangunkan Pelan Pemulihan menerusi perundingan dengan ELEVATE serta Crowell dan Moring
- Menubuhkan Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada ahli Pengurusan Tertinggi FGV dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dalam penyeliaan usaha untuk mengubah WRO
- Menubuhkan Pasukan Petugas Pemulihan WRO untuk mengawasi dan memantau pelaksanaan Pelan Pemulihan WRO
- Melaksanakan komunikasi berterusan dengan CBP AS
- Berinteraksi dengan pemegang kepentingan termasuk Menteri Perusahaan Perladangan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Luar Negeri, Kedutaan AS di Malaysia, Kedutaan Besar Malaysia di Washington DC, Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM).

ELEVATE telah menyelesaikan penilaian di lapangan, yang terdiri daripada lawatan dan audit yang tidak diumumkan atas 25 ladang dan tiga kilang di seluruh operasi FGV di Malaysia. Berdasarkan hasil penilaian ELEVATE, FGV sedang melaksanakan pelan pemulihan yang meliputi bidang tumpuan berikut:

Pengurusan pekerja	Pembayaran balik yuran pengambilan	Gaji dan upah	Kerja lebih masa dan waktu kerja
Perkara sumber manusia	Kebajikan pekerja	Kesihatan, keselamatan dan alam sekitar	Kemudahan
Pengurusan kontraktor	Mekanisme rungutan	Sistem pengurusan	Regularisasi pekerja

PERJANJIAN PERUNDINGAN KOLEKTIF

Kami mengiktiraf dan menghormati hak pekerja kami untuk menyertai kesatuan sekerja dan mana-mana persatuan pilihan mereka serta hak mereka untuk berunding secara kolektif. Sehingga 2022, kira-kira 41% pekerja kami dilindungi bawah Rundingan Kolektif (CA).

Kakitangan bukan eksekutif kami diberi peluang untuk menyertai kesatuan sekerja, membolehkan mereka menyatakan pendapat dan usaha mereka. Kami telah menandatangani 16 CA dengan kesatuan sekerja yang meliputi tempoh dari 2022 hingga 2024, 14 daripadanya ialah perjanjian kesatuan dalaman dan dua perjanjian luar dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perusahaan Petroleum Dan Kimia Semenanjung Malaysia dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Pekerja Perdagangan (NUCW). CA kami meliputi pekerja kami di ladang, kilang, kilang penapisan, kemudahan simpanan pukal dan logistik, yang merangkumi hampir keseluruhan rangkaian operasi kami.

Kesatuan dalaman dan kebangsaan kami mewakili pekerja dalam pelbagai segmen. Kami mengadakan mesyuarat dengan setiap kesatuan dua kali setahun, dan lebih kerap apabila timbul desakan isu. Kebajikan dan hak pekerja ditangani menerusi interaksi rutin dengan wakil kesatuan yang mempercepat penyelesaian kena pada masanya bagi isu yang dibangkitkan. Selain itu, kami mempunyai Jawatankuasa Perundingan Bersama di ladang kami untuk manfaat semua pekerja, termasuk pekerja asing, untuk menangani isu dan usaha yang melibatkan mereka.

KEPELBAGAIAN, EKUITI DAN RANGKUMAN

Kami akur bahawa tenaga kerja yang pelbagai membantu organisasi menjadi lebih dinamik dan berdaya tahan. Kepelbagaian ini memperkenalkan perspektif dan pengalaman baharu, serta meningkatkan motivasi dan persaingan dalam kalangan pekerja untuk memupuk peningkatan inovasi dan produktiviti kerja. Kami mempunyai pendirian toleransi sifar terhadap semua bentuk diskriminasi dan kepelbagaian ialah pertimbangan yang diambil kira semasa proses pengambilan dan kenaikan pangkat.

Sebagai majikan yang progresif, kami mengamalkan prinsip tanpa diskriminasi dan menyediakan peluang sama setiap pekerja untuk berkembang secara profesional. Tidak kira jantina, umur, kewarganegaraan, agama, pendapat politik, kumpulan sosial, asal etnik atau sebarang bentuk diskriminasi yang lain. Semua pekerja menerima imbuhan yang setimpal dengan kekananan, pekerjaan dan pengalaman mereka. Kami mematuhi perintah gaji minimum negara yang berkenaan sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk menawarkan pekerjaan yang saksama dan bermaruah.



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 2: MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

PROFIL TENAGA KERJA FGV¹

Jumlah Tenaga Kerja FGV



51,919

(Lelaki)
86%




(Perempuan)
14%



Pekerja Tetap

16,812

Pecahan Ikut Kategori Kerja



- Pengurus Besar dan ke Atas
- Pengurus
- Eksekutif
- Bukan Eksekutif



Purata Umur*

38 tahun



Purata Tempoh Perkhidmatan*

14.5 tahun



Jumlah Bilangan Pekerja Baharu

1,081



Jumlah Bilangan Pusing Ganti

707


Buruh Operasi

35,107

Pecahan Ikut Negara Asal



Malaysia
5,353



Indonesia
12,442



India
9,269



Bangladesh
5,822



Filipina
2,162



Thailand
56



Nepal
2



Sri Lanka
1

¹ Maklumat setakat 31 Disember 2022.

* Tidak termasuk syarikat luar negara

Ulasan Kelestarian



KESAMARATAAN JANTINA

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman, kami menghargai kesaksamaan jantina dan akur bahawa semua jantina sama-sama mampu memberikan pandangan yang unik dan progresif, membolehkan sumbangan mereka secara sama rata kepada pertumbuhan lestari FGV. Kami menjadi penandatangani Prinsip Pemerksaan Wanita (WEP), satu set garis panduan yang dibangunkan oleh UNGC dan UN Women, pada April 2022.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memperkukuh komitmen terhadap kesaksamaan jantina dan pemerksaan wanita, kami mempunyai Jawatankuasa Kesaksamaan Jantina dan Pemerksaan Wanita (GEWE) yang memperjuangkan hak wanita di tempat kerja. Ditubuhkan pada 2021 dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan, GEWE menggariskan pendekatan toleransi sifar kami terhadap semua bentuk diskriminasi dan membolehkan penggabungan dasar dan amalan perspektif jantina kami dengan lebih baik. Kami akur akan kepentingan kesaksamaan jantina dan sedang mengambil langkah konkrit untuk memperkenalkan inisiatif dan program di seluruh Kumpulan yang akan menyokong agenda ini. Tindakan ini akan menyepadukan kesaksamaan jantina sepanjang operasi perniagaan kami dan menyokong agenda pemerksaan wanita dalam Kumpulan.

Pada tahun ini, kami juga memperkenalkan Program Kepimpinan Wanita untuk menambah baik dan menyediakan pemimpin wanita masa hadapan. Program ini juga menggalakkan pemimpin untuk sedar sendiri dan sedar sosial, serta memahami cara kepimpinan dengan impak dan yakin, di samping menyediakan ruang perbincangan terbuka yang selamat. Program latihan selama dua hari itu telah disertai oleh 81 peserta pada peringkat Pengurus dan Eksekutif Kanan.

Maju ke hadapan, kami akan mengukuhkan amalan kami dengan membangunkan Dasar Kesaksamaan Jantina, yang akan terus membimbing kami dalam rekaan bentuk pelan tindakan untuk meningkatkan kesaksamaan jantina dan pemerksaan wanita.



Memecah halangan dan membina kejayaan, FGV meraikan wanita dan menerima kesaksamaan untuk dunia yang lebih kukuh dan inklusif.



RUNGUTAN DAN PEMBERITAHUAN MAKLUMAT

Kesejahteraan tenaga kerja kami adalah penting dalam usaha pengekalan bakat, dan kami mengambil serius sebarang isu yang mungkin mereka hadapi. Sehubungan dengan itu, kami mempunyai Unit Pengurusan Aduan, yang membolehkan tenaga kerja kami atau mana-mana pihak lain menyatakan aduan mereka atau mengemukakan aduan dan rungutan. Unit ini bertanggungjawab untuk menerima semua aduan menerusi semua saluran rungutan dan akan menganalisisnya, menjalankan siasatan, menghasilkan laporan, menuntut pelan tindakan daripada pihak berkaitan untuk membetulkan rungutan dan memberikan maklum balas kepada pengadu.

Sesiapa sahaja boleh mempunyai akses kepada saluran rungutan FGV. Pangkalan data digital akan bertindak sebagai sistem berpusat untuk mengurus aduan daripada tenaga kerja kami menerusi saluran ini. Kami mengadakan sesi kesedaran dengan tenaga kerja kami dan pemegang kepentingan lain dari semasa ke semasa yang menjadi platform untuk FGV menyediakan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri. Dengan berbuat demikian, kami memperkasakan mereka untuk membuat keputusan termaklum dan menyokong usaha kolektif kami ke arah masa hadapan yang lebih lestari. Sesi ini juga bertujuan untuk melibatkan peserta dan memupuk saluran komunikasi terbuka untuk mengukuhkan hubungan dan mewujudkan pemahaman bersama tentang matlamat kelestarian kami. Pada 2022, kami menjalankan 44 sesi di seluruh Malaysia.

Selain itu, kami mempunyai mekanisme pemberian maklumat untuk tenaga kerja dan pemegang kepentingan lain untuk melaporkan penyalahgunaan kuasa, rasuah, tingkah laku tidak beretika atau pelanggaran Tatakelakuan FGV. Mekanisme ini membolehkan tenaga kerja kami dan pemegang kepentingan lain melaporkan sebarang salah laku atau tingkah laku tidak beretika menerusi saluran yang teriktiraf secara rasmi tanpa nama dan rasa takut akan tindakan balas. Proses penilaian dan langkah sewajarnya akan diambil selepas laporan kejadian disahkan dan terbukti benar.

MAJU KE HADAPAN

Secara keseluruhan, penghormatan hak asasi manusia dan piawaian buruh memerlukan pendekatan pelbagai fakta yang melibatkan kerjasama, pendidikan, pemantauan, pelaporan dan kebertanggungjawaban. Dengan bekerjasama dan mempromosikan prinsip ini, kami boleh mewujudkan dunia yang saksama dan lestari untuk semua. Maju ke hadapan, kami akan terus bekerjasama dengan semua pemegang kepentingan untuk melindungi hak asasi manusia dalam operasi perniagaan kami selaras dengan Prinsip Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGPs). Kami akan terus mematuhi semua undang-undang, peraturan dan pengawalseliaan yang berkaitan, dan melaraskan amalan dan prinsip kami dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 2: MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

PERHUBUNGAN DENGAN PEKERJA



KEPENTINGANNYA

Pekerja kami merupakan aset kami yang paling berharga, dan perhubungan tenaga kerja adalah penting untuk mencapai pertumbuhan perniagaan yang ketara. Kami percaya bahawa membina hubungan positif dengan pekerja kami adalah penting untuk meningkatkan produktiviti dan mengekalkan bakat terbaik. Oleh itu, kami komited untuk sentiasa berhubung dengan pekerja kami untuk mengenal pasti dan memenuhi keperluan mereka, memastikan kepuasan kerja dan membentuk tenaga kerja berprestasi tinggi untuk memacu kejayaan perniagaan.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

Pada 2022, kami melaksanakan inisiatif berikut untuk memastikan perhubungan dengan pekerja kami dan mendapatkan maklum balas supaya pemahaman yang lebih baik diperoleh tentang keperluan tenaga kerja kami:



INISIATIF PRIDE

Kempen PRIDE diperkenalkan pada 2020 untuk mempromosikan nilai PRIDE merentas tenaga kerja dan menyepadukan nilai dalam kerja harian mereka.

Pada 2022, kempen ini digiatkan lagi menerusi pengenalan platform fizikal yang dipanggil Sudut PRIDE di semua tempat kerja di seluruh Kumpulan. Bahan promosi telah dimuat naik ke Hab FGV, platform dalam talian dalaman, dan dihantar menerusi e-mel kepada pekerja masing-masing pada setiap bulan. Pemantauan pelaksanaan Sudut PRIDE dijalankan setiap tiga bulan.



WADAH MEJA BULAT PEKERJA

FGV memulakan Rangka Kerja Komunikasi Tempat Kerja (WPC) pada 2020 untuk meningkatkan perhubungan, komunikasi dan kesejahteraan pekerja. Sesi Wadah Meja Bulat Pekerja ialah inisiatif berterusan dan terus menjadi platform perhubungan utama pada 2022.

Menerusi platform ini, pekerja menyatakan fikiran dan pendapat mereka tentang isu yang boleh diperbaiki dalam perbincangan terbuka. Setiap tempat kerja dikehendaki menjalankan sekurang-kurangnya empat sesi wadah meja bulat setiap tahun, dan sesi itu dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau Ketua Bahagian atau Ketua Tempat Kerja. Isu yang dibangkitkan semasa sesi mesti diselesaikan dalam masa 60 hari. Masalah yang tidak dapat diselesaikan akan dirujuk kepada Pengurusan Atasan untuk penyelesaian.



PROGRAM PERANCANGAN PRAPERSARAAN

Program Perancangan Prapersaraan menyediakan pekerja FGV untuk menghadapi persaraan. Program ini meliputi pengetahuan kecekilan kewangan dalam bidang seperti simpanan persaraan, imbalan perbelanjaan, gadai janji dan hutang untuk memastikan kelestarian kewangan. Program ini juga menyediakan maklumat penjagaan kesihatan dan kesejahteraan agar pekerja bersedia untuk menghadapi persaraan dalam semua aspek. Pekerja boleh berkongsi idea dan bertukar-tukar maklumat tentang rancangan persaraan menerusi program ini. Pada 2022, kami menjalankan 16 sesi, yang disertai oleh 661 pekerja.



TINJAUAN PERHUBUNGAN PEKERJA

Tinjauan Perhubungan Pekerja (EES) direka untuk memberi kami wawasan tentang keperluan modal insan dengan menentukan tahap komunikasi dan perhubungan perlu untuk memupuk budaya korporat yang teguh dan pasukan yang berdedikasi. Penilaian EES berpandukan aktiviti perhubungan pekerja kami yang dianjurkan sepanjang tahun dan disokong oleh penyelidikan oleh organisasi pihak ketiga yang bebas.

Pada 2022, keputusan EES kami merekodkan 81% iaitu dalam kuartil teratas berbanding dengan norma Malaysia. Tinjauan tahun ini mendapati pekerja kami konsisten berpandangan positif tentang organisasi, mempunyai keinginan yang kuat untuk menjadi sebahagian daripada Kumpulan dan bersedia untuk menambah usaha demi memastikan kejayaan perniagaan.

MAJU KE HADAPAN

Maju ke hadapan, kami akan terus berhubung dengan pekerja kami dan mengekalkan tenaga kerja yang inklusif dan pelbagai. Kami akan terus mengekalkan saluran komunikasi terbuka dan menggalakkan pendekatan holistik yang meningkatkan pengiktirafan, pembangunan bakat, keseimbangan kehidupan kerja, keterangkuman, kepelbagaian, kesihatan, kesejahteraan dan pemeraksaan.

PENGURUSAN BAKAT



KEPENTINGANNYA

Pengurusan bakat adalah penting untuk kami menarik dan mengekalkan bakat terbaik untuk membentuk tenaga kerja berprestasi tinggi dan memastikan pertumbuhan perniagaan secara lestari. Dalam pengurusan bakat, pemilihan calon yang sesuai dan pengambilan bakat yang terbaik dalam industri menjadi keutamaan kami. Usaha pencarian bakat kami tertumpu pada pekerja yang berkeelayakan, bertanggungjawab dan cekap yang akan melebihi usaha kerjasama untuk memenuhi objektif dan sasaran perniagaan Syarikat.

Kami berhasrat untuk memupuk tenaga kerja yang tangkas, cekap dan berdaya tahan dengan melabur dalam pembangunan kumpulan bakat kami. Perkara ini termasuk melabur dalam pembelajaran dan pembangunan kakitangan kami, menyediakan gaji yang saksama dan manfaat yang kompetitif dan menawarkan program bimbingan. Selain itu, kami memberikan pampasan dan imbuhan kepada pekerja kami dengan pelbagai manfaat dan menyediakan pakej imbuhan yang saksama untuk memotivasikan dan mengekalkan bakat kami. Hasrat ini selaras dengan pendekatan modal insan strategik kami terhadap imbuhan dan pengiktirafan, yang memastikan pekerja kami diberi pampasan yang saksama pada skala gaji kompetitif yang ditanda aras dengan amalan industri terbaik.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

Kami berusaha untuk memenuhi piawaian industri dalam inisiatif pengurusan bakat dengan menawarkan struktur pampasan yang kompetitif serta kemajuan kerjaya yang lestari.

JUMLAH PENGURUSAN PAMPASAN

Modal Insan Kumpulan (GHC) membangunkan dan melaksanakan sistem imbuhan berkesan yang membolehkan organisasi menarik, mengembangkan dan mengekalkan bakat yang diperlukan untuk perniagaan. Mulai 2023, GHC juga akan mengambil bahagian dalam Tinjauan Gaji tahunan Mercer Malaysia dan bekerjasama dengan perunding luaran untuk menjalankan Semakan Jumlah Pampasan untuk organisasi, dengan bimbingan daripada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

Manfaat ini membolehkan Kumpulan mengimbal, menarik, mengambil dan mengekalkan pekerja berbakat.

Manfaat Kebajikan Pekerja Utama



Liputan Penjagaan Kesihatan

Perlindungan Hospital dan Pembedahan Kumpulan yang merangkumi rawatan pesakit luar dan pakar, kemasukan ke hospital dan rawatan bersalin termasuk kos melahirkan anak untuk pekerja dan tanggungan, serta pemeriksaan kesihatan untuk pekerja sahaja



Perlindungan Insurans

Meliputi Jangka Hayat Berkelompok, Kemalangan Diri Berkelompok dan Insurans Perjalanan Luar Negara untuk pekerja sahaja



Cuti

Cuti tahunan, cuti sakit, cuti sakit berpanjangan, cuti haji bergaji, cuti ihsan, cuti peperiksaan dan pelbagai bentuk cuti lain



Subsidi dan Elaun

Subsidi tuntutan tempat letak kereta, elaun sara hidup, bil telefon bimbit dan peranti, anugerah perkhidmatan lama dan yuran keahlian profesional



Bantuan Pendidikan

Bagi pekerja yang ingin melanjutkan pengajian tinggi atau memperoleh kelayakan profesional



Peruntukan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Kenaikan Caruman KWSP majikan



Kemudahan Gim

Untuk menggalakkan kesihatan fizikal dan mental dalam kalangan pekerja, Kumpulan telah melancarkan gim di Wisma FGV pada Februari 2023. Gim ini dilengkapi sepenuhnya dengan kemudahan untuk pekerja bersenam semasa rehat makan tengah hari atau selepas bekerja



Cuti Bersalin/Cuti Isteri Bersalin (pada 2023 dan seterusnya)

98 hari dan terhad kepada lima kehamilan

Cuti isteri bersalin

Tujuh hari



Kemudahan Taska

Bermula pada 2019 di ibu pejabat di Kuala Lumpur, taska ini boleh memuatkan sehingga 162 kanak-kanak berumur dua bulan hingga empat tahun. Kini, kemudahan ini boleh didapati di beberapa lokasi pejabat FGV



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 2: MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

PROGRAM PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

Kami terus melabur dalam pendidikan berterusan pekerja kami kerana usaha ini merupakan salah satu aspek terpenting dalam pengurusan bakat. Program pembelajaran dan pembangunan kami menyokong matlamat operasi dan juga membolehkan pekerja kami cemerlang secara profesional dan peribadi. Berikut ialah senarai beberapa program pembelajaran dan pembangunan utama kami pada tahun ini.



BENGKEL KECEKAPAN KEPIMPINAN PRIDE

Bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan eksekutif kanan dan bukan eksekutif kami, matlamat latihan ini adalah untuk meningkatkan keupayaan peserta untuk meluahkan pernyataan tentang perubahan global dan isu komersial yang sedang dihadapi oleh organisasi.



PROGRAM PENSIJILAN AKAUNTAN FGV

Program Pensijilan Akauntan (ACE) FGV merupakan program perakaunan profesional yang bermula pada 2020. Program tiga tahun ini diwujudkan untuk meningkatkan kecekapan berasaskan kewangan dan perakaunan kakitangan FGV serta meningkatkan pengetahuan pengurusan kewangan dan disiplin mereka dalam pengendalian perniagaan. Pada 2022, sejumlah 11 kakitangan Kumpulan telah menyertai program ini, yang membolehkan peluasan kemahiran dan pengalaman mereka menerusi giliran kerja dalam Kumpulan dan subsidiarinya. Kami berbangga untuk melaporkan bahawa dua* daripada pekerja ini telah menamatkan pengajian dalam program ini, menunjukkan komitmen mereka terhadap pertumbuhan dan pembangunan peribadi.

* pada Disember 2022



PROGRAM PEMBANGUNAN PENGURUSAN TENGAH

Dilancarkan pada November 2022, Program Pembangunan Pengurusan Pertengahan (MMDP) ialah program enam bulan yang direka untuk mempertajam kecekapan kepimpinan pengurus peringkat pertengahan. Diikuti oleh 34 pengurus peringkat pertengahan, program ini menitikberatkan membina budaya bimbingan, pemeraksanaan dan kebertanggungjawaban untuk memacu organisasi berprestasi tinggi.



PROGRAM LATIHAN

FGV menyediakan latihan berterusan untuk kakitangannya meningkatkan kemahiran khusus pekerjaan dan kemahiran insaniah demi mengukuhkan prestasi keseluruhan mereka dan berusaha untuk mencapai kecemerlangan organisasi. Program latihan ini adalah penting untuk membolehkan tenaga kerja kami mengikuti perubahan berterusan dalam persekitaran komersial dan operasi, serta untuk meningkatkan kemahiran insaniah mereka seperti pengurusan insan dan komunikasi yang cekap. Pada 2022, kami menjalankan pelbagai program latihan merangkumi lima kategori kemahiran iaitu pengurusan, kepimpinan, antara perorangan, fungsian dan teknikal serta pembinaan pasukan. Latihan ini telah dijalankan di seluruh Kumpulan dengan jumlah penyertaan seramai 12,729 pekerja.


Maju ke hadapan, kami akan terus menyediakan latihan dan peningkatan kemahiran untuk menutup jurang bagi memastikan pekerja kami kekal cekap dalam landskap perniagaan yang berkembang.

TUNJUK AJAR EKSEKUTIF UNTUK C-SUITE

Pada Mei 2022, program bimbingan eksekutif yang komprehensif telah dimulakan untuk kumpulan terpilih yang terdiri daripada 15 pemimpin perniagaan, termasuk bakat pengganti, untuk melengkapkan mereka dengan daya tahan mental dan emosi semasa menangani cabaran kepimpinan dan pengurusan perniagaan. Program ini juga bertujuan untuk menyediakan campur tangan pembangunan individu sebagai persediaan untuk individu itu mengelola persekitaran perniagaan yang kompleks dengan keyakinan dan kemahiran.


Purata Jam Latihan setahun setiap Pekerja

Jumlah Jam Latihan




Purata Jam Latihan setiap Pekerja

(Pekerja tempatan sahaja)



MAJU KE HADAPAN

Pada 2023, kami akan menitikberatkan pembangunan pemimpin pada setiap peringkat dalam organisasi, sama ada pada peringkat strategik atau taktikal. Kami akan meneruskan kerjasama dengan sekolah perniagaan yang mapan untuk merumuskan dan menyampaikan program untuk menyediakan pemimpin masa hadapan yang komited, tangkas dan dipacu hasil. Sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan bakat, kami juga akan merangka laluan kerjaya dan rangka kerja pembangunan kecekapan yang menyediakan peluang untuk pertumbuhan dalam Kumpulan. Dengan perancangan dan pelaksanaan yang betul, FGV dijangka akan muncul dan teriktiraf sebagai Majikan Pilihan oleh bakat Malaysia dan antarabangsa.



KESIHATAN & KESELAMATAN PEKERJAAN

KEPENTINGANNYA

FGV mengutamakan kesihatan dan keselamatan pekerjaannya dan menerapkan budaya keselamatan di seluruh operasinya. Kami komited terhadap pelaksanaan langkah yang konsisten untuk melindungi pekerja kami supaya mereka semua boleh pulang ke rumah dengan selamat. Pewujudan protokol kesihatan dan keselamatan adalah penting untuk melindungi tenaga kerja kami dan menyediakan tempat kerja yang selamat dan kondusif memandangkan sifat operasi kami yang mendedahkan pekerja kepada risiko keselamatan yang tinggi. Kami percaya bahawa penguatkuasaan langkah dan mekanisme keselamatan bukan sahaja akan menjaga kesihatan dan kesejahteraan pekerja kami, tetapi juga akan memberikan keselesaan dan ketenangan fikiran kepada mereka.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

Kami tetap berpandukan Dasar Kesihatan dan Keselamatan dan menerapkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2021-2025 (OSHMP25) untuk mengurangkan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan, yang akhirnya akan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Semasa mengejar sasaran kami untuk mengurangkan bilangan kemalangan dan pendedahan pekerja kepada bahaya Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH) dalam Kumpulan, kami secara konsisten menambah baik langkah kesihatan dan keselamatan dalam operasi perniagaan. Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran Kumpulan (HSE) kami bertanggungjawab untuk menyuburkan budaya keselamatan di tempat kerja kami. Selain itu, kami sentiasa melaksanakan audit keselamatan dan program pemeriksaan tempat kerja, serta memasukkan Model Kematangan Budaya Keselamatan (SCMM) dalam rangka kerja perniagaan. Kami mengambil langkah untuk menerapkan OSH pada setiap peringkat menerusi penekanan tanggungjawab kesihatan dan keselamatan bersama, memastikan pekerja menyepadukan amalan baik dalam operasi harian mereka.

Sejak beberapa tahun lalu, kami telah diiktiraf oleh pelbagai organisasi atas komitmen untuk menegakkan piawaian kesihatan dan keselamatan pekerjaan, terutamanya di ladang kami. Penghargaan ini menjadi bukti dedikasi kami yang tidak berbelah bahagi untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan terjamin untuk pekerja kami.

Pemenang Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ke-4 ASEAN-OSHNET 2022

- Anugerah Kecemerlangan - FGV Ladang Sahabat 11



Pemenang Anugerah Majlis Kebangsaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH) 2021*

- FGV Ladang Sahabat 11 - Kategori Pertanian
- Sahabat Penjana Kuasa Bebas (IPP) - Kategori Utiliti



* Majlis anugerah dijalankan pada 2022.

PENDEKATAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN KAMI

Kami telah menyediakan Sistem Pengurusan Keselamatan merangkumi enam elemen untuk semua operasi kami:

Komitmen Pengurusan	Pematuhan Kawal Selia	Pematuhan Sistem
Pencegahan Kejadian	Kawalan Operasi	Tahap Kesedaran



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 2: MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

FGV telah menerapkan visi yang jelas untuk Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaannya daripada Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), yang dikenali sebagai 'OSH Vision Zero', yang dirumuskan untuk membudayakan tempat kerja tanpa kecederaan. Menerusi OSH Vision Zero, kami menerapkan nilai yang berikut dalam tenaga kerja kami:



PENCEGAHAN KEMALANGAN

Kesedaran kesihatan dan keselamatan dalam pelaksanaan tugas, disokong oleh pematuhan ketat terhadap semua protokol dan langkah Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan yang ditetapkan.



BUDAYA KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Memupuk dan menyemai budaya kesihatan dan keselamatan dalam tenaga kerja kami untuk melengkapkan, malahan melangkaui langkah dan protokol Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan.



PENDEKATAN YANG BETUL

Tenaga kerja diberi mandat untuk menerapkan pendekatan yang betul dalam pelaksanaan kerja mereka selaras dengan prosedur operasi yang ditetapkan agar penggunaan peralatan yang betul dan sesuai dapat dipastikan.

Untuk memastikan pekerja kami terlibat dalam perkara penting ini, kami menggalakkan penyertaan, perundingan dan komunikasi pekerja tentang hal Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan. Semua kakitangan dan pekerja FGV boleh melontarkan pandangan, maklum balas, pertanyaan dan aduan mereka dalam hal ini menerusi e-mel atau menerusi wakil Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan.

MENINGKATKAN KESEDARAN OSH MENERUSI LATIHAN HSE

Setiap tahun, FGV menganjurkan latihan HSE untuk pekerjaannya, terutamanya untuk mereka yang mempunyai tambahan pendedahan kepada risiko berbahaya. Kami berusaha sedaya upaya untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, kerana kebanyakan aktiviti perniagaan kami intensif buruh, dengan menggalakkan pekerja dan pemegang kepentingan yang terlibat untuk mengambil bahagian dalam program latihan sewajarnya. Selain itu, semua pekerja dikehendaki menghadiri latihan, sama ada generik, berkaitan pekerjaan atau berkaitan bahaya, untuk menerapkan budaya keselamatan dalam operasi kami dan untuk mencapai OSH Vision Zero. Sebagai contoh, sebelum memulakan kerja lapangan, pekerja menerima latihan tentang kesihatan dan keselamatan am, bahaya di tempat kerja dan PPE untuk membolehkan pelaksanaan kerja mereka dengan cekap dan selamat.

Pada tahun ini, kami terus menitikberatkan penambahbaikan program latihan HSE kami. Modul latihan ini digunakan untuk mendidik pekerja tentang pelbagai bahaya dan risiko, menyediakan langkah pemulihan dan mengambil tindakan seperti melaporkan kejadian nyaris berlaku. Kami melancarkan beberapa sesi latihan tentang pelbagai aspek, seperti keselamatan bahan kimia, pengurusan sisa terjadual dan Pasukan Gerak Balas Kecemasan (ERT). Secara keseluruhan, kami menjalankan 25 sesi latihan untuk 883 pekerja.

Program:

Program Kesihatan & Kesejahteraan Pekerja

27 - 28 Oktober 2022, Wisma FGV

Penerangan:

Menampilkan kempen derma darah, demonstrasi Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) dan pemeriksaan kesihatan.

Program:

Sistem Maklumat Pengusiaan Tumbuhan (APIS) – JKKP

29 November 2022, Kuantan

Penerangan:

Memperkenalkan Sistem Maklumat Pengusiaan Tumbuhan untuk melaksanakan penilaian sendiri operasi tapak.

Program:

Sudut Pemeriksaan Kesihatan

30 Mei 2022, Kumpulan Syarikat FGV

Penerangan:

Menyediakan pemeriksaan kesihatan untuk pekerja.

Program:

Anugerah HSE CEO Kumpulan

Dimulakan pada September 2022 (sedang berjalan), Kumpulan Syarikat FGV

Penerangan:

Pekerja menjalankan audit HSE untuk memastikan pematuhan kami terhadap keperluan anugerah.




Kami sangat berdedikasi kepada misi kami untuk menyediakan persekitaran yang sihat dan selamat untuk semua.

KEMALANGAN TEMPAT KERJA

Prestasi Kesihatan dan Keselamatan

Prestasi HSE kami sentiasa diukur berbanding dengan sasaran Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan yang ditetapkan sebelum ini dan tanda aras industri yang berkaitan untuk meningkatkan prestasi keseluruhan secara konsisten. Pada 2022, kami merekodkan tiga kematian dan sejumlah 224 Kecederaan Masa Hilang (LTI). Satu kematian melibatkan seorang pekerja yang terjatuh dari platform enam kaki semasa kerja penyelenggaraan loji, manakala dua lagi kematian melibatkan pekerja kontraktor. Kematian ini melibatkan pemandu kontrak FGV yang mengalami kemalangan jalan raya dalam perjalanan ke kilang kami dan seorang pekerja kontraktor mengalami kemalangan maut semasa rehat makan tengah harinya.

Kami telah mengekalkan Program #GOHOMESAFE untuk mengurangkan bilangan kejadian dalam operasi FGV. Kami yakin usaha gigih ini akan membantu pencapaian matlamat OSH Vision Zero kami.



PENGENALPASTIAN BAHAYA, PENILAIAN RISIKO DAN KAWALAN RISIKO

Aspek penting dalam pengurusan kesihatan dan keselamatan FGV ialah penilaian risiko secara berkala untuk mengenal pasti risiko dan bahaya yang boleh menyebabkan potensi bahaya kepada pekerja kami. Kami telah mewujudkan sistem Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC), mengikut garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk mengenal pasti semua potensi bahaya dan menilai kemungkinan kemalangan atau kejadian. Dengan HIRARC, kami boleh mengamalkan perancangan, pengurusan dan operasi perniagaan kami yang betul untuk mengurus bahaya dan risiko dalam operasi dan aktiviti harian kami. Bahaya di tempat kerja dikenal pasti menerusi dokumen HIRARC, laporan penyiasatan kemalangan, laporan Kejadian Nyaris dan Cerapan Keselamatan (NeMSO), laporan pemeriksaan tempat kerja, laporan audit dan SOP.

Selain HIRARC, kami sentiasa meningkatkan usaha untuk memperkukuh Sistem Pengurusan HSE kami menerusi Audit HSE, inisiatif Pemeriksaan Tempat Kerja dan program latihan HSE kami. Selama bertahun-tahun, kami telah berjaya membangunkan senarai semak audit HSE bersepadu dan modul latihan HSE yang didokumenkan dan boleh diakses oleh pekerja FGV. Pada 2022, kami meneruskan penilaian risiko kesihatan dan keselamatan di seluruh operasi kami dengan melaksanakan perkaedahan piawai, aplikasi ERMS dan penilaian risiko dinamik seperti 'STOP for Five Minutes Approach' FGV dan Latihan Kiken Yoch. Selain itu, setiap kali terdapat kejadian di tempat kerja, kami menyiasat kes menggunakan pelbagai kaedah seperti *Swiss Cheese Analysis*, *Root Cause Analysis* dan *Kelvin Top-Set*.

Selain itu, pekerja boleh melaporkan bahaya dan risiko menerusi platform pelaporan kami yang dipanggil NeMSO, untuk meminimumkan tindakan dan keadaan tidak selamat yang telah dikenal pasti sebagai punca kejadian, dan secara ketara meningkatkan proses pelaporan dan pengurusan kejadian kami. Menerusi laporan NeMSO, tindakan pembetulan dan pencegahan boleh diambil untuk menangani punca utama, justeru mengurangkan bilangan kejadian dalam operasi kami. Penutupan setiap laporan NeMSO dipantau oleh Pasukan Keselamatan, manakala HSE Kumpulan menganalisis laporan NeMSO sebagai input perancangan strategik bagi tahun berikutnya.

Untuk menggalakkan penggunaan pelaporan NeMSO dalam kalangan pekerja pada setiap peringkat, Kumpulan HSE menyediakan platform pelaporan NeMSO dalam talian menerusi aplikasi FGV *PowerSafe* untuk memudahkan dan mempelbagaikan kaedah pelaporan pada 2022. Kempen pelaporan NeMSO turut diadakan pada peringkat projek sebagai usaha promosi. Antaranya termasuk pertandingan pelaporan NeMSO untuk laporan NeMSO terbaik pada peringkat projek sebagai imbalan kepada pekerja yang telah menghantar pelaporan NeMSO. Kategori anugerah khas untuk laporan NeMSO berkualiti terbaik telah dibuat dalam Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan 2021/2022.



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 2: MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

#GOHOMESAFE

#GOHOMESAFE ialah inisiatif yang menyokong Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara dan selaras dengan aspirasi FGV untuk *OSH Vision Zero*. Ditubuhkan pada 2019 untuk mengurangkan kemalangan di semua syarikat Kumpulan FGV, program ini memastikan kakitangan dan pekerja kami mempunyai tempat kerja yang selamat dan bebas kecederaan untuk menjalankan tugas mereka dengan selamat.

#GOHOMESAFE FGV memfokuskan Pencegahan Kemalangan, Budaya Keselamatan dan Pendekatan Betul. Tiga komitmen utama Visi #GOHOMESAFE ialah:



Setiap pekerja berhak untuk pulang ke rumah tanpa kecederaan



Setiap pekerja mempunyai kewajipan untuk menjaga kesihatan dan keselamatan diri dan orang lain di sekeliling mereka



Semua kemalangan boleh dielakkan

Pada 2022, pelaksanaan inisiatif itu bertemakan Kerjasama #GOHOMESAFE 2022 dan berlandaskan enam tonggak:



KOMITMEN YANG TERLIHAT

Perkara berkaitan dengan HSE telah dimasukkan dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) semua kakitangan pengurusan



KECEKAPAN

Memperkasakan kakitangan FGV menerusi program Peningkatan Mutu Pekerjaan dengan penawaran Program Penilaian Risiko Ergonomik, Penilaian Risiko Kebakaran dan Respons Kecemasan dan Peningkatan Kesediaan



PENYELIAAN

Sesi bimbingan dan tunjuk ajar telah diadakan mengikut piawaian ISO45001 untuk membolehkan Kumpulan diprakui dan mengekalkan pensijilan, serta menyelia projek yang mengambil bahagian dalam program DOSH SOHELP-DIY.



KOMUNIKASI

Program perhubungan, promosi dan komunikasi telah dijalankan untuk memandu pelaksanaan inisiatif tersebut



PENILAIAN

Menjalankan pelbagai audit HSE, bermula daripada audit HSE Tahap-2 hingga semakan Pemeriksaan Tempat Kerja Jawatankuasa Keselamatan dan proses audit Anugerah CEO Kumpulan



CAMPUR TANGAN

Menitikberatkan penambahbaikan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan serta Pelan Penambahbaikan Pencegahan Kemalangan (APIP)

MAJU KE HADAPAN

Dalam usaha kami untuk menambah baik Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, kami tetap komited untuk menambah baik perkaedahan penilaian risiko kami, menyediakan latihan dan pendidikan yang komprehensif serta menggiatkan komunikasi dengan pekerja kami. Tumpuan kami pada bidang penting ini akan memastikan kami sentiasa menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja kami sementara meminimumkan risiko kecederaan dan penyakit.

Demi mencapai matlamat, kami akan melabur dalam teknologi termaju dan pendekatan inovatif dalam pengurusan risiko. Kami juga akan membudayakan keselamatan merentas semua peringkat organisasi dan menggalakkan setiap pekerja mengambil peranan aktif dalam pewujudan dan pengekalan tempat kerja yang selamat.

TONGGAK 3: MEMELIHARA ALAM SEKITAR

TINDAKAN IKLIM



KEPENTINGANNYA

Perubahan iklim merupakan salah satu desakan isu yang paling penting di seluruh dunia, kerana peristiwa cuaca ekstrem terus memberikan impak kepada rantai bekalan global, aktiviti perniagaan dan kehidupan seharian. Oleh itu, seruan global semakin lantang agar semua negara, industri dan komuniti mengambil langkah segera untuk menyokong agenda tindakan iklim.

Oleh sebab perniagaan perladangan ialah perniagaan teras, kami akur bahawa operasi kami sangat terdedah kepada risiko iklim. Dengan itu, kami komited kepada SBTi sejak 2021 untuk meningkatkan tindakan iklim kami. Berdasarkan komitmen ini, kami akan menyokong usaha global untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C berbanding dengan tahap praperindustrian dan menyasarkan pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Kami juga berpandukan Pelan Tindakan Iklim untuk mempercepat peralihan kepada pelepasan sifar bersih pada masa hadapan.

Komitmen kami juga menyokong agenda iklim negara untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050, serta Sumbangan Ditentukan Negara (NDC) Malaysia untuk mengurangkan 45% pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) menjelang 2030 sebagai sebahagian daripada komitmen negara terhadap Perjanjian Paris.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

INISIATIF SASARAN BERASASKAN SAINS

Pada 2021, kami menjadi syarikat perniagaan tani pertama di Malaysia yang komited kepada SBTi dan aspirasi sifar bersih. Kami merupakan antara 1,748 syarikat yang komited kepada Aspirasi Perniagaan 1.5°C menjelang 2050, seruan tindakan global yang diterajui oleh SBTi dengan kerjasama Global Compact Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGC) dan gabungan *We Mean Business*¹.

Komitmen terhadap SBTi akan membolehkan kami:



Menentukan dan menggalakkan amalan terbaik dalam pengurangan pelepasan dan sasaran sifar bersih selaras dengan sains iklim



Menyediakan bantuan teknikal dan sumber pakar kepada syarikat dengan sasaran SBTi menurut sains iklim terkini



Membentuk pasukan pakar untuk menyediakan syarikat dengan penilaian bebas dan pengesahan sasaran



Loji jana kuasa biogas kami menukarkan POME kepada tenaga boleh baharu, mengurangkan pelepasan karbon dan mempromosikan persekitaran yang lebih bersih.


¹ Papan Pemuka Sasaran Berasaskan Sains, Mac 2023 (<https://sciencebasedtargets.org/companies-taking-action>).



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 3: MEMELIHARA ALAM SEKITAR

Sebagai sebahagian daripada perjalanan SBTi, kami sedang membangunkan sasaran pengurangan jangka pendek dan jangka panjang yang akan disahkan oleh SBTi. Menggunakan 2019 sebagai tahun asas, FGV menyasarkan untuk mengurangkan 50% daripada pelepasan karbonnya menjelang 2030. FGV juga akan menyokong ESG, termasuk tindakan iklim, dalam kalangan pembekalnya untuk mencapai pelepasan sifar bersih dalam rantai nilai kami selewat-lewatnya 2050.



PELAN TINDAKAN IKLIM

Kami telah merangka Pelan Tindakan Iklim seluruh kumpulan untuk memenuhi komitmen kami terhadap pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Pelan itu merangkumi enam teras strategik utama, yang akan menjadi asas kepada kejayaan kami dalam pengurangan pelepasan. Untuk memperkukuh Pelan Tindakan Iklim, Unit Tindakan Iklim telah ditubuhkan untuk memacu strategi kelestarian dan melaksanakan program tindakan iklim kami pada peringkat kerja.



Tadbir Urus Iklim



Penetapan peranan pengurusan, pengurusan risiko dan dasar berkaitan iklim

Pengurusan Sisa



Menjadi operasi sifar sisa menerusi kitaran untuk menyokong agenda iklim

Kecekapan Operasi



Pembentukan peraturan dan piawaian dalaman untuk memastikan amalan terbaik

Pengurusan Karbon



Menjadi perniagaan sifar bersih menerusi SBTi

Pengurusan Air



Pembangunan sasaran, metrik dan langkah untuk mencapai keneutralan air di seluruh FGV

Kesedaran Iklim



Program yang direka untuk pemegang kepentingan untuk meningkatkan kesedaran tentang perubahan iklim

KESEDARAN IKLIM



PERTANDINGAN KARANGAN PERUBAHAN IKLIM

Pertandingan karangan peringkat kebangsaan yang diadakan pada 2021 merupakan sebahagian daripada komponen program *SMART4Climate* FGV dan dengan kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Objektifnya adalah untuk menggalakkan orang ramai untuk menyatakan pandangan mereka tentang peranan negara dalam pengurangan dan keakuratan terhadap impak buruk perubahan iklim.

Pertandingan itu dibahagikan kepada empat kategori, termasuk penyertaan awam dan pelajar, serta karangan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sejumlah 170 karangan diterima daripada kedua-dua kategori orang ramai dan pelajar, menunjukkan keberkesanan inisiatif pertandingan itu yang diterima oleh rakyat Malaysia untuk menyediakan penyelesaian perubahan iklim. Pusingan akhir karangan diadili oleh pakar perubahan iklim, yang memilih 20 penyertaan sebagai pemenang.

Majlis penutup yang diadakan pada 2022 itu adalah untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada semua peserta yang telah menjayakan pertandingan tersebut. Petikan daripada pemenang telah dikongsi menerusi siaran media sosial kami untuk meningkatkan kesedaran tentang perubahan iklim.



Pertandingan Karangan Perubahan Iklim kami menyediakan platform untuk orang ramai menyatakan pemikiran mereka tentang cara memerangi perubahan iklim dan membina masa hadapan yang lestari.



SIRI WEBINAR

'Perubahan Iklim: Apakah yang Sedang Berlaku dan Mengapakah Kami Perlu Prihatin?'

Kami menganjurkan edisi pertama siri webinar perubahan iklim sempena *Global Earth Hour* pada 26 Mac 2022. Siri ini bertujuan untuk memberikan wawasan tentang asas perubahan iklim impaknya kepada kami. Diterajui oleh Unit Perubahan Iklim FGV, webinar itu menarik 147 peserta.

Kempen #ShowYourStripes

Pada 2022, FGV mengambil bahagian dalam Kempen **#ShowYourStripes**, dan akan mengadakannya setiap bulan Jun. Bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang perubahan iklim dan peningkatan suhu global, jalur pemanasan ikonik oleh saintis iklim *Ed Hawkins* menggambarkan kenaikan suhu global jangka panjang yang disebabkan oleh aktiviti manusia. Pada 2022, setiap unit perniagaan kami mengambil bahagian dalam kempen tersebut, menunjukkan komitmen dan sokongan kami untuk mengurangkan pemanasan global.

'Merealisasikan Sifar: Beralih kepada Operasi Sifar'

Diadakan sempena kempen **#ShowYourStripes**, sesi itu bertujuan untuk mempromosikan amalan sisa sifar dalam operasi kami oleh tenaga kerja FGV, serta dalam kalangan pengamal kelestarian Malaysia. Acara yang menarik 265 orang itu menyentuh tiga topik utama: Tinjauan Global Penjanaan Sisa, Ekonomi Kitaran dan Amalan Terbaik Industri.



PROGRAM PERANTIS IKLIM

Program Perantis Iklim (CAP) ialah program latihan berstruktur bawah Unit Tindakan Iklim yang mendedahkan pelatih kepada pengurusan perubahan iklim. Pada 2022, seorang perantis telah lulus dari program tersebut.




Ulasan Kelestarian

TONGGAK 3: MEMELIHARA ALAM SEKITAR



Komitmen kami terhadap kelestarian mendorong kami untuk terus meningkatkan prestasi alam sekitar dan sosial kami menerusi amalan yang bertanggungjawab.

SKOR PENILAIAN SPOTT (%)



Penilaian Kit Peralatan Ketelusan Minyak Sawit Lestari (SPOTT) FGV telah menunjukkan peningkatan markah pada tahun-tahun sebelumnya berbanding dengan syarikat perladangan kelapa sawit lain yang dinilai. Namun demikian, markah itu menurun sebanyak 2.6% pada 2022 kepada 71.6% berbanding dengan 74.2% yang dicapai pada tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan pengenalan empat petunjuk baharu dan keperluan yang lebih ketat dan tertingkat dengan wajaran berbeza digunakan.

Penyumbang utama kepada penurunan markah dalam penilaian 2022 ialah:

- Ketiadaan maklumat kebolehesakan daripada kilang pihak ketiga yang membekali FGV.
- Kekurangan program untuk pekebun kecil dan pekebun luar.
- Ketiadaan pengesahan luaran oleh pihak ketiga dalam semua aspek pelaporan dan pendedahan.

FGV komited kepada amalan yang lestari dan bertanggungjawab, dan kami berusaha untuk terus meningkatkan prestasi kami dalam bidang alam sekitar dan sosial. Kami sedang mengenal pasti jurang dan membangunkan pelan tindakan untuk meningkatkan markah itu pada masa hadapan. Menerusi tindakan dan ketelusan, kami menyasarkan peningkatan kelestarian operasi dan menyokong masa hadapan yang lebih lestari untuk semua.

MAJU KE HADAPAN

Kami faham bahawa perubahan iklim ialah desakan krisis global yang memerlukan usaha bersepadu daripada semua pemegang kepentingan. Sebagai salah satu organisasi korporat terkemuka di negara ini, kami berhasrat untuk meningkatkan tindakan iklim demi meringankan impak perubahan iklim dan mewujudkan masa hadapan yang lebih lestari untuk semua. Kami akan terus mengambil tindakan dalaman serta bekerjasama erat dengan pemegang kepentingan luar untuk mengurangkan jejak karbon. Kami juga akan terus mendidik pemegang kepentingan kami dan meningkatkan kesedaran tentang perubahan iklim agar tingkah laku diubah dan amalan lestari diterapkan.

PENGURUSAN SISA



KEPENTINGANNYA

Pengurusan sisa yang cekap adalah penting untuk kami meneruskan operasi. Hal ini juga menambah baik kemampuan kami untuk melindungi alam sekitar dan memulihara sumber semula jadi. FGV komited untuk melaksanakan inisiatif sifar sisa dan sedang berusaha ke arah matlamatnya untuk menjadi operasi impak sifar alam sekitar.

Strategi pengurusan sisa melindungi keuntungan kami dan memastikan pengurusan sisa secara bertanggungjawab. Perkara ini merangkumi pengumpulan, pengangkutan, kitar semula dan pelupusan sisa yang betul. Kami memulakan projek Pemetaan Sisa dan Jurang Kitaran dalam semua sektor perniagaan pada Februari 2022 untuk memulakan pemantauan jejak sisa kami. Daripada projek ini, kami memperoleh data untuk menambah baik pengurusan sisa dan menggariskan isu yang dihadapi dalam operasi kami, termasuk penjana, pengendalian, penyimpanan dan pelupusan sisa.

Kami telah memulakan beberapa pendekatan pengurusan sisa, termasuk merawat biojisim daripada pengilangan minyak sawit untuk menghasilkan biogas dan menggunakan sistem rawatan sisa penapisan nano untuk memproses pelepasan yang dihasilkan di kilang penapisan gula kami, antara lainnya.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

Pengurusan sisa FGV terlaras dengan, dan menyokong, strategi perniagaan sisa kepada kekayaan kami.



BAHAGIAN HULUAN

Kilang kelapa sawit kami menukar biojisim kepada tenaga boleh baharu dalam penjana kuasa. POME boleh dirawat untuk menjana biogas, manakala EFB, gentian mesokarpa dan PKS boleh digunakan sebagai bahan api dandang. Selain penjana tenaga boleh baharu, biojisim daripada pengeluaran minyak sawit boleh digunakan untuk menambahbaikan tanah di ladang. EFB kami digunakan sebagai sungkupan, yang bertindak sebagai baja organik yang meningkatkan kesuburan tanah dan pengkelan lembapan.

Di Pusat Inovasi FGV, kami komited untuk melaksanakan amalan kitar semula yang betul untuk mengurangkan sisa. Kami meminimumkan impak alam sekitar dengan mengasingkan barangan seperti plastik, kertas, kartij, kaca dan keluli antara lain mengikut kategori. Untuk memastikan pelupusan dan kitar semula barangan ini dengan betul, FGV telah melibatkan SWM Environment Sdn Bhd untuk kutipan sisa sebulan sekali, yang merupakan sebahagian daripada program KITARecycle.



SEKTOR GULA

Sektor Gula kami komited untuk mengamalkan kitar semula dengan menjual sisa tidak berbahaya seperti bahan pembungkus sekerap yang kebanyakannya terdiri daripada sisa plastik. Hasil sampingan daripada proses penapisan, kek lumpur, dihantar kepada pihak ketiga sebagai Bahan Mentah Alternatif (ARM). Mereka menggunakan kek lumpur sebagai salah satu sumber alternatif dalam pengeluaran baja dan simen.



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 3: MEMELIHARA ALAM SEKITAR

USAHA PEMETAAN SISA DAN KITARAN KAMI

Pelaksanaan Projek Pemetaan Sisa, Inventori Sisa dan Jurang Kitaran memberikan gambaran keseluruhan tentang pengurusan sisa pelbagai unit perniagaan kami. Inventori sisa disimpan dalam folder berasaskan awan yang dikenali sebagai Repositori Berpusat dan Bersepadu (REPO). Wadah ini ialah medium utama pengumpulan data tahunan kami yang berkaitan dengan tindakan iklim dan kitaran daripada setiap unit perniagaan.

Projek ini dijalankan dalam dua fasa; fasa pertama telah bermula sejak Januari 2022 dan sedang berjalan manakala fasa kedua masih belum bermula dan dalam perancangan masa hadapan.

Fasa 1 (Projek Semasa)

FGV memahami proses operasi pelbagai unit perniagaannya dan menganalisis inventori sisa berdasarkan:

Amalan pengurusan sisa semasa

Jurang yang menghalang penerapan kitaran

Pengumpulan data sisa

Fasa 2 (Projek Masa Hadapan)

Dilengkapi dengan data, kami:

Membangunkan strategi dan cadangan

Mencadangkan pelan penambahbaikan pengurusan sisa seboleh mungkin

Menjalankan program dan pertandingan yang berkaitan dengan sisa

Sehingga kini, menerusi Program Pemetaan Sisa dan Jurang Kitaran, 15 daripada 19 (79%) unit perniagaan yang berkaitan telah terlibat untuk memahami keseluruhan proses operasi, amalan pengurusan sisa semasa dan jurang kitaran mereka. Daripada 15 unit perniagaan yang berkaitan, 13 (86%) daripadanya telah melengkapkan pengumpulan data sisa.

DATA PRESTASI SISA

(Sisa berbahaya sahaja)

Sisa Dijana oleh Komposisi

	Sisa Dijana (MT)	Sisa Dialihkan dari Pelupusan (MT)	Sisa Dihantar ke Pelupusan (MT)
Sisa berbahaya	3,067.24	2,855.30	211.94

Sisa Dialihkan daripada Pelupusan

	Di Tapak (MT)	Luar kawasan (MT)	Jumlah (MT)
Guna Semula	3.82	-	-
Kitar Semula	16.22	-	-
Pemulihan	-	1,680.91	-
Pemprosesan Bersama	-	1,092.12	-
Simpanan Luar Tapak	-	62.22	-
Jumlah	20.04	2,835.25	2,855.29

Sisa Dihantar ke Pelupusan

	Luar Tapak
Penunuan	144.68
Perawatan Fizikal/Kimia	3.83
Pemejalan	1.02
Tapak Pelupusan Selamat	62.42
Jumlah	211.95

MAJU KE HADAPAN

Sebagai Kumpulan, kami akan memberi keutamaan untuk menangani pengitaran plastik dan memfokuskan penggunaan plastik di seluruh unit perniagaan kami yang penting. Untuk memahami jenis dan kuantiti plastik yang digunakan, FGV merancang usaha inventori plastik pada 2023. Menerusi pendekatan dipacu data, FGV akan dapat mengumpulkan maklumat berharga untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan usaha pengurangan plastik dan kitaran dan juga untuk melaksanakan sasaran penyelesaian untuk hasil terbaik.

TENAGA BOLEH BAHARU & PENGURUSAN TENAGA



KEPENTINGANNYA

Penerokaan tenaga alternatif dan lebih bersih merupakan salah satu usaha kami untuk membantu tindakan iklim. Penjanaan dan penggunaan tenaga boleh baharu akan mengurangkan pelepasan GHG dan mempercepat peralihan kami kepada ekonomi rendah karbon.

FGV komited untuk menghasilkan tenaga bersih berlandaskan pelbagai manfaatnya kepada alam sekitar, seperti pengurangan pelepasan, pengurangan kos tenaga dan pengurangan pencemaran udara. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat menjana tenaga boleh baharu untuk kegunaan dalamannya dan untuk dijual kepada grid. Malah, beberapa kilang FGV bergantung pada tenaga boleh baharu sebagai sumber kuasa utama mereka. Selain itu, subsidiari FGV telah meneroka sumber tenaga boleh baharu alternatif untuk menggerakkan kemudahan dan peralatan mereka.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN



TENAGA BOLEH BAHARU

FGV membekalkan elektrik kepada Grid Nasional dan juga kepada grid tempatan sebagai bekalan tenaga ke kawasan luar bandar menerusi loji jana kuasa biogas FiT kami. Loji jana kuasa dibangunkan di kilang FGV dan menyediakan bentuk tenaga boleh baharu yang cekap dengan menukar biogas kepada biotena daripada POME. Hal ini mengurangkan keperluan untuk membakar lebih banyak arang batu atau gas asli yang boleh memudaratkan alam sekitar.

Pada 2022, FGV memulakan pentauliahan loji jana kuasa biogas FiT di Keratong 9, Pahang yang kini menunggu kelulusan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA). Loji itu dijangka beroperasi secara komersial pada 2023. Projek ini menempa satu lagi kejayaan Kumpulan dengan sejumlah 12 MW kapasiti kuasa terpasang untuk Projek FiT dan Elektrifikasi Luar Bandar. Pada tahun yang dikaji, sejumlah 53,025 MWj tenaga elektrik telah dieksport ke TNB daripada lapan loji jana kuasa biogas FiT yang dibiayai secara dalaman dan luaran.

Kami juga meneruskan usaha untuk meningkatkan inisiatif teknologi hijau, yang selaras dengan agenda tenaga boleh baharu kerajaan. Untuk mengurangkan jejak karbon kami lagi, sisa yang dihasilkan dari ladang kami, seperti EFB, Minyak Sawit Enap Cemar (SPO) dan PKS, digunakan untuk menjana tenaga hijau daripada biojisim dan biogas.

EFB parut digunakan sebagai bahan api pepejal untuk mengendalikan dandang stim, nyata meningkatkan penjimatan kos dan mengurangkan sisa daripada kilang kami. Selain itu, FFB parut digunakan untuk menjana tenaga dan membekalkan tenaga elektrik kepada grid nasional, komuniti tempatan dan perniagaan milik FGV.

FGV kini dalam perundingan kerjasama dengan pengeluar tempatan untuk membekalkan EFB atau EFB parut sebagai bahan mentah dalam penghasilan pelet EFB, sebagai penyelesaian tenaga boleh baharu alternatif yang menukar sisa pertanian kepada tenaga lestari. Pendekatan ini mengurangkan penggunaan arang batu, serta pelepasan karbon dioksida dan metana. Pada 2022, sejumlah 23,548 KWj tenaga boleh baharu telah dijana dengan 149,253 MT pengelakan pelepasan CO₂e daripada sejumlah 28 loji jana kuasa biogas.

28 Loji Jana Kuasa Biogas

dipasang di seluruh kilang kami



Organisasi Pertama

yang membangunkan loji Gas Asli Biomapat berasaskan sawit di Malaysia



2 Loji Jana kuasa Biojisim

yang terletak di Sabah dan Pahang untuk menjana tenaga menggunakan 100% EFB dirawat



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 3: MEMELIHARA ALAM SEKITAR



KECEKAPAN OPERASI

Pada 2022, FGV menghasilkan Baja Organik Diperkuat (FOF) dengan menggunakan kompos untuk menghasilkan baja mesra alam yang bernilai lebih tinggi. Pendekatan ini berpotensi menjimatkan kos baja ladang dan mengurangkan pelepasan karbon. Selain itu, kami sedang mengkaji daya maju komersial FOF.

Kami juga mengalami peningkatan yang ketara dalam Kadar Perolehan Tempurung (SRR) pada 2022 berbanding dengan 2021 kerana terdapat peningkatan dalam operasi kilang:

Tahun	2020	2021	2022
SRR (%)	1.01	1.14	1.34

Kami faham bahawa pengurusan sumber tenaga kami secara teliti merentas operasi adalah penting untuk mengawal dan mengurangkan penggunaan tenaga memandangkan kenaikan kos elektrik. Inisiatif kami untuk mengurangkan tenaga termasuk penggunaan biogas yang dijana sendiri untuk menguasai kilang, mengarahkan stim ekzos kembali ke proses pemanasan dalam perniagaan Gula kami dan menggantikan pencahayaan konvensional dengan lampu LED dalam perniagaan produk pengguna kami.

Inisiatif lain untuk meningkatkan kecekapan operasi kami termasuk:

- Pengurangan perbatuan perjalanan trak FGV dengan mengoptimalkan laluan menerusi penghalaan dan penjadualan, mengurangkan pelepasan karbon disebabkan perjalanan yang lebih kurang dan lebih pendek.
- Pengurangan pelepasan karbon dan penggunaan bahan api menerusi penggunaan Rangkaian Kawasan Pengawal (bas CAN) yang dipasang di setiap kenderaan armada, membolehkan pemantauan dan kawalan kenderaan seperti penutupan enjin automatik selepas 10 minit tidak aktif.

- Pengurangan penggunaan bahan api menerusi penggunaan kad eDO dan kad Smart Fuel yang mendigitalkan proses pengambilan pesanan dan pengisian minyak. EDO ialah aplikasi mudah alih yang memberi pemandu trak kemas kini pesanan penghantaran, manakala kad Smart Fuel membenarkan pengisian minyak di mana-mana stesen minyak.
- Pengurangan pelepasan karbon dioksida menerusi pelaburan dalam trak dengan piawaian pelepasan Euro 5. Pada masa ini, lebih daripada 90% kenderaan armada FGV (kapal tangki dan kargo) memenuhi piawaian Euro 5. Terdapat juga cadangan untuk menggantikan kenderaan armada selepas 10 tahun beroperasi.

Seperti biasa, FGV komited kepada usaha pengurusan tenaganya untuk mengurangkan kos operasi serta jejak karbonnya. Untuk tujuan ini, FGV terus bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, seperti Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia (MGTC), untuk meneroka inisiatif yang boleh dilaksanakan di seluruh operasi perniagaannya.



Usaha murni FGV telah teriktiraf di:

Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) 2022

bawah Tenaga Boleh Baharu dalam Grid Nasional untuk Loji Jana Kuasa Biogas Triang



KECEKAPAN TENAGA

FGV menjana elektrik secara dalaman menerusi Penjana Turbin Stim di kilang penapisan MSM untuk mengurangkan pergantungan pada bekalan elektrik daripada TNB dan terus meneroka inisiatif untuk mengurangkan penggunaan elektriknya. Kami juga berusaha untuk meningkatkan kesedaran, mengurangkan kos dalam perniagaan, mengurangkan pelepasan karbon dan menampilkan imej kesedaran alam sekitar kepada orang ramai dan pemegang kepentingan kami. Demi matlamat ini, kami telah mengenal pasti inisiatif pelaburan sederhana hingga tinggi yang berpotensi. Namun demikian, inisiatif ini memerlukan pelaksanaan langkah kecekapan tenaga yang lain.



KECEKAPAN TENAGA

Subsidiari dan sektor perniagaan kami telah melaksanakan inisiatif berikut untuk mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan tenaga. Berikut ialah beberapa inisiatif yang dijalankan oleh Sektor Gula kami:



Audit Tenaga

Audit tenaga terma dan elektrik penuh sedang dijalankan di MSM Prai dari Disember 2022 hingga April 2023. Kami dapat mengenal pasti bidang yang memerlukan peningkatan kecekapan tenaga selepas audit diselesaikan. Kami juga merancang pembangunan Sistem Pengurusan Tenaga Lestari (SEMS) menjelang 2024 dan memperoleh penarafan 1 Bintang Piawai Emas Pengurusan Tenaga yang dianugerahkan oleh Skim Pengurusan Tenaga ASEAN (AEMAS).



Pengoptimuman Penggunaan Stim

Pada 2022, kami memulakan usaha pengoptimuman penggunaan stim di MSM Johor untuk meningkatkan kecekapan dandang.



Tenaga Solar

MSM Prai dan Gudang Sungai Buloh MSM akan dipasang dengan sistem solar fotovolt (PV) pada penghujung 2023, memberikan anggaran kapasiti minimum 2.095 MWp dan 0.547 MWp, masing-masing.



Bioisim

Sejak 2021, kami mempertimbangkan kemungkinan pemasangan loji bioisim di premis MSM Johor sebagai sumber tenaga alternatif untuk mengurangkan pergantungan kami pada gas asli. Pelet EFB sedang dipertimbangkan sebagai bahan api bioisim untuk meminimumkan sebarang kemungkinan impak alam sekitar.

Kami akan terus melaksanakan inisiatif penjimatan tenaga dan meneroka alternatif tenaga yang lebih bersih untuk mengurangkan jejak alam sekitar kami. Inisiatif ini termasuk pemasangan panel PV solar di pusat operasi yang sesuai. Menerusi pelaksanaan langkah strategik, kami percaya kami boleh menyokong peralihan rendah karbon negara dengan ketara.

PENGURUSAN KARBON


Di FGV, tindakan iklim kami tertumpu pada Karbon dan Inventori GHG, diikuti oleh Pengurusan GHG. Kami komited untuk mengurangkan pelepasan GHG FGV sebanyak separuh dalam jangka pendek (menjelang 2030) dan kepada sifar dalam jangka sederhana hingga panjang (menjelang 2050), berdasarkan data garis dasar pada 2019.

Inventori dan Pengurusan GHG kami meliputi pelepasan daripada kesemua 20 unit perniagaan kami dalam tiga sektor perniagaan (Perladangan, Gula dan Logistik & Lain-lain). Usaha ini dimulakan dengan pengenaltian sumber pelepasan dalam setiap unit perniagaan, pengumpulan data input dan output serta pengiraan pelepasan GHG berdasarkan Panel Antara Kerajaan Tentang Perubahan Iklim (IPCC) 2006 dan Piawaian Perakaunan dan Pelaporan Korporat Protokol GHG.

Selain itu, kami telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik untuk mengurangkan jejak karbon, termasuk perumusan Penyata Dasar Alam Sekitar untuk meningkatkan komitmen Kumpulan terhadap tindakan iklim dan alam sekitar. Kami juga mempunyai lapan kilang yang diperakui ISCC untuk memenuhi permintaan biobahan api lestari di Eropah.

Kami menangkap gas metana yang dilepaskan dari loji rawatan air sisa kami untuk POME dan menggunakannya untuk mengurangkan pelepasan GHG. Kami telah memantau pengelakan pelepasan operasi biogas kami daripada penggunaan metana yang ditangkap. Pada 2022, kami mencatatkan peningkatan sebanyak 27% pengelakan pelepasan berbanding dengan 2021.

Jumlah Pengelakan Pelepasan Karbon (MT CO₂e)



Ulasan Kelestarian

TONGGAK 3: MEMELIHARA ALAM SEKITAR

MAJU KE HADAPAN

FGV sedang memacu usaha untuk meningkatkan penggunaan produk kilang dan menyokong agenda penyahkarbonan Kumpulan menerusi pelbagai strategi, termasuk:

Kepelbagaian strategi penjualan produk sekunder

Membangunkan loji jana kuasa biogas FiT yang terletak di Pahang dan di Johor untuk kedua-dua FGV dan pemilik pihak ketiga. Operasi komersial loji jana kuasa ini dijadualkan bermula pada 2024/2025.

Membangunkan projek Bio-CNG. Kami sedang berinteraksi dengan pihak ketiga untuk meneroka potensi perniagaan dan/atau bekalan Bio-CNG.

Meneroka Projek Pemulihan Minyak EFB, menerusi pengaturan Bina, Milik, Kendali (BOO) untuk memaksimumkan penggunaan EFB. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan hasil Kumpulan dalam jangka panjang menerusi peningkatan SRR dan jualan SPO, serta kutipan yuran sewaan tanah.

Melancarkan Projek FOF berasaskan sawit di Kilang Sawit Maokil yang terletak di Labis, Johor. Kilang itu dianggarkan menghasilkan 7,000 MT FOF setiap tahun, yang cukup untuk memenuhi keperluan ladang di kawasan sekitar.



Rangka Kerja Kelestarian FGV merangkumi tenaga boleh baharu sebagai salah satu inisiatif utama demi masa hadapan yang lestari.

Selain itu, FGV kini sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan dagangan karbon. Inisiatif ini berpotensi untuk menukar balas timbal karbon FGV dengan manfaat kewangan, seterusnya menyokong agenda kelestariannya. Maju ke hadapan, Kumpulan akan berusaha untuk mencapai sasaran SBTi dengan mewujudkan matlamat jangka panjang dalam penjayaan pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Kumpulan juga akan terus meneroka inisiatif selanjutnya untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan juga merumuskan strategi untuk mengurangkan kos operasi dalam pelbagai sektor perniagaan dan subsidiari.

PENERAPAN **PIAWAIAN TERTINGGI** **TADBIR URUS**

106	Sekilas Pandang - Lembaga Pengarah
108	Profil Lembaga Pengarah
116	Sekilas Pandang - Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan
119	Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan
126	Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat
161	Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

SEKILAS PANDANG - LEMBAGA PENGARAH



**Dato' Amiruddin
Abdul Satar**

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

**Datuk Yatimah
Sarjiman**

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

**Dato' Mohd Rafik
Shah Mohamad**

Pengarah Kanan Bebas
Bukan Eksekutif

**Dato' Shahrol Anuwar
Sarman**

Pengerusi (Interim)
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Sekilas Pandang - Lembaga Pengarah



**Dato' Nonee Ashirin
Dato' Mohd Radzi**
Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

Kasmuri Sukardi
Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

**Nik Fazila Nik
Mohamed Shihabuddin**
Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

Azmin Che Yusoff
Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



Dato' Shahrol Anuwar Sarman

Pengerusi (Interim), Pengerusi Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Umur:
49



Jantina:
Lelaki



Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:

**17 November 2020 - 16 November 2022 (Pelantikan pertama)
17 November 2022 (Pelantikan Semula)**

(Ditetapkan semula sebagai Pengerusi (Interim) pada 1 April 2023)

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:

2-3 tahun

Tarikh pelantikan semula:

23 Jun 2021

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 2022:

11 daripada 12

Kelayakan:

Dato' Shahrol Anuwar memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada *Cardiff University*, Wales, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Kewangan daripada Universiti Teknologi MARA, Malaysia.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

Dato' Shahrol Anuwar memulakan kerjaya sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Pengurusan Pinjaman dan Dasar Kewangan di Kementerian Kewangan (MoF) pada 1996.

Pada 2003, Dato' Shahrol Anuwar menjadi Penolong Pengarah di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran Sumber Manusia (Ketua Unit Kewangan dan Akaun) di Agensi Pencegahan Rasuah Malaysia. Pada 2004, beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Industri Balak bawah Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi, berkhidmat selama 2 tahun. Beliau kemudian berkhidmat selama setahun sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Sebelum menjadi Pegawai Khas kepada Setiausaha Agung Perbendaharaan, MoF, pada 2011, Dato' Shahrol Anuwar dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Setiausaha Agung Perbendaharaan, MoF dari 2007 hingga 2011. Beliau kemudian dilantik sebagai Penasihat Kanan kepada Pengarah Eksekutif Kumpulan Bank Dunia di Washington D.C., AS dari 2012 hingga 2014.

Pada 2014, Dato' Shahrol Anuwar menjadi Setiausaha Kanan Peribadi kepada Setiausaha Agung Perbendaharaan, MoF, berkhidmat selama 3 tahun. Beliau kemudian dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, MoF dari 2017 hingga 2019. Seterusnya bertugas sebagai Setiausaha Rendah di Bahagian Pelaburan Strategik, MoF dari 2019 hingga 2022. Beliau kini merupakan Pengarah di Pejabat Belanjawan Negara, MoF.

Dato' Shahrol Anuwar mewakili MoF sebagai ahli Lembaga Pengarah dalam Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan Putrajaya dan Lembaga Pelabuan Johor (LPJ).

Keahlian Lembaga dalam syarikat lain:

- Tiada

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- Tiada

Konflik kepentingan dengan Syarikat:

- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:

- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh lima tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:

- Tiada

Profil Lembaga Pengarah



Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif



Umur:
72



Jantina:
Lelaki



Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:

1 Julai 2021

(Dilantik sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif pada 30 Mac 2022)

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:

1-2 tahun

Tarikh pelantikan semula:

23 Jun 2022

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 2022:

12 daripada 12

Kelayakan:

Dato' Mohd Rafik merupakan Akauntan Berkanun daripada Institut Malaysia Akauntan (MIA) dan fellow Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA). Beliau menghadiri Program Pembangunan Eksekutif, Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa, *Lausanne*, Switzerland.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

Dato' Mohd Rafik mempunyai lebih 33 tahun pengalaman dalam industri makanan. Beliau telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan, dan selepas persaraan beliau pada 2006, berkhidmat sebagai Pengarah dalam beberapa syarikat.

Dato' Mohd Rafik memulakan kerjaya pada 1973 sebagai Juruanalisis di Esso Malaysia Berhad. Selepas berkhidmat dengan beberapa syarikat tempatan, beliau menyertai Nestlé pada 1981 dan bersara pada 2006 selepas 25 tahun dalam perkhidmatan operasi. Semasa berkhidmat dengan Nestlé, beliau telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan dalam kumpulan syarikat di dalam dan di luar negara termasuk Ibu Pejabat Korporat Nestlé di Switzerland.

Selepas bersara daripada Nestlé, Dato' Mohd Rafik dilantik sebagai Pengarah Nestlé (Malaysia) Berhad selama 12 tahun, sehingga beliau bersara pada April 2021. Sebelum itu, beliau merupakan Pengerusi Malaysian Agrifood Corporation Berhad dan Biotropics Malaysia Berhad, antara lainnya. Beliau juga merupakan bekas pengarah FGV sebelum penyenaiaan awam.

Keahlian Lembaga dalam syarikat lain:

- Tiada

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga

Konflik kepentingan dengan Syarikat::

- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:

- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh lima tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:

- Tiada

Profil Lembaga Pengarah



Datuk Yatimah Sarjiman

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Umur:
58



Jantina:
Perempuan



Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:

8 April 2022

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:

<1 tahun

Tarikh pelantikan semula:

23 Jun 2022

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 2022:

8 daripada 9

Kelayakan:

Datuk Yatimah memegang Ijazah Sistem Maklumat Perakaunan Perniagaan dan Sistem Maklumat Komputer daripada *Idaho State University*, Amerika Syarikat. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Perakaunan & Kewangan dengan Perniagaan Antarabangsa daripada *Northrop University*, Amerika Syarikat.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

Datuk Yatimah mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang perancangan, penggubalan dan pelaksanaan dasar awam dalam pengurusan sumber manusia dan organisasi, pengurusan sumber kewangan dan organisasi, sumber kewangan, ekonomi, pentadbiran dan pembangunan wilayah, pentadbiran sosial, hubungan antarabangsa dan daya tahan hal-ehwal luar negeri. Beliau juga mempunyai kepakaran dalam pembangunan dan pengurusan luar bandar, struktur industri antarabangsa, industri perladangan dan pemerkasaan wanita.

Datuk Yatimah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Agung di Jabatan Perdana Menteri pada 2015 dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita pada 2016. Pada 2018, beliau menjadi Pengarah Bahagian Pertanian, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Terkini, beliau merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral) di Kementerian Ekonomi.

Datuk Yatimah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah di FELDA dan FELCRA Berhad.

Keahlian Lembaga dalam syarikat lain:

- Pengarah, FELCRA Berhad

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga

Konflik kepentingan dengan Syarikat:

- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:

- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh lima tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:

- Tiada

Profil Lembaga Pengarah



Dato' Amiruddin Abdul Satar

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Umur:
59



Jantina:
Lelaki



Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
26 Oktober 2020

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
2-3 tahun

Tarikh pelantikan semula:
23 Jun 2021

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 2022:
10 daripada 12

Kelayakan:

Dato' Amiruddin memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada *Henley Business School, University of Reading*, United Kingdom. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), United Kingdom dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

Dato' Amiruddin telah berkhidmat lebih 26 tahun dengan institusi penjagaan kesihatan terkemuka, KPJ Healthcare Berhad (KPJ), dan jawatan terakhir dipegang ialah Presiden dan Pengarah Urusan. Semasa tempoh perkhidmatan di KPJ, beliau juga terlibat dengan beberapa lembaga dan peranan pengurusan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai naib presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), memanfaatkan pengalaman berharga beliau yang bertahun lamanya sebagai pakar sistem penyampaian penjagaan kesihatan dalam industri penjagaan kesihatan Malaysia.

Kini, Beliau merupakan Ketua Pengarah FELDA, berkuat kuasa 15 Oktober 2020. Selain itu, beliau menganggotai Jawatankuasa Penasihat ACCA Malaysia sejak 2018 dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia sejak November 2020.

Keahlian Lembaga dalam syarikat lain:

- Pengarah, Jentayu Sustainables Berhad
- WAQAF, FELDA

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- Ahli Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Kelestarian Lembaga

Konflik kepentingan dengan Syarikat:

- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:

- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh lima tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:

- Tiada

Profil Lembaga Pengarah



Dato' Nonsee Ashirin Dato' Mohd Radzi

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Umur:
51



Jantina:
Perempuan



Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
30 Jun 2021

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
1-2 tahun

Tarikh pelantikan semula:
23 Jun 2022

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 2022:
10 daripada 12

Kelayakan:

Dato' Nonsee memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) daripada *University of Wolverhampton*, United Kingdom. Beliau merupakan *Barrister-at-law Lincoln's Inn*, United Kingdom. Beliau juga merupakan ahli Majlis Peguam Malaysia.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

Pada masa ini, Dato' Nonsee Ashirin merupakan Rakan di Arthur Yeong Nonsee Ashirin Advocates & Solicitors. Sebagai graduan undang-undang, beliau telah melengkapkan ijazah *Barrister-at-Law di Lincoln's Inn*, United Kingdom dan diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia pada 1999. Beliau memulakan kerjaya pada 2001 sebagai peguam di Mohammad Ali & Co., berkhidmat selama tiga tahun sehingga 2003. Beliau kemudiannya mengambil keputusan untuk menyertai industri aeroangkasa dan pertahanan sepenuh masa. Beliau menyertai Eurocopter Malaysia (kini Airbus Helicopters Malaysia Sdn Bhd) sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan pada 2003 dan pada 2006 beliau menyertai Unique Globe Sdn Bhd dan dilantik sebagai Naib Presiden, Pembangunan Perniagaan. Beliau kemudian menyertai HELIPARTNER Sdn Bhd pada 2009 sebagai Naib Presiden Pembangunan Perniagaan dan Jualan sehingga 2010. Pada 2011, beliau dilantik sebagai Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif di Global Turbine Asia Sdn Bhd (GTA), dan berkhidmat selama tujuh tahun sehingga 2017.

Dato' Nonsee merupakan salah seorang pakar yang dihormati dan tersohor dalam Industri Aeroangkasa Malaysia, dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam aeroangkasa, pertahanan dan keselamatan antarabangsa. Beliau terkenal sebagai Pemimpin Berwawasan, memacu GTA menjadi peneraju pasaran domestik dan autoriti serantau yang disanjung tinggi dalam sektor Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih (MRO). Rekod prestasi Dato' Nonsee sudah cukup jelas, memacu GTA sehingga menjadi satu-satunya Organisasi Penyelenggaraan Diluluskan (AMO) di luar Eropah bawah Peraturan Bahagian 145 Agensi Keselamatan Penerbangan Eropah (EASA) yang merupakan piawai Eropah untuk kelulusan organisasi yang melaksanakan penyelenggaraan kapal terbang dan komponen kapal terbang. Dato' Nonsee juga merupakan ahli lembaga Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA) sejak 2018 dan ketua Jawatankuasa Kecil Teknikal MRO.

Selaras dengan pengumuman Bursa Malaysia Securities Berhad tentang keperluan pelaporan kelestarian tertingkat untuk syarikat tersenarai, beliau telah menjalani latihan yang diperlukan, bukan sahaja memimpin melalui teladan tetapi pada asasnya memastikan pengawasan yang berkesan dalam pelaksanaan inisiatif ukur rujuk Rangka Kerja Kelestarian FGV yang merangkumi komitmen sifar bersih, pemeraksanaan wanita, kepelbagaian jantina dan pematuan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) pengawal selia antarabangsa. Selain komitmen beliau terhadap pengaruh perubahan, pemeraksanaan menerusi pengetahuan dan kepimpinan melalui teladan, beliau juga memperjuangkan penggunaan Undang-undang dan, piawaian dan peraturan pematuan antarabangsa, seperti yang dinyatakan dalam Perintah Sekatan Pelepasan (WRO) dan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO).

Keahlian Lembaga dalam syarikat lain:

- Tiada

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Kelestarian Lembaga

Konflik kepentingan dalam Syarikat:

- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:

- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh lima tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:

- Tiada

Profil Lembaga Pengarah



Kasmuri Sukardi

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Umur:
72



Jantina:
Lelaki



Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
1 Julai 2021

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
1-2 tahun

Tarikh pelantikan semula:
23 Jun 2022

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 2022:
12 daripada 12

Kelayakan:

Kasmuri memegang Ijazah Sarjana Pengurusan daripada Institut Pengurusan Asia, Manila, Filipina dan Program Pengurusan Lanjutan (AMP) daripada *Harvard Business School, Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat*. Bidang pengajian lain beliau termasuk Diploma Lanjutan (AISP) Bersekutu daripada Pergabungan Persatuan Peladang, Malaysia dan Diploma Pengurusan Industri Perladangan (DPIM) daripada Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

Kasmuri mempunyai lebih 49 tahun pengalaman dalam pelbagai kapasiti merangkumi perniagaan tani perladangan iaitu kelapa sawit, getah, koko dan kelapa serta pengalaman dalam pengurusan modal insan dan pembangunan masyarakat.

Beliau memulakan kerjaya pada 1973 sebagai Penolong/ Penolong Kanan Pengurus Ladang di Harrisons & Crosfield PLC (H&C) yang kemudian menjadi Harrisons Malaysian Plantations Berhad (HMPB) dan Golden Hope Plantations Berhad (Golden Hope). Pada 1982, beliau dilantik sebagai Pengurus Ladang dan dinaikkan pangkat sebagai Ejen Pelawat Ladang, Pengurus Besar, Pengarah Ladang dan Pengarah Kumpulan, Pertanian Tani Perladangan sehingga persaraan beliau pada 2006.

Dari 2006 hingga 2008, Kasmuri merupakan Pengarah, Fungsi Khas dan kemudian Perunding, Ketua Pelatih untuk *Golden Hope*.

Pada 2008, Kasmuri menyertai Poliplant Group, Indonesia & Clarity Resources Ltd, Hong Kong berpangkalan di Jakarta, Indonesia selaku ahli Lembaga Pengarah serta Pengarah Korporat & Operasi. Beliau berkhidmat sehingga 2015.

Sepanjang tempoh tersebut, beliau berjaya menerajui pembangunan dan pengurusan lebih 50,000 hektar ladang kelapa sawit, yang kebanyakannya di kawasan hijau di Ketapang, Kalimantan Barat, Indonesia.

Keahlian Lembaga dalam syarikat lain:

- Tiada

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- Pengerusi Jawatankuasa Kelestarian Lembaga
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan

Konflik kepentingan dalam Syarikat:

- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:

- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh lima tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:

- Tiada

Profil Lembaga Pengarah



Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Umur:
56



Jantina:
Perempuan



Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:

1 Julai 2021

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:

1-2 tahun

Tarikh pelantikan semula:

23 Jun 2022

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 2022:

12 daripada 12

Kelayakan:

Nik Fazila memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) daripada *Flinders University of South Australia*, Adelaide, Australia. Beliau merupakan Akauntan Berkanun bertauliah daripada Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

Nik Fazila merupakan bekas Pengarah Urusan Kumpulan Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) dari 2017 hingga 2021. Beliau juga bekas Ketua Pegawai Kewangan CCM dari 2012 sebelum memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan CCM pada 2017.

Nik Fazila mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan, kewangan, jaminan perniagaan dan urus niaga korporat. Beliau memulakan kerjaya dengan Price Waterhouse (kini PricewaterhouseCoopers) Malaysia dan berkhidmat selama 10 tahun, terutamanya dalam perkhidmatan nasihat audit & perniagaan. Beliau juga pernah memegang pelbagai jawatan kanan dalam perakaunan, kewangan dan pengurusan termasuk sebagai Ketua Pegawai Kewangan di syarikat tersenarai awam di Malaysia, sebelum menyertai Kumpulan CCM.

Keahlian Lembaga dalam syarikat lain:

- Pengarah, MSM Malaysia Holdings Berhad
- Pengarah, MBM Resources Berhad

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Audit

Konflik kepentingan dalam Syarikat:

- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:

- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh lima tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:

- Tiada

Profil Lembaga Pengarah



Azmin Che Yusoff

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Umur:
64



Jantina:
Lelaki



Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
13 September 2022

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
<1 tahun

Tarikh pelantikan semula:
Tidak Berkenaan

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 2022:
5 daripada 5

Kelayakan:

Azmin memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) daripada Universiti Malaya, Malaysia. Beliau juga merupakan Akauntan Berkanun bertauliah daripada Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di *Harvard Business School, Boston, Amerika Syarikat*.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

Azmin mempunyai lebih 37 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan, kewangan dan perancangan kewangan, pemasaran, korporat dan perancangan strategik sepanjang kerjayanya.

Pada 2020, beliau dilantik sebagai Pemangku Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMW Holdings Berhad (Kumpulan UMW) sehingga akhir 2020.

Beliau memulakan kerjayanya di Kontena Nasional Berhad (KN) pada tahun 1983 sebagai Pembantu Eksekutif Akaun dan menyandang pelbagai jawatan dalam syarikat sehingga beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 2002 dan memegang jawatan tersebut selama enam tahun sehingga 2008. Beliau kemudiannya meninggalkan KN dan menyertai Landbridge Haulage (M) Sdn Bhd sebagai Pengarah Eksekutif, Kewangan.

Kemudian, beliau menyertai Kumpulan UMW pada 2009 sebagai Pengarah Eksekutif Perkhidmatan Kewangan Kumpulan/Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan/Ketua Pegawai Kewangan pada 2016 sehingga 2019.

Semasa berkhidmat di Kumpulan UMW, Azmin juga merupakan pengarah dalam sebilangan syarikat bawah kumpulan dan ahli dalam pelbagai jawatankuasa.

Keahlian Lembaga dalam syarikat lain:

- Tiada

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan

Konflik kepentingan dalam Syarikat:

- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:

- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh lima tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:

- Tiada

SEKILAS PANDANG - JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN

Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan



Abdul Razak Aya

Ketua Pertanian Bersepadu



Salman Ghazali

Ketua Pegawai Strategi Kumpulan & Pegawai
Penjaga Ketua Pegawai Produk Pengguna



**Nurul Hasanah Ahamed
Hassain Malim**

Ketua Kelestarian Kumpulan



Nor Marhamah Yahya

Penasihat Undang-undang, Undang-undang Kumpulan



Sekilas Pandang - Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Mohd Sarian Md Sahid

Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan



Fakhrunniam Othman

Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Logistik & Lain-lain



Syed Feizal Syed Mohammad

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad



Azmi Yaakop

Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan



Razman Radzi

Ketua Pegawai Sumber Manusia



Shaharizan Yunus

Ketua Kesihatan, Keselamatan & Persekitaran Kumpulan



Zaliy Mohamed Zaman Khan

Ketua Juruaudit Dalaman




Azni Ariffin

Ketua, Kesetiausahaan Kumpulan & Setiausaha Syarikat



Sekilas Pandang - Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC) memainkan peranan utama untuk menyediakan sokongan penting kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan dalam pengawasan Syarikat. GMC yang beroperasi sebagai entiti berpusat, ditugaskan dengan tanggungjawab untuk memantau prestasi Kumpulan serta menyelaras dan menjajarkan pengurusan dan operasi perniagaan untuk merealisasikan visi, misi dan strategi Kumpulan. Perkara ini dicapai menerusi penerapan teliti prinsip tadbir urus korporat yang kukuh dan pelaksanaan amalan perniagaan dan kawalan terbaik industri, selaras dengan arahan, panduan, keputusan dan dasar Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya.



Nota:

- Semua maklumat setakat 20 Mac 2023.
- Tiada antara ahli GMC yang mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat, hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau Pemegang Saham Utama atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan (selain kesalahan lalu lintas) dalam tempoh lima tahun atau sebarang sekatan awam atau denda yang dikenakan oleh badan kawal selia berkaitan sepanjang tahun kewangan.

PROFIL JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN

Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



Umur: **47**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
23 Ogos 2021

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Muda Perdagangan daripada *University of Queensland*, Australia
- Akauntan Berkanun Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Fellow Akauntan Pengamal Bertauliah CPA Australia

Pengalaman

Dato' Mohd Nazrul mempunyai lebih 22 tahun pengalaman menyandang pelbagai jawatan dalam beberapa industri berbeza. Sebelum pelantikannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, beliau pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FELCRA Berhad sejak 2018.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1998 sebagai Eksekutif Akaun dengan RHB Unit Trust Management Berhad. Pada 2000, sebelum menyertai PricewaterhouseCoopers sebagai Rakan Sekutu Kanan, beliau merupakan Penolong Audit di Hasyudeen & Co. Sepanjang tempoh perkhidmatan dengan dua firma perakaunan awam, beliau terlibat dalam pelbagai tugas audit dan jaminan untuk syarikat awam dan swasta sederhana hingga besar.

Beliau menyertai Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) pada 2002 dan memainkan peranan penting dalam pengurusan risiko, perancangan korporat dan merupakan Pembantu Eksekutif kepada CEO sehingga 2007. Pada 2009, beliau menyertai Malaysia Building Society Berhad (MBSB) sebagai Ketua Perniagaan Berstruktur.

Pada 2010, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (CFO) di Realmild Sdn Bhd sebelum beliau menyertai N.U.R Power Sdn Bhd sebagai Pengarah Kewangan pada 2013. Beliau memegang jawatan tersebut sehingga 2018 sebelum menyertai Teras Dara Konsortium Sdn Bhd sebagai Pengarah Urusan.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

MSM Malaysia Holdings Berhad

Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan



Umur: **52**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
2 Januari 2019

Kelayakan Akademik/Profesional

- Akauntan Berkanun Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia

Pengalaman

Dato' Mohd Hairul memulakan kerjayanya di Sime Darby Berhad pada tahun 1994 sebagai Pelatih Pengurusan dan dilantik sebagai Akauntan Kumpulan pada tahun 1997. Pada Oktober 2002, beliau dilantik sebagai Pengurus Kewangan Consolidated Plantations Berhad (CPB), subsidiari milik penuh Sime Darby Berhad. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengawal Kewangan Perladangan CPB dari Julai 2005 hingga Jun 2006, sebelum kembali ke Sime Darby Berhad sebagai Pengurus Besar Kewangan Bahagian Perladangan. Beliau dilantik sebagai CFO Bahagian pada Jun 2008. Beliau meninggalkan Sime Darby Berhad pada Februari 2012, dan jawatan terakhirnya ialah CFO Bahagian Tenaga & Utiliti.

Sebelum menyertai FGV pada Januari 2019 sebagai CFO Kumpulan, beliau merupakan Ketua Pegawai Kewangan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dari Mac 2012 hingga Disember 2018. Kini, beliau juga merupakan Pengarah Felda Holdings Berhad.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Felda Holdings Berhad

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Mohd Sarian Md Sahid

Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan



Umur: **60**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
1 April 2022

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada *RMIT University*, Australia
- Diploma Kejuruteraan Mekanikal daripada Universiti Teknologi Malaysia
- Sijil STEM Profesional Gred 1

Pengalaman

Mohd Sarian mempunyai pengalaman yang luas selama 38 tahun dengan FGV. Beliau mula berkhidmat dalam pelbagai kilang di Felda Palm Industries Sdn Bhd (kini dikenali sebagai FGV Palm Industries Sdn Bhd) dari 1984 hingga 2001. Antara 2002 dan 2006, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Kawasan untuk dua zon; Wilayah Kuala Lumpur sebelum meneruskan peranan yang sama apabila berpindah ke Wilayah Sahabat.

Pada 2007, beliau memegang jawatan Ketua Zon dan berkhidmat sehingga 2013. Pada akhir 2013, beliau dilantik sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan sehingga awal 2014 dan kemudian dilantik sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan dan Strategi untuk Kelompok Getah pada tahun yang sama.

Pada 2017, beliau dilantik sebagai Ketua Pengurusan Rantaian Bekalan Global sebelum memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif FGV Fertiliser Sdn Bhd pada 2018.

Pada 2019, beliau dilantik sebagai Ketua Bahagian Hulu sebelum dilantik semula sebagai Pegawai Penjaga Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan pada 2021. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Bahagian Kumpulan Sektor Perladangan pada April 2022.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada

Fakhrunniam Othman

Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Logistik & Lain-lain



Umur: **55**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
1 Januari 2023

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Am) daripada *RMIT University*, Australia
- Akauntan Berkanun Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah (ACCA), United Kingdom
- Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Pengalaman

Kerjaya Fakhrunniam telah menjangkau lebih 31 tahun, bermula dengan Caltex Oils Malaysia Ltd pada 1992 sebagai Pelatih Pengurusan, diikuti oleh perkhidmatan dengan Sapura Telecommunication Bhd sebagai Penolong Pengurus dan kemudiannya sebagai Akauntan Kumpulan di Alloy Consolidated Sdn Bhd.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam Kumpulan FGV wang disertainya sebagai Akauntan Felda Holdings Berhad pada 2000. Berikutan penggiliran kerja, peluasan tanggungjawab dan penilaian prestasi, beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar pada 2004 dan Pengurus Besar Kanan Kewangan pada 2006. Beliau kemudiannya dikenal pasti untuk tugas di Twin Rivers Technologies (TRT) Inc sebagai Timbalan Ketua Pegawai Kewangan dan Setiausaha Syarikat selama empat tahun dari 2008 hingga 2011 yang telah memberikannya pendedahan global yang ketara dalam bidang pelaburan, minyak & lemak, dan oleokimia.

Sekembalinya, beliau menyertai Bahagian Strategi sebagai Naib Presiden dan menyertai penyertaan FGV. Seterusnya, beliau telah diamanahkan dengan peranan kepimpinan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif tiga subsidiari iaitu FGV Marketing Services Sdn Bhd, FGV Trading Sdn Bhd dan FGV Transport Sdn Bhd dari 2013 hingga 2016, sekali gus mengembangkan pengetahuannya dalam bidang pemasaran, perdagangan komoditi dan logistik.

Pada 2017, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Strategi, diikuti dengan Ketua Pegawai Pelaburan dari 2019 hingga 2022. Dalam tempoh tersebut, beliau juga diamanahkan dengan penugasan interim sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MSM Malaysia Holdings Berhad pada September 2020. Beliau merumuskan Pelan Perniagaan Kumpulan dan melaksanakan beberapa penyahlaburan penting untuk meningkatkan nilai pemegang saham FGV dalam tempoh tersebut.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

MSM Malaysia Holdings Berhad

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Syed Feizal Syed Mohammad

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad



Umur: **55**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
1 Februari 2021

Abdul Razak Aya

Ketua Pertanian Bersepadu



Umur: **51**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
1 Ogos 2019

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Eksekutif) daripada *Charles Sturt University*, Australia
- Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrik daripada *University of Nebraska-Lincoln*, Amerika Syarikat
- Ahli Institut Pengarah Korporat Malaysia
- Ahli Rangkaian Tindakan CEO (CAN)

Pengalaman

Dengan lebih 34 tahun pengalaman dalam konglomerat multinasional dan tempatan, Syed Feizal telah berkhidmat dalam pelbagai sektor korporat dan perniagaan termasuk kejuruteraan dan pembinaan kemudahan minyak & gas, loji petrokimia dan proses perindustrian, penerokaan dan pengeluaran, infrastruktur (air, pengangkutan dan kuasa) dan perdagangan komoditi pertanian dan perindustrian (kelapa sawit, getah, gula dan beras) dan hidrokarbon. Pengalaman beliau dalam pelbagai konsep dan pembangunan projek modal besar hingga mega merangkumi beberapa negara dan wilayah termasuk Asia Pasifik, Asia Selatan dan Timur Tengah.

Sebelum ini, beliau memegang beberapa jawatan kepimpinan kanan sebagai CEO, Penaja Projek Eksekutif dan keahlian Lembaga, mengurus organisasi besar lebih 3,000 pekerja di Malaysia. Beliau juga merupakan ahli kanan Jawatankuasa Eksekutif yang menyelia lebih 7,000 pekerja di Asia Pasifik dengan lebih 15 subsidiari di seluruh China, Asia Tenggara dan Australia.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

MSM Malaysia Holdings Berhad

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Sains Pengurusan Perladangan dan Diploma Pertanian daripada Universiti Putra Malaysia
- Program Kepimpinan Eksekutif daripada *Bond University*, Australia
- Strategi Perniagaan dan Program Pengurusan Rantaian Bekalan daripada Universiti Nasional Singapura
- Program Pengurusan Perladangan daripada Golden Hope Academy, Pulau Carey, Malaysia

Pengalaman

Abdul Razak mempunyai lebih daripada 27 tahun pengalaman terutamanya dalam perancangan strategik dan perniagaan, operasi perladangan dan ladang, bioteknologi, pertanian persis, biokeselamatan, pembangunan tanah ladang, serta kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Beliau juga mempunyai pengalaman luas dalam industri penternakan lembu dan kambing, ayam itik, perikanan dan akuakultur, nenas, herba dan buah-buahan menerusi interaksinya dalam projek ekonomi serantau kerajaan.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1992 sebagai Eksekutif Teknologi Maklumat di Creative Technology Computer Sdn Bhd. Beliau kemudiannya menyertai Fakulti Perhutanan di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1993 sebagai Penyelidik Penderiaan Jauh Satelit sebelum menyertai Jabatan Pertanian Negeri Johor dari 1994 hingga 1995.

Sebelum penggabungan dengan Sime Darby Berhad, beliau dilantik sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan di Golden Hope Plantations Berhad pada tahun 1995 dan berkhidmat selama 13 tahun. Selepas itu, beliau menjawat portfolio yang sama selepas penggabungan di syarikat yang kini dikenali sebagai Sime Darby Plantation Sdn Bhd sehingga 2009.

Beliau dilantik sebagai Pengurus Kanan Pertanian bagi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dari 2008 hingga 2014, sebelum menyertai Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebagai Ahli Tetap Lembaga Pengelola sehingga 2016. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Naib Presiden di Naza World Holdings Sdn Bhd pada 2014, menyelia Bahagian Agro dan Bio.

Sebelum menyertai FGV, beliau ialah Pensyarah Adjung di Universiti Teknologi MARA, Malaysia pada 2019.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada



Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Salman Ghazali

Ketua Pegawai Strategi Kumpulan & Pegawai
Penjaga Ketua Pegawai Produk Pengguna



Umur: **41**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
13 September 2019

Azmi Yaakop

Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan



Umur: **46**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
15 Julai 2022

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Muda Sains Perakaunan & Kewangan daripada *London School of Economics and Political Science*, United Kingdom

Pengalaman

Salman memulakan kerjayanya di Sime Darby Plantation Sdn Bhd (SDP) pada 2005 dan sejak itu telah mengumpul 17 tahun pengalaman dalam strategi, pengurusan pelaburan, ekuiti persendirian, perbankan perniagaan, kewangan korporat dan pembangunan perniagaan. Pada 2007, beliau berpindah ke Pejabat Pengarah Urusan di SDP sebagai Eksekutif Kanan dan dinaikkan pangkat sebagai Penolong Naib Presiden I Kewangan Korporat di Jabatan Strategi dan Pembangunan Perniagaan. Semasa di SDP, beliau telah ditugaskan sebagai Ketua Sektor Hiliran Makanan & Kesihatan berasaskan Minyak Sawit di makmal Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) PEMANDU pada 2010. Beliau kemudiannya dipinjamkan ke Emery Oleochemicals sebagai Pengurus di Jabatan Strategi Global. Pada Disember 2011, beliau meninggalkan Syarikat dan menyertai Petrolia Nasional Berhad pada 2012 di Pejabat Naib Presiden Eksekutif sebelum menyertai Khazanah Nasional Berhad sebagai Naib Presiden Pelaburan dan Pegawai Khas kepada Ketua Pegawai Pelaburan.

Pada 2015, beliau menyertai RM Capital Partners & Associates Sdn Bhd (RMCP), salah satu firma ekuiti persendirian butik terbesar di Malaysia, sebelum berhenti sebagai Rakan Pengurusan pada Ogos 2018. Semasa di RMCP, beliau memegang jawatan pengarah dalam semua syarikat penerima pelaburan bawah RMCP dengan kehadiran perniagaan dalam ruang produk pengguna, perkhidmatan minyak dan gas, plastik, dan teknologi. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan di RMCP One Fund dan RMCP Two Fund. Sebelum menyertai FGV pada September 2019, beliau merupakan Ketua Perbankan Perniagaan di Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Pada Julai 2022, beliau dilantik sebagai Pegawai Penjaga Ketua Pegawai Produk Pengguna. Beliau akan menjalankan peranan ini seiring dengan kedudukannya sekarang.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Sains Komunikasi Korporat daripada Universiti Putra Malaysia
- Sarjana Muda Sastera (Dwimajor dalam Ekonomi & Komunikasi Massa) daripada *Indiana University Bloomington*, Amerika Syarikat

Pengalaman

Azmi mempunyai lebih daripada 23 tahun pengalaman, kebanyakannya dalam bidang Komunikasi Strategik.

Sebelum menyertai FGV, beliau merupakan Ketua Hal Ehwal Luar Bristish American Tobacco (BAT), yang terutamanya bertanggungjawab terhadap agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) BAT dan portfolio kategori baharu.

Beliau telah berkhidmat dengan pelbagai syarikat multinasional termasuk Aramco Overseas Malaysia Sdn Bhd, sebagai Perunding Perhubungan Awam & Kerajaan. Beliau juga merupakan Ketua Hal Ehwal Korporat BASF PETRONAS Chemicals Malaysia dan Penasihat Komunikasi Shell Business Service Centre Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Shell IT International Sdn Bhd).

Beliau juga telah berkhidmat dengan pelbagai syarikat tersenarai awam dan berkaitan kerajaan seperti Celcom Axiata Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Hong Leong Group Capital Berhad.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Razman Radzi

Ketua Pegawai Sumber Manusia



Umur: **58**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
1 Ogos 2022

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) daripada Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Diploma Pengurusan Kakitangan daripada Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia
- Fellow Penyelidik di Pusat Sumber Manusia Negara bawah Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia

Pengalaman

Razman mempunyai 33 tahun pengalaman dalam Sumber Manusia dan pernah berkhidmat di pelbagai syarikat multinasional dan syarikat berkaitan kerajaan termasuk Johor Corporation sebagai Pengurus Besar Pembangunan Sumber Manusia dan Pengurus Besar Kanan Pengurusan Bakat Kumpulan KPJ Healthcare Berhad.

Razman juga pernah berkhidmat di Goodyear (Malaysia) Bhd, UEM Land Holdings Bhd dan Kumpulan Guthrie Berhad.

Beliau kini merupakan Timbalan Presiden Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia dan juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Panel Mahkamah Perusahaan. Beliau ialah Jurulatih dan Mentor Profesional bertauliah serta Profesional Kad Skor Imbangan.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada

Nurul Hasanah Ahamed Hassain Malim

Ketua Kelestarian Kumpulan



Umur: **42**



Jantina: **Perempuan**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
1 Mac 2019

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Undang-undang (Undang-undang Hak Asasi Manusia) daripada *University of Nottingham*, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Sijil Program Pembangunan Profesional Berterusan daripada *University of Glasgow*, Scotland
- Alumni Program Kepimpinan Pelawat Antarabangsa oleh Biro Pendidikan dan Hal Ehwal Kebudayaan Jabatan Amerika Syarikat
- Penerima *Chevening Fellowship* daripada *British Foreign Commonwealth Office*

Pengalaman

Nurul Hasanah mempunyai pengalaman selama 17 tahun dalam hak asasi manusia, undang-undang, pembangunan dasar dan kelestarian. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Undang-undang pada 2003 di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia selama 15 tahun. Beliau menjadi Ketua Bahagian Aduan & Siasatan pada 2006, sebelum mengetuai Bahagian Siasatan Kebangsaan selama dua tahun bermula 2010. Mulai 2013 hingga 2015, beliau merupakan Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar. Beliau dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kumpulan Kerja Dasar dan Undang-undang pada 2015 dan meninggalkan Suruhanjaya pada 2018 untuk menyertai Earthworm Foundation, organisasi bukan untung antarabangsa, yang dahulunya dikenali sebagai The Forest Trust. Dalam Earthworm Foundation, beliau bertanggungjawab terhadap Program Sawit di Malaysia, memfokuskan Alam Sekitar, Sosial dan Hak Asasi Manusia.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Nor Marhamah Yahya

Penasihat Undang-undang, Undang-undang Kumpulan



Umur: **45**



Jantina: **Perempuan**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
1 Ogos 2019

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pengalaman

Nor Marhamah memulakan kerjayanya di BUSTAMAN sebagai Pembantu Undang-undang pada 2002. Beliau memperoleh pengalaman berharga dalam pelbagai bidang undang-undang korporat dan perdagangan. Pada 2006, beliau menjadi Rakan di M.Y. Nor & Partners, dan terus mengembangkan kemahiran dan kepakarannya di situ.

Pada 2008, beliau menyertai Astro Entertainment Sdn Bhd sebagai Eksekutif Kanan Undang-undang. Beliau bertanggungjawab untuk mengurus hal ehwal undang-undang yang berkaitan dengan operasi penyiaran dan multimedia Syarikat. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Naib Presiden di MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd atas prestasi dan sumbangannya.

Pada 2012, beliau menyertai Bahagian Undang-undang Kumpulan FGV sebagai Pengurus Kanan dan ditugaskan untuk menyelia hal ehwal undang-undang Syarikat. Prestasi yang cemerlang menyebabkan beliau dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Besar pada 2015 dan beliau akhirnya dilantik sebagai Penasihat Undang-undang pada Ogos 2019.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada

Shaharizan Yunus

Ketua Kesihatan, Keselamatan & Persekitaran Kumpulan



Umur: **43**



Jantina: **Lelaki**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
15 November 2019

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Pengurusan daripada Universiti Tun Abdul Razak, Malaysia
- Sarjana Muda Sains Marin (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sijil Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dan Sijil Pelatih daripada NIOSH Malaysia

Pengalaman

Shaharizan memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif, Bahagian Keselamatan Pekerjaan di NIOSH Malaysia pada 2002. Antara Mei 2004 dan Disember 2008, beliau bekerja di Gas Malaysia Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Gas Malaysia Sdn Bhd) dan KLCC Urusharta Sdn Bhd sebagai Eksekutif Kesihatan, Keselamatan, Alam Sekitar (HSE) dan Kualiti. Beliau kemudiannya menyertai IGB Corporation Berhad, pada Disember 2008 sebagai Pengurus Keselamatan & Kesihatan, sebelum menjadi Penasihat, Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan di ABB Malaysia Sdn Bhd pada Oktober 2010.

Beliau dilantik sebagai Ketua HSE Negara oleh Lloyd's Register (LR) Malaysia & Brunei pada November 2011, sebelum berpindah ke Pakej Projek RAPID Pengerang sebagai Pengurus HSE pada Mei 2017. Beliau menyertai FGV sebagai Pengurus Bahagian HSE Kumpulan pada Julai 2018, dan dinaikkan pangkat kepada Ketua Jabatan HSE Kumpulan pada November 2019. Beliau ialah Juruaudit Dalaman bertauliah untuk Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS), Sistem Pengurusan OHSAS serta *Qualified Incident Command System Silver Commander*.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada

Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Zalily Mohamed Zaman Khan

Ketua Juruaudit Dalam



Umur: **55**



Jantina: **Perempuan**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
1 Mac 2012

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Muda Perakaunan daripada *University of South Australia*, Australia
- Akauntan Berkanun Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Juruaudit Dalam Bertauliah *Institute of Internal Auditors*, Amerika Syarikat
- Pensijilan Penilaian Kendiri Kawalan dan Pensijilan Jaminan Pengurusan Risiko daripada *Institute of Internal Auditors*, Amerika Syarikat
- Fellow CPA Australia

Pengalaman

Zalily merupakan akauntan bertauliah dan mempunyai lebih daripada 32 tahun pengalaman pengauditan dalam pelbagai konglomerat terutamanya dalam sektor minyak sawit.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai juruaudit luaran di Arthur Andersen & Co pada tahun 1990. Beliau kemudiannya menyertai Sapura Telecommunications Bhd pada tahun 1994 sebagai Pengurus Kewangan Kumpulannya sebelum berpindah ke Golden Hope Plantations Berhad pada 2000, sebagai Timbalan Pengurus Besar Jabatan Audit Dalam. Selepas penggabungan pada 2007, beliau dilantik sebagai Naib Presiden Jabatan Jaminan Korporat Kumpulan, Bahagian Perlindungan di Sime Darby Berhad. Selepas itu, beliau menjadi Pengurus Besar dan Ketua Audit Dalam Kumpulan di Boustead Holdings Berhad. Beliau mengetuai audit dalaman meliputi tiga subsidiari tersenarai, sebelum menyertai FGV pada 2012.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan dan Teknikal Institut Juruaudit Dalam Malaysia selama beberapa tahun.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada

Azni Ariffin

Ketua, Kesetiausahaan Kumpulan & Setiausaha Syarikat



Umur: **52**



Jantina: **Perempuan**



Warganegara: **Malaysia**



Pelantikan jawatan:
13 Julai 2022

Kelayakan Akademik/Profesional

- Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Lulusan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun (ICSA)
- Dilesenkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Pengalaman

Azni mempunyai 29 tahun pengalaman dalam tadbir urus korporat, kesetiausahaan korporat, undang-undang komersial dan korporat serta kerja perundangan berkaitan dengan isu dan perjanjian perundangan rentas sempadan.

Beliau diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara pada tahun 1994 dan memulakan kerjayanya sebagai Majistret dan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya sebelum menceburi sektor swasta, menimba pengalamannya merentas pelbagai industri iaitu hartanah, pegangan pelaburan, pembuatan, telekomunikasi & teknologi maklumat, kewangan, automotif, penerbangan dan minyak & gas.

Sebelum menyertai FGV, beliau pernah berkhidmat di pelbagai syarikat multinasional dan syarikat berkaitan kerajaan termasuk Sapura Energy Berhad sebagai Setiausaha Syarikat Kumpulan, Pengurus Besar, Bahagian Kesetiausahaan Syarikat & Perundangan Malaysia Airports Holdings Berhad, Ketua Penasihat Undang-undang & Setiausaha Syarikat PROTON Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikatnya, Ketua Kesetiausahaan Korporat Kumpulan Malayan Banking Berhad dan Pengurus Besar, Perundangan dan Kesetiausahaan, Pernec Corporation Berhad.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Pengurus Kanan, Perundangan & Kesetiausahaan, Mardec Berhad dan di Jabatan Perundangan Abrar Group International Sdn. Bhd. dan Damansara Realty Berhad.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain

Tiada

PENYATA TINJAUAN TADBIR URUS KORPORAT



“

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap kejayaan lestari jangka panjang Kumpulan, mewujudkan nilai untuk pemegang saham, serta berbuat bakti kepada masyarakat umum. Dalam pencapaian matlamat ini, Lembaga Pengarah menyokong dan merangsang Pengurusan Kanan agar sentiasa merencanakan pendarjatan piawaian tadbir urus. CGOS memerihalkan ikhtiar kami dalam penjayaan matlamat tersebut dan juga menghuraikan penerapan amalan menurut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) pada tahun ini. Keutuhan nilai tadbir urus korporat demi kejayaan lestari jangka panjang ditegaskan dalam set prinsip MCCG.

”

Dato' Shahrol Anuwar Sarman

Segala ikhtiar kami berpaksikan visi untuk membekalkan makanan lestari dan produk tani kepada dunia. Budaya yang bermatlamat untuk mengupayakan pemaksimuman potensi pekerja kami dipupuk berlandaskan nilai PRIDE. Keteguhan Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan FGV (Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan FGV) menyokong pembangunan strategik jangka panjang kami yang penting untuk menjayakan visi kami, menyokong perniagaan dan memanfaatkan semua pemegang kepentingan.

Lembaga Pengarah sentiasa memantau pengaturan tadbir urus FGV. Kami kerap membahaskan kaedah yang paling berkesan untuk meningkatkan interaksi antara Lembaga Pengarah dengan kakitangan kami dan pemegang kepentingan lain, dan menumpukan usaha pembinaan inisiatif sedia ada untuk mendalami pandangan mereka. Kami komited terhadap kesaksamaan dan kepelbagaian pada setiap peringkat, dan komitmen ini kekal sebagai bidang tumpuan utama Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah menggalas tanggungjawab yang serius untuk memastikan keterbukaan, kejujuran dan ketelusan perlakuan semua kakitangan. Tatkala maju berkembang, kami mementingkan kekukuhan budaya yang selaras dengan visi, strategi dan nilai FGV. Kami sentiasa gigih berusaha untuk menilai dan menangani risiko utama melalui jawatankuasa Lembaga Pengarah serta melaporkan aktiviti tersebut.

Kesimpulannya, saya yakin Lembaga Pengarah sentiasa mempunyai kemahiran, kepakaran, pengalaman dan keprofesionalan yang seimbang untuk memastikan kekukuhan tadbir urus, berlandaskan budaya 'lakukan yang betul' kami.

CGOS ini, berserta Laporan Tadbir Urus Korporat 2022 (Laporan CG 2022) kami, yang boleh didapati dalam talian, telah disediakan untuk memberi pemegang kepentingan penjelasan komprehensif tentang Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan FGV, mengambil kira pertimbangan menurut MCCG 2021, Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities) (Keperluan Penyenaraian) dan Akta Syarikat 2016.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



Kategori Pemuatan Terbaik terhadap Tadbir Urus Korporat 2021 dalam Anugerah Pelabur Institusi Tahunan Alpha Asia Tenggara ke-12.



Kejayaan pensijilan semula **Sistem Pengurusan Antirasuah ISO 37001**.



Dikategorikan sebagai '**risiko rendah**' dengan asas minimum untuk '**kegagalan halangan caj**' SPRM S17A menurut Penilaian Kecukupan Prosedur Secukupnya oleh *TRIDENT Integrity 2022*.



Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN

- a) Kad Skor 2021: FGV meningkatkan kedudukannya ke **tempat ke-51** (daripada 100 syarikat) dari tempat ke-70 pada 2020 dan tanpa kedudukan pada 2019, dengan skor terpuji 80%.
- b) Anugerah Kelas Aset 2021: FGV diumumkan sebagai salah **satu daripada 54 Syarikat Tersenarai Awam Malaysia** daripada 234 pemenang ASEAN.



100% pekerja FGV mengangkat Ikrar Integriti dalam talian pada 2022.

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

Bahagian Tadbir Urus ini terstruktur untuk memberikan gambaran keseluruhan yang jelas dan telus tentang pengawasan Lembaga Pengarah terhadap Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan FGV. Tahun ini, kami menambah baik pendedahan Kumpulan dan kami mengalu-alukan maklum balas dan cadangan daripada semua pemegang kepentingan.

Bahagian ini termasuk CGOS, laporan Jawatankuasa Lembaga Pengarah utama dan beberapa pendedahan lain yang diperlukan untuk mematuhi undang-undang. Secara keseluruhan dan termasuk rujukan silang kepada bahagian terbabit dalam Laporan Strategik, laporan ini mengandungi semua maklumat yang diperlukan untuk menunjukkan kaedah penerapan prinsip dan peruntukan MCCG 2021 kami.



Bahagian ini perlu dibaca berserta Laporan CG 2022, yang boleh didapati di laman web kami, www.fgvholdings.com.

PRINSIP A: KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

- Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kami
- Tadbir Urus Kelestarian
- Pemantauan Lembaga Pengarah
- Peranan dan Kehadiran Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Peranan dan Tanggungjawab
- Aktiviti Utama Lembaga Pengarah
- Prestasi Lembaga Pengarah
- Induksi, Latihan dan Pembangunan
- Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Imbuhan Pengarah
- Imbuhan Pengurusan Kanan
- Laporan Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah
- Piawaian Etika Terformal

halaman 128 – 146

PRINSIP B: AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN


- Laporan Jawatankuasa Audit
- Hubungan dengan Juruaudit Luaran
- Audit Dalaman Kumpulan
- Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah

halaman 147 – 155

PRINSIP C: INTEGRITI PELAPORAN KORPORAT DAN HUBUNGAN BERMAKNA BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

- Berkomunikasi dengan Pemegang Kepentingan Kami

halaman 156 – 160

PRINSIP A:
KEPIMPINAN DAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH
RANGKA KERJA TADBIR URUS DAN INTEGRITI KAMI


Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

TADBIR URUS KELESTARIAN

FGV sangat komited terhadap kelestarian sebagai keutamaan yang terpenting. Lembaga Pengarah, yang secara muktamad bertanggungjawab dalam pengurusan Kumpulan, menyediakan panduan dan kepimpinan berkaitan dengan perkara kelestarian. Kestarian termaktub dalam Pelan Perniagaan dan mewakili sebahagian penting budaya korporat FGV, seperti yang dibuktikan menerusi kegigihan usaha kami ke arah pendekatan komprehensif penciptaan nilai untuk semua pemegang kepentingan, sambil mengimbangi tuntutan sosioekonomi dengan alam sekitar secara aktif.

Untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengurusan Kumpulan, beberapa jawatankuasa khusus telah ditubuhkan, termasuk jawatankuasa khusus untuk kelestarian. Struktur tadbir urus yang khusus telah disediakan dengan garis pelaporan yang jelas untuk memastikan pelaksanaan Dasar Kestarian Kumpulan (GSP) secara konsisten menurut hasrat yang tersemat.

Jawatankuasa Kestarian Lembaga Pengarah (BSC) ditubuhkan untuk merealisasikan iktikad FGV menerusi pengutamaan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam operasinya. Sebagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah, BSC menyelia pembangunan GSP dan strategi kelestarian, dan melaksanakan tadbir urus atas pelaksanaannya. BSC memantau kemajuan dan memberikan pandangan serta nasihat untuk memastikan matlamat dan objektif Kumpulan tercapai. BSC juga mengkaji Laporan Kestarian dan sebarang maklumat berkaitan lain yang boleh memberikan impak kewangan dan/atau reputasi yang ketara terhadap Kumpulan.

BSC disokong oleh Jawatankuasa Pemandu Kestarian, suatu jawatankuasa pengurusan yang merangkumi wakil daripada pelbagai ahli GMC. Jawatankuasa Pemandu Kestarian menyepadukan prinsip dan amalan kelestarian di seluruh FGV dan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan berkesan inisiatif kelestarian Syarikat. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan berkhidmat sebagai pengerusi Jawatankuasa Pemandu Kestarian.

PENGAWASAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah kini terdiri daripada tiga Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (NINED) dan lima Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (INED). Lembaga Pengarah mewakili beberapa tanggungjawabnya kepada AC, NRC, BGRMC, BSC dan IC. Setiap Jawatankuasa ini mempunyai Bidang Tugas (ToR) tersendiri dan keberkesanannya dinilai setiap tahun sebagai sebahagian daripada proses penilaian.

Lembaga Pengarah juga mewakili urusan operasi kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, kecuali untuk perkara tertentu yang dikhaskan untuk Lembaga Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Piagam Lembaga Pengarah. Peranan Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif dipegang secara berasingan, ditakrifkan dengan baik dan ditetapkan dalam Piagam Lembaga Pengarah serta dikaji secara berkala oleh Lembaga Pengarah.



Maklumat lanjut tentang ToR Lembaga Pengarah dan Piagam Lembaga Pengarah boleh didapati di laman web kami, www.fgvholdings.com.

HAD KUASA

Pembahagian kuasa Lembaga Pengarah kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ditetapkan dalam Had Kuasa (GLOA) Kumpulan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan selaras dengan Piagam Lembaga Pengarah. Had tersebut mewujudkan rangka kerja kuasa dan kebertanggungjawaban yang kukuh dalam Kumpulan, termasuk pengasingan tugas, untuk memudahkan pembuatan keputusan yang kena pada masanya, berkesan dan berkualiti pada tahap yang sesuai dalam hierarki Kumpulan.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN NASIHAT

Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh dan tidak terhad kepada sesiapa sahaja dalam Kumpulan untuk menjalankan sebarang penyiasatan dan mendapatkan sebarang maklumat yang melibatkan Kumpulan, termasuk akses kepada juruaudit dan perunding Syarikat. Lembaga Pengarah juga boleh mendapatkan nasihat profesional bebas dalaman dan luaran atas perkara yang berkaitan dengan perbelanjaan Syarikat.


Lembaga Pengarah berusaha untuk menggalakkan persekitaran tanpa kertas dalam semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, sementara akses digital kepada kertas mesyuarat disediakan untuk mengurangkan pengedaran salinan cetak.

Agenda dan kertas mesyuarat diedarkan lebih awal, untuk memberikan masa secukupnya kepada Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk mengkaji perkara perbincangan dan membolehkan perbincangan dan pembuatan keputusan yang berkesan semasa mesyuarat.


Selepas mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, perbincangan dan pertimbangan termasuk, sebarang pandangan dan keputusan yang berbeza dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah didokumenkan dengan baik dalam minit secara jelas, tepat dan lengkap, termasuk perkara apabila Pengarah mengecualikan diri daripada pengundian atau pertimbangan.

Prinsip A: Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

Pada 31 Disember 2022, kepelbagaian, kemahiran dan pengalaman Lembaga Pengarah adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN



PERANAN DAN KEHADIRAN LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

LEMBAGA PENGARAH

- Menetapkan strategi Kumpulan
- Menyelia pelarasan tujuan, budaya dan nilai, strategi dan risiko Kumpulan
- Mempertimbangkan keseimbangan kepentingan dalam kalangan pemegang kepentingan untuk kejayaan jangka panjang Syarikat
- Menyelia tadbir urus Kumpulan

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Dato' Shahrol Anuwar Sarman

Dilantik pada 17 November 2020
Ditentukan semula pada 17 November 2022
Ditentukan semula sebagai Pengerusi (Interim) pada 1 April 2023
Menghadiri 11 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah (92%)

Datuk Yatimah Sarjiman

Dilantik pada 8 April 2022
Menghadiri 8 daripada 9 Mesyuarat Lembaga Pengarah (89%)

Dato' Amiruddin Abdul Satar

Dilantik pada 26 Oktober 2020
Menghadiri 10 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah (83%)

MELETAK JAWATAN

Datuk Dr. Zunika Mohamed

Dilantik pada 10 Februari 2020
Meletak jawatan pada 11 Mac 2022
Menghadiri 1 daripada 2 Mesyuarat Lembaga Pengarah (50%)

BERHENTI

Dato' Dzulkifli Abd Wahab

Dilantik pada 1 April 2021
Berhenti pada 1 April 2023
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah (100%)

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad

Dilantik pada 1 Julai 2021
Ditentukan semula sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif pada 30 Mac 2022
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah (100%)

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi

Dilantik pada 30 Jun 2021
Menghadiri 10 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah (83%)

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin

Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah (100%)

Azmin Che Yusoff

Dilantik pada 13 September 2022
Menghadiri 5 daripada 5 Mesyuarat Lembaga Pengarah (100%)

Kasmuri Sukardi

Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 12 daripada 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah (100%)

MENINGGAL DUNIA

Dato' Yusli Mohamed Yusoff

Dilantik pada 6 September 2018
Ditentukan semula sebagai Timbalan Pengerusi pada 2 Mac 2020
Meninggal dunia pada 10 Mac 2022
Menghadiri 2 daripada 2 Mesyuarat Lembaga Pengarah (100%)

Prinsip A: Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

NRC		BSC	
<ul style="list-style-type: none">Mengkaji struktur, saiz dan komposisi Lembaga PengarahMenjalankan Penilaian Keberkesanan Lembaga PengarahMenentukan induksi dan latihan ahli Lembaga PengarahMenyelia perancangan penggantianMencadangkan pelantikan Pengarah FGV, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan kepada Lembaga PengarahMenentukan dasar imbuhan Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengurusan KananMemantau imbuhan pekerja dan dasar berkaitan		<ul style="list-style-type: none">Menyelia perumusan strategi kelestarian KumpulanMemantau, mengkaji dan menilai strategi kelestarian Kumpulan dan sebarang pelaporan perkara kepada pemegang saham dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan, dan pendedahan berhubung dengan kelestarian	
<p>Pengerusi Azmin Che Yusoff • Dilantik sebagai Pengerusi pada 17 Oktober 2022 Menghadiri 2 daripada 2 mesyuarat (100%)</p> <p>Ahli-ahli Dato’ Nonee Ashirin Dato’ Mohd Radzi • Dilantik pada 30 Jun 2021 Menghadiri 8 daripada 9 mesyuarat (89%)</p> <p>Dato’ Mohd Rafik Shah Mohamad • Dilantik sebagai Ahli pada 1 Julai 2021 Ditentukan semula sebagai Pengerusi pada 6 September 2021 Ditentukan semula sebagai Ahli pada 17 Oktober 2022 Menghadiri 9 daripada 9 mesyuarat (100%)</p> <p>Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin • Dilantik pada 6 September 2021 Menghadiri 9 daripada 9 mesyuarat (100%)</p> <p>Datuk Yatimah Sarjiman • Dilantik pada 8 April 2022 Menghadiri 5 daripada 6 mesyuarat (83%)</p> <p><u>MELETAK JAWATAN</u> Datuk Dr. Zunika Mohamed • Dilantik pada 10 Februari 2020 Meletak jawatan pada 11 Mac 2022 Menghadiri 0 daripada 2 mesyuarat (0%)</p>		<p>Pengerusi Kasmuri Sukardi • Dilantik pada 1 September 2021 Ditentukan semula sebagai Pengerusi pada 13 April 2023 Menghadiri 5 daripada 5 mesyuarat (100%)</p> <p>Ahli-ahli Dato’ Amiruddin Abdul Satar • Dilantik pada 1 September 2021 Menghadiri 3 daripada 5 mesyuarat (60%)</p> <p>Dato’ Nonee Ashirin Dato’ Mohd Radzi • Dilantik pada 17 Oktober 2022 Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat (100%)</p> <p><u>MELETAK JAWATAN</u> Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin • Dilantik pada 1 September 2021 Meletak jawatan pada 17 Oktober 2022 Menghadiri 4 daripada 4 mesyuarat (100%)</p> <p><u>MENINGGAL DUNIA</u> Dato’ Yusli Mohamed Yusoff • Dilantik pada 1 September 2021 Meninggal dunia pada 10 Mac 2022 Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat (100%)</p> <p><u>BERHENTI</u> Dato’ Dzulkifli Abd Wahab • Dilantik sebagai Pengerusi pada 1 September 2021 Berhenti sebagai Pengerusi pada 1 April 2023 Menghadiri 5 daripada 5 mesyuarat (100%)</p>	
AC		BGRMC	
<ul style="list-style-type: none">Mengawasi proses pelaporan kewangan KumpulanMenilai dan mengkaji risiko dan persekitaran kawalan KumpulanMenilai proses audit dalaman dan luaranMengkaji urus niaga pihak berkaitan		<ul style="list-style-type: none">Mengkaji dan memantau risiko utama dan risiko memunculkan KumpulanMengawasi keberkesanan sistem pengurusan risiko KumpulanMengawasi keberkesanan struktur tadbir urus Kumpulan	
<p>Pengerusi Dato’ Mohd Rafik Shah Mohamad • Dilantik sebagai Pengerusi pada 1 Julai 2021 Menghadiri 11 daripada 11 mesyuarat (100%)</p> <p>Ahli-ahli Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin • Dilantik pada 1 Julai 2021 Menghadiri 11 daripada 11 mesyuarat (100%)</p> <p>Azmin Che Yusoff • Dilantik pada 17 Oktober 2022 Menghadiri 2 daripada 2 mesyuarat (100%)</p> <p><u>MELETAK JAWATAN</u> Dato’ Nonee Ashirin Dato’ Mohd Radzi • Dilantik pada 30 Jun 2021 Meletak jawatan pada 17 Oktober 2022 Menghadiri 8 daripada 9 mesyuarat (89%)</p> <p>Dato’ Shahrol Annuar Sarman • Dilantik pada 17 November 2020 Ditentukan semula pada 17 November 2022 Meletak jawatan pada 13 April 2023 Menghadiri 6 daripada 11 mesyuarat (55%)</p>		<p>Pengerusi Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin • Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin • Dilantik pada 1 Julai 2021 Ditentukan semula sebagai Pengerusi pada 13 April 2023 Menghadiri 8 daripada 8 mesyuarat (100%)</p> <p>Ahli-ahli Kasmuri Sukardi • Dilantik sebagai Pengerusi pada 1 Julai 2021 Ditentukan semula sebagai Ahli pada 13 April 2023 Menghadiri 8 daripada 8 mesyuarat (100%)</p> <p>Dato’ Mohd Rafik Shah Mohamad • Dilantik pada 1 Julai 2021 Menghadiri 7 daripada 8 mesyuarat (88%)</p> <p>Datuk Yatimah Sarjiman • Dilantik pada 8 April 2022 Menghadiri 4 daripada 4 mesyuarat (100%)</p> <p><u>MELETAK JAWATAN</u> Datuk Dr. Zunika Mohamed • Dilantik pada 10 Februari 2020 Meletak jawatan pada 11 Mac 2022 Menghadiri 0 daripada 3 mesyuarat (0%)</p>	
		IC	
		<ul style="list-style-type: none">Mengkaji, memantau dan mencadangkan perkara penting yang berkaitan dengan semua pelaburan dan pelupusan yang sedia ada dan berpotensi	
<p>Pengerusi Dato’ Nonee Ashirin Dato’ Mohd Radzi • Dilantik sebagai Pengerusi pada 1 Julai 2021 Menghadiri 11 daripada 11 mesyuarat (100%)</p> <p>Ahli-ahli Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin • Dilantik pada 1 Julai 2021 Menghadiri 11 daripada 11 mesyuarat (100%)</p> <p>Azmin Che Yusoff • Dilantik pada 17 Oktober 2022 Menghadiri 2 daripada 2 mesyuarat (100%)</p> <p><u>MELETAK JAWATAN</u> Dato’ Nonee Ashirin Dato’ Mohd Radzi • Dilantik pada 30 Jun 2021 Meletak jawatan pada 17 Oktober 2022 Menghadiri 8 daripada 9 mesyuarat (89%)</p> <p>Dato’ Shahrol Annuar Sarman • Dilantik pada 17 November 2020 Ditentukan semula pada 17 November 2022 Meletak jawatan pada 13 April 2023 Menghadiri 6 daripada 11 mesyuarat (55%)</p>		<p>Pengerusi Dato’ Nonee Ashirin Dato’ Mohd Radzi • Dilantik sebagai Pengerusi pada 30 Jun 2021 Menghadiri 4 daripada 4 mesyuarat (100%)</p> <p>Ahli-ahli Dato’ Amiruddin Abdul Satar • Dilantik pada 26 Oktober 2020 Menghadiri 4 daripada 4 mesyuarat (100%)</p> <p>Kasmuri Sukardi • Dilantik pada 1 Julai 2021 Menghadiri 4 daripada 4 mesyuarat (100%)</p> <p>Azmin Che Yusoff • Dilantik pada 17 Oktober 2022 Menghadiri 0 daripada 0 mesyuarat</p> <p><u>MENINGGAL DUNIA</u> Dato’ Yusli Mohamed Yusoff • Dilantik pada 15 Julai 2019 Meninggal dunia pada 10 Mac 2022 Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat (100%)</p>	

Pengerusi

Ahli

INED Kanan

MINED

INED

● Pengerusi ■ Ahli ● INED Kanan
● NINED ● INED



Prinsip A:

Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

PENGERUSI

- Memimpin Lembaga Pengarah untuk mempertimbangkan, merangsang, menyokong dan menyelia pelaksanaan strategi Syarikat
- Memastikan Lembaga Pengarah secara keseluruhan memainkan peranan penuh dan konstruktif dalam pembangunan strategi dan menentukan masa perbincangan secukupnya
- Mempromosikan dan menyediakan pengawasan terhadap pencapaian tujuan, nilai dan budaya Syarikat untuk membolehkan ketelusan, perbincangan dan rangsangan
- Memastikan interaksi berkesan antara Lembaga Pengarah, pemegang sahamnya dan pemegang kepentingan utama lain, serta memahami pandangan pemegang kepentingan
- Mengetuai semakan tentang keberkesanan Lembaga Pengarah
- Memastikan perbincangan berkala oleh Lembaga Pengarah tanpa kehadiran Pengurusan

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF KANAN

- Menyediakan saluran untuk Pengerusi dan bertindak sebagai perantara untuk Pengarah Bukan Eksekutif apabila perlu
- Tersedia kepada pemegang saham seperti yang diperlukan sebagai hubungan alternatif kepada Pengerusi
- Bertindak sebagai pusat perhubungan bebas dalam prosedur pemberian maklumat Kumpulan

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

- Menyediakan perspektif luaran dan rangsangan yang konstruktif
- Memantau prestasi strategi Kumpulan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko
- Mengkaji integriti pelaporan kewangan dan memastikan keutuhan kawalan kewangan dan sistem pengurusan risiko
- Menentukan kesesuaian tahap imbuhan Pengurusan Kanan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

- Menyesuaikan dan melaksanakan strategi dan objektif komersial Kumpulan sebagai gerak balas terhadap perubahan keadaan dan risiko pasaran
- Memacu prestasi operasi dan kewangan Kumpulan
- Memastikan Pengerusi dan Lembaga Pengarah menilai kepentingan isu dan strategik yang dihadapi oleh Kumpulan
- Memastikan perniagaan Syarikat dijalankan dengan piawaian tadbir urus tertinggi, selaras dengan nilai Syarikat
- Mewujudkan komunikasi yang baik dengan Lembaga Pengarah, pekerja dan pemegang kepentingan lain
- Profil Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dinyatakan pada halaman 119 Laporan ini

GMC

- Membangunkan dan melaksanakan strategi, pelan operasi, dasar dan prosedur
- Memantau prestasi operasi dan kewangan
- Memantau risiko dan peluang
- Memastikan kesesuaian penyumberan dan pembangunan pekerja

SETIAUSAHA SYARIKAT

- Setiausaha Syarikat berkecualan yang memainkan peranan sebagai penasihat kepada Lembaga Pengarah
- Memantau perkembangan tadbir urus korporat
- Membantu Lembaga Pengarah dalam penerapan amalan terbaik untuk memenuhi keperluan Lembaga Pengarah dan jangkaan pemegang kepentingan
- Profil Setiausaha Syarikat dinyatakan pada halaman 125 Laporan ini

Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

AKTIVITI UTAMA LEMBAGA PENGARAH

AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH LEMBAGA PENGARAH PADA TAHUN INI

Aktiviti lembaga pengarah dianjurkan untuk meluluskan, menyelia dan menyokong pengurusan eksekutif dalam penyampaian strategi Kumpulan dalam Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan FGV. Perkara utama yang dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah pada 2022 adalah seperti yang berikut:

Strategi, Risiko dan Kelestarian

- Opsyen untuk Menangani Ketidapatuhan Keperluan Spread Pemegangan Saham Awam
- Minyak Masak SAJI untuk mengembangkan Penguasaan Pasarannya
- Pendekatan Holistik atas Pengurusan Pemakanan Kelapa Sawit
- Haluan Strategik Lembaga Pengarah oleh Boston Consulting Group (BCG)
- Kemas Kini Kad Skor Prestasi Inisiatif Strategik Utama (KSI) S1 2022 Pelan Perniagaan 2022-2024 (BP24)
- Pelan Tindakan Transformasi
- Model Pengendalian Produk Pengguna (CPOM)
- Penggabungan Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan
- Peluasan Pengeluaran Baja Organik Diperkuat (FOF)
- Kemas Kini dan Tindakan Diperlukan atas Perintah Sekatan Pelepasan (WRO) oleh *Customs and Border Protection* (CBP) Amerika Syarikat (AS)
- Pelan Perniagaan 2023–2025 (BP25)
- Analisis Senario: Pencerobohan Rusia di Ukraine
- Penyata Jaminan Terhad Bebas untuk Laporan Kelestarian 2020/2021
- Kajian Strategik oleh A.T. Kearney atas Pelan Hala Tuju FGV dalam Ruang Produk Pengguna

Pelaburan dan Penyahlaburan

- Penstrukturan semula Pontian United Plantations Berhad (PUP)
- Hala Tuju Perniagaan Oleokimia Amerika Utara FGV
- Garis Panduan Penilaian Material untuk Pendedahan Awam tentang Perjanjian Pemufakatan Perniagaan Tidak Terikat
- Usaha Sama untuk Membangunkan Perniagaan Ladang Tenusu Bersepadu

Tadbir Urus

- Laporan CG
- ToR Jawatankuasa Pemberian Maklumat untuk Kakitangan Kanan (Naib Presiden dan ke Atas) dan Lembaga Pengarah
- Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti FGV
- Semakan Dasar Tanggungjawab Korporat
- Pelelaran Semula Sorotan Utama Mesyuarat MACC-CIGO
- Keputusan Tinjauan Alat Penilaian Integriti FGV oleh Institut Integriti Malaysia
- Penjadualan Mesyuarat Lembaga Pengarah FGV bagi 2023
- Kemas Kini Litigasi Material dalam Kumpulan
- Laporan Penyiasatan Dalam

Pelan Penggantian, Pelantikan, Imbuhan dan Lain-lain

- Rangka Kerja Bonus Prestasi bagi 2021
- Bayaran Khas Ex-Gratia untuk Pekerja
- Pelantikan Ketua Pegawai Modal Insan (CHCO)
- Pelantikan Pengarah Bahagian Kumpulan
- Semakan Rangka Kerja Imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif
- Pelantikan Ketua, Kesetiausahaan dan Setiausaha Syarikat Kumpulan
- 2022 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Penghuraian Kerja Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
- Pelantikan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Baharu
- Pertukaran Namaan dalam Kumpulan FGV
- Penilaian Tahunan terhadap Status Kebebasan Pengarah Bebas
- Skor Pengukuran Prestasi dan Pembayaran Bonus Prestasi kepada Kakitangan Kumpulan FGV
- Pelarasan Semula Kad Skor dan Penetapan KPI kepada Prinsip Kad Skor Seimbang
- Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEA)
- Kenaikan Gaji Kakitangan Kumpulan FGV
- Semakan Komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Pelantikan/Pelantikan Semula Pengarah Lantikan Kerajaan
- Pemilihan Semula Pengarah FGV
- Pembaharuan Kontrak Pengurusan Kanan


Kewangan

- Bajet 2022 Kumpulan FGV
- Penyata Kewangan Berkanun FGV bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021
- Laporan Suku Tahunan tentang Keputusan Disatukan bagi 2022
- Dividen Akhir bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021
- Pembaharuan Mandat Pemegang Saham dan Mandat Baharu Pemegang Saham untuk Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Bersifat Hasil atau Dagangan
- Yuran Audit Berkanun dan Semakan Suku Tahunan FGV dan Kumpulan Syarikatnya bagi tahun Kewangan 2022
- Semakan LoA Kumpulan FGV – Undang-undang
- Bajet 2023 Kumpulan FGV
- Pelantikan Semula Juruaudit Luaran bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022
- Peruntukan Yuran Pengambilan Pekerja Migran
- Laporan Bersepadu Tahunan FGV 2021
- Semakan Laporan Audit Dalam



Prinsip A:
Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah
PRESTASI LEMBAGA PENGARAH

FGV menjalankan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEA) secara tahunan. Proses BEA adalah seperti dalam gambar rajah berikut:



BEA 2022 dijalankan untuk menilai keberkesanan keseluruhan Lembaga Pengarah, setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta setiap Pengarah selaras dengan Perenggan 15.08A(3)(c) Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, Amalan 6.1 MCCG serta Dasar dan Prosedur Pencalonan dan Pemilihan Lembaga Pengarah (Dasar BNE), termasuk tempoh jawatan setiap Pengarah, penilaian kebebasan Pengarah Bebas, semakan prestasi Lembaga Pengarah dalam pengurusan risiko dan peluang kelestarian material Syarikat serta semakan tempoh jawatan serta prestasi AC dan ahlinya untuk menentukan pelaksanaan tugas mereka mengikut ToR AC.

Mengikut Dasar BNE, seorang perunding bebas profesional (perunding luar) dilantik untuk membantu NRC dalam pengendalian BEA secara objektif dan telus.

KPMG Management & Risk Consulting Sdn Bhd (KPMG MRC) dilantik untuk menjalankan BEA 2022. Bidang yang diliputi oleh BEA termasuk, antara lain, campuran dan komposisi Lembaga Pengarah, kualiti maklumat dan pembuatan keputusan termasuk pertimbangan ESG, pengawasan subsidiari, sumbangan dan prestasi Pengarah, prestasi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta penilaian setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Borang penilaian dirumuskan oleh KPMG MRC untuk membantu Pengarah dalam pelaksanaan penilaian sendiri dan kalangan setaraf Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah FGV, dengan mengambil kira kemahiran dan pengalaman Pengarah, dan menggabungkan keperluan terhadap kecekapan, keobjektifan dan pelaksanaan tugas fidusiari mereka. Borang penilaian kemudiannya diedarkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah.

Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

KPMG MRC menemu ramah Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Pengurusan Kanan terpilih secara sulit untuk mendapatkan pandangan tentang maklum balas borang penilaian tersebut.

Maklum balas borang penilaian serta semasa temu ramah dikumpulkan dan dianalisis oleh KPMG MRC.

Keputusan BEA 2022 dibentangkan oleh KPMG MRC kepada Pengerusi NRC dan Pengerusi Lembaga Pengarah dan seterusnya kepada NRC dan Lembaga Pengarah.

KPMG MRC juga telah menghasilkan Kad Peluang Penilaian (AOC) yang mengandungi analisis prestasi setiap Pengarah. AOC ialah hasil daripada maklum balas kuantitatif yang diterima daripada keputusan penilaian sendiri dan kalangan setaraf oleh ahli lembaga selainnya untuk mengenal pasti bidang kekuatan dan penambahbaikan masing-masing.

Lembaga Pengarah telah memulakan Pelan Penambahbaikan Lembaga Pengarah berdasarkan cadangan tersebut.

Hasil Penilaian Lembaga Pengarah 2022: Bidang Tumpuan

BIDANG TUMPUAN	PENJELASAN
Komposisi dan Tatabetuk Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah	BEA menyertakan semakan komprehensif terhadap matriks kemahiran Lembaga Pengarah semasa, termasuk mengenal pasti sebarang kekurangan kepakaran dalam Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah didapati mempunyai kepakaran mendalam dalam sektor perladangan dengan sebilangan veteran industri. Walaupun begitu, FGV akur akan kemajuan mekanisasi dan teknologi dalam sektor perladangan. Oleh itu, kemahiran pendigitalan diperuntukkan sebagai keperluan penting untuk Lembaga Pengarah maju ke hadapan. Peluang kemahiran dan pembangunan kapasiti lain yang dikenal pasti termasuk produk pengguna, pemasaran, penstrukturan semula serta set kemahiran penggabungan dan pemerolehan.
Pembangunan Strategi	BEA juga menyenaraikan butiran tentang interaksi Lembaga Pengarah dalam proses penetapan strategi, menitikberatkan keberkesanan wacana harmoni strategik di luar yang diadakan antara Lembaga Pengarah dengan Pengurusan. FGV didapati mempunyai modus untuk Lembaga Pengarah dan Pengurusan mengadakan perbincangan generatif tentang strategi. FGV, walau bagaimanapun, sedar akan bidang yang boleh dikaji semula untuk menyangga keberkesanan wacana harmoni strategi sebagai platform untuk Lembaga Pengarah dan Pengurusan meningkatkan perbincangan tentang tinjauan hadapan peringkat atasan, imperatif strategik, sasaran prestasi dan inisiatif pelaksanaan unit khusus perniagaan. Bidang yang dicadangkan termasuk mewajibkan pilihan strategik alternatif yang berbeza pendapat dan melibatkan fasilitator luar untuk "mengusik dan menggesa" serta membimbing perbincangan antara Lembaga Pengarah dengan Pengurusan. Penambahbaikan ini boleh membuka jalan untuk meningkatkan perbincangan strategik dua hala yang bernilai tambah dan "cara-cara main".
Aliran Maklumat dan Pentadbiran Bilik Lembaga Pengarah	BEA juga menekankan usaha Pengarah untuk menambah pelibatan dalam realiti "lapangan" di tapak ladang FGV, agar mereka boleh menerima pandangan secara langsung tentang operasi dan mengukuhkan keketaraan sumbangan mereka semasa perbincangan bilik lembaga. Struktur dan perancangan lawatan tapak oleh Lembaga Pengarah sentiasa ditambah baik secara berterusan, berserta penghalusan lanjut menerusi edaran lebih awal kalendar tahunan rancangan lawatan tapak kepada semua Pengarah. Langkah ini bukan sahaja akan menyediakan masa pendahulu secukupnya untuk Pengarah merancang dan meluahkan masa mereka tetapi juga memupuk ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam proses perancangan.

TEMPOH JAWATAN DAN PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Dasar BNE memperuntukkan tempoh jawatan mana-mana INED di Lembaga Pengarah FGV tidak boleh melebihi tiga tahun. Setelah tamat tempoh tiga tahun, INED tersebut hendaklah berhenti menjadi Pengarah, tetapi masih layak untuk dilantik semula sehingga tempoh maksimum sembilan tahun. Kehendak ini adalah untuk membolehkan komposisi Lembaga Pengarah dirombak secara berkala.

Untuk menentukan kelayakan pemilihan semula Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-15, Lembaga Pengarah, melalui NRC, telah menilai setiap Pengarah yang akan bersara dan mempertimbangkan perkara berikut:

- Prestasi dan sumbangan Pengarah berdasarkan keputusan BEA 2022.
- Tahap sumbangan Pengarah dalam pertimbangan Lembaga Pengarah melalui kemahiran, pengalaman dan kekuatan mutu tersendiri.
- Penampilan tahap kebebasan dan keupayaan Pengarah Bebas untuk bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat dalam pembuatan keputusan.

Penilaian kebebasan INED juga telah dijalankan berdasarkan penetapan kriteria menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Securities dan NRC dan Lembaga Pengarah bersetuju bahawa dalam AGM ke-15 yang akan datang, INED yang bersetuju untuk dipilih semula telah mengekalkan kebebasan mereka sepanjang tempoh jawatan sebagai Pengarah Syarikat.

Berdasarkan hasil penilaian di atas, Lembaga Pengarah meluluskan cadangan NRC agar Pengarah yang akan bersara bersetuju untuk dipilih semula.



Maklumat lanjut tentang Pengarah yang bersetuju untuk dipilih semula boleh didapati dalam Profil Lembaga Pengarah pada halaman 108 hingga 115.

Prinsip A:**Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah**

Asas sokongan Lembaga Pengarah terhadap pemilihan semula disenaraikan di bawah.

PERSARAAN MENGIKUT GILIRAN SELARAS DENGAN KLAUSA 97 PERLEMBAGAAN SYARIKAT

Klausu 97 Perlembagaan Syarikat menyatakan bahawa pada setiap MAT, satu pertiga (1/3) daripada Pengarah terkini, atau jika angka tersebut bukan dalam gandaan tiga, angka terdekat kepada satu pertiga (1/3) dengan minimum seorang harus bersara daripada jawatan. Selain itu, setiap Pengarah hendaklah bersara sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun tetapi layak dipilih semula. Klausu 98 Perlembagaan Syarikat menyatakan bahawa Pengarah yang akan bersara ialah yang telah berkhidmat paling lama sejak pelantikan terakhir, tetapi untuk dua individu yang dilantik sebagai Pengarah pada hari yang sama, persaraan mereka akan ditentukan oleh undian (kecuali dipersetujui sesama mereka).

- Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi dilantik sebagai INED Syarikat pada 30 Jun 2021. Beliau juga merupakan Pengerusi IC, ahli NRC dan ahli AC sehingga Oktober 2022. Pada Oktober 2022, beliau dilantik sebagai ahli BSC. Dengan lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam pelbagai industri, beliau menyediakan input berharga dari perspektif industri dan perniagaan dalam perbincangan Lembaga Pengarah. Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi juga mengambil inisiatif untuk berada di lapangan dan membina interaksi dengan pihak Pengurusan walaupun sibuk dengan komitmen beliau sebagai Pengarah di syarikat lain.

Pemilihan semula terakhir Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi mengikut Fasal 103 Perlembagaan Syarikat adalah dalam AGM ke-14 pada 23 Jun 2022. Dalam AGM ke-15 yang akan datang, Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi akan bersara mengikut Fasal 97 Perlembagaan Syarikat dan beliau bersetuju untuk dipilih semula sebagai INED Syarikat bagi tahun-tahun berikutnya. Berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh KPMG MRC sebagai sebahagian daripada BEA 2022 atas prestasi Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi bagi tahun tersebut sebagai Pengarah, beliau didapati mencapai prestasi yang baik dari segi sumbangan dan prestasi dalam bilik lembaga. Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi juga memenuhi kriteria kebebasan yang ditetapkan menurut Dasar BNE dan Keperluan Penyenaraian Bursa Securities. Lembaga Pengarah mencadangkan pemilihan semula Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi untuk dipertimbangkan oleh pemegang saham.

- Encik Kasmuri Sukardi dilantik sebagai INED Syarikat pada 1 Julai 2021. Beliau mempunyai lebih 49 tahun pengalaman dalam pelbagai jawatan yang melibatkan perniagaan tani perladangan serta dalam kerja pembangunan modal insan dan masyarakat. Sejak pelantikannya, Encik Kasmuri Sukardi telah menyumbang kepada gabungan kemahiran Lembaga Pengarah dengan menyampaikan pengetahuan mendalam beliau tentang industri kepada Syarikat. Beliau komited dalam pelaksanaan peranannya sebagai INED FGV, yang diterjemahkan sebagai komitmen masanya kepada Syarikat dengan mengadakan lawatan berkala rasmi di lapangan, memberikan pandangan dan perkongsian berharga tentang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan di lapangan. Beliau juga merupakan Pengerusi BGRMC dan kepimpinannya membimbing Jawatankuasa untuk membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab berkanun dan fidusiari berhubung dengan tadbir urus, etika, integriti dan pengurusan risiko. Penambahan beliau ke Lembaga Pengarah sejak dilantik adalah penting terutamanya dalam perbincangan yang konstruktif dalam kalangan ahli Lembaga Pengarah.

Pemilihan semula terakhir Encik Kasmuri Sukardi mengikut Fasal 103 Perlembagaan Syarikat adalah dalam AGM ke-14 pada 23 Jun 2022. Dalam AGM ke-15 yang akan datang, Encik Kasmuri akan bersara mengikut Fasal 97 Perlembagaan Syarikat dan beliau bersetuju untuk dipilih semula sebagai INED Syarikat bagi tahun-tahun berikutnya. Berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh KPMG MRC sebagai sebahagian daripada BEA 2022 atas prestasi Encik Kasmuri Sukardi bagi tahun tersebut sebagai Pengarah, beliau didapati menunjukkan prestasi yang baik dari segi sumbangan dan prestasi dalam bilik lembaga. Encik Kasmuri Sukardi juga memenuhi kriteria kebebasan yang ditetapkan menurut Dasar BNE dan Keperluan Penyenaraian Bursa Securities. Lembaga Pengarah mencadangkan pemilihan semula Encik Kasmuri Sukardi untuk dipertimbangkan oleh pemegang saham.

PELANTIKAN SEMULA PENGARAH SELARAS DENGAN KLAUSA 103 PERLEMBAGAAN SYARIKAT

Klausu 103 Perlembagaan Syarikat menyatakan bahawa Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah akan memegang jawatan sehingga akhir AGM Syarikat yang akan datang dan layak dipilih semula.

- Dato' Shahrol Annuar Sarman dilantik sebagai NINED Syarikat pada 17 November 2020 dan dilantik semula sebagai NINED selama dua tahun, dari 17 November 2022 hingga 16 November 2024. Dato' Shahrol Annuar Sarman ditentukan semula sebagai Pengerusi Syarikat (Interim) berkuat kuasa 1 April 2023. Beliau ialah ahli AC yang dilantik berdasarkan kepintaran kewangan, integriti dan wawasan yang bijak. Beliau meletak jawatan sebagai ahli AC pada 13 April 2023 untuk memberikan tumpuan pada komitmennya sebagai Pengerusi (Sementara) dan selaras dengan amalan MCG. Dato' Shahrol Annuar Sarman mempunyai pengalaman hampir 30 tahun dalam bidang perbankan, kewangan, pentadbiran perniagaan dan pentadbiran awam melalui interaksi beliau dalam pelbagai badan kerajaan dan antarabangsa. Pengalaman beliau di Kementerian Kewangan (MoF) bawah Pejabat Belanjawan Negara sebagai Pengarah Belanjawan Negara menambah nilai kepada FGV untuk memacu FGV ke arah menjadi Syarikat Berkaitan Pelaburan Kerajaan (GLIC) yang ditadbir dengan baik.

Dalam AGM ke-15 yang akan datang, Dato' Shahrol Annuar Sarman bersetuju untuk dipilih semula sebagai NINED Syarikat bagi tahun-tahun berikutnya selaras dengan Fasal 103 Perlembagaan Syarikat. Berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh KPMG MRC sebagai sebahagian daripada BEA 2022 atas prestasi Dato' Shahrol Annuar Sarman bagi tahun tersebut sebagai Pengarah, beliau didapati cemerlang dari segi sumbangan dan prestasi dalam bilik lembaga. Lembaga Pengarah mencadangkan pemilihan semula Dato' Shahrol Annuar Sarman untuk dipertimbangkan oleh pemegang saham.


- Encik Azmin Che Yusoff dilantik sebagai INED Syarikat pada 13 September 2022. Beliau juga merupakan Pengerusi NRC dan ahli AC dan IC. Beliau merupakan individu yang berpengalaman, pernah berkhidmat dalam jawatan pengurusan kanan beberapa entiti tersenarai di Malaysia. Dengan kelayakan perakaunan dan pengurusan perniagaannya, beliau menyediakan input berharga daripada industri dan perspektif strategik dalam perbincangan Lembaga Pengarah. Dalam AGM ke-15 yang akan datang, Encik Azmin Che Yusoff bersetuju untuk dipilih semula sebagai INED Syarikat bagi tahun-tahun berikutnya selaras dengan Fasal 103 Perlembagaan Syarikat. Berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh KPMG MRC sebagai sebahagian daripada BEA 2022 terhadap prestasi Encik Azmin Che Yusoff sejak pelantikannya sebagai Pengarah, beliau didapati menunjukkan prestasi yang baik dari segi sumbangan dan prestasi dalam bilik lembaga. Encik Azmin Che Yusoff juga memenuhi kriteria kebebasan yang ditetapkan menurut Dasar BNE dan Keperluan Penyenaraian. Lembaga Pengarah mencadangkan pemilihan semula Encik Azmin Che Yusoff untuk dipertimbangkan oleh pemegang saham.

Prinsip A: Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

INDUKSI, LATIHAN DAN PEMBANGUNAN

Semua Pengarah baharu menerima program induksi sewajarnya apabila menyertai Lembaga Pengarah dan latihan tambahan disediakan kepada ahli Lembaga Pengarah mengikut kehendak dan keperluan mereka. NRC mengkaji keperluan latihan Lembaga Pengarah dan bersetuju dengan rejim yang sesuai untuk latihan dan aliran maklumat untuk membolehkan Pengarah memenuhi keperluan latihan dan pembangunan mereka. Maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah termasuk kemas kini tentang perkembangan Tadbir Urus Korporat, rangka kerja kawal selia dan perkara perakaunan. Sepanjang tahun kewangan 2022, NRC mencadangkan Pengarah menghadiri latihan berkaitan tugas dan tanggungjawab, fungsi dan tadbir urus Lembaga Pengarah, kepimpinan Lembaga Pengarah, liabiliti, peranan dan tanggungjawab Pengarah, ESG dan kelestarian, peningkatan kemahiran digital dan keselamatan siber. Setiausaha Syarikat akan terus mengenal pasti bidang latihan yang lebih luas untuk Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan Pengerusi akan membincangkan keperluan latihan dengan setiap Pengarah jika dan apabila diperlukan. NRC akan mencadangkan latihan dan pembangunan yang diperlukan kepada Lembaga Pengarah. Pengarah telah menghadiri sesi latihan pada 2022 dan pada suku pertama 2023.

Pada tahun kewangan berakhir 2022, Datuk Yatimah Sarjiman dan Encik Azmin Che Yusoff menghadiri Program Akreditasi Mandatori (MAP). Jenis latihan yang dihadiri oleh Pengarah pada 2022 adalah seperti yang berikut:



Butiran sesi latihan yang dihadiri oleh ahli AC dan Pengarah lain boleh didapati dalam Laporan CG 2022, yang boleh didapati dalam talian di www.fgvholdings.com.

NRC berperanan untuk memastikan prosedur rasmi untuk pelantikan Pengarah baharu tersedia kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa bertanggungjawab untuk mengetahui proses perancangan penggantian dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa menitikberatkan kemahiran yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah untuk menyokong matlamat dan objektif Syarikat. Sebagai sebahagian daripada fokusnya, Jawatankuasa mempertimbangkan kepelbagaian jantina, kemahiran dan pengalaman dalam Lembaga Pengarah. Perancangan penggantian Pengurusan Kanan juga dipertimbangkan oleh Jawatankuasa, memastikan perniagaan mempunyai sekumpulan bakat yang mendalam, pelbagai dan inklusif untuk pelantikan masa hadapan. Sebagai sebahagian daripada perancangan penggantian eksekutif, Jawatankuasa menyelia pemetaan mereka untuk memastikan pengembangan dan pemupukan serta membangunkan potensi berprestasi tinggi bakat kami.



Prinsip A:
Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah
LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN


Azmin Che Yusoff
Pengerusi
(INED)

Dilantik pada
17 Oktober 2022



Dato' Nonee Ashirin
Dato' Mohd Radzi
Ahli
(INED)

Dilantik pada
30 Jun 2021



Dato' Mohd Rafik
Shah Mohamad
Ahli
(INED Kanan)

Dilantik pada
1 Julai 2021



Nik Fazila Nik
Mohamed
Shihabuddin
Ahli
(INED)

Dilantik pada
6 September 2021



Datuk Yatimah
Sarjiman
Ahli
(NINED)

Dilantik pada
8 April 2022

NRC terdiri secara eksklusif daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan majoritinya ialah INED. Encik Azmin Che Yusoff, yang merupakan INED, menjadi Pengerusi NRC pada 17 Oktober 2022. Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad merupakan Pengerusi NRC dari 6 September 2021 hingga 16 Oktober 2022 sebelum pelantikan Encik Azmin Che Yusoff pada 17 Oktober 2022. Lembaga Pengarah percaya bahawa komposisi semasa NRC menyediakan keseimbangan yang sesuai dari segi kemahiran, pengetahuan dan pengalaman untuk melindungi kepentingan semua pemegang saham dan untuk memenuhi keperluan Kumpulan.

FGV telah membina dasar sewajarnya, iaitu Dasar BNE, yang memformalkan dasarnya tentang Komposisi Lembaga Pengarah, Kebebasan, Konflik Kepentingan dan Penilaian Lembaga Pengarah. Dasar BNE diwujudkan untuk memastikan sesiapa yang akan dilantik sebagai Pengarah FGV hendaklah memiliki watak, integriti, kecekapan, kemahiran dan komitmen yang diperlukan, dengan mengambil kira gabungan kemahiran, kebebasan dan kepelbagaian yang wajar untuk memenuhi keperluan Kumpulan. Dasar BNE melarang pencalonan Orang Politik Aktif (iaitu Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis Tertinggi parti politik atau ahli yang memegang jawatan pada peringkat bahagian dalam parti politik) untuk menjadi Pengarah FGV. Penjelasan lanjut tentang Dasar BNE, termasuk proses pencalonan dan pemilihan Lembaga Pengarah serta kriteria pemilihan yang digunakan oleh NRC, diterbitkan dalam Amalan 5.5 Laporan CG 2022.

Semua pelantikan INED diperoleh daripada pihak bebas, dengan mengambil kira dasar sewajarnya tentang keperluan Lembaga Pengarah serta kepelbagaian pengalaman, kemahiran dan jantina.

Sebagai sebahagian daripada proses pelantikan dan selaras dengan dasar sewajarnya menurut Dasar BNE, carian latar belakang rekod jenayah, integriti dan status kesolvenan telah dijalankan oleh Setiausaha Syarikat sebelum cadangan pelantikan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Penilaian prestasi, iaitu BEA 2022, tentang keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah telah dijalankan mengikut Perenggan 15.08A(3)(c) Keperluan Penyenaraian Bursa Securities. Proses BEA 2022 diterangkan secara terperinci pada halaman 134 hingga 135 Laporan ini.

Dasar BNE menyatakan bahawa FGV hendaklah menerapkan kepelbagaian Lembaga Pengarah termasuk jantina. Pada 2022, terdapat tiga wanita dalam Lembaga Pengarah, membentuk 33% daripada komposisi Lembaga Pengarah.



Maklumat lanjut tentang ToR NRC boleh didapati di laman web kami, www.fgvholdings.com. Laporan ini perlu dibaca berserta Laporan CG 2022, juga boleh didapati di laman web kami.

Prinsip A: Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

RINGKASAN KERJA

Pada 2022, NRC telah mengadakan sembilan mesyuarat dan telah mempertimbangkan perkara utama berikut dalam pelaksanaan tanggungjawabnya:

PROSES PENCALONAN DAN PEMILIHAN DAN PROSES PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA/PEMILIHAN SEMULA

- Pelantikan Ketua Pegawai Modal Insan
- Pelantikan Pengarah Bahagian Kumpulan
- Pelantikan Ketua, Kesetiausahaan dan Setiausaha Syarikat Kumpulan
- Pelantikan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- Pembaharuan Kontrak Pengurusan Kanan
- Pertukaran Namaan dalam Kumpulan FGV
- Persaraan dan Pemilihan Semula Pengarah

PERKARA IMBUHAN

- Rangka Kerja Bonus Prestasi Pekerja
- Hasil Semakan & Ukur Rujuk Rangka Kerja Imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif
- Bayaran Khas Ex-Gratia Pekerja
- Semakan Jumlah Pampasan oleh Mercer

PENGURUSAN PRESTASI

- KPI untuk Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
- Pelarasan Semula Kad Skor dan Penetapan KPI kepada Prinsip Kad Skor Seimbang

PROGRAM INDUKSI DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN

- Laporan program latihan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah dan program induksi untuk Pengarah yang baru dilantik

PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH

- Penilaian Lembaga Pengarah
- Rancangan Penambahbaikan Lembaga Pengarah

KESEJAHTERAAN

- Kemas kini Program Prapersaraan FGV

PENYATA YANG TERMASUK DALAM LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN FGV 2021

- Mengkaji Pendedahan dalam Laporan CGOS dan CG berkaitan dengan perkara berikut:
 - Pencalonan lembaga dan prosedur pemilihan mengambil kira gabungan kemahiran, kebebasan dan kepelbagaian (termasuk kepelbagaian jantina) yang diperlukan untuk memenuhi keperluan FGV
 - Keseimbangan dan komposisi lembaga, termasuk tempoh perkhidmatan dan kepelbagaian jantina
 - Pemetaan kemahiran dan pengalaman lembaga
 - Proses BEA
 - Latihan yang dihadiri oleh Pengarah bagi tahun kewangan dan program induksi, menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Securities
 - Imbuhan Pengarah mengikut peruntukan berkaitan menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Securities dan Akta Syarikat 2016
- Mengkaji Pendedahan dalam Laporan NRC yang berkaitan dengan perkara berikut:
 - Penyempurnaan keperluan yang ditetapkan dalam Perenggan 2.20A Keperluan Penyenaraian Bursa Securities
 - Komposisi NRC
 - Bilangan mesyuarat NRC yang diadakan dan butiran kehadiran setiap ahli
 - Ringkasan kerja dan aktiviti NRC dan perkara yang dipertimbangkan oleh NRC dalam pelaksanaan fungsi dan tugasnya dan kaedah tanggungjawabnya dipenuhi

Prinsip A:**Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah****PERKARA UTAMA YANG DIPERTIMBANGKAN OLEH JAWATANKUASA**

Pengerusi NRC mengemaskinikan Lembaga Pengarah tentang perkara penting yang dibincangkan dalam mesyuarat NRC dan saranannya. Salinan sah minit mesyuarat NRC juga diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang seterusnya. Antara perkara penting yang dipertimbangkan oleh NRC semasa 2022 adalah seperti yang berikut:

PERKARA PENTING	KAEDAH PERKARA INI DITANGANI OLEH NRC
1 Pelantikan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (Pengarah Lantikan Kerajaan) berkuat kuasa 8 April 2022 dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif berkuat kuasa 13 September 2022	Menilai kesesuaian calon, mengambil kira kriteria pemilihan berdasarkan Dasar BNE
2 Pelantikan Pengurusan Kanan	Mempertimbangkan cadangan pelantikan Pengurusan Kanan dengan mengambil kira keperluan terkini dan masa hadapan FGV, termasuk kehendak kepelbagaian.
3 Semakan Jumlah Pampasan	Menilai hasil semakan yang dibuat oleh perunding bebas dan mencadangkan penambahbaikan yang diperlukan.
4 Pelan Penambahbaikan Lembaga Pengarah 2022	Semakan ToR berkaitan berdasarkan cadangan yang dibentangkan oleh perunding bebas yang dilantik.

SEMAKAN PRESTASI

Semasa tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi NRC dan takat keperluan ToR NRC dipenuhi, termasuk tempoh jawatan dan prestasi NRC dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini merangkumi sebahagian BEA tahunan, melibatkan penilaian setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Laporan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 29 Mac 2023.

Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

IMBUHAN PENGARAH

Dasar Imbuan Lembaga Pengarah menetapkan proses dan prosedur dalam penentuan imbuan Pengarah.

Dasar Imbuan Lembaga Pengarah menyatakan bahawa Lembaga Pengarah, menerusi NRC, akan menjalankan semakan tahap tinggi dan ukur rujuk komprehensif atas pakej imbuan Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali dalam dua tahun untuk memastikan kesaksamaan dan persaingan yang relatif dengan pasaran (berdasarkan kedudukan pasaran, perolehan, prestasi, jumlah aset, keuntungan selepas cukai, dan permodalan pasaran kumpulan setaraf), sebagai tarikan, pengekalan dan dorongan Lembaga Pengarah.

Pakej imbuan Lembaga Pengarah kali terakhir dikaji, diukur rujuk dan diluluskan oleh pemegang saham pada 2022.

Dato' Dzulkifli Abd Wahab, mantan Pengerusi bersetuju untuk mengetepikan yuran dan elaun mesyuarat sebagai Pengerusi BSC sehingga diberitahu kelak.

RINGKASAN DASAR IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH

Pakej imbuan Pengarah Bukan Eksekutif menggambarkan pengalaman, kepakaran dan tahap tanggungjawab Pengarah Bukan Eksekutif. Imbuan Pengarah Bukan Eksekutif termasuk yuran, manfaat barangan, dan manfaat lain termasuk elaun mesyuarat.

Struktur yuran terkini Pengarah Bukan Eksekutif adalah seperti yang berikut:

LEMBAGA PENGARAH/ JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH	YURAN SETAHUN
Lembaga Pengarah	RM480,000.00 (Pengerusi) RM150,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
AC	RM80,000.00 (Pengerusi) RM40,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
NRC	RM45,000.00 (Pengerusi) RM30,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
BGRMC	RM40,000.00 (Pengerusi) RM20,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
IC	RM40,000.00 (Pengerusi) RM20,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
BSC	RM40,000.00 (Pengerusi) RM20,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)

Struktur imbuan terkini Pengarah Bukan Eksekutif (tidak termasuk yuran Pengarah) adalah seperti yang berikut:

ELAUN MESYUARAT

Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif

- **Tempatan:** RM2,000.00
- **Luar Negara** (Masa penerbangan > 8 jam): RM5,000.00
- **Luar Negara** (Masa penerbangan <= 8 jam): RM3,000.00
- **Telesidang:** RM2,000.00

MANFAAT LAIN

Pengerusi Bukan Eksekutif

- Satu kereta Syarikat (sekurang-kurangnya 2000cc dengan perbelanjaan utiliti kereta RM180,000 setahun)
- Pemandu (sebenar)
- Keahlian kelab (RM10,000.00 setahun)
- Bil telefon mudah alih (sebenar)
- Hiburan peribadi (RM24,000.00 setahun)
- Seorang pengawal peribadi Pengerusi dalam Malaysia (sebenar)
- Perlindungan perubatan (RM100,000.00 setahun)
- Perlindungan insurans Kemalangan Diri Berkelompok (RM200,000.00 setahun)
- Elaun Perniagaan Rasmi (RM1,000.00 sehari)

Pengarah Bukan Eksekutif

- Perlindungan perubatan (RM100,000.00 setahun)
- Perlindungan insurans Kemalangan Diri Berkelompok (RM200,000.00 setahun)
- Elaun Perniagaan Rasmi (RM1,000.00 sehari)



Maklumat lanjut tentang ringkasan struktur imbuan Pengarah Bukan Eksekutif boleh didapati di laman web kami, www.fgvholdings.com.

Prinsip A: Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

IMBUHAN PARA PENGARAH

Imbuhan para Pengarah pada TK2022 secara agregat daripada FGV dan Kumpulan, dalam kategori komponen, membezakan di antara Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, dinyatakan di bawah:

NAMA PENGARAH	TABUNGAN TAHUNAN			
	LEMBAGA PENGARAH (RM)	JAWATANKUASA AUDIT (RM)	JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN (RM)	JAWATANKUASA PELABURAN (RM)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif				
Dato' Shahrol Anuwar Sarman ¹	135,583.33	36,187.00	-	-
Dato' Amiruddin Abdul Satar	135,583.33	-	-	18,093.00
Datuk Yatimah Sarjiman ²	103,250.00	-	19,918.00	-
Datuk Dr. Zunika Mohamed ³	23,548.39	-	3,836.00	-
Dato' Dzulkifli Abd Wahab ⁴	393,500.00	-	-	-
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif				
Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi	135,583.33	27,967.00	25,233.00	36,187.00
Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad	135,583.33	72,373.00	37,110.00	-
Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin ⁵	135,583.33	36,187.00	25,233.00	-
Kasmuri Sukardi	135,583.33	-	-	18,093.00
Azmin Che Yusoff ⁶	45,000.00	8,329.00	9,370.00	4,164.00
Dato' Yusli Mohamed Yusoff ⁷	23,225.81	-	-	3,025.00
JUMLAH	1,402,024.18	181,043.00	120,700.00	79,562.00

i) Semua angka tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

ii) Faedah dalam bentuk barangan (Pengerusi Bukan Eksekutif sahaja) termasuk pemandu, kereta dan petrol.

iii) Manfaat lain (Pengerusi Bukan Eksekutif) termasuk Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok, Perlindungan Perubatan, Elaun Kereta Syarikat, Elaun Mesyuarat dan Elaun Perniagaan Rasmi.

iv) Faedah lain (Timbalan Pengerusi) termasuk Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok, Perlindungan Perubatan, Elaun Timbalan Pengerusi, Elaun Mesyuarat dan Elaun Perniagaan Rasmi.

v) Manfaat lain (Pengarah Bukan Eksekutif) termasuk Perlindungan Insurans Kemalangan Diri Berkelompok, Perlindungan Perubatan, Elaun Mesyuarat dan Elaun Perniagaan Rasmi.

Nota:

1 Dato' Shahrol Anuwar Sarman dilantik sebagai Pengerusi (Interim) pada 1 April 2023.

2 Datuk Yatimah Sarjiman dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 8 April 2022.

3 Datuk Dr. Zunika Mohamed meletak jawatan sebagai as Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 11 Mac 2022.

4 Dato' Dzulkifli Abd Wahab bersetuju mengetepikan yuran berjumlah RM36,187.00 sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah dan bersetuju mengetepikan elaun mesyuarat Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah berjumlah RM10,000.00.

Dato' Dzulkifli Abd Wahab berhenti sebagai Pengerusi pada 1 April 2023.

5 Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin menerima yuran tahunan dan manfaat lain daripada jawatan pengarahnya di MSM Malaysia Holdings Berhad, subsidiari tersenarai FGV.

6 Azmin Che Yusoff dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 13 September 2022.

7 Dato' Yusli Mohamed Yusoff meninggal dunia pada 10 Mac 2022.

Prinsip A:
Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

JAWATANKUASA PENGURUSAN TADBIR URUS DAN RISIKO LEMBAGA (RM)	JAWATANKUASA KELESTARIAN LEMBAGA2 (RM)	YURAN TAHUNAN DARIPADA ANAK SYARIKAT (RM)	MANFAAT BARANGAN (RM)	LAIN-LAIN MANFAAT (RM)	JUMLAH (RM))
-	-	-	-	37,040.93	208,811.26
-	18,093.00	-	-	37,040.93	208,810.26
13,841.00	-	-	-	35,040.93	172,049.93
3,068.00	-	-	-	3,040.93	33,493.32
-	-	-	14,789.00	115,951.93	524,240.93
-	4,164.00	-	-	65,040.93	294,175.26
18,093.00	-	-	-	88,500.93	351,660.26
18,093.00	13,983.00	183,385.42	-	91,040.93	503,505.68
36,187.00	18,093.00	-	-	68,500.93	276,457.26
-	-	-	-	21,040.93	87,903.93
-	3,025.00	-	-	16,008.67	45,284.48
89,282.00	57,358.00	183,385.42	14,789.00	578,248.97	2,706,392.57

Prinsip A:**Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah****IMBUHAN PENGURUSAN KANAN**

Rangka kerja imbuhan untuk pekerja termasuk Pengurusan Kanan dipandu oleh Dasar Pampasan Kumpulan (Dasar GC). NRC mengkaji rangka kerja imbuhan Pengurusan Kanan dengan mengambil kira amalan terbaik, pandangan pakar industri, mendapatkan dan menganalisis data sedia ada, pemegang kepentingan dan pasaran secara amnya. NRC juga mengkaji pakej imbuhan untuk Pengurusan Kanan seperti yang sedia ada dalam GLOA dan memastikan tahap imbuhan mencukupi untuk menarik minat, mengekalkan dan mendorong individu berkaliber tinggi yang berkecuali, berkemahiran, berbakat dan berpengalaman untuk mengekalkan kepimpinan pasaran.

Struktur imbuhan Pengurusan Kanan terdiri daripada imbuhan tetap dan boleh ubah. Modal Insan Kumpulan (GHC) ditugaskan mengkaji dan menghubungkan imbuhan Pengurusan Kanan terutamanya yang berasaskan prestasi kepada prestasi individu dan sumbangan kepada Kumpulan serta mengukur rujuk berbanding dengan industri untuk memastikan keselarasan dan saingan imbuhan. GHC membentangkan cadangan kepada NRC termasuk kenaikan gaji tahunan, bonus prestasi, kenaikan pangkat, pelarasan gaji, pelarasan kenaikan pangkat, manfaat lain dan manfaat barangan.



Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai prestasi CEO Kumpulan, Setiausaha Syarikat, Ketua Audit Dalaman dan Ketua Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan manakala Pengurusan Kanan dinilai oleh CEO Kumpulan. Bonus prestasi Pengurusan Kanan dikaitkan dengan sumbangan mereka secara individu terhadap prestasi perniagaan FGV.

Bagi 2022, Pengurusan Kanan dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dikaitkan dengan kelestarian dan alam sekitar ialah CEO Kumpulan, Ketua Produk Pengguna, Ketua Perladangan Bersepadu, Pegawai Modal Insan Kumpulan, Ketua Kelestarian Kumpulan dan Pengarah Bahagian Kumpulan. Oleh itu, risiko dan peluang kelestarian material Syarikat telah ditangani dengan sewajarnya semasa semakan prestasi 2022 Pengurusan Kanan ini.

Melangkah ke hadapan, FGV akan melaksanakan pelarasan semula Kad Skor dan KPI dengan prinsip Kad Skor Seimbang, yang termasuk Kewangan, Pelanggan/Pemegang Kepentingan, Kecemerlangan Operasi dan Keupayaan Organisasi. Kesemua yang tersebut akan dipertimbangkan untuk KPI Pengurusan Kanan.

Lima imbuhan Pengurusan Kanan teratas bagi 2022 (dalam julat RM50,000) termasuk Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor (CEO Kumpulan), Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid (CFO Kumpulan), Mohd Sarian Md Sahid (Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan), Azman Ahmad (Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Logistik & Lain-lain) dan Syed Feizal Syed Mohammad (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, MSM Malaysia Holdings Berhad). Imbuhan itu termasuk gaji, bonus, manfaat barangan dan emolumen lain.



Ringkasan Dasar Pampasan Kumpulan melibatkan imbuhan Pengurusan Kanan boleh didapati di laman web kami di, www.fgvholdings.com.

Prinsip A: Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

LAPORAN JAWATANKUASA KELESTARIAN LEMBAGA PENGARAH



Kasmuri Sukardi
Pengerusi
(INED)

Dilantik pada 1 September 2021
Ditentukan semula sebagai Pengerusi
pada 13 April 2023



Dato' Amiruddin Abdul Satar
Ahli
(NINED)

Dilantik pada 1 September 2021



Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi
Ahli
(INED)

Dilantik pada 17 Oktober 2022

BSC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan majoritinya ialah INED. Pada 1 April 2023, Dato' Dzulkifli Abd Wahab berhenti sebagai Pengerusi BSC apabila tamat tempoh perkhidmatan beliau sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan Encik Kasmuri Sukardi dilantik menggantikan beliau pada 13 April 2023.

Tujuan BSC adalah untuk membantu Lembaga Pengarah agar tanggungjawab pengawasannya dipenuhi yang melibatkan objektif, dasar dan amalan Kumpulan berkenaan dengan kelestarian yang merangkumi bidang berikut:

- Perkara kelestarian material
- Kesihatan dan keselamatan
- Perkara alam sekitar, ekonomi dan sosial
- Hak asasi manusia dan amalan sosial yang baik
- Kebolehkasan dan rantaian bekalan
- Pensijilan kelestarian
- Bidang lain yang dianggap material dari semasa ke semasa

Tanggungjawab BSC termasuk yang berikut:

- Untuk mengarah dan menyelia penggubalan GSP, keseluruhan strategi kelestarian Kumpulan, rangka kerja kelestarian, inisiatif, keutamaan dan sasaran serta prinsip dan dasar yang selaras dengan komitmen Kumpulan terhadap kelestarian, Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG), peraturan dan piawaian yang berkaitan
- Untuk mengarah dan mengawasi prestasi kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan komuniti (HSEC) Kumpulan serta kecukupan rangka kerja dan sistem pengurusan HSEC Kumpulan
- Untuk memastikan sokongan pelan strategik Kumpulan terhadap penciptaan nilai jangka panjang dan termasuk strategi tentang pertimbangan ekonomi, alam sekitar dan sosial yang menyokong kelestarian, hak asasi manusia serta risiko dan peluang berkaitan dengan iklim
- Untuk menyelia dan memantau pengurusan strategik perkara kelestarian material, risiko serta peluang yang didorong oleh Pengurusan Tertinggi dan memantau kemajuan terhadap pencapaian sasaran kelestarian Kumpulan (petunjuk prestasi utama kelestarian)
- Untuk mengkaji isu berkaitan kelestarian yang timbul daripada rungutan, audit bebas dan laporan jaminan serta sebarang perkara yang diketengahkan oleh perunding luar
- Untuk memantau program kesedaran pekerja agar memahami pendekatan Kumpulan terhadap kelestarian dan tindakan sokongan terhadap kelestarian di seluruh Kumpulan
- Untuk mengawasi hasil interaksi pemegang kepentingan, khususnya, perkara yang boleh menjejaskan reputasi Kumpulan termasuk rungutan, kebimbangan/dakwaan, perubahan sentimen awam/pasaran dan peraturan kerajaan
- Untuk memastikan Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan, strategi, keutamaan dan sasaran serta prestasi terhadap sasaran ini disampaikan kepada pemegang kepentingan dalaman dan luaran Kumpulan melalui cara yang sesuai seperti interaksi dan pendedahan
- Untuk mengkaji sebarang pelaporan perkara kepada pemegang saham dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan, pendedahan yang melibatkan kelestarian dan penyata lain menurut mandat Bursa Securities berkaitan dengan perkara kelestarian Kumpulan (termasuk Penyata Kelestarian dan Laporan Kelestarian)

Komposisi BSC bagi 2022, termasuk nama, jawatan, berserta bilangan mesyuarat BSC yang diadakan pada 2022 dan butiran kehadiran setiap ahli BSC boleh didapati pada halaman 131 Laporan ini. Butiran tentang Pengurusan Kanan yang dikenal pasti bertanggungjawab mengurus kelestarian secara strategik dan operasi boleh didapati pada halaman 123 Laporan ini.



Maklumat lanjut tentang ToR BSC boleh didapati di laman web kami, www.fgvyholdings.com. Laporan ini perlu dibaca berserta Laporan CG 2022, yang juga tersedia di laman web kami.



Prinsip A: Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

RINGKASAN KERJA

Pada 2022, BSC mengkaji perkara utama berikut dalam pelaksanaan tanggungjawabnya:

RANGKA KERJA KELESTARIAN FGV <ul style="list-style-type: none"> Menetapkan hala tuju ke atas semakan Rangka Kerja Kelestarian FGV 	WRO OLEH CBP AS <ul style="list-style-type: none"> Menerima kemas kini tentang kemajuan tindakan FGV untuk membatalkan WRO Mengeluarkan arahan tentang langkah untuk meringankan dan menangani impak WRO
PROGRAM SOSIAL FGV <ul style="list-style-type: none"> Mempertimbangkan dan mengkaji langkah yang diambil oleh FGV untuk mengukuhkan amalan buruhnya, termasuk pengemaskinian dan kemajuan gabungannya dengan <i>Fair Labor Association</i> (FLA) Membincangkan inisiatif dan program FGV dalam Kesaksamaan Jantina dan Pemerkasaan Wanita, dan Hak Kanak-kanak Membincangkan Program Konsultasi Pekebun Kecil Bebas FGV 	PROGRAM ALAM SEKITAR FGV <ul style="list-style-type: none"> Membincangkan dan mengkaji Pengurusan Inventori Karbon dan Gas Rumah Hijau FGV Mempertimbangkan dan mengkaji Program Pemuliharaan Beruang Matahari FGV dan penubuhan koridor hidupan liar di kawasan operasi FGV
TADBIR URUS FGV <ul style="list-style-type: none"> Mempertimbangkan usaha FGV dalam pengambilan pekerja asing secara bertanggungjawab Mengeluarkan arahan untuk isu yang dibangkitkan oleh panel aduan RSPO Membincangkan Inisiatif Pengurusan Kebolehsasaran dan Pembekal FGV 	LAPORAN KELESTARIAN FGV 2020/2021 <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan input, maklum balas dan hala tuju tentang tema dan kandungan Laporan Kelestarian FGV 2020/2021 Membincangkan dan memberikan input tentang penilaian perkara kelestarian material FGV
PENSIJILAN KELESTARIAN <ul style="list-style-type: none"> Memantau kemajuan pensijilan FGV, yang terdiri daripada RSPO, Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) dan Pensijilan Kelestarian dan Karbon Antarabangsa (ISCC) Menyelia pematuhan FGV terhadap peraturan dan piawaian berkaitan dengan pensijilan kelestarian Mengeluarkan arahan tentang sebarang isu yang dibangkitkan tentang ketidakpatuhan 	TINDAKAN IKLIM <ul style="list-style-type: none"> Menyelia kemajuan dan memberikan input tentang pelan tindakan iklim Seluruh Kumpulan Memantau kemajuan komitmen FGV terhadap inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi).

PERKARA UTAMA YANG DIPERTIMBANGKAN OLEH JAWATANKUASA

Pengerusi BSC mengemas kini Lembaga Pengarah tentang perkara dianggap penting yang dibincangkan dalam mesyuarat BSC dan cadangannya. Salinan minit yang disahkan untuk setiap mesyuarat BSC juga telah diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk dimaklumi dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang boleh dilaksanakan seterusnya. Antara perkara penting yang dilaporkan oleh BSC kepada Lembaga Pengarah adalah seperti yang berikut:

PERKARA PENTING	KAEDAH BSC MENGAWASI PERKARA INI
1 WRO oleh CBP AS terhadap minyak sawit dan produk minyak sawit yang dikeluarkan oleh FGV, subsidiari dan usaha samanya	Menerima kemas kini tentang status dan kemajuan pemilihan penilai bebas dan penasihat undang-undang untuk menangani isu WRO oleh CBP AS.
2 Pensijilan RSPO, MSPO dan ISCC	Memantau kemajuan semua kemajuan pensijilan FGV dan memerhatikan pematuhan kami terhadap peraturan dan piawaian yang berkaitan.
3 Tindakan iklim	Menyediakan input tentang pelan Tindakan Iklim Seluruh Kumpulan kami yang bersepadu dan komitmen kami kepada SBTi.



Maklumat lanjut tentang penerapan amalan MCGG yang berkaitan dengan kelestarian boleh didapati dalam Laporan CG 2022, yang boleh didapati dalam talian di www.fgvholdings.com.

PENILAIAN PRESTASI

Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi BSC dan takat keperluan ToR dipenuhi, termasuk tempoh jawatan dan prestasi BSC dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini merupakan sebahagian daripada BEA tahunan, yang berkaitan dengan penilaian Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

PIAWAIAN ETIKA TERFORMAL

Nilai PRIDE Kumpulan membentuk asas piawaian etika kami. Dalam pelaksanaan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah dipandu oleh Kod Etika dan Tatalaku Pengarah (CoEC) dan Kod Amalan Perniagaan Pengarah (CoBP). CoEC dan CoBP menggariskan piawaian etika jangkaan tingkah laku dan perlakuan daripada semua Pengarah Kumpulan FGV.

FGV juga telah menyediakan Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan untuk Pekerja (COBCE) untuk Pengurusan Kanan dan pekerja. COBCE membimbing pemegang kepentingan kami untuk menerapkan nilai Kumpulan dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan melalui amalan perniagaan yang jujur, telus dan beretika. Lembaga Pengarah dan kakitangan Kumpulan berusaha untuk mematuhi amalan terbaik dalam tadbir urus korporat dan mematuhi piawaian integriti dan tingkah laku yang tertinggi dalam semua aktiviti yang dijalankan oleh FGV, termasuk interaksi dengan pelanggan, pembekal, pekerja dan rakan niaganya, dan dalam komuniti dan persekitaran di sekitar operasi FGV. COBCE disediakan dalam Sistem Pengurusan Pematuhan (hab dalaman) agar mudah diakses oleh pekerja dan kempen kesedaran berkala dijalankan melalui kunjungan dan acara forum. Setiap dua tahun, Kumpulan memperbaharu pengiktirafan COBCE oleh pekerja, dengan pembaharuan terakhir diadakan pada suku pertama 2022. Kumpulan juga telah melaksanakan Dasar Pemberitahuan Maklumat yang memudahkan komuniti FGV untuk melaporkan sebarang bentuk kelakuan tidak wajar tanpa rasa takut akan hukuman atau layanan yang tidak saksama.

AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT



Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad
Pengerusi
(INED Kanan)

Dilantik pada 1 Julai 2021



Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin
Ahli
(INED)

Dilantik pada 1 Julai 2021



Azmin Che Yusoff
Ahli
(INED)

Dilantik pada 17 Oktober 2022

AC secara eksklusif terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif, dan semuanya merupakan INED. Tiada ahli AC yang pernah menjadi rakan firma untuk juruaudit luaran Syarikat. Pengerusi Jawatankuasa Audit ialah INED Kanan.

Sebelum ini, Dato' Shahrol Anuwar Sarman ialah ahli AC sehingga 12 April 2023 yang menyebabkan komposisi AC terdiri daripada INED semata-mata. Berdasarkan struktur semasa, semua ahli AC ialah Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan celik kewangan serta mampu menganalisis dan mentafsir penyata kewangan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka secara berkesan. Oleh itu, AC telah memenuhi keperluan perenggan 15.09(1)(c) Keperluan Penyenaraian yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya seorang ahli AC mestilah seorang akauntan bertauliah.

AC telah mengadakan 11 mesyuarat yang dihadiri oleh CEO Kumpulan, CFO Kumpulan, Ketua Audit Dalaman dan pelbagai ahli Pengurusan atas jemputan AC. AC juga telah mengadakan pelbagai sesi tertutup dengan juruaudit luaran.

AC bertujuan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan tanggungjawab utama yang berikut:

- Memastikan integriti maklumat kewangan
- Menilai risiko dan persekitaran kawalan
- Menyelia dan mengkaji pengurusan proses risiko kewangan serta amalan perakaunan dan pelaporan kewangan Kumpulan
- Mengkaji fungsi perakaunan, pelaporan kewangan dan sistem kawalan dalaman Kumpulan
- Menilai proses dan keputusan audit dalaman dan luaran untuk memastikan kebebasan fungsi audit luaran dan dalaman
- Mengkaji situasi konflik kepentingan dan urusan niaga pihak berkaitan

Kewujudan AC tidak mengurangkan tanggungjawab berkanun dan fidusiari Lembaga Pengarah dalam pembuatan keputusan berkaitan dengan fungsi dan tugas AC.

AC ToR telah dikaji pada 31 Mei 2022 untuk menyertakan tanggungjawab baharu berkenaan dengan urusan kenaikan pangkat/naik taraf dan perjawatan kakitangan Audit Dalaman Kumpulan.

Komposisi AC bagi 2022, termasuk nama, jawatan dan bilangan mesyuarat AC yang diadakan sepanjang 2022 serta butiran kehadiran setiap ahli AC boleh didapati pada halaman 131 Laporan ini. Butiran tentang latihan yang dihadiri oleh ahli AC boleh didapati dalam Laporan CG 2022.



Butiran lanjut tentang ToR AC boleh didapati di laman web kami di www.fgvholdings.com. Laporan ini perlu dibaca berserta Laporan CG 2022, juga boleh didapati di laman web kami

Prinsip B:**Audit Dan Pengurusan Risiko Yang Berkesan****RINGKASAN KERJA**

Pada awal tahun, AC menyediakan bidang usahaan utama untuk menjuruskan perhatian Pengurusan, dan AC memerlukan pihak Pengurusan untuk melaporkan perkara ini kepada AC.

PELAPORAN KEWANGAN

- a. Laporan daripada PricewaterhouseCoopers PLT (PwC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021
- b. Bertemu dengan juruaudit luaran dalam dua sesi sulit sepanjang tahun kewangan tanpa kehadiran Pengurusan pada 23 Mac 2022 dan 23 Ogos 2022
- c. Laporan Kewangan dan Operasi untuk Sektor Perladangan, Gula dan Logistik & Lain-lain
- d. Laporan Suku Tahunan tentang Keputusan Disatukan
- e. Kemas kini tentang Aliran Tunai Bulanan Boleh Pinda Kumpulan
- f. Cadangan Dividen Akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021
- g. Cadangan pengeluaran surat Sokongan Kewangan untuk FGV dan Kumpulan Syarikatnya yang berada dalam Kedudukan Liabiliti Semasa Bersih atau Liabiliti Bersih pada 31 Disember 2021
- h. Kemas kini tentang Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Kumpulan FGV
- i. Pengeluaran Laporan Bersepadu Tahunan FGV 2021
- j. Penyata Kewangan Berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021
- k. Perkhidmatan Bukan Audit Disediakan oleh PwC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021
- l. Pelantikan Semula Juruaudit Luaran bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022
- m. Cadangan Dividen Interim bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022
- n. Cadangan Yuran Audit Berkanun dan Semakan Suku Tahunan FGV dan Kumpulan Syarikatnya bagi tahun kewangan 2022

RISIKO DAN PERSEKITARAN KAWALAN DALAMAN

- a. Laporan Akhir Lembaga Pengarah CG daripada Audit Dalaman Sumber Luar tentang Amalan Tadbir Urus Korporat
- b. Laporan Akhir KPMG daripada Audit Dalaman Sumber Luar tentang Proses Pengurusan Risiko
- c. Laporan Akhir KPMG daripada Audit Dalaman Sumber Luar tentang Keselamatan Siber FGV
- d. Laporan Audit Dalaman Kumpulan
- e. Kemas Kini Pelaksanaan Cadangan daripada Audit Dalaman
- f. Kemas Kini Kemajuan Perkara yang tertakluk pada Siasatan Forensik dan Nasihat Undang-undang
- g. Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham dan Mandat Baharu Pemegang Saham untuk Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Bersifat Hasil atau Dagangan
- h. Laporan Suku Tahunan Tentang Status Kes Litigasi Material yang melibatkan Kumpulan FGV
- i. Cadangan CGOS, Laporan AC dan Laporan CG 2021
- j. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk Laporan Bersepadu Tahunan FGV 2021
- k. Cadangan Semakan LoA Kumpulan FGV – Undang-undang

PROSES AUDIT LUARAN DAN HASIL

- a. Menilai komprehensif rancangan audit juruaudit luaran bagi 2022 dan memastikan penyelarasan dengan pelbagai firma audit lain selain PwC, yang terlibat dalam audit luaran beberapa subsidiari.
- b. Menilai juruaudit luaran untuk pelantikan semula mereka bagi 2022 berdasarkan Dasar Juruaudit Luaran yang ditetapkan dan mencadangkan pelantikan semula mereka kepada Lembaga Pengarah. AC juga mempertimbangkan maklum balas daripada Pengurusan tentang penilaian mereka terhadap juruaudit luaran berdasarkan perkhidmatan audit luaran yang diberikan pada 2021.
- c. Menilai yuran audit juruaudit luaran bagi 2022.
- d. Menerima jaminan bertulis daripada juruaudit luaran dalam rancangan audit mereka bagi 2022 yang mengesahkan bahawa mereka adalah, dan akan mengekalkan, kebebasan sepanjang pelaksanaan tugas audit menurut ToR dalam semua keperluan profesional dan kawal selia yang berkaitan.

Audit Dan Pengurusan Risiko Yang Berkesan

PROSES DAN HASIL AUDIT DALAMAN

- a. Menerima dan mengkaji kesemua 39 laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada TK2021 kepada Pengerusi dan ahli AC. Laporan ini adalah daripada tugas pelan audit dalaman dan mana-mana siasatan tidak dirancang dan tugas khas yang dilaksanakan oleh Audit Dalaman Kumpulan.
- b. Mengkaji yang berikut dalam setiap mesyuarat suku tahunan pada TK2021:
 - Laporan yang meringkaskan pemerhatian utama daripada laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada suku tahun berkaitan. AC mengeluarkan arahan kepada Pengurusan tentang perkara penting yang memerlukan perhatian khusus dan segera Pengurusan. AC melaporkan perkara penting ini kepada Lembaga Pengarah
 - Laporan kemajuan pelaksanaan pelan audit dalaman pada TK2021, termasuk status sumber audit dalaman untuk menyokong pelaksanaan pelan audit dalaman yang diluluskan dan kemajuan petugas audit dalaman
 - Laporan tentang kemajuan pelaksanaan cadangan daripada laporan audit dalaman yang dikeluarkan. Lembaga Pengarah telah dimaklumkan tentang kelewatan dalam pelaksanaan cadangan.
- c. Melaksanakan yang berikut:
 - Mengkaji dan meluluskan pelan audit dalaman bagi 2023 berserta skop, fungsi, sumber, belanjawan dan KPI fungsi audit dalaman Kumpulan dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah
 - Menilai prestasi Ketua Audit Dalaman, merangkumi penilaian keberkesanan fungsi audit dalaman Kumpulan dengan merujuk Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman
 - Menilai prestasi Ketua Audit Dalaman, kenaikan gaji, palarasan bonus dan pembaharuan kontrak kerja beliau

Pengerusi AC telah mengadakan tujuh mesyuarat dan perbincangan tertutup dengan Ketua Audit Dalaman dan pasukan beliau untuk membincangkan perkembangan berkaitan dengan kerja audit dalaman, mengatur hala tuju untuk pelan audit yang lebih berkesan, untuk dinilai atau diberikan panduan tentang pemerhatian audit dalaman utama dan mana-mana perkara untuk meningkatkan proses tadbir urus, risiko dan kawalan Kumpulan FGV. Dari semasa ke semasa, AC juga membuat permintaan khas tentang bidang usaha untuk disiasat atau diberikan perhatian semasa audit.

PEMANTAUAN URUS NIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN KUMPULAN

- a. Mengkaji laporan suku tahunan tentang urus niaga berulang pihak berkaitan Kumpulan dan memaklumi rangkuman urus niaga pihak berkaitan tersebut dalam mandat pemegang saham.
- b. Mengkaji pekililing kepada pemegang saham untuk mendapatkan mandat urus niaga berulang pihak berkaitan dalam AGM ke-14 pada 2022.
- c. Mengkaji laporan audit dalaman tentang semakan urus niaga berulang pihak berkaitan.
- d. Mengkaji justifikasi urus niaga berulang pihak berkaitan Kumpulan FGV yang tidak disokong oleh harga semasa.

PENYIASATAN DAN PENDAPAT UNDANG-UNDANG BERKAITAN

- a. Meminta siasatan khas tentang perkara tadbir urus dan ketidakpatuhan.
- b. Mempertimbangkan laporan siasatan, laporan penilaian, pendapat undang-undang dan maklumat berkaitan daripada penyiasatan forensik dan dalaman.
- c. Mempertimbangkan penemuan dan mendapatkan penjelasan yang relevan agar berpuas hati bahawa penyiasatan dan pendapat undang-undang adalah komprehensif.

PENYATA YANG DISERTAKAN BERSAMA LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN 2021 FGV

Mengkaji Laporan AC, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC), CGOS, Perbincangan dan Analisis Pengurusan, Perutusan Pengerusi dan Ulasan CEO Kumpulan yang terangkum dalam Laporan Bersepadu Tahunan 2021 serta Laporan Tadbir Urus Korporat dan mencadangkan kelulusannya kepada Lembaga Pengarah. SORMIC yang dikaji mengandungi laporan juruaudit luaran dan dalaman tentang risiko dan persekitaran kawalan Kumpulan dan perkara yang dibawa kepada perhatian AC dan Lembaga Pengarah semasa tahun kewangan.

Prinsip B:**Audit Dan Pengurusan Risiko Yang Berkesan****PERKARA UTAMA YANG DIPERTIMBANGKAN OLEH JAWATANKUASA**

Pengerusi AC memaklumkan Lembaga Pengarah tentang perkara penting yang dibincangkan dalam mesyuarat AC berserta cadangannya. Salinan minit mesyuarat AC yang sah juga diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang seterusnya. Antara perkara penting yang dilaporkan oleh AC kepada Lembaga Pengarah adalah seperti yang berikut:

PERKARA PENTING	KAEDAH AC MENANGANI PERKARA INI
1 Pelaporan Kewangan	Mengkaji dan mencadangkan keputusan kewangan suku tahunan dan Penyata Kewangan akhir tahun FGV dan Kumpulan kepada Lembaga Pengarah, memberikan tumpuan terutamanya pada perubahan piawaian pelaporan kewangan, termasuk penilaian kesannya terhadap Penyata Kewangan, sebab turun naik antara tempoh, penjelasan atas pencapaian belanjawan, ramalan dan perkara yang memerlukan pertimbangan Pengurusan, terutamanya kebolehpulihan aset, amalan perakaunan, peristiwa luar biasa dan pelarasan penting.
2 Kawalan Dalaman	<ul style="list-style-type: none"> Menetapkan hala tuju penambahbaikan kawalan dalaman tentang perkara yang dilaporkan oleh Audit Dalaman Kumpulan. Menggalakkan pengurusan untuk mengutamakan penambahbaikan berdasarkan pemerhatian yang dilaporkan dalam laporan Audit Dalaman Kumpulan. Mengkaji dan mencadangkan semakan GLOA, Dasar dan Prosedur Kewangan Kumpulan serta Dasar dan Prosedur Juruaudit Luaran kepada Lembaga Pengarah.
3 Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan	Mempertimbangkan pelaksanaan urus niaga berulang pihak berkaitan menurut syarat komersial selaras dengan prosedur tersedia dan mengikut mandat yang diperuntukkan oleh pemegang saham.
4 Panduan Kritikal Utama	Panduan tentang perkara yang berkaitan dengan keselamatan siber, analisis data besar, pelaporan ESG dan rangka kerja cukai.

HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUARAN

FGV mempunyai Dasar dan Prosedur Juruaudit Luaran yang memperincikan perkara berikut yang melibatkan hubungan dengan Juruaudit Luaran:

- Pelantikan dan pelantikan semula Juruaudit Luaran
- Keberkesanan Juruaudit Luaran
- Penilaian kebebasan Juruaudit Luaran
- Penggiliran rakan audit
- Penyerahan dan pelaporan audit
- Interaksi Juruaudit Luaran untuk khidmat bukan audit
- Penyingkiran Juruaudit Luaran

Butiran tentang Dasar dan Prosedur Juruaudit Luaran boleh didapati dalam Amalan 9.3 Laporan CG 2022.

Audit Dan Pengurusan Risiko Yang Berkesan

YURAN DIBAYAR/PERLU BAYAR KEPADA JURUAUDIT LUARAN

Yuran dibayar/perlu bayar kepada juruaudit luaran, PwC, pada 2022 adalah seperti yang berikut:

YURAN DIBAYAR/PERLU BAYAR KEPADA PwC PADA 2022	RM'000
Yuran Audit	
• PwC Malaysia	4,251
• Ahli firma PwC International Limited (PwCIL)	1,055
Yuran Berkaitan Audit	
• PwC Malaysia dan ahli firma PwCIL	1,471
• Yuran lain bukan audit dibayar kepada PwC Malaysia dan ahli firma PwCIL	2,680
Jumlah	9,457

AUDIT DALAMAN KUMPULAN

Fungsi Audit Dalaman Kumpulan adalah bebas dan bertanggungjawab secara fungsian langsung kepada AC dan secara pentadbiran langsung kepada CEO Kumpulan. Pengendalian Audit Dalaman Kumpulan berpandukan Piagam Audit Dalaman Kumpulan, yang diwujudkan selaras dengan keperluan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman dan diluluskan oleh AC seperti yang disahkan menerusi Semakan Jaminan Kualiti yang dijalankan sekali setiap lima tahun, terakhirnya pada 2019.

Terdapat 55 juruaudit dalaman pada 31 Disember 2022 meliputi aktiviti Kumpulan. Kelayakan, status profesional dan latihan pembangunan berterusan juruaudit dalaman berserta kebebasan dan keobjektifan mereka dibentangkan dalam Amalan 11.1 dan 11.2 Laporan CG 2022. Latihan pembangunan berterusan bertujuan untuk meningkatkan dan menyelaraskan kecekapan dan pengetahuan juruaudit dalaman kepada risiko memunculkan dan keperluan audit. Butiran Ketua Juruaudit Dalaman, individu yang bertanggungjawab terhadap audit dalaman boleh didapati pada halaman 131 Laporan ini.

Jumlah kos yang ditanggung oleh Audit Dalaman Kumpulan pada 2022, termasuk perbelanjaan berpusat berjumlah RM9.4 juta (2021 berjumlah RM8.5 juta). Amaun ini merangkumi kos dan manfaat pekerja, perbelanjaan perjalanan dan kos operasi sistem pengurusan Audit Dalaman Kumpulan.

RINGKASAN PELAKSANAAN KERJA OLEH AUDIT DALAMAN KUMPULAN PADA 2022

JAMINAN

Kerja jaminan sepanjang 2022 merangkumi keseimbangan tadbir urus, risiko dan kawalan pada peringkat pusat korporat dan operasi perniagaan. Tumpuannya terhadap bidang utama berikut:

Pada peringkat operasi perniagaan, skop audit utama adalah pada pembelian Buah Tandan Segar (FFB), pengurusan inventori Minyak Sawit Mentah (MSM), rantai bekalan hasil dan pengurusan pengebilan BTS kepada MSM dan isirung sawit, dagangan dan lindung nilai MSM dan Minyak Sawit Diproses (PPO), pengurusan produk Pengeluar Peralatan Asal (OEM), pengurusan projek, pengurusan keselamatan dan pelaporan maklumat operasi. Bagi Kluster Perniagaan utama kami, iaitu Hulu, skop audit utama ialah mekanisasi, pengurusan kebajikan pekerja asing, pengurusan gaji, perolehan, pengurusan inventori, pengurusan keselamatan, pengurusan produk sampingan dan pengurusan projek jalan dan jambatan. Audit Dalaman Kumpulan juga menjalankan Penilaian Kendiri Kawalan untuk 147 ladang FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd pada tahun 2022. Dengan bimbingan dan sokongan AC, analisis data telah diperkenalkan sebagai alat audit untuk mencapai liputan audit yang lebih baik dengan cekap.

Proses tadbir urus korporat dan pengurusan risiko ke arah peningkatan amalan dan budaya tadbir urus serta pengurusan risiko secara amnya.

Semakan atas urus niaga berulang pihak berkaitan dengan tujuan untuk menasihati AC tentang pematuhan Kumpulan terhadap Dasar Urus Niaga Pihak Berkaitan dan Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan.



Prinsip B:

Audit Dan Pengurusan Risiko Yang Berkesan

JAMINAN

Semakan pembuatan keputusan pelaburan dan penyahlaburan serta pelaksanaan proses.

Tadbir urus dan kawalan Teknologi Maklumat (IT) yang merangkumi semakan fungsi aplikasi, integriti data, kawalan akses pengguna dan keselamatan sistem termasuk keselamatan siber.

SIASATAN

Audit Dalam Kumpulan menjalankan siasatan audit atas permintaan dan maklumat daripada Jawatankuasa Pemberian Maklumat, Pengurusan, AC dan Lembaga Pengarah. Hasil siasatan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemberian Maklumat, Pengurusan, AC dan Lembaga Pengarah. Cadangan dan resolusi-resolusi yang timbul daripada pembentangan laporan siasatan dimaklumkan kepada Pengurusan untuk tindakan sewajarnya.

Siasatan dan semakan khas Audit Dalam Kumpulan sepanjang 2022 mengenal pasti peningkatan dalam bidang berikut:

- Perakaunan hasil
- Pengurusan operasi
- Pengurusan stok
- Pengurusan pemerolehan
- Pengurusan projek
- Pengurusan sumber manusia

PERUNDINGAN

Audit Dalam Kumpulan memainkan peranan aktif menasihati Kumpulan tentang pelbagai perkara. Pada 2022, nasihat rundingan disediakan menerusi platform berikut:

- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek IT dan Jawatankuasa Kerja untuk menyediakan panduan tentang pengurusan projek IT serta proses pembangunan atau pelaksanaan sistem
- Penyertaan dalam jawatankuasa kerja tentang isu berkaitan dengan sekatan produk minyak sawit oleh Amerika Syarikat
- Memberikan maklum balas dan pertanyaan tentang perkara tersebar dan diserahkan kepada GMC untuk kelulusan atas proses, kejelasan dan ketelusan maklumat yang disampaikan. Tumpuan maklum balas Audit Dalam Kumpulan terhadap dokumen tersebut adalah dari aspek pematuhan terhadap keperluan kawal selia, merangkumi amalan terbaik dan peningkatan tadbir urus serta pengurusan risiko
- Penyertaan dalam mesyuarat dengan Pengurusan Bahagian dan Pengurusan Sektor untuk menutup jurang berkaitan dengan isu audit yang berulang

ULASAN PRESTASI

Semasa tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi AC dan takat keperluan ToR AC dipenuhi, termasuk tempoh jawatan dan prestasi AC dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini merupakan sebahagian daripada BEA tahunan, berkaitan dengan penilaian Jawatankuasa Lembaga.

Laporan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 29 Mac 2023.

Prinsip B

Audit Dan Pengurusan Risiko Yang Berkesan

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS DAN PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA



**Nik Fazila Nik
Mohamed Shihabuddin**
Pengerusi
(INED)

Dilantik pada 1 Julai 2021
Dilantik semula sebagai Pengerusi
pada 13 April 2023



**Dato' Mohd Rafik
Shah Mohamad**
Ahli
(INED Kanan)

Dilantik pada 1 Julai 2021



Kasmuri Sukardi
Ahli
(INED)

Dilantik pada 1 Julai 2021
Dilantik semula sebagai Ahli
pada 13 April 2023



Datuk Yatimah Sarjiman
Ahli
(NINED)

Dilantik pada 8 April 2022

BGRMC secara eksklusif dianggotai oleh Pengarah Bukan Eksekutif dengan majoritinya Pengarah Bebas. Pengerusi BGRMC ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

BGRMC bertujuan untuk membantu pelaksanaan tanggungjawab berkanun dan fidusiari Lembaga Pengarah dalam perumusan, penyeliaan serta pemupukan budaya tadbir urus, pengurusan risiko dan kelestarian dalam Kumpulan FGV.

Tanggungjawab BGRMC untuk membantu pelaksanaan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti yang berikut:

- Mengkaji dan memantau pelaksanaan Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan FGV termasuk mengkaji dan mengekalkan dokumen dan dasar tadbir urus
- Mengkaji, mencadangkan, menilai dan melaporkan rangka kerja dan kawalan dalaman, strategi, dasar, prosedur, sistem, keupayaan dan parameter pengurusan risiko Kumpulan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan/atau pindaan
- Melaporkan risiko perniagaan utama dan kemas kini berkaitan, strategi pengurusan risiko perniagaan utama, keberkesanan pelan peringanan dan kemajuan pengurusan risiko perniagaan utama kepada Lembaga Pengarah
- Mengkaji sebarang pelaporan perkara kepada pemegang saham dan/atau badan berkuasa berkaitan serta penyata untuk dimasukkan dalam Laporan Bersepadu Tahunan Syarikat serta penyata lain yang dimandatkan oleh Bursa Securities atau yang berkaitan dengan tadbir urus dan pengurusan risiko
- Menyerlahkan petunjuk risiko utama Kumpulan dan tahap toleransi risiko, serta pelan peringanannya kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahunan

Komposisi BGRMC pada 2022, termasuk nama, jawatan, bilangan mesyuarat BGRMC sepanjang 2022 serta butiran kehadiran setiap ahli BGRMC boleh didapati pada halaman 131 Laporan ini.



Butiran lanjut tentang ToR BGRMC boleh didapati di laman web kami di www.fgvholdings.com. Laporan ini harus dibaca berserta Laporan CG, yang juga boleh didapati di laman web kami.

Prinsip B:

Audit Dan Pengurusan Risiko Yang Berkesan

RINGKASAN KERJA

Pada 2022, BGRMC menjalankan aktiviti utama berikut dalam pelaksanaan tanggungjawabnya:

TADBIR URUS, ETIKA DAN INTEGRITI

- a. Hasil Tinjauan Alat Penilaian Integriti FGV oleh Institut Integriti Malaysia
- b. Semakan Dasar Tanggungjawab Korporat
- c. Cadangan CGOS, Laporan BGRMC dan Laporan CG.
- d. Cadangan Bonus Prestasi 2022 untuk Ketua Tadbir Urus Kumpulan dan Pengurusan Risiko
- e. Cadangan Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti FGV
- f. Cadangan Bidang Tugas Jawatankuasa Pemberian Maklumat untuk Kakitangan Kanan (Naib Presiden dan ke Atas) dan Lembaga Pengarah
- g. Kemas Kini Pemberitahuan Maklumat dan Aduan
- h. Hasil Audit Antirasuah
- i. Keputusan Penilaian Kecukupan
- j. Laporan Kemajuan Aktiviti Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan
- k. Cadangan Semakan CoBP Pengarah & CoEC Pengarah
- l. Cadangan Penstrukturan Semula Bahagian Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan

PENGURUSAN RISIKO

- a. Menilai dan membincangkan risiko utama, risiko reputasi dan risiko memuncul, laporan bulanan keselamatan siber, risiko rasuah, sorotan penilaian risiko projek dan tender, dan aktiviti pengurusan dan tadbir urus risiko utama Kumpulan.
- b. Menilai laporan tentang:
 - Pertimbangan utama atas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko
 - Perumusan Penyata Keinginan Risiko FGV dan kemajuan pembangunannya
 - Rancangan 2023 untuk aktiviti pengurusan risiko dan inisiatif yang telah siap dijalankan pada 2022
 - Aktiviti Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM) di seluruh Kumpulan dalam Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV

PENYATA YANG TERANGKUM DALAM LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN 2022 FGV

- a. Mengkaji Laporan BGRMC, SORMIC, CGOS dan Penyata Kelestarian yang dirangkumkan dalam Laporan Bersepadu Tahunan 2022 FGV serta Laporan CG 2022 dan mencadangkan kelulusannya oleh Lembaga Pengarah

Audit Dan Pengurusan Risiko Yang Berkesan

PERKARA UTAMA YANG DIPERTIMBANGKAN OLEH JAWATANKUASA

Pengerusi BGRMC mengemas kini Lembaga Pengarah tentang perkara penting yang dibincangkan dalam mesyuarat BGRMC serta cadangannya. Salinan minit mesyuarat BGRMC yang sah juga diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk dimaklumi dalam mesyuarat Lembaga Pengarah seterusnya. Antara perkara penting yang dibincangkan oleh BGRMC sepanjang 2022 adalah seperti yang berikut:

PERKARA PENTING	KAEDAH PERKARA INI DITANGANI OLEH BGRMC
1 Konflik Rusia-Ukraine	Mengambil maklum impaknya terhadap perniagaan FGV berdasarkan pendedahannya kepada risiko yang berkaitan dengan penyumberan baja dari rantau berbeza, caj pengangkutan global, gangguan logistik dan penghantaran, harga tenaga, pasaran minyak sayuran global serta pertukaran mata wang.
2 Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan ToR	<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang bertanggungjawab untuk membantu pengawasan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Mengambil maklum perbincangan utama perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko.
3 Dasar Kumpulan	<p>Mencadangkan semakan perkara yang berikut untuk kelulusan Lembaga Pengarah:</p> <ol style="list-style-type: none"> CoBP Pengarah & CoEC Pengarah Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kumpulan FGV Dasar Tanggungjawab Korporat Cadangan Rangka Kerja Sekuriti IT Kumpulan FGV
4 Perumusan Penyata Keinginan Risiko FGV	Mengkaji penyata keinginan risiko yang telah dipertingkatkan untuk Kumpulan FGV yang akan memudahkan dan mengoptimumkan prestasi perniagaan dan memenuhi jangkaan pemegang kepentingan luaran.
5 Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV	<ul style="list-style-type: none"> Membincangkan ufuk risiko utama yang dikaitkan dengan perniagaan dan operasi Kumpulan, meliputi risiko utama Kumpulan dan langkah menanganinya. Lembaga Pengarah telah dimaklumkan tentang risiko yang memerlukan penelitian serta profil dan tinjauan risiko semasa. Mengkaji penilaian risiko projek dan penilaian risiko tender untuk cadangan pelaburan dan penyertaan tender.
6 Pemberian Maklumat	Mengkaji dan membincangkan bilangan kes pemberian maklumat, kategori berkaitan, iktibar diambil dan cadangan kes siasatan.

SEMAKAN PRESTASI

Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi BGRMC dan tahap kepatuhannya terhadap kehendak ToR, termasuk tempoh jawatan dan prestasi setiap ahli BGRMC. Penilaian prestasi ini ialah sebahagian daripada BEA tahunan, dikaitkan dengan penilaian Jawatankuasa Lembaga.

PRINSIP C:**INTEGRITI PELAPORAN KORPORAT DAN HUBUNGAN BERMAKNA DENGAN PEMEGANG KEPENTINGAN****KOMUNIKASI DENGAN PEMEGANG KEPENTINGAN****INTERAKSI DENGAN PEMEGANG KEPENTINGAN**

FGV komited untuk terus mengemas kini pemegang kepentingan dengan sebarang perkembangan dan strategi yang boleh meningkatkan nilai jangka panjang mereka. Perhubungan Pelabur Kumpulan (IR) bertanggungjawab untuk menyampaikan komunikasi berkesan kepada pemegang kepentingan agar dialog berterusan dan telus dengan syarikat dapat dipastikan selain menyediakan platform untuk mereka menerima pandangan yang seimbang tentang prestasi dan cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan FGV.

Berpandukan Dasar Komunikasi Pemegang Saham, FGV memastikan pemegang saham disediakan dengan maklumat yang tepat, benar, lengkap, jelas, dan tersebar umum selaras dengan rangka kerja dan garis panduan yang mentadbir pengumuman bahan dan maklumat sensitif, selaras dengan kehendak pendedahan.

Saluran komunikasi utama dengan pemegang kepentingan termasuk:

LAMAN WEB KORPORAT

Laman web kami berfungsi sebagai platform penting untuk pelabur dan pemegang kepentingan kami mengakses maklumat. Untuk memastikan maklumat terkini dan paling tepat tentang FGV tersedia dan boleh diakses, laman web ini dikemas kini secara berkala dan mengikut keperluan.

MESYUARAT PEMEGANG KEPENTINGAN

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengurusan Kanan mengadakan mesyuarat berkala dengan pemegang kepentingan untuk berkongsi dan berbincang tentang prestasi perniagaan dan pelan strategik Kumpulan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk meningkatkan interaksi pemegang kepentingan, kami telah meningkatkan interaksi kami dengan komuniti pelaburan secara ketara pada 2022. Melalui siri mesyuarat satu dengan satu dan berkumpulan, kami menangani usaha pelabur kami dengan berkesan, justeru mengukuhkan hubungan kami dengan kumpulan pemegang kepentingan utama.

KALENDAR PERHUBUNGAN PELABUR 2022**20 Jan 2022**

Interaksi dengan Pemegang Saham

1 Mac 2022

Taklimat Penganalisis Suku Keempat 2022

20 Apr 2022

Hari ESG CGS-CIMB

10 Mei 2022

Interaksi dengan Pemegang Saham Utama dan Pengurus Dana

31 Mei 2022

Taklimat Penganalisis Suku Pertama 2022

23 Jun 2022

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14

13 Jul 2022

Interaksi ESG dengan Pengurus Dana

9 Aug 2022

Interaksi dengan Pengurus Dana

30 Aug 2022

Taklimat Penganalisis Suku Kedua 2022

3 Okt 2022

Interaksi dengan Pengurus Dana

6 Okt 2022

Interaksi ESG dengan Pengurus Dana

10 Nov 2022

Interaksi dengan Pelabur Berpotensi

30 Nov 2022

Taklimat Penganalisis Suku Ketiga 2022

9 Dis 2022

Interaksi dengan Pengurus Dana

Integriti Pelaporan Korporat Dan Hubungan Bermakna Dengan Pemegang Kepentingan

TAKLIMAT KEPUTUSAN SUKU TAHUNAN

Serentak dengan pengumuman keputusan suku tahunan Kumpulan kepada Bursa Securities, FGV mengadakan sesi taklimat untuk media dan penganalisis untuk memberikan gambaran lanjut tentang prestasi FGV bagi tempoh yang dikaji. Dipengerusikan oleh CEO Kumpulan atau CFO Kumpulan, platform ini membolehkan pasaran umum meningkatkan pemahaman tentang prestasi Kumpulan dan mendapatkan penjelasan tentang sebarang kemusykilan tentang FGV. Taklimat biasanya dijalankan melalui interaksi bersemuka menerusi kemudahan telesidang untuk memastikan akses penuh kepada hadirin berkenaan. Walau bagaimanapun, pandemik yang berlaku memerlukan penggunaan saluran digital, dengan komunikasi berterusan melalui taklimat maya. Pada 2022, taklimat dan pembentangan keputusan suku tahunan telah dijalankan secara maya oleh CEO Kumpulan dan disusuli oleh sesi Soal Jawab.

USAHAAN UTAMA PEMEGANG KEPENTINGAN

FGV kekal komited untuk berinteraksi dengan pemegang kepentingan kami melalui setiap cara yang mungkin dengan mengekalkan hubungan positif, meringankan risiko dan meningkatkan prestasi. Menerusi penilaian dan pengutamaan usaha pemegang kepentingan, FGV boleh membina hubungan kukuh yang saling untung dengan pemegang kepentingan untuk mencapai kejayaan jangka panjang.



Kemas Kini Kewangan & Operasi

Maklum balas kami

- Berdasarkan Pelan Perniagaan FGV 2022 hingga 2024 (BP24), pelbagai Inisiatif Strategik Utama telah disediakan khusus untuk setiap Sektor dan unit perniagaan, yang akan memantapkan operasi FGV sepanjang tahun:
 - Meningkatkan kecekapan perniagaan Huluhan melalui program penanaman semula berterusan untuk menambah baik purata profil umur kelapa sawit kami dan mengembangkan konsep perladangan model dengan pereplikaan amalan terbaik dan padu dengan skala yang lebih besar. Sehingga kini, kami telah menyiapkan 10,858 Ha kerja penebangan dan 3,232 Ha kerja penanaman susulan penjadualan semula penanaman untuk memadankan kesediaan anak benih dan penyerahan semula kontrak kepada vendor baharu untuk projek penanaman semula jangka panjang.
 - Meningkatkan hasil tanaman dan kadar perahan minyak melalui pelan transformasi dengan menitikberatkan pencepatan penanaman semula menggunakan bahan tanaman elit, penambahbaikan infrastruktur dan mekanisasi, pelaksanaan penuh Amalan Pertanian Baik (GAP), pengukuhan tenaga kerja dan peningkatan kecekapan penuaian.
 - Pada 2022, FGV memperluas pembekalan olein dan produk berasaskan sawit lain ke Kemboja dan Vietnam dan lelembak berasaskan sawit ke pasaran Amerika Utara. Sebilangan inisiatif masih diteruskan untuk mengembangkan kehadiran global FGV, termasuk bekerjasama dengan rakan niaga yang bereputasi dan mengenal pasti peluang baharu dalam pasaran baharu untuk membekalkan makanan dan produk pertanian yang lestari kepada dunia.
- Secara keseluruhan, PATAMI Kumpulan bagi 2022 meningkat sebanyak 14% kepada RM1.33 bilion, bersandarkan hasil RM25.56 bilion.
- Lembaga Pengarah meluluskan jumlah pembayaran dividen 15 sen sesaham, dengan jumlah pembayaran keluar dividen sebanyak RM547 juta.



Peningkatan Perbelanjaan Operasi disebabkan Keberterusan Konflik Rusia-Ukraine

Maklum balas kami

- Gangguan dalam rantai bekalan global dan serantau akibat konflik Rusia-Ukraine menyebabkan kekurangan input dan kenaikan harga memandangkan negara yang berperang ialah pengeksport utama global beberapa komoditi seperti bahan api, baja dan bahan kimia. Konflik ini menjadi kebimbangan utama FGV disebabkan oleh peningkatan kos input, terutamanya bahan mentah, pengangkutan dan, gas asli, serta bahan pembungkusan, upah dan logistik daratan.
- Selain itu, FGV juga nyata terjejas oleh inflasi umum dan turun naik pertukaran asing yang disebabkan oleh konflik jangka panjang.
- Kos baja meningkat hampir 90% sepanjang tahun lalu akibat gangguan bekalan potasy dari negara yang berkonflik, yang telah memberikan impak yang besar kepada kos pengeluaran MSM kami.
- Walaupun terdapat sekatan akibat konflik Rusia-Ukraine, kami masih mengekalkan hubungan perniagaan yang baik dengan pembekal dari Rusia sementara meneroka sumber potasy alternatif dari negara lain seperti Kanada, Laos, Jerman dan Uzbekistan.
- Dalam Sektor Gula, Kumpulan kekal tertumpu pada peningkatan keandalan kilang penapisannya untuk menambah produktiviti. Sambil terus berhubung dengan kerajaan untuk mendapatkan semua sokongan ekonomi yang diperlukan, Kumpulan akan memastikan pasaran mempunyai bekalan gula yang konsisten.

Prinsip C:**Integriti Pelaporan Korporat Dan Hubungan Bermakna Dengan Pemegang Kepentingan****Kekurangan Buruh Berpanjangan****Maklum balas kami**

- Pada 2022, FGV menerima kumpulan pekerja asing, yang melegakan kekurangan buruh kepada 13% daripada 32% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, tenaga kerja ladang FGV meningkat kepada 29,929 pekerja dan kami menasaskan pencapaian kekuatan pekerja yang optimum pada 2023. Kami akan mengembangkan hab pengambilan kami dan terus meningkatkan taraf hidup pekerja ladang kami.
- FGV mengkaji dan mengukuhkan Garis Panduan dan Prosedur dalam Pengambilan Secara Bertanggungjawab dan Penggajian Pekerja Migran agar selaras dengan piawaian antarabangsa, dan memastikan penggunaan dasar Tiada Yuran Pengambilan.
- FGV berhubung secara aktif dengan kerajaan untuk mendapatkan maklumat terkini tentang pembukaan pengambilan pekerja asing untuk mengisi kekosongan itu.
- FGV menggerakkan pekerja am untuk menampung kekurangan penuai dan mempromosikan Program 3R (Rekrut, Kekal, Hantar Balik) untuk pekerja baharu dan sedia ada.
- Kami juga terus mempergiat usaha pengambilan kami melalui penilaian usaha wajar atas agensi pengambilan untuk menilai komitmen mereka terhadap buruh dan hak asasi manusia.

**Isu Kelestarian****Maklum balas kami****WRO dikeluarkan oleh CBP AS**

- FGV melantik ELEVATE untuk menjalankan penilaian bebas terhadap operasi FGV melibatkan 11 Petunjuk Buruh Paksa ILO.
- Kami sentiasa berinteraksi dengan CBP AS untuk menyediakan kemas kini kemajuan inisiatif kami untuk menambah baik amalan buruh.
- Pada 2022, ELEVATE menyiapkan penilaian di lapangan, yang terdiri daripada lawatan dan audit yang tidak diumumkan ke 25 ladang dan tiga kilang di semua operasi FGV di Malaysia. Berdasarkan hasil penilaian ELEVATE, FGV sedang melaksanakan pelan pemulihan dan menjangka serahan laporan akhir kepada CBP AS tidak lama lagi.

Pensijilan RSPO

- Sehingga akhir 2022, 30 daripada 67 kilang FGV dan pangkalan bekalannya telah diperakui RSPO, manakala kilang selebihnya yang tidak diperakui telah menjalani dan menyelesaikan semua penyediaan yang diperlukan dan bersedia untuk memulakan audit pensijilan.
- Kami sedang berusaha untuk memperakui semula Kilang Serting dan terus memastikan perakuan 100% kilang kami oleh RSPO.

Fair Labor Association (FLA)

- Selepas tahun kedua gabungan FGV, FLA menjalankan Penilaian Luar Bebas (IEA) antara November 2021 hingga Januari 2022, yang melibatkan semakan sistem pengurusan dan operasi lapangan FGV.
- Penilaian ini berpandukan Tatakelakuan Tempat Kerja (WCOC) FLA, yang diperolehi daripada piawaian buruh antarabangsa dan amalan buruh global. Secara keseluruhan, FLA menilai sembilan tapak yang terdiri daripada tiga kilang dan enam ladang dan FLA mendapati tidak ada ketidakpatuhan terhadap ukur rujuk buruh paksa FLA dan tidak menemui bukti buruh kanak-kanak.
- Laporan IEA juga menunjukkan pencapaian kemajuan FGV dalam komitmen Pengurusan Tertingginya, pelarasan dasar dengan piawaian antarabangsa dan nasional, dan adanya interaksi organisasi masyarakat madani, khususnya pada peringkat ibu pejabat.

**Pematuhan terhadap Keperluan Penyenggaraan tentang Spread Pemegangan Saham Awam****Maklum balas kami**

- Bursa Securities memberikan FGV lanjutan enam bulan ketiga sehingga 3 Ogos 2022 untuk Syarikat mematuhi Keperluan Spread Pemegangan Saham Awam.
- FGV mengemukakan permohonan kepada Bursa Securities untuk mendapatkan lanjutan masa untuk FGV mematuhi Keperluan Spread Pemegangan Saham Awam. FGV akan menilai dan meneroka pelaksanaan korporat yang melibatkan terbitan Saham Keutamaan Islam baharu dalam FGV sebagai sebahagian daripada pelan pembetulan supaya FGV mematuhi Keperluan Spread Pemegangan Saham Awam.
- Bursa Securities memberi FGV tempoh lanjutan enam bulan sehingga 2 September 2023 untuk mematuhi Keperluan Spread Pemegangan Saham Awam.

Integriti Pelaporan Korporat Dan Hubungan Bermakna Dengan Pemegang Kepentingan

LIPUTAN MEDIA

Sebagai tambahan kepada saluran komunikasi lain, FGV memanfaatkan media untuk mendekati orang ramai, membina imej positif dan memaklumkan pemegang kepentingan tentang perkembangan Kumpulan. Kumpulan sering berkongsi kemas kini melalui platform media sosialnya termasuk Facebook, Instagram, LinkedIn dan YouTube, dengan purata empat paparan setiap minggu. Untuk memupuk hubungan positif dengan rakan media, FGV memastikan respons yang cepat dan tepat atas pertanyaan mereka.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat agung berfungsi sebagai platform utama untuk interaksi bersemuka antara Syarikat, yang diwakili oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan, dengan pemegang saham, menjadikannya forum penting untuk dialog. Pengerusi Lembaga Pengarah, Pengerusi Jawatankuasa Lembaga dan ahli Jawatankuasa, CEO Kumpulan dan ahli kepimpinannya menghadiri AGM untuk memastikan penyertaan aktif dan komunikasi yang berkesan dengan pemegang saham.

Piagam Lembaga Pengarah menggariskan tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk memastikan pengendalian mesyuarat agung yang cekap sebagai mekanisme kritikal untuk komunikasi pemegang saham. Hal ini termasuk pembekalan maklumat yang komprehensif dan tepat pada masanya kepada pemegang saham dan pemastian penyertaan aktif. Untuk membolehkan penyertaan yang lebih luas, FGV memanfaatkan teknologi, membolehkan pemegang saham mengambil bahagian dari jauh dan membuang undi mereka secara elektronik. Pemegang saham juga dapat melihat prosiding AGM ke-14, menghantar soalan dan melihat jawapan soalan itu melalui penstriman langsung menggunakan kemudahan AGM LUMI di <https://web.lumiagm.com>. Platform ini menggunakan teknologi berpaten yang telah terbukti secara bebas sebagai tepat dan selamat. Butiran prosiding dan prosedur AGM ke-14 maya sepenuhnya tersedia bawah Amalan 13 Laporan CG 2022.

FGV menerbitkan minit penuh AGM ke-14 yang diadakan pada 23 Jun 2022, termasuk pembentangan CEO Kumpulan, jawapan FGV terhadap soalan Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti (MSWG), dan senarai lengkap 42 soalan yang dikemukakan oleh pemegang saham bersama jawapan FGV di laman web korporat di www.fgvholdings.com.



Maklumat lanjut tentang prosiding AGM ke-14 boleh didapati dalam Laporan CG 2022, yang tersedia dalam talian di www.fgvholdings.com.

PERTANYAAN

FGV menghargai komunikasi dan maklum balas daripada pemegang saham sepanjang tahun. Pemegang saham dialu-alukan untuk mengemukakan pertanyaan atau kemusykilan tentang Kumpulan, dan urusan ini boleh ditujukan kepada pasukan IR atau pasukan Komunikasi Strategik Kumpulan. Untuk pertanyaan berkaitan dengan hal pegangan saham, pemegang saham boleh menghubungi Pendaftar Saham Syarikat dan menunjukkan usaha kepada Pengarah Bebas yang memegang jawatan Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif. Butiran untuk dihubungi adalah seperti yang berikut:

Pasukan Perhubungan Pelabur

Nurul Syazatul Aiman Taifor
Ketua Hubungan Pelabur
Aras 20, Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Malaysia



03 2789 0000



03 2789 0001



fgv.investors@fgvholdings.com

Pasukan Komunikasi Strategik Kumpulan



fgv.enquiries@fgvholdings.com

Pendaftar Saham



bsr.helpdesk@boardroomlimited.com

Platform untuk Pemegang Saham/Pemegang Kepentingan berurusan




sid@fgvholdings.com

Prinsip C:**Integriti Pelaporan Korporat Dan Hubungan Bermakna Dengan Pemegang Kepentingan****PELAPORAN DAN PENDEDAHAN KEWANGAN**

Lembaga Pengarah FGV komited sepenuhnya untuk menyediakan penilaian yang saksama dan objektif atas kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan dalam semua laporan kewangannya, termasuk Keputusan Kewangan Suku Tahunan, Penyata Kewangan Beraudit (AFS), Laporan Bersepadu Tahunan dan laporan lain yang dikeluarkan oleh Kumpulan. Semua pengumuman oleh Kumpulan dibuat kena pada masanya dan Penyata Kewangan Kumpulan mematuhi kehendak yang dinyatakan menurut MFRS, IFRS, Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, Akta Syarikat 2016, serta undang-undang dan peraturan berkaitan di negara di tempat operasi FGV.

Untuk memastikan ketepatan dan kesaksamaan dalam laporan kewangan kami, Jawatankuasa Audit menjalankan semakan komprehensif terhadap AFS dan laporan suku tahunan yang dikaji oleh juruaudit luaran FGV. Selain itu, kami mengambil serius tanggungjawab untuk menyediakan gambaran keseluruhan yang komprehensif dan telus tentang prestasi kewangan kami kepada pemegang saham, pelabur dan pihak berkuasa kawal selia.

 Maklumat lanjut tentang Penyata Tanggungjawab Pengarah berhubung dengan penyediaan AFS FGV dibentangkan pada halaman 1 Laporan AFS.

LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN

Terbitan ini ialah Laporan Bersepadu Tahunan kelapan dan Laporan Tahunan kesebelas FGV, sebagai bukti komitmen kami terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban sejak penyenaraian kami di Bursa Securities pada 28 Jun 2012. Laporan Bersepadu Tahunan menawarkan tinjauan meluas tentang operasi dan prestasi kewangan Kumpulan pada 2022, menunjukkan dedikasi kami untuk menyampaikan nilai kepada pemegang kepentingan melalui amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan lestari.

PELAN UNTUK 2023

Pada 2023, keutamaan tadbir urus untuk menyokong dan menyelaraskan strategi dan plan perniagaan FGV adalah seperti yang berikut:

- Meneroka dan menilai peluang menggunakan alat penilaian risiko projek FGV untuk mengembangkan perniagaannya melalui urus niaga korporat yang terpilih dan tokok nilai.
- Memperkukuh dan menambah baik Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM), Tadbir Urus Korporat Kumpulan dan ESG FGV; Mekanisme Antirasuah dan Pemberitahuan Maklumat sedang dipertingkatkan, memperluas dasar berkaitan kepada subsidiari antarabangsa atau perniagaan baharu, menambah baik pengurusan vendor dan mengkaji daftar risiko sedia ada.
- Mengkaji dan mempertingkatkan dasar dan prosedur dalaman yang berkaitan dengan urusan Lembaga.

PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah membincangkan, menyemak dan meluluskan Penyata ini dan kecuali seperti yang didedahkan, berpuas hati bahawa Kumpulan telah memenuhi tanggungjawabnya bawah perenggan berkaitan menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, Akta Syarikat 2016, MCCG, Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Securities undang-undang dan peraturan lain yang berkenaan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Lembaga Pengarah mengesahkan prinsip tadbir urus korporat yang baik yang terkandung dalam MCCG 2021 telah digunakan secara konsisten bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Penjelasan kami tentang penyimpangan daripada prinsip tertentu disediakan di bawah.

AMALAN**RINGKASAN PENJELASAN**

Amalan 5.10 Dasar BNE mempunyai peruntukan tentang kepelbagaian untuk Lembaga Pengarah yang merangkumi jantina. Walau bagaimanapun, tiada dasar kepelbagaian jantina untuk Pengurusan Kanan. FGV komited untuk menyediakan peluang sama dalam pengambilan dan pemajuan kerjaya tanpa mengira etnik, budaya, umur dan jantina. FGV juga komited untuk menyepadukan perspektif jantina dalam pelaksanaan tanggungjawab Kumpulan untuk menghormati hak asasi manusia.

Pada 2022, FGV menjadi penandatangan Prinsip Pemerkasaan Wanita yang dibangunkan oleh *United Nations Global Compact* dan *United Nations Women*. Terdapat empat wanita dalam Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan FGV.

Amalan 8.2

FGV percaya bahawa pendedahan imbuhan Pengurusan Kanan secara terperinci mungkin memudaratkan kepentingan perniagaannya memandangkan persekitaran sumber manusia yang kompetitif terhadap pengetahuan dan pengalaman kakitangan tersebut dalam FGV.

Walaupun bagaimanapun, nama lima Pengurusan Kanan teratas yang imbuhanannya adalah dalam julat RM50,000 dinyatakan pada halaman 144 laporan ini.

Lembaga Pengarah komited dalam pembentukan organisasi yang bertanggungjawab dan akan mengkaji serta memperhalus secara kerap amalan tadbir urus korporat Kumpulan untuk mengekalkan rangka kerja yang wajar dan mantap untuk tadbir urus yang berkesan demi kepentingan pemegang saham dan pemegang kepentingan.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 29 Mac 2023.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah dengan sukacita membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam, selaras dengan Bab 15, Perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan Prinsip B Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2021, dengan panduan daripada Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam: Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Tersenarai.

KEBERKESANAN PENGURUSAN RISIKO

Kejayaan FGV dan komitmennya yang tidak berbelah bahagi untuk mencapai objektif strategiknya secara intrinsik boleh dikaitkan dengan pengurusan risiko yang berkesan. Kumpulan telah menggabungkan pengurusan risiko dalam prosedur operasinya pada semua peringkat organisasi, dengan objektif utama untuk memastikan kecemerlangan dalam amalan pengurusan risiko. Program kesedaran dalaman sentiasa dijalankan untuk memastikan kakitangan FGV memahami asas pengurusan risiko dan sentiasa seiring dengan perkembangan amalan pengurusan risiko Kumpulan. Selain itu, FGV dilengkapi dengan struktur tadbir urus, risiko dan pematuhan bersepadu yang membantu Pengurusan dalam pengawasan risiko, proses dan kawalan.

Kumpulan akur bahawa pengurusan risiko yang berkesan adalah penting untuk memacu proses pembuatan keputusan termaklum yang selaras dengan matlamat korporat keseluruhan. Strategi pengurusan risiko FGV yang teguh dan tangkas berfungsi sebagai asas yang kukuh untuk kejayaan jangka panjangnya.

Berasaskan pendekatan risiko holistik, Kumpulan berkemampuan untuk melindungi cadangan nilainya sementara mengurus potensi ancaman secara proaktif terhadap penyampaian objektif strategik dan operasinya, sambil memanfaatkan peluang baharu. Pengurusan risiko yang berkesan juga penting dalam proses pembuatan keputusan Kumpulan kerana tindakan ini membolehkan:

- Pengutamaan usaha perancangan untuk memastikan kejayaan penyampaian objektif strategiknya.
- Pertimbangan potensi risiko dan ganjaran apabila mewujudkan dan melaksanakan kawalan dalam bidang yang mempunyai kepentingan kritikal.
- Penambahbaikan fokus terhadap sumber jaminannya dalam bidang risiko dan ketidakpastian tertentu.
- Penerokaan peluang baharu sementara mengurus risiko secara serentak dalam persekitaran luaran yang pantas berubah.
- Penerapan amalan terbaik selaras dengan MCCG.

Kumpulan menggunakan rangka kerja piawai untuk menerangkan, menganalisis dan melaporkan semua risiko. Rangka kerja ini melibatkan penilaian kemungkinan kejadian dan potensi impak terhadap objektif, dengan menggunakan pelbagai ukuran impak. Keberkesanan dan kecukupan mitigasi risiko dinilai secara berkala oleh pemilik risiko.

Di FGV, pemilik risiko bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menilai dan mengutamakan risiko berdasarkan potensi impak terhadap objektif perniagaan dan operasi masing-masing. Tinjauan risiko ini kemudiannya disepadukan dalam perancangan strategik dan belanjawan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) menyemak dan mempertimbangkan risiko utama Kumpulan, termasuk risiko memunculkan, dan memajukannya kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah (BGRMC) untuk dibincangkan dan dimaklumi. Hasil proses ini kemudiannya disemak oleh Lembaga, yang bergantung pada matriks pengawasan pengurusan risiko untuk mendapatkan keyakinan dalam pengurusan risiko tersebut.

Setiap unit perniagaan mengurus risiko hari ke hari menerusi usaha mitigasi yang sesuai, manakala Kumpulan mengawasi dan memantau aktiviti tadbir urus dan pematuhan tersebut. Audit Dalaman Kumpulan menyediakan jaminan bebas tentang aktiviti pengurusan risiko tersebut.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

KAEDAH PENGURUSAN RISIKO

FGV menggunakan proses pengurusan risiko komprehensif yang merangkumi dua aspek utama: pengenalpastian risiko utama Kumpulan dan penyediaan jaminan munasabah dalam pengurusan risiko tersebut mengikut keinginan risikonya. Proses ini disokong oleh Piawaian Pengurusan Risiko ISO 31000 dan diselia oleh BGRMC. BGRMC memastikan budaya risiko yang kukuh diterapkan dalam Kumpulan dan mengkaji risiko utama Kumpulan serta perkembangan dan langkah menanganinya. Bahagian Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan (GGRM) bertanggungjawab terhadap dasar dan rangka kerja pengurusan risiko, memberikan sokongan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam pengembangan budaya kesedaran, metodologi, alat dan kemahiran risiko yang diperlukan dalam pengawasan risiko.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko melibatkan pendekatan atas ke bawah untuk mengenal pasti risiko utama Kumpulan dan pendekatan bawah ke atas untuk mengenal pasti risiko operasi. Risiko perniagaan utama dilaporkan pada setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Risiko Sektor masing-masing untuk dibincangkan dan diberikan panduan sebelum dipilih untuk dimaklumkan selanjutnya kepada RMC dan BGRMC agar risiko itu dipastikan berada pada tahap yang boleh diterima dan selaras dengan objektif strategik dan keinginan risiko Kumpulan. RMC juga secara berkala melakukan tinjauan mendalam untuk menyokong topik strategik yang berkaitan dengan agendanya.

Sehubungan dengan risiko iklim, FGV menyokong cadangan Pasukan Petugas tentang Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim (TCFD) dan mendedahkan pengurusan risiko dan peluang berkaitan dengan iklim melalui Rangka Kerja Kelestariannya. Kumpulan mempertimbangkan impak perubahan iklim terhadap strategi dan operasinya dan menyelidiki impak tertentu seterusnya yang mungkin dihadapi sambil mengambil langkah menangani impak itu secukupnya.

 Maklumat lanjut tentang BGRMC dan AC boleh didapati dalam Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat pada halaman 147-155.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Objektif utama Rangka Kerja Pengurusan Risiko adalah untuk menyokong pencapaian matlamat strategik FGV dengan memacu tingkah laku yang telus dan proaktif, yang membenarkan kami untuk:

- Memahami landskap risiko dan menilai risiko khusus dan potensi pendedahan.
- Menentukan pendekatan yang paling sesuai untuk menangani risiko ini untuk mengurangkan potensi pendedahan keseluruhan.
- Menggunakan kaedah yang sesuai untuk mengurus risiko yang dikenal pasti.
- Memantau dan mendapatkan jaminan tentang keberkesanan kaedah pengurusan risiko, dan mengambil tindakan pembetulan jika perlu.
- Melaporkan kaedah pengolahan, pemantauan, pemastian dan menangani risiko penting kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah secara berkala.

PROSES


Pemantauan & Semakan

Proses pemantauan dan semakan yang menjejak status terkini profil risiko, mengesan perubahan konteks risiko, dan memastikan kawalan secukupnya dalam reka bentuk dan operasi.



Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

Gambar rajah di bawah menunjukkan matriks pengawasan pengurusan risiko FGV.



INISIATIF UTAMA 2022

Proses pemantauan risiko Kumpulan terus berevolusi secara berkesan semasa menghadapi cabaran baharu.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Sebelum penubuhan RMC, Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC) bertindak sebagai platform untuk Pengurusan Tertinggi mengenal pasti, menganalisis dan mempertimbangkan risiko perniagaan utama FGV dan langkah pengurangannya merentas Kumpulan agar GMC dapat menitikberatkan usaha dan pelaksanaan khidmat perniagaan. RMC menyediakan platform untuk Pengurusan Kanan mengenal pasti, menyemak, menilai dan mempertimbangkan proses risiko Kumpulan, termasuk laporan risiko dan program pengurusan krisis. RMC mengadakan mesyuarat suku pertamanya pada Ogos 2022.

Hasil: Semua garis panduan, cadangan dan keputusan yang dibuat semasa mesyuarat RMC telah dilaksanakan dengan sewajarnya oleh ahli jawatankuasa masing-masing untuk memastikan kawalan secukupnya disediakan sementara mengekalkan budaya risiko yang teguh dan pendekatan pengurusan risiko yang seimbang.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

Penilaian Risiko Konflik Rusia-Ukraine

Sejumlah tiga tinjauan risiko dengan perniagaan utama terpilih dalam Kumpulan telah dijalankan sepanjang tahun untuk menilai impak konflik Rusia-Ukraine. Soal selidik tinjauan seperti yang dikeluarkan oleh GGRM menyediakan konteks penilaian yang melengkapkan kemas kini daftar risiko Sistem Pengurusan Risiko Perusahaan (ERMS) suku tahunan oleh perniagaan yang mengambil bahagian. Keputusan tersusun tinjauan ini telah dianalisis, berbanding dengan daftar risiko ERMS dan dilaporkan kepada RMC.

Hasil: Keputusannya menunjukkan entiti yang lebih goyah dan lebih terdedah kepada risiko. Keputusan itu juga menyerlahkan entiti yang menghadapi cabaran daripada impak peningkatan kos operasi. Dapatan tinjauan risiko konsisten dengan kemas kini daripada daftar risiko ERMS, termasuk elemen perang dan pertambahan risiko utama.

Pengenalan WRO oleh CBP AS

Sejak September 2022, *Customs and Border Protection* (CBP) Amerika Syarikat (AS) mengenakan Perintah Sekatan Pelepasan (WRO) atas semua minyak sawit dan produk minyak sawit yang diimport oleh FGV di semua pelabuhan masuk AS, memetik dakwaan buruh paksa dan buruh kanak-kanak paksa. WRO dikeluarkan sebagai gerak balas terhadap petisyen yang dikemukakan oleh gabungan pertubuhan bukan kerajaan, yang mendakwa penggunaan buruh paksa dalam operasi ladang FGV, termasuk pergantungan ketara pada pekerja asing, persaingan disyaki dalam kalangan pengeluar/negara pengeluar minyak sayuran dan kemungkinan pusing ganti pekerja asing yang tinggi kerana mereka tidak mengetahui sistem FGV. Keadaan ini menimbulkan cabaran yang besar dalam operasi import dan eksport FGV dan mungkin memberikan impak negatif terhadap reputasi dan prestasi kewangannya.

Hasil: FGV telah mengambil beberapa langkah untuk menangani risiko WRO yang berlanjutan terhadap minyak sawit dan produk minyak sawitnya. Langkah ini termasuk dasar dalaman yang melarang penggunaan bekalan buruh oleh kontraktor dan pelarian, pelibatan secara langsung dengan pekerja asing di negara asal mereka dan berurusan dengan kementerian dan agensi yang berkaitan untuk interaksi dan resolusi kerajaan ke kerajaan. Selain itu, FGV telah melantik penilai pihak ketiga yang bebas untuk memantau kemajuan pelan tindakan pemulihan dan menyediakan kemas kini sekata kepada CBP AS. FGV juga telah mewujudkan mekanisme rungutan dalam penyediaan proses yang formal dan telus untuk pekerja dan pemegang kepentingan luar menyuarakan kemusykilan atau aduan tentang amalan buruh atau pencabulan hak asasi manusia. Langkah ini menunjukkan komitmen FGV terhadap amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan beretika dan seterusnya meningkatkan pendekatan keseluruhannya dalam penyelesaian perkara yang berkaitan dengan WRO dan membatalkan WRO.

Pengurusan Kejadian Banjir Monsun

Musim tengkujuh menimbulkan risiko alam sekitar kronik yang menjerihkan pekerja FGV dan masyarakat sekitar akibat banjir besar yang juga mengganggu operasi perniagaan di kawasan yang terjejas. Pada 2022, pengaktifan semula Pasukan Petugas Pengurusan Kejadian Banjir (FIMT) dari 2021 merupakan langkah kritikal ke arah menangani potensi impak banjir monsun akhir tahun yang dijangkakan. FIMT berfungsi sebagai saluran komunikasi penting untuk kakitangan FGV semasa kejadian sedemikian, dan maklumat yang dikumpulkan melalui platform ini membolehkan pengaturan bantuan oleh FGV yang kena pada masanya dan berkesan untuk pekerja dan ahli komuniti yang terjejas di kawasan terlibat. Skwad bantuan banjir FGV yang terdiri daripada sukarelawan dari kalangan kakitangan FGV yang berikhtiar bawah seliaan FIMT untuk menghulurkan bantuan semasa banjir monsun. FGV berbangga kerana telah memainkan peranan sebagai Sekretariat Pasukan Petugas ini dengan kerjasama pemegang kepentingan lain, dan FGV beriltizam akan meneruskan kerjasama ini untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja FGV dan masyarakat sekitar pada musim tengkujuh.

Hasil: Mekanisme telah diwujudkan untuk mengumpul maklumat tentang kejadian banjir, memberikan tinjauan meluas tentang titik panas banjir yang berfungsi sebagai awasan bencana. Mekanisme awasan ini menunjukkan jumlah bilangan pekerja, syarikat dan lokasi yang terjejas, dan digunakan sebagai panduan dan pemantauan oleh Pasukan Petugas. Peranan dan sumbangan Pasukan Petugas dan skuad bantuan melambangkan kesefahaman FGV terhadap mangsa banjir dan usaha kami dalam pencepatan proses pemulihan. Pada 27 Disember 2022, Pasukan Petugas ini mengaktifkan misi bantuan banjir ke Terengganu untuk mengagihkan 1,000 beg bantuan makanan penting yang mengandungi produk FGV. Selain itu, bot penyelamat dibekalkan kepada kakitangan FGV dan peneroka FELDA yang terjejas. FGV juga menyumbang RM5 juta kepada Tabung Bantuan Bencana Negara (TBBN) untuk membantu mangsa banjir di negara ini.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

Pembaharuan Ikrar Integriti Dalam Talian

Mengangkat dan memperbaharu ikrar integriti pada setiap tahun diwajibkan atas semua kakitangan FGV. Pada 2022, keperluan ini diperluas kepada Lembaga Pengarah.

Hasil: Selain meningkatkan kebolehpercayaan dan imej Syarikat, ikrar integriti dalam talian memperjelas pendirian Syarikat kepada semua pekerja tentang toleransi sifarnya terhadap rasuah demi meningkatkan kesedaran dan mengurangkan risiko rasuah. Sejumlah 100% daripada 16,812 pekerja menandatangani ikrar.

Daya Tahan Organisasi Semasa Pandemik COVID-19

FGV mengambil pendekatan menyeluruh untuk mengurus cabaran yang ditimbulkan oleh pandemik COVID-19. Pendekatan ini termasuk pengemaskinian Prosedur Operasi Piawaian (SOP) COVID-19 Kumpulan, untuk memastikan pematuhan terhadap arahan kerajaan dan pihak berkuasa, menyelia pengurusan wabak, memantau status kesihatan pekerja dengan teliti, menutup tempat kerja dan melaksanakan pengaturan kerja dari rumah jika perlu serta menilai dan memantau risiko yang melibatkan pandemik, serta mengukuhkan komunikasi secara berstruktur dan berkesan di seluruh Kumpulan.

Hasil: FGV telah membangunkan daya pulih organisasi menerusi pembendungan penularan selanjutnya COVID-19, dengan merumuskan gerak balas yang teratur terhadap pelaporan kes positif, melindungi produktiviti pekerja dan menegaskan komitmen terhadap rakan niaga serta memastikan kestabilan perhubungan dengan agensi kerajaan yang berkaitan. Usaha Kumpulan telah teriktiraf apabila FGV dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pengurusan Risiko MARIM 2022 untuk Kecemerlangan Daya Tahan semasa pandemik COVID-19.

Penilaian Kecukupan Prosedur 2022

FGV mengukuhkan komitmennya dengan melaksanakan sistem kawalan dalaman pengurusan integriti dan pencegahan rasuah melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), mekanisme pemberitahuan maklumat serta program kesedaran berterusan. Kumpulan juga secara sukarela menyertakan hasil usahanya dalam perjuangan integriti kepada Anugerah Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah 2022 (AIGA 2022), anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM), untuk dinilai.

Hasil: Inisiatif ini telah memanfaatkan kami dalam pelbagai cara, terutamanya dalam pengukuhan asas tadbir urus. Hasil daripada penilaian yang dijalankan oleh IIM, FGV telah menerima anugerah gangsa dalam AIGA 2022 kerana menunjukkan komitmen untuk memupuk dan mengamalkan integriti, tadbir urus terbaik dan inisiatif pencegahan rasuah.

RISIKO DAN KETIDAKPASTIAN UTAMA

Sebagai organisasi pelbagai, FGV terdedah kepada bermacam-macam risiko, seperti risiko makroekonomi dan risiko khusus industri, yang bukan dalam kawalannya. Untuk menangani risiko ini, Kumpulan telah menyediakan tinjauan meluas tentang risiko utamanya, termasuk Petunjuk Risiko Utama masing-masing, dan mempertimbangkan potensi risiko dan peluang. FGV akur bahawa mungkin terdapat risiko yang tidak diketahui atau pada masa ini tidak material yang boleh menjadi material pada masa hadapan dan menjejaskan prestasi, aset, kecairan, sumber modal dan reputasi organisasi.

Untuk memastikan Syarikat tersedia untuk menangani cabaran perniagaan dan supaya sehaluan dengan keutamaan strategiknya, FGV sentiasa menyemak risiko utamanya. BGRMC membincangkan pelaporan risiko utama, berserta tindakan mitigasi yang sepadan, manakala GGRM memudahkan proses pengurusan risiko. Impak potensi risiko ini, sama ada secara individu atau gabungan, boleh memberikan impak buruk terhadap perniagaan organisasi. Untuk terus mendahului landskap risiko yang silih berubah dan semakin kompleks, FGV menerapkan pendekatan pandangan ke hadapan untuk mengenal pasti risiko memunculkan yang belum difahami dan diuruskan sepenuhnya. Kumpulan menganalisis kaedah perkembangan dan perkaitan risiko antara satu sama lain untuk menilai potensi impaknya terhadap FGV, mengurangkan ketidakpastian, mencegah kerugian tidak dijangka dan meningkatkan kesedaran dalam Kumpulan dan seluruh industri.

Sebagai sebahagian daripada proses penilaian, risiko memunculkan dikenal pasti melalui imbasan luar sekitaran, tinjauan risiko dalaman unit perniagaan utama, analisis pelbagai laporan, serta cerapan perubahan pasaran dan industri. RMC, BGRMC dan Lembaga Pengarah menilai ringkasan risiko memunculkan yang dikenal pasti melalui proses ini, yang terus dipantau sebagai sebahagian daripada proses pengurusan risiko Kumpulan. Risiko yang sedang dipantau oleh FGV termasuk, antara lain, kemelesetan ekonomi, kelembapan China, kelemahan Ringgit Malaysia, kejatuhan harga komoditi, tekanan inflasi, konflik Rusia-Ukraine dan potensi serangan ancaman militan.



Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

Pautan kepada Teras Strategik FGV



Penambahbaikan
Operasi



Produk &
Penembusan Pasaran



Bidang Pertumbuhan
Baharu



Pengukuhan Kewangan &
Keupayaan



PERDAGANGAN Kemudahubahan Harga MSM



Penerangan

Dagangan Minyak Sawit Mentah (MSM) tertakluk pada ketidaktentuan ketara yang menimbulkan risiko terhadap keuntungan FGV. Faktor penyebab ketidakpastian ini termasuk turun naik permintaan global, gangguan rantaian bekalan, perubahan dasar dan peraturan kerajaan serta kepedulian alam sekitar. Selain itu, turun naik harga komoditi dan kadar tukaran mata wang memburukkan risiko lagi. Pendedahan FGV kepada risiko ini adalah ketara, memandangkan pergantungannya pada MSM sebagai aliran hasil utama. Kegagalan untuk mengurus ketidakpastian ini dengan baik boleh mengakibatkan penurunan dalam hasil, keuntungan dan nilai pemegang saham.

Mitigasi Utama

Untuk menangani risiko ketidaktentuan pasaran MSM, FGV telah mengambil beberapa tindakan. Antaranya termasuk mempelbagaian aliran pendapatan menerusi peluasan ke pasaran lain, peningkatan kecekapan rantaian bekalan untuk meminimumkan gangguan, pemantauan teliti dasar dan peraturan kerajaan, pelaburan dalam amalan lestari sebagai kepedulian alam sekitar serta melindungi nilai terhadap turun naik harga komoditi dan kadar tukaran mata wang. Selain itu, FGV sentiasa memantau arah aliran pasaran dan membuat penyelidikan pasaran untuk mengenal pasti peluang memunculkan dan menyesuaikan strategi perniagaan dengan sewajarnya. Menerusi pendekatan proaktif dan komprehensif terhadap pengurusan risiko, FGV menyasarkan mitigasi impak ketidaktentuan pasaran terhadap hasil, keuntungan dan nilai pemegang sahamnya.



PASARAN Kenaikan Harga Komoditi Tenaga dan Baja



Penerangan

Kenaikan harga tenaga dan baja merupakan cabaran utama dalam pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS). Nitrogen, Fosforus dan Kalium (NPK) merupakan komponen penting baja, dan harga mineral ini turun naik kerana penyumberannya dari pelbagai wilayah di seluruh dunia. Ketegangan geopolitik akibat konflik Rusia-Ukraine pada 2022 telah menegatkan bekalan global makronutrien berasaskan mineral utama, justeru meningkatkan harga baja dengan ketara. Konflik itu juga telah mengganggu rantaian bekalan global gas asli, yang merupakan sumber bahan api penting untuk membekalkan kuasa kepada kilang penapisan gula. Kekurangan bekalannya telah menyebabkan kenaikan harga, secara langsung menambah kos pengeluaran BTS.

Mitigasi Utama

Untuk mengurus impak pasaran baja dan tenaga yang tidak menentu, FGV telah mengatur pelbagai langkah. Antaranya termasuk penambahbaikan aturan penghantaran pukal, meneroka sumber alternatif pembelian, memperkukuh hubungan dengan pengeluar dan peniaga yang andal dan bereputasi, serta meneliti harga global. Selain itu, FGV giat melaksanakan mekanisme lindung nilai untuk mengawal potensi kenaikan gerakan harga Minyak Mentah Brent, dengan panduan jelas yang disediakan oleh Jawatankuasa Perdagangan. Pergerakan pertukaran asing juga dipantau teliti untuk membuat keputusan termaklum. Untuk membalas timbal cabaran ini, FGV memanfaatkan penerimaan Dolar AS (USD) daripada jualan eksport untuk menangani impak ketegangan geopolitik dalam pasaran gas asli.



KEWANGAN Kemudahubahan Pergerakan Tukaran Asing



Penerangan

Konflik Rusia-Ukraine berlaku di wilayah yang kaya dengan sumber asli seperti minyak dan gas serta bijirin dan gandum. Konflik itu telah menyebabkan inflasi yang tinggi di banyak negara yang masih mengikhtikarkan pemulihan daripada impak pandemik COVID-19, termasuk AS. Untuk menongkah kesan inflasi, Rizab Persekutuan AS meningkatkan mata asas kadar dana beberapa kali sepanjang tahun, mengakibatkan kesan buruk terhadap negara yang mengimport komoditi dalam USD. Pendedahan kewangan langsung Sektor Gula FGV terhadap pergerakan USD yang negatif disebabkan kebergantungannya pada gula mentah diimport.

Mitigasi Utama

Untuk menangani kesan tersebut, FGV meneliti pasaran untuk berita, data, peristiwa dan arah aliran yang mungkin menjejaskan USD/MYR, merancang strategi lindung nilai baharu dan melaksanakan lindung nilai tukaran asing secara berwaspada, menaikkan sebut harga kadar tukaran asing dalam kontrak jualan industri dan menggunakan lebih banyak hasil USD daripada jualan eksport untuk membayar gula mentah.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman



BURUH Kekurangan Buruh



Penerangan

Operasi ladang FGV memerlukan sebilangan besar buruh manual justeru pergantungannya pada pekerja asing. Walau bagaimanapun, masalah kekurangan buruh yang berpanjangan sejak wabak COVID-19 pada 2020 telah menjejaskan hasil, jualan dan keuntungan BTS. Walaupun wabak itu semakin reda di sebahagian besar dunia, membolehkan pembukaan sempadan negara mereka serta pelonggaran sekatan ekonomi dan sosial pada separuh pertama tahun ini, FGV masih beransur-ansur pulih daripada kekurangan tenaga kerja yang telah menjejaskan produktiviti ladang secara negatif.

Mitigasi Utama

FGV mengambil beberapa tindakan untuk menangani cabaran ini, termasuk peningkatan penjenteraan untuk mengurangkan pergantungan pada buruh manual serta pelaksanaan aturan kerja pemulihan tanaman blok berstruktur untuk menambah kecekapan penuaian. Selain itu, FGV mengutamakan pencorakan persekitaran kerja yang kondusif, melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat, mewujudkan pusat sehati untuk pekerja baharu dan menyediakan saluran aduan serta pengurusan pekerja asing.



KELESTARIAN Dakwaan Buruh Paksa



Penerangan

Industri minyak sawit kekal diteliti dengan rapi atas amalan kelestariannya, termasuk persoalan tentang hak pekerja, penebangan hutan dan impak iklim. Dakwaan kejadian buruh paksa di ladang kelapa sawit FGV telah memberikan impak negatif terhadap reputasi dan operasi perniagaan Syarikat lantaran penggantungan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan tindakan yang diambil oleh CBP AS.

Mitigasi Utama

Untuk menguruskan persoalan tentang hak asasi manusia dan pekerja, FGV telah merumuskan rancangan pemulihan sewajarnya. Selain langkah yang telah dilaksanakan, FGV juga mengambil tindakan untuk menambah baik keadaan kehidupan dan pekerjaan, mengukuhkan pelan tindakan pengambilan pekerja dan meningkatkan kebolehesanan produk. FGV telah bekerjasama dengan *Fair Labor Association* (FLA), persatuan antarabangsa yang berusaha untuk menggalakkan dan melindungi hak pekerja serta menambah baik keadaan pekerjaan. Selain itu, FGV telah menggunakan penilai bebas untuk menilai amalan hak asasi manusia dan hak buruhnya, memudahkan pembangunan pelan pemulihan dan mengesahkan pelaksanaan rancangan pemulihan untuk menutup jurang yang dikenal pasti oleh CBP AS.



IKLIM Cuaca Melampau



Penerangan

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kekerapan dan keterukan kejadian cuaca ekstrem semakin meningkat dalam negara, khususnya banjir dan kemarau. Keadaan cuaca buruk ini ketara mengganggu proses pematangan tanaman serta keupayaan penuaian dan akhirnya, juga mengurangkan hasil BTS. Kemarau yang berpanjangan boleh menjejaskan perbungaan kelapa sawit dan menggagalkan pembentukan tandan dalam jangka pendek hingga sederhana. Selain itu, banjir boleh menghadkan akses ke ladang dan mengakibatkan kehilangan BTS yang mungkin ditenggelami air banjir, sehingga mengakibatkan kesukaran pemulihan tanaman.

Mitigasi Utama

Untuk menangani impak cuaca buruk dan keadaan iklim ekstrem terhadap hasil BTS, FGV melaksanakan amalan pertanian yang baik seperti pemuliharaan lembapan dan sungkupan, terutamanya untuk pokok sawit belum matang. Di beberapa ladang yang terdedah kepada banjir, benteng dibina, sistem perparitan dipertingkatkan dan penuaian secara fleksibel diatur sebagai sebahagian daripada gerak balas mitigasi.

Selain langkah ini, FGV mengenggang tekad untuk menjadi perniagaan dengan pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Sebagai syarikat perladangan pertama di Malaysia yang mengesahkan komitmen ini, FGV telah menandatangani ikrar Inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) yang disokong oleh Bangsa-Bangsa Bersatu yang menetapkan 1.5°C sepanjang rantai nilainya.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam



KESELAMATAN SIBER Ancaman Keselamatan



Penerangan

Pandemik COVID-19 telah menyerlahkan peranan kritikal infrastruktur digital dalam pengekalan sambungan, dan penggunaan meluas peranti sambungan banyak memanfaatkan organisasi kami. Walau bagaimanapun, sambungan ini juga telah mendedahkan kami kepada ancaman dan risiko keselamatan siber yang baharu dan tidak terduga. Serangan perisian hasad, kegoyahan keselamatan tidak dibaiki, rangkaian Wi-Fi tidak selamat, kata laluan lemah dan sikap pengguna lewa semuanya boleh menjejaskan kendalian dan keselamatan sistem teknologi maklumat Syarikat. Sebarang gangguan dalam sistem ini boleh menyebabkan penurunan kecekapan operasi dan berpotensi mengakibatkan kerugian kewangan.

Mitigasi Utama

FGV telah melaksanakan pelbagai langkah mitigasi untuk menguruskan risiko keselamatan siber. Organisasi menjalankan semakan sistematik terhadap kelemahan keselamatan persekitaran IT untuk menilai kegoyahan sistem terhadap sebarang kelemahan. Selain itu, FGV membeli insurans keselamatan siber yang merangkumi beberapa perlindungan dan meneruskan agendanya untuk mendidik pekerja tentang ancaman berkaitan dengan keselamatan.

RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Unsur utama rangka kerja kawalan dalaman FGV yang dirumuskan oleh Lembaga Pengarah adalah seperti yang berikut:

NILAI TERAS KUMPULAN

Budaya korporat Kumpulan termaktub dalam nilai terasnya iaitu Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisme dan Semangat (PRIDE). Nilai teras ini penting untuk membina budaya beretika dan berprestasi tinggi demi mencapai visi Kumpulan serta menyokong objektif dan matlamatnya. Semua pekerja diberi kesedaran tentang nilai ini untuk mewujudkan tatalaku dan budaya yang betul dalam Kumpulan. Elemen PRIDE membentuk sebahagian daripada penilaian prestasi tahunan pekerja iaitu 40% daripada markah keseluruhan.

- **Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan untuk Pekerja**

FGV mempunyai Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan untuk Pekerja (COBCE). COBCE mengasuh pekerja agar mendukung nilai Kumpulan dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan menerusi amalan perniagaan yang jujur, telus dan beretika.



Maklumat lanjut tentang COBCE boleh didapati dalam Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat pada halaman 146.

- **Dasar Pemberitahuan Maklumat**

FGV bertekad untuk menjunjung piawaian integriti tertinggi dalam kalangan semua pekerja dan pihak berkepentingan. Dasar Pemberitahuan Maklumat Kumpulan diwujudkan pada 2012 dan disemak setiap tahun supaya kekal relevan. Dasar ini menyediakan saluran khusus untuk pekerja dan pemegang kepentingan mendedahkan atau membangkitkan usaha benar tentang perbuatan tidak elok, salah laku atau penyelewengan lain, secara telus dan sulit tanpa bimbang dikenakan hukuman atau dilayan secara tidak saksama. Dasar ini juga menyediakan platform untuk menangani aduan pemberi maklumat menerusi saluran yang betul selain melindungi pemberi maklumat tersebut.

- **Sistem Pengurusan Antirasuah**

Untuk membuktikan pendirian FGV yang tidak bertolak ansur terhadap sogokan dan rasuah, FGV mempunyai ABMS diperakui ISO untuk menegakkan perlakuan perniagaan yang beretika dan berintegriti tinggi, sebagai langkah secukupnya sebagai pematuhan terhadap Seksyen 17A Akta SPRM untuk melindungi dirinya daripada risiko sogokan dan rasuah. FGV akan terus membuat pensijilan semula ABMS bagi 2023-2025.

STRUKTUR ORGANISASI DENGAN TAKRIFAN JELAS TANGGUNGJAWAB DAN PEMBAHAGIAN KUASA

FGV mempunyai struktur organisasi yang mentakrifkan peranan dan tanggungjawab jawatan dalam FGV untuk membolehkannya bergerak balas dengan pantas terhadap perubahan dan persekitaran perniagaan, serta penyeliaan dan penyelarasan yang berkesan untuk operasi harian perniagaan. Had Kuasa Kumpulan (GLOA) menjadi rujukan teras pembahagian kuasa dalam operasi harian Kumpulan menerusi pemerkasaan pelbagai tahap Pengurusan dalam pembuatan dan pelaksanaan keputusan urusan niaga perniagaan Kumpulan berdasarkan toleransi risiko Lembaga. GLOA disemak dan dikemas kini secara berterusan untuk memastikan keterterapannya dalam operasi dan keselarasannya dengan dasar lain Kumpulan.

DASAR & PROSEDUR

Dokumen dasar dan prosedur membentuk sebahagian penting sistem kawalan dalaman Kumpulan untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan daripada kerugian material. Dokumen ini juga memastikan maklumat yang lengkap dan tepat. Dokumen ini terdiri daripada dokumen dasar, SOP, pekeliling, manual dan buku panduan yang sentiasa disemak dan dikemas kini untuk memenuhi keperluan perniagaan dan operasi terkini.

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

PENILAIAN KENDIRI KAWALAN

Mekanisme Penilaian Kendiri Kawalan dilaksanakan pada 2020 sebagai inisiatif untuk menerapkan budaya pengurusan dan pematuhan risiko yang lebih baik. Pada 2022, kesemua ladang FGV Plantation (Malaysia) Sdn Bhd menjalankan Penilaian Kendiri Kawalan menerusi mekanisme kaji selidik untuk proses terpilih. Kaji selidik tersebut dilengkapkan oleh ladang terbabit dan disahkan oleh Audit Dalaman Kumpulan, manakala maklum balas tentang tahap pematuhan diserahkan kepada Jawatankuasa Audit (AC).

PEMANTAUAN PRESTASI

Laporan Pengurusan dibincangkan setiap bulan pada tahap GMC untuk menyemak prestasi kewangan dan operasi pelbagai perniagaan dalam Kumpulan. Semakan tersebut merangkumi penunjuk prestasi utama kewangan dan bukan kewangan, serta selisihan antara belanjawan dengan keputusan operasi. Prestasi kewangan dan operasi disemak setiap suku tahun oleh Lembaga Pengarah untuk memantau kemajuan perniagaan FGV berbanding dengan penetapan strategi dan prestasi Pengurusan berbanding dengan penetapan belanjawan dan sasaran tahunan. Menerusi platform ini, tindakan dan inisiatif telah diambil untuk menutup sebarang jurang dalam pencapaian strategi dan belanjawan.

PEMBINAAN KEUPAYAAN

FGV menitikberatkan pengenalan dan pembangunan calon berpotensi tinggi dalam pelan penggantian dan untuk menyokong strategi pertumbuhan Kumpulan. Langkah ini perlu untuk membina benteng penggantian yang mantap serta bakat yang berwibawa menerusi program pembangunan kecekapan untuk membina kemahiran yang diperlukan dalam operasi perniagaan.

KECUKUPAN DAN KEBERKESANAN

Pada 2022, Lembaga Pengarah menilai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman berdasarkan laporan suku tahun dan laporan Lembaga Pengarah tertentu daripada BGRMC, AC dan Jawatankuasa Lembaga. Lembaga Pengarah, melalui AC, bergantung pada fungsi Audit Dalaman Kumpulan untuk menilai kecukupan dan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan yang dilaksanakan oleh Pengurusan secara bebas. Saranan yang timbul daripada audit dalaman dilaksanakan oleh Pengurusan sebagai penambahbaikan berterusan proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Lembaga Pengarah akur bahawa laporan oleh perunding bebas yang menyemak proses pengurusan risiko FGV serta semakan Audit Dalaman Kumpulan atas kawalan dalaman 2022 adalah selaras dengan pelan audit dalaman tahunan. Lembaga Pengarah juga dikemas kini tentang tindakan-tindakan pembetulan yang diambil dan serta kemajuannya.

USAHA SAMA DAN SYARIKAT SEKUTU YANG MATERIAL

Pendedahan dalam penyata ini tidak termasuk amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman usaha sama dan syarikat sekutu material FGV. Kepentingan FGV dalam kesemua entiti ini dilindungi menerusi pelantikan atau pencalonan perwakilan ke setiap lembaga pengarah. Selain itu, jika perlu, maklumat kewangan penting dan maklumat lain tentang prestasi entiti sedemikian diperoleh dan disemak oleh Lembaga Pengarah.

PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO DALAM SUBSIDIARI TERSENARAI FGV

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), sebagai subsidiari tersenarai FGV, memikul tanggungjawab pengurusan risiko dan kawalan dalamannya menerusi Jawatankuasa Tender Pelaburan dan Jawatankuasa Audit, Tadbir Urus dan Risiko Lembaga untuk perbincangan lanjut oleh Lembaga Pengarah MSM. Sebarang risiko yang dikenal pasti mempunyai impak ketara terhadap Kumpulan FGV dilaporkan kepada BGRMC FGV. Impak langsung terhadap prestasi kewangan Kumpulan dilaporkan kepada AC FGV, dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah FGV.

SEMAKAN PENYATA INI OLEH JURUAUDIT LUARAN

Selaras dengan Perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luaran telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan jaminan terhad mereka dilaksanakan menurut Panduan Amalan Audit dan Jaminan No. 3 (AAPG3) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA). AAPG3 tidak memerlukan juruaudit luaran untuk membentuk pendapat tentang kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

KESIMPULAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah dengan sukacita melaporkan keupayaan Kumpulan untuk mengurus risiko demi pencapaian pelan perniagaan dan objektif strategik berdasarkan keadaan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan. Lembaga Pengarah juga menerima jaminan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan beroperasi secukupnya dan berkesan dalam semua aspek penting. Tumpuan berterusan terhadap langkah untuk melindungi dan meningkatkan nilai pemegang saham serta kelestarian perniagaan akan sentiasa menjadi keutamaan Kumpulan.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 29 Mac 2023.




PENYEBATIAN KETELUSAN **DALAM AMALAN PERNIAGAAN**

- 171 Pergerakan Harga Saham
- 172 Kalendar Kewangan
- 173 Analisis Pegangan Saham
- 177 10 Hartanah Utama Kumpulan FGV
- 179 Pendedahan Tambahan:
 - Penggunaan Hasil Perolehan
 - Yuran Bukan Audit
 - Kontrak Material
 - Pelan Insentif Jangka Panjang
 - Skim Terbitan Saham
 - Urus Niaga Pihak Berkaitan Bersifat Hasil atau Dagangan
- 188 Indeks Kandungan Inisiatif Pelaporan Global
- 192 Penerapan Prinsip dan Amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (MCCG 2021)

PERGERAKAN HARGA SAHAM

PRESTASI HARGA SAHAM FGV 2022



	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Purata Harga Saham Tertinggi (RM/Saham)	1.53	2.04	2.09	2.04	2.01	1.73	1.55	1.54	1.51	1.42	1.40	1.37
Purata Harga Saham Terendah (RM/Saham)	1.49	1.49	1.78	1.92	1.66	1.46	1.49	1.50	1.41	1.32	1.31	1.30
Jumlah Dagangan (Juta Saham)	19.32	78.79	77.44	31.74	21.18	16.08	54.56	17.93	7.58	13.50	8.41	5.81

KALENDAR KEWANGAN

2022

28 Februari 2022

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-4 berakhir 31 Disember 2021

23 Jun 2022

Mesyuarat Agung Tahunan ke-14

28 April 2022

Pengumuman Akaun Diaudit Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 dan penerbitan Laporan Bersepadu Tahunan 2021

30 Ogos 2022

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-2 berakhir 30 Jun 2022

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-14

30 November 2022

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-3 berakhir 30 September 2022

31 Mei 2022

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun pertama berakhir 31 Mac 2022

2023

27 Februari 2023

Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-4 berakhir 31 Disember 2022

20 Jun 2023

Mesyuarat Agung Tahunan ke-15

28 April 2023

Pengumuman Akaun Diaudit Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 dan penerbitan Laporan Bersepadu Tahunan 2022

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-15

ANALISIS PEGANGAN SAHAM

pada 31 Mac 2023

Modal Saham Terbitan dan Berbayar : 3,648,151,500 saham biasa

Pengelasan Saham : Saham biasa

Hak Mengundi : Satu undi bagi setiap saham biasa

Saham Khas : Satu saham keutamaan boleh tebus hak istimewa seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Syarikat

ANALISIS BAGI SAIZ PEMEGANG SAHAM

Kategori	Bil. Pemegang Saham		Jumlah Bil. Pemegang Saham		Bil. Pegangan		Jumlah Bil. Saham Terbitan	
	Malaysia	Asing	Bil.	Peratusan (%)	Malaysia	Asing	Bil.	Peratusan (%)
1 hingga 99	901	7	908	3.57	5,009	116	5,125	0.00
100 hingga 1,000	17,038	27	17,065	67.02	13,151,132	13,256	13,164,388	0.36
1,001 hingga 10,000	5,305	52	5,357	21.04	24,310,709	287,564	24,598,273	0.67
10,001 hingga 100,000	1,763	81	1,844	7.24	54,117,759	3,828,549	57,946,308	1.59
100,001 hingga kurang daripada 5% saham yang diterbitkan	226	57	283	1.11	349,509,087	171,651,461	521,160,548	14.29
5% dan ke atas bagi saham yang diterbitkan	4	0	4	0.02	3,031,276,858	0	3,031,276,858	83.09
Jumlah	25,237	224	25,461	100.00	3,472,370,554	175,780,946	3,648,151,500	100.00

ANALISIS STRUKTUR EKUITI

Kategori Pemegang Saham	Bil. Pemegang			Bil. Pegangan			%		
	Malaysia		Asing	Malaysia		Asing	Malaysia		Asing
	Bumiputra	Bukan Bumiputra		Bumiputra	Bukan Bumiputra		Bumiputra	Bukan Bumiputra	
1. Individu	3,359	5,754	80	23,251,222	73,946,603	2,280,812	0.64	2.03	0.06
2. Badan Korporat									
A. Bank/Syarikat Kewangan	2	0	0	116,700	0	0	0.00	0.00	0.00
b. Amanah Pelaburan/ Yayasan/Badan Amal	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00
c. Jenis Syarikat Lain	94	66	2	456,871,392	4,865,500	33,000	12.52	0.13	0.00
3. Agensi/Institusi Kerajaan	8	0	0	471,382,366	0	0	12.92	0.00	
4. Namaan	15,082	871	142	2,423,636,201	18,300,560	173,467,134	66.43	0.50	4.75
5. Pemegang Amanah	0	0	0	0	0	0	0.00	0.00	0.00
6. Lain-lain	0	1	0	0	10	0	0.00	0.00	0.00
Jumlah	18,545	6,692	224	3,375,257,881	97,112,673	175,780,946	92.51	2.66	4.81

Analisis Pegangan Saham

pada 31 Mac 2023

PEMEGANG SAHAM UTAMA (5% KE ATAS)

Bil.	Kategori	Kepentingan Langsung		Kepentingan Tidak Langsung/ Anggap Faedah	
		Bil. Saham Terbitan	Peratusan (%) Saham Terbitan	Bil. Saham Terbitan	Peratusan (%) Saham Terbitan
1	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA) <u>Saham dipegang dalam akaun CDS adalah seperti yang berikut:-</u>	2,535,450,599	68.69	452,921,192	12.42
	1) Akaun Sendiri	3,188,300			
	2) Akaun Sendiri (MOF - Akaun Jaminan Pinjaman Kerajaan Persekutuan)	400,000,000			
	3) Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	1,995,948,091			
	4) Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	134,959,808			
	5) Affin Hwang Nominees (Tempatan) Sdn Bhd	1,354,400			
2	FELDA ASSET HOLDINGS COMPANY SDN BHD <u>Saham dipegang dalam akaun CDS adalah seperti yang berikut:-</u>	452,921,192	12.42	-	-
	1) Akaun Sendiri				
3	KERAJAAN NEGERI PAHANG <u>Saham dipegang dalam akaun CDS adalah seperti yang berikut:-</u>	182,407,575	5.00	-	-
	1) Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd				

PEGANGAN SAHAM LEMBAGA PENGARAH

Bil.	Kategori	Kepentingan Langsung		Kepentingan Tidak Langsung/ Anggap Faedah	
		Bilangan Saham Terbitan	Peratusan (%) Saham Terbitan	Bil. Saham Terbitan	Peratusan (%) Saham Terbitan
1	Dato' Shahrol Anuwar Bin Sarman	-	-	-	-
2	Dato' Amiruddin Bin Abdul Satar	-	-	-	-
3	Datuk Yatimah Binti Sarjiman	-	-	-	-
4	Dato' Mohd Rafik Bin Shah Mohamad	-	-	-	-
5	Dato' Nonee Ashirin Binti Dato' Mohd Radzi	-	-	-	-
6	Encik Kasmuri Bin Sukardi	-	-	-	-
7	Puan Nik Fazila Binti Nik Mohamed Shihabuddin	-	-	-	-
8	Encik Azmin Bin Che Yusoff	-	-	-	-
9	Dato' Dzulkifli Abd Wahab*	-	-	-	-

Nota:

Tiada Pengarah yang memegang saham dalam FGV.

* Berhenti sebagai Pengarah berkuat kuasa 1 April 2023

Analisis Pegangan Saham

pada 31 Mac 2023

SENARAI 30 PEMEGANG SAHAM TERBESAR

Bil.	Nama	Bil. Pegangan	%
1	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (415321)	1,995,948,091	54.71
2	FELDA ASSET HOLDINGS COMPANY SDN BHD	452,921,192	12.42
3	MINISTER OF FINANCE AKAUN JAMINAN PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	400,000,000	10.96
4	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR KERAJAAN NEGERI PAHANG	182,407,575	5.00
5	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN	134,959,808	3.70
6	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD UBS AG	95,498,287	2.62
7	CHIEF MINISTER, STATE OF SABAH	65,934,066	1.81
8	AFFIN HWANG NOMINEES (ASING) SDN BHD EXEMPT AN FOR LEI SHING HONG SECURITIES LIMITED	29,119,300	0.80
9	SABAH DEVELOPMENT NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR EKUITI YAKINJAYA SDN BHD	20,869,113	0.57
10	RHB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD OSK CAPITAL SDN BHD FOR YAYASAN ISLAM TERENGGANU	16,455,100	0.45
11	CGS-CIMB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD EXEMPT AN FOR CGS-CIMB SECURITIES SDN BHD (FELDA IPO SMF)	11,752,100	0.32
12	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA FOR VANGUARD TOTAL INTERNATIONAL STOCK INDEX FUND	8,165,200	0.22
13	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA FOR VANGUARD EMERGING MARKETS STOCK INDEX FUND	8,148,300	0.22
14	MIDF AMANAH INVESTMENT NOMINEES (ASING) SDN BHD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR FOXTON CONSULTING - F.Z.E (CTS - FCF000IC)	6,510,300	0.18
15	KENANGA NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD RAKUTEN TRADE SDN BHD FOR KU TIEN SEK	6,092,500	0.17
16	ALLIANCE GROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LIM NYUK SANG @ FREDDY LIM (8071811)	5,618,300	0.15
17	CGS-CIMB NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LIM NYUK SANG @ FREDDY LIM (MQ0423)	5,373,200	0.15
18	CHIN CHIN SEONG	3,754,000	0.10
19	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD JPMCB NA FOR VANGUARD FIDUCIARY TRUST COMPANY INSTITUTIONAL TOTAL INTERNATIONAL STOCK MARKET INDEX TRUST II	3,332,100	0.09
20	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)	3,188,300	0.09

Analisis Pegangan Saham

pada 31 Mac 2023

Bil.	Nama	Bil. Pegangan	%
21	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR LIM NYUK SANG @ FREDDY LIM	3,150,000	0.09
22	AMSEC NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD EXEMPT AN FOR AMBANK ISLAMIC BERHAD (FELDA)	2,695,400	0.07
23	AMSEC NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD PLEDGED SECURITIES ACCOUNT FOR CHIN CHIN SEONG	2,200,000	0.06
24	BIMSEC NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD EXEMPT AN FOR FEDERAL LAND DEVELOPMENT AUTHORITY (FOR SETTLER IPO)	2,099,200	0.06
25	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD J.P. MORGAN SECURITIES PLC	1,832,178	0.05
26	CIMSEC NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD EXEMPT AN FOR CIMB ISLAMIC BANK BERHAD (FELDA IPO SPF-I)	1,827,600	0.05
27	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD MAYBANK PRIVATE WEALTH MANAGEMENT FOR TONG KIM ENG (PW- M00780)(420817)	1,545,000	0.04
28	KENANGA NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD RAKUTEN TRADE SDN BHD FOR KU HWA SENG	1,541,100	0.04
29	AMIN BAITULMAL JOHOR	1,500,000	0.04
30	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD THE BANK OF NEW YORK MELLON FOR VANGUARD FTSE ALL-WORLD EX- US INDEX FUND	1,366,400	0.04

10 HARTANAH UTAMA KUMPULAN FGV

Lokasi	Pemegangan	Tahun Pajakan Tamat	Anggaran Kawasan (Hektar)	Pemerihalan	Tahun Pemerolehan	Nilai Buku Bersih (RM'000)
Sabah Sahabat 07, Sahabat 30, Sahabat 40, Sahabat 41, Sahabat 42, Sahabat 43, Sahabat 46, Sahabat 48, Sahabat 50, Sahabat 51, Sahabat 52, Sahabat 53, Sahabat 54, Sahabat 21, Sahabat 22, Sahabat 23, Sahabat 24, Sahabat 25, Sahabat 26, Sahabat 28, Sahabat 31, Sahabat 33, Sahabat 34, Sahabat 35, Sahabat 36, Sahabat 09, Sahabat 10, Sahabat 11, Sahabat 12, Sahabat 16, Sahabat 17, Sahabat 20, Sahabat 38, Sahabat 39, Sahabat 44, Sahabat 45, Sahabat 55, Sahabat 56, Kalabakan Selatan, Kalabakan Utara 01, Umas 05, Umas 06, Tenegang, Sahabat, Tawau, Lahad Datu, Sandakan, Umas, Baiduriayu, Kalabakan, Embara Budi, Fajar Harapan, Merchu Puspita, Hamparan Badai, Kembara Sakti, Nilam Permata, Jeragan Bistari, Lanchang Kemudi	Pegangan Pajak	2028 - 2907	128,692	Ladang kelapa sawit dan kilang kelapa sawit dan kilang penapisan	1996-2013, 2016	1,096,313
Johor Darul Takzim Inas Selatan, Kledang 02, Maokil 06, Maokil 07, Nitar Timur, Paloh, Tenggaroh 09, Tenggaroh 11, Tenggaroh 12, Tenggaroh 13, Tenggaroh Timur 02, Palong Timur 04, Palong Timur 05, Semencu, Bukit Besar, Air Tawar, Penggeli, Kahang, Lok Heng, Selanchar 2A, Tenggaroh 4, Adela, Moakil, Nitar, Selanchar 2B, Belitong, Wa Ha, Tenggaroh Timur, Kulai, Plentong, Pasir Gudang, Tanjung Langsat Industrial Complex	Pegangan Pajak	2018 - 2111	33,933	Ladang kelapa sawit, kilang kelapa sawit, kilang, gudang, pejabat bertingkat dan kilang penapisan gula	2012-2015	243,458
Sarawak Lot 15 Dulit Land Batang Tinjar, Baram. Lot 20 Dulit Land Long Aya, Tinjar, Baram. Lot 10 Dulit Land Along Batang Tinjar, Baram. Lot 16 Dulit Land Batang Tinjar, Baram. Lot 68, Bok Land, Sg Bok, Dulit, Baram. Lot 23 Dulit Land Sg Bok, Dulit, Baram. Lot 17, 18 & 19 Patah Land District, Sg Aran & Sg Tema-ah, Miri. Sampadi 01, Sampadi 03, Sampadi 04, Sampadi 05, Sampadi 06, Sampadi	Pegangan Pajak	2063 - 2111	32,803	Ladang kelapa sawit dan kilang kelapa sawit	2012-2014	192,798
Pahang Darul Makmur Berabong 01, Selendang 03, Selendang 04, Selanchar 06, Selanchar 08, Selanchar 09, Chegar Perah 02, Kechau 02, Kechau 03, Kechau 06, Kechau 07, Kechau 08, Kechau 10, Kechau 11, Krau 02, Krau 04, Telang 01, Bera Selatan 01, Bera Selatan 03, Bera Selatan 04, Bera Selatan 05, Bera Selatan 07, Keratong 11, Mengkarak 01, Mengkarak 02, Tembangau 03, Tembangau 05, Tembangau 06, Tembangau 08, Tembangau 07, Tembangau 09, Bukit Sagu 04, Bukit Sagu 06, Bukit Sagu 07, Bukit Sagu 08, Lepar Hilir 05, Lepar Hilir 06, Lepar Hilir 08, Merchong, Chini Timur 04, Lepar Utara 05, Lepar Utara 07, Lepar Utara 08, Lepar Utara 09, Lepar Utara 11, Lepar Utara 14, Terapai 01, Terapai 03, Triang 02, Triang 04, Triang Selatan 01, Jengka 21, Keratong 2, Bkt Mendi, Pdg Piol, Kepayang, Gelanggi, Neram, Chini 3, Tementi, Mompaga, Kemasul, Keratong 3, Seroja, Tersang, Keratong 9, Selendang A, Lepar Utara 4, Chini 2, Jengka 8, Lepar Hilir, Bukit Sagu, Lepar Utara 6, Panching, Triang, Kerau, Kechau A, Kechau B, Tanjung Gelang	Pegangan Pajak	2027 - 2111	143,902	Ladang kelapa sawit, kilang kelapa sawit dan kilang penapisan	2012	212,911

10 Hartanah Utama Kumpulan FGV

Lokasi	Pemegangan	Tahun Pajakan Tamat	Anggaran Kawasan (Hektar)	Pemerintahan	Tahun Pemerolehan	Nilai Buku Bersih (RM'000)
Kelantan Darul Naim Aring 02, Aring 03, Aring 04, Aring 05, Aring 06, Aring 08, Aring 10, Chiku 04, Chiku 08, Aring B, Kemahang, Chiku, Aring A	Pegangan Pajak	2111	24,620	Ladang kelapa sawit dan kilang kelapa sawit	2012	94,875
Perlis Indera Kayangan PN37, Lot No: 2040, Kampong Baru, Chuping. PN39, Lot No : 2035, Bukit Merah, Chuping. PN 40, Lot No : 2038, Store Chia, Chuping. PN1755, Lot 18794, Mukim Chuping. PN 43, Lot No : 2037, Air Hujan, Chuping. HS (D) 145, PT, Chuping	Pegangan Pajak	2061 - 2062	4,340	Ladang kelapa sawit dan tanaman lain	2011	73,347
Amerika Syarikat 740-760, 749-773, and 780 Washington Street, Quincy, Massachusetts, 02169 United States of America	Pegangan Kekal		Kawasan binaan: 4.38	Pengeluaran asid lemak dan gliserin dengan kemudahan pengagihan untuk perkapalan lautan dan pengiriman melalui kereta api.	2008-2009	64,795
Terengganu Darul Iman Chador 01, Cherul 03, Rantau Abang 01, Semaring 01, Setiu 01, Jerangau Baru, Jerangau Barat, Kertih, Chalok	Pegangan Pajak	2111	13,395	Ladang kelapa sawit dan kilang kelapa sawit	2012	36,915
Selangor Sungai Tenggi, Sebahagian Lot RAC 2003 (Lot A) Sungai Buloh, PT121676 & PT121677 Mukim Kelang, PT No. PT1113 Pekan Sungai Buloh	Pegangan Kekal	2043 - 2097	45	Kemudahan pengedaran dan penyimpanan gula, ruang untuk trak dan penggerak utama	1993 - 2022	28,961
	Pegangan Pajak			Tanah kosong		
Negeri Sembilan Palong 17, Palong 18, Palong 21, Serting Hilir 08, Serting, Serting Hilir, Palong Timur, Pasoh	Pegangan Pajak	2111	12,867	Ladang kelapa sawit dan kilang kelapa sawit	2012	23,302

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Penggunaan Hasil Perolehan

Tiada perolehan diperolehi daripada cadangan korporat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Yuran Bukan Audit

Amaun yuran bukan audit dikemukakan kepada Kumpulan oleh juruaudit luar, PricewaterhouseCoopers PLT (PwC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 berjumlah RM2,680,000 dan melebihi ambang yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, kelulusan relevan daripada Lembaga Pengarah telah diperolehi.

Kontrak Material

- 1) Perjanjian Pemegang Saham Bersyarat bertarikh 6 Ogos 2022 antara FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd, Baladna for Trading and Investment W.L.L (subsidiari milik penuh Baladna Q.P.S.C.), dan Touch Group Holdings Sdn Bhd dalam pembentukan usaha sama diperbadankan untuk melaksanakan urusan pembangunan perniagaan ladang tenusu bersepadu di Chuping, Perlis; dan
- 2) Perjanjian Jualan Saham bertarikh 8 Jun 2021 antara MSM Malaysia Holdings Berhad dan FGV Integrated Farming Sdn Bhd atas cadangan pemerolehan keseluruhan kepentingan ekuiti dipegang dalam MSM Perlis Sdn Bhd dengan imbalan RM175,000,000.00, tertakluk pada pelarasan hutang bersih dan modal kerja bersih apabila selesai. Perjanjian ini telah diselesaikan pada 29 September 2021.

Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP)

Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) dihentikan pada Januari 2021.

Skim Terbitan Saham

Tiada Skim Terbitan Saham diisytiharkan atau dilaksanakan pada 2022.

Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Bersifat Hasil Atau Dagangan

Dalam AGM ke-14 yang diadakan pada 23 Jun 2022, Syarikat memperoleh mandat am daripada pemegang saham bagi urus niaga berulang pihak berkaitan sedia ada yang bersifat hasil atau dagangan, untuk dimeterai oleh FGV dan Kumpulan Syarikatnya (Kumpulan FGV) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 28 April 2022 (Mandat RRPT). Mandat RRPT itu sah sehingga tamatnya AGM ke-15 Syarikat yang akan datang.

Menurut perenggan 10.09(2)(b) dan perenggan 3.1.5 Nota Amalan 12 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, butiran urus niaga berulang pihak berkaitan bersifat hasil atau dagangan yang dimeterai semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti yang berikut:

Butiran	Pihak Berkaitan Berurus Niaga		Pemegang Saham Utama Berkepentingan/Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
1	Subsidiari Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat MSM & FGV Trading	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC Pengarah berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)* Pihak berkepentingan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyediaan khidmat pengurusan dan khidmat bersama	75,349

Pendedahan Tambahan

Butiran	Pihak Berkaitan Berurus Niaga		Pemegang Saham Utama Berkepentingan/Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
2	Kumpulan FGV	Subsidiari Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC Pengarah berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)* Pihak berkepentingan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyewaan bangunan/rumah di pelbagai tempat dengan tempoh sewaan kurang dari 3 tahun berdasarkan ansuran bulanan atau tahunan prorata, untuk tujuan pejabat, bilik stor, makmal, rumah pam, kuarters pekerja dan lain-lain	1,537
				Belian BTS	185,483
3	Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Subsidiari Berkaitan KPF dan Perbadanan Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC Pengarah berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)* Pihak berkepentingan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyediaan khidmat perjalanan dan penginapan	5,916
4	Kumpulan FGV	Subsidiari Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC Pengarah berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)* Pihak berkepentingan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyediaan khidmat pengetolan	833,949
5	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM	Kumpulan Syarikat FELDA & Perbadanan Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC Pengarah berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)* Pihak berkepentingan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Belian BTS	7,509,038
				Bayaran insentif untuk kebajikan peneroka kepada Jawatankuasa Perundingan Bersama (JCC)/ FELDA Penyewaan premis pejabat dan sewaan tanah dengan tempoh sewaan kurang dari 3 tahun berdasarkan ansuran bulanan atau tahunan prorata	20,223 589

Pendedahan Tambahan

Butiran	Pihak Berkaitan Berurus Niaga		Pemegang Saham Utama Berkepentingan/Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
6	Kumpulan Syarikat FELDA, Subsidiari Berkaitan KPF, Perbadanan Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	<p>Jualan keluaran berbungkus</p> <p>Jualan keluaran (abu tandan)</p>	<p>38</p> <p>-</p>
7	Kumpulan FGV & Kumpulan Syarikat FELDA	Subsidiari Berkaitan KPF	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Pembekalan stim dan elektrik	6,624
8	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat FELDA, Perbadanan Berkaitan KPF	Subsidiari Berkaitan KPF, FGV Trading	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Pembekalan bahan mentah, penjualan keluaran minyak sawit	3,575,903
9	Kumpulan FGV	FELDA	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Pembelian getah	120,961

Pendedahan Tambahan

Butiran	Pihak Berkaitan Berurus Niaga		Pemegang Saham Utama Berkepentingan/Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
10	Subsidiari Berkaitan KPF	FGV Kapital	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Peruntukan bantuan kewangan kepada Kumpulan FGV berjangka masa pendek atau sederhana (iaitu dengan tempoh tidak melebihi 3 tahun)	308,797
11	FGV Bulkers	FELDA	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Pajakan tanah di Plentong, Johor (Terminal T4X) dengan tempoh pajakan/sewaan kurang dari 3 tahun berdasarkan ansuran bulanan atau tahunan prorata	174
12	Subsidiari Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat FELDA, Perbadanan Berkaitan KPF	FGVPM	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Peruntukan khidmat penyelenggaraan untuk Infra Sabah (iaitu operasi dan penyelenggaraan stesen jana kuasa elektrik dan loji pembersihan air)	1,857
13	Subsidiari Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Jualan bahan mentah (getah)	13,894

Pendedahan Tambahan

Butiran	Pihak Berkaitan Berurus Niaga		Pemegang Saham Utama Berkepentingan/Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
14	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat FELDA, Perbadanan Berkaitan KPF Subsidiari Berkaitan KPF	Subsidiari Berkaitan KPF	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyediaan khidmat nasihat dan analisis makmal, jualan benih sawit, anak benih, racun tikus dan keluaran pertanian	55,850
15	Kumpulan Syarikat FELDA	Kumpulan FGV	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyewaan vila dengan tempoh kurang dari 3 tahun berdasarkan ansuran bulanan atau tahunan prorata	-
16	Kumpulan FGV, Perbadanan Berkaitan KPF	Kumpulan Syarikat MSM, Subsidiari Berkaitan KPF	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyewaan pejabat, bangunan dan gudang dengan tempoh kurang dari 3 tahun berdasarkan ansuran bulanan atau tahunan prorata	797
17	Kumpulan FGV	Kumpulan Syarikat MSM	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Pembekalan gula, molases dan keluaran gula yang lain	115

Pendedahan Tambahan

Butiran	Pihak Berkaitan Berurus Niaga		Pemegang Saham Utama Berkepentingan/Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
18	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM	Subsidiari Berkaitan KPF	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Jualan keluaran berbungkus	1,534
19	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Perbadanan Berkaitan KPF	Subsidiari Berkaitan KPF	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyediaan khidmat logistik; komisen jeti	258,587
20	Subsidiari Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat FELDA, Perbadanan Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Komisen penjualan PKE/makanan haiwan	609
21	Subsidiari Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat FELDA, Perbadanan Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Jualan beras	36

Pendedahan Tambahan

Butiran	Pihak Berkaitan Berurus Niaga		Pemegang Saham Utama Berkepentingan/Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
22	Subsidiari Berkaitan KPF	Kumpulan Syarikat FELDA	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Pajakan tanah dengan tempoh pajakan/sewaan selama lebih daripada 3 tahun berdasarkan ansuran bulanan atau suku tahunan atau tahunan prorata	13,628
23	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Perbadanan Berkaitan KPF, Yayasan Felda	FGV Prodata	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyediaan khidmat dan penyelesaian IT	81,395
24	Kumpulan FGV, Kumpulan Syarikat MSM, Kumpulan Syarikat FELDA, Perbadanan Berkaitan KPF, Yayasan Felda	Subsidiari Berkaitan KPF	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyediaan khidmat keselamatan, kawalan perosak dan pusat latihan; pembekalan dan perkhidmatan alatan keselamatan dan pembekalan kelengkapan perlindungan diri	61,259
25	Kumpulan Syarikat FELDA, Subsidiari Berkaitan KPF, Perbadanan Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penjualan baja	449,962

Pendedahan Tambahan

Butiran	Pihak Berkaitan Berurus Niaga		Pemegang Saham Utama Berkepentingan/Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
26	Kumpulan Syarikat FELDA, Subsidiari Berkaitan KPF & Perbadanan Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyewaan pejabat, bangunan dan tanah dengan tempoh sewaan kurang dari 3 tahun berdasarkan ansuran bulanan atau tahunan prorata	899
27	Subsidiari Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyewaan tangki dan ruang gudang termasuk khidmat penyimpanan dan pengendalian dengan tempoh kurang dari 3 tahun berdasarkan ansuran bulanan atau tahunan prorata	5,802
28	Kumpulan FGV	Subsidiari Berkaitan KPF	<p>Pemegang Saham Utama berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyewaan tanah dan gudang dengan tempoh kurang dari 3 tahun berdasarkan ansuran bulanan atau tahunan prorata	561
29	Subsidiari Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat MSM	Kumpulan FGV	<p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pengarah berkepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman <p>Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)*</p> <p>Pihak berkepentingan berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penyediaan khidmat penyelidikan dan pembangunan	29,990

Pendedahan Tambahan

Butiran	Pihak Berkaitan Berurus Niaga		Pemegang Saham Utama Berkepentingan/Pengarah dan individu yang berkaitan dengan mereka	Jenis RRPT	Nilai Urus Niaga (RM'000)
	Penerima	Penyedia			
30	Subsidiari Berkaitan KPF	Perbadanan Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC Pengarah berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)* Pihak berkepentingan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Pembelian insurans am	7
31	Kumpulan FGV	Subsidiari Berkaitan KPF	Pemegang Saham Utama berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC Pengarah berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)* Pihak berkepentingan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penjualan hampas isirung sawit	669
32	Subsidiari Berkaitan KPF, Kumpulan Syarikat FELDA, Perbadanan Berkaitan KPF	Kumpulan FGV	Pemegang Saham Utama berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC Pengarah berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Dato' Amiruddin Abdul Satar • Dato' Shahrol Anuwar Sarman • Datuk Yatimah Sarjiman Pengarah berkepentingan (Subsidiari Berkaitan KPF)* Pihak berkepentingan berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> • KPF 	Penjualan bahan mentah untuk keluaran makanan haiwan	25
			Total		13,622,057

* Pengarah berkepentingan dalam Subsidiari Berkaitan KPF terdiri daripada Dato' Muhamad Rizal Abdul Rahim, Dato' Ramli Ismail, Datuk Khamis Mohamed Som, Hasbullah Muhamad, Hasrin Ismail, Dr. Mohd Faisal Mustaffa, Raja Faridah Raja Ahmad, Samsudin Othman, Sulong Jamil Mohamed Shariff, Razuwan Che Rose dan Zaid Sidek.

INDEKS KANDUNGAN INISIATIF PELAPORAN GLOBAL

Piawaian Universal GRI

Penyata Penggunaan	FGV telah melaporkan maklumat yang dipetik dalam indeks kandungan Inisiatif Pelaporan Global (GRI) ini bagi tempoh Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 dengan merujuk Piawaian GRI.
GRI 1 Digunakan	GRI 1: Asasi 2021

Pendedahan GRI	Pemerihalan Pendedahan	Halaman	Catatan
GRI 2: Pendedahan Umum 2021			
Organisasi dan amalan pelaporannya			
2-1	Butiran organisasi	Halaman 16	
2-2	Entiti termasuk dalam pelaporan kelestarian organisasi	Halaman 17	
2-3	Tempoh pelaporan, kekerapan dan titik pertemuan	Halaman 3-4	
Aktiviti dan pekerja			
2-6	Aktiviti, rantai nilai dan perhubungan perniagaan lain	Halaman 6-9, 38-39	
2-7	Pekerja	Halaman 15, 86	
2-8	Pekerja yang bukan kakitangan	Halaman 15, 86	
Tadbir urus			
2-9	Struktur dan komposisi tadbir urus	Halaman 18	Sila rujuk Sekilas Pandang - Lembaga Pengarah dan Profil Lembaga Pengarah pada halaman 106-115, Sekilas Pandang - Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan dan Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan pada halaman 116-125, dan Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti pada halaman 128.
2-10	Penamaan dan pemilihan badan tadbir urus tertinggi	Halaman 138	
2-11	Pengerusi badan tadbir urus tertinggi	Halaman 108	
2-12	Peranan badan tadbir urus tertinggi dalam penyeliaan pengurusan impak	Halaman 129	
2-13	Penugasan tanggungjawab dalam pengurusan impak	Halaman 129	
2-14	Peranan tadbir urus tertinggi dalam pelaporan kelestarian	Halaman 145	
2-15	Konflik kepentingan	Halaman 138-144	
2-16	Komunikasi usaha kritikal	Halaman 87	
2-17	Pengetahuan kolektif badan tadbir urus tertinggi	Halaman 137	
2-18	Penilaian prestasi badan tadbir urus tertinggi	Halaman 134	
2-19	Dasar imbuhan	Halaman 144	
2-20	Proses untuk menentukan imbuhan	Halaman 138-144	
2-21	Jumlah nisbah pampasan tahunan	Halaman 138-144	
Strategi, dasar dan amalan			
2-22	Penyata strategi pembangunan lestari	Halaman 20-23	
2-23	Komitmen dasar	Halaman 13	Sila rujuk laman web korporat FGV di www.fgvholdings.com .
2-24	Siratan komitmen dasar	Halaman 20-23	
2-25	Proses untuk memulihkan impak negatif	Halaman 87	
2-26	Mekanisme untuk mendapatkan nasihat dan mengemukakan usaha	Halaman 87	

Indeks Kandungan Inisiatif Pelaporan Global

Pendedahan GRI	Pemerihalan Pendedahan	Halaman	Catatan
GRI 2: Pendedahan Umum 2021			
Interaksi pemegang kepentingan			
2-29	Pendekatan terhadap interaksi pemegang kepentingan	Halaman 32-33	
2-30	Perjanjian perundingan kolektif	Halaman 85	
GRI 3: Topik Material 2021			
3-1	Proses untuk menentukan topik material	Halaman 36	
3-2	Senarai topik material	Halaman 36-37	
Pendedahan Piawaian			
MEMPROMOSIKAN PERTUMBUHAN EKONOMI			
Perkara Material: Kecemerlangan Operasi			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 74-75	
Perkara Material: Kebolehesanan, Penyumberan Bertanggungjawab dan Pengurusan Rantaian Bekalan			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 76	
GRI 414: Penilaian Sosial Pembekal 2016			
414-2	Impak sosial negatif dalam rantaian bekalan dan tindakan yang diambil	Halaman 76-77	
GRI 308: Penilaian Persekitaran Pembekal 2016			
308-2	Impak persekitaran negatif dalam rantaian bekalan dan tindakan yang diambil	Halaman 76-77	
Perkara Material: Pensijilan Kelestarian			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 78	
Perkara Material: Tadbir Urus, Etika & Integriti			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 79	Sila rujuk: i. Perutusan Pengerusi pada halaman 22-23 ii. Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat pada halaman 126 - 160 iii. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada halaman 161 - 169
GRI 205: Antirasuah 2016			
Perkara Material: Perhubungan & Pembangunan Komuniti			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 80	
GRI 413: Komuniti Setempat 2016			
413-1	Operasi dengan interaksi komuniti setempat, penilaian impak dan program pembangunan	Halaman 80-81	
GRI 203: Impak Ekonomi Tidak Langsung 2016			
203-1	Pelaburan dan perkhidmatan infrastruktur yang disokong	Halaman 81	

Indeks Kandungan Inisiatif Pelaporan Global

Pendedahan GRI	Pemerintahan Pendedahan	Halaman	Catatan
MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA			
Perkara Material: Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 82	
GRI 401: Pekerjaan 2016			
401-1	Pengambilan kakitangan baharu dan pusing ganti kakitangan	Halaman 86	
GRI 405: Kepelbagaian dan Peluang Sama 2016			
405-1	Kepelbagaian badan tadbir urus dan pekerja	Halaman 15, 86	Sila rujuk Sekilas Pandang - Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan pada halaman 118 dan Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat pada halaman 128 untuk kepelbagaian badan tadbir urus.
GRI 406: Tanpa Diskriminasi 2016			
406-1	Kejadian diskriminasi dan tindakan pembetulan yang diambil	Halaman 85	
GRI 407: Kebebasan Berpersatuan dan Perundingan Kolektif 2016			
407-1	Hak kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif operasi dan pembekal mungkin berisiko	Halaman 85	Sila rujuk Kebolehesanan, Penyumberan Bertanggungjawab dan Pengurusan Rantaian Bekalan pada halaman 76-77.
GRI 408: Buruh Kanak-kanak 2016			
408-1	Operasi dan pembekal berisiko besar berlaku kejadian buruh kanak-kanak	Halaman 83	Sila rujuk Kebolehesanan, Penyumberan Bertanggungjawab dan Pengurusan Rantaian Bekalan pada halaman 76-77.
GRI 409: Buruh Paksa atau Wajib 2016			
409-1	Operasi dan pembekal berisiko besar berlaku kejadian buruh paksa atau wajib	Halaman 82-84	Sila rujuk Kebolehesanan, Penyumberan Bertanggungjawab dan Pengurusan Rantaian Bekalan pada halaman 76-77.
Perkara Material: Perhubungan Dengan Pekerja			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 88	
Perkara Material: Pengurusan Bakat			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 89	
GRI 401: Pekerjaan 2016			
401-2	Manfaat yang diberikan kepada pekerja sepenuh masa yang tidak diberikan kepada pekerja sementara atau sambilan	Halaman 89	
GRI 404: Latihan dan Pendidikan 2016			
404-1	Purata jam latihan setahun bagi setiap pekerja	Halaman 90	
404-2	Program untuk meningkatkan kemahiran pekerja dan program bantuan peralihan	Halaman 90	Sila rujuk Perhubungan bersama Kakitangan pada halaman 88 untuk Program Perancangan Prapersaraan FGV.

Indeks Kandungan Inisiatif Pelaporan Global

Pendedahan GRI	Pemerihalan Pendedahan	Halaman	Catatan
Perkara Material: Kesihatan dan Keselamatan Pekerja			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 91	
GRI 403: Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 2018			
403-1	Pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan	Halaman 91-92	
403-2	Pengenalpastian bahaya, penilaian risiko dan penyiataan kejadian	Halaman 93	
403-3	Perkhidmatan kesihatan pekerjaan	Halaman 92-94	
403-4	Penyertaan, perundingan dan komunikasi pekerja tentang kesihatan dan keselamatan pekerjaan	Halaman 93	
403-5	Latihan pekerja tentang kesihatan dan keselamatan pekerjaan	Halaman 92	
403-6	Promosi kesihatan pekerja	Halaman 92	Sila rujuk Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh untuk kesejahteraan pekerja FGV pada halaman 84.
403-7	Pencegahan dan pengurangan impak kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang berkait secara langsung dengan perhubungan perniagaan	Halaman 92	
403-8	Pekerja yang dilindungi oleh sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan	Halaman 91	
403-9	Kecederaan berkaitan dengan kerja	Halaman 93	
403-10	Uzur berkaitan dengan kerja	Halaman 93	
MEMELIHARA ALAM SEKITAR			
Perkara Material: Tindakan Iklim			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 95-98	
Perkara Material: Pengurusan Sisa			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 99	
GRI 306: Sisa 2020			
306-1	Penjanaan sisa dan impak berkaitan sisa yang ketara	Halaman 100	
306-2	Pengurusan impak berkaitan sisa yang ketara	Halaman 99-100	
306-3	Sisa terhasil	Halaman 100	
306-5	Sisa terarah ke pelupusan	Halaman 100	
Perkara Material: Tenaga Boleh Baharu dan Pengurusan Tenaga			
3-3	Pendekatan pengurusan	Halaman 101	
GRI 302: Tenaga 2016			
302-1	Penggunaan tenaga dalam organisasi	Halaman 101	Pendedahan penggunaan tenaga terhad kepada tenaga boleh baharu yang dijana. Pada 2022, sejumlah 23,548 KWj tenaga boleh baharu dijana dengan 149,253 MT pengelakan pelepasan CO ₂ e daripada sejumlah 28 loji jana kuasa biogas.

PENERAPAN PRINSIP DAN AMALAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2021 (MCCG 2021)

Penerapan prinsip dan amalan MCCG 2021 FGV pada TK2022 dijelaskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat (CG) yang tersedia di laman web kami, www.fgvholdings.com dan juga dalam Laporan Bersepadu Tahunan 2022 yang dinyatakan pada halaman berikut:

Amalan	Butiran	Digunakan/ Tidak Digunakan/ Diterapkan/Tidak Diterapkan/Tidak Berkaitan	Halaman
PRINSIP A: KEPIMPINAN & KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH			
1.1	Lembaga Pengarah hendaklah menetapkan matlamat strategik syarikat, memastikan sumber sewajarnya tersedia agar syarikat mencapai objektifnya dan menyemak prestasi pengurusan. Lembaga Pengarah hendaklah menetapkan nilai dan piawaian syarikat serta memastikan kewajipannya kepada pemegang saham dan pemegang kepentingan lain difahami dan dipenuhi.	Digunakan	12-13, 20-23, 30, 73-129
1.2	Pengerusi Lembaga Pengarah dilantik dan dipertanggungjawabkan untuk memupuk amalan, kepimpinan dan keberkesanan tadbir urus korporat yang baik dalam Lembaga Pengarah.	Digunakan	20-24, 106, 108, 126-169
1.3	Jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dipegang oleh individu yang berbeza.	Digunakan	20, 106, 108, 116, 119
1.4	Pengerusi Lembaga Pengarah seharusnya tidak menjadi ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan atau Jawatankuasa Imbuhan.	Digunakan	108, 131, 138, 147
1.5	Lembaga Pengarah dibantu oleh setiausaha syarikat yang bertauliah dan cekap untuk memberikan nasihat tadbir urus yang baik, memastikan pematuhan terhadap peraturan dan prosedur, dan menyokong penerapan amalan terbaik tadbir urus korporat.	Digunakan	117, 125, 132
1.6	Pengarah menerima bahan mesyuarat, yang lengkap dan tepat dalam tempoh yang munasabah sebelum mesyuarat. Apabila tamat mesyuarat, minit mesyuarat diedarkan tepat pada masanya.	Digunakan	129 Laporan CG 2022
2.1	Lembaga Pengarah ditadbir menurut Piagam Lembaga Pengarah yang disemak secara berkala dan diterbitkan di laman web syarikat. Piagam Lembaga Pengarah jelas menerangkan: <ul style="list-style-type: none"> • peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah, jawatankuasa lembaga, pengarah dan pengurusan individu masing-masing; dan • isu dan keputusan yang khusus untuk pertimbangan lembaga pengarah. 	Digunakan	129
3.1	Lembaga Pengarah menetapkan Tatakelakuan dan Tataetika syarikat, dan bersama-sama pengurusan melaksanakan dasar dan prosedurnya, termasuk menguruskan konflik kepentingan, mencegah penyalahgunaan kuasa, rasuah, dagangan orang dalam dan pengubahan wang haram. Tatakelakuan dan Tataetika diterbitkan di laman web syarikat.	Digunakan	146, 168
3.2	Lembaga menetapkan, menyemak dan bersama-sama pengurusan, melaksanakan dasar dan prosedur tentang pemberian maklumat.	Digunakan	146, 168
4.1	Lembaga Pengarah bersama-sama pengurusan bertanggungjawab terhadap tadbir urus kelestarian dalam syarikat termasuk menetapkan strategi, keutamaan dan sasaran kelestarian syarikat. Lembaga Pengarah mengambil kira pertimbangan kelestarian dalam pelaksanaan tugasnya termasuk antara lain pembangunan dan pelaksanaan strategi syarikat, rancangan perniagaan, pelan tindakan utama dan pengurusan risiko. Pengurusan strategik perkara kelestarian material hendaklah dipacu oleh pengurusan kanan.	Digunakan	23, 27, 28, 73-104, 129, 145-146
4.2	Lembaga memastikan strategi, keutamaan dan sasaran kelestarian syarikat serta prestasinya berbanding dengan matlamat tersebut dimaklumkan kepada pemegang kepentingan dalaman dan luaran.	Digunakan	81, 96-97
4.3	Lembaga Pengarah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan dan memahami isu kelestarian yang berkaitan dengan syarikat dan perniagaan, termasuk risiko dan peluang berkaitan dengan iklim.	Digunakan	137, 145, 146
4.4	Penilaian prestasi Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan termasuk semakan prestasi Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan dalam usaha menangani risiko dan peluang kelestarian material syarikat.	Digunakan	134, 144

Penerapan Prinsip dan Amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (MCCG 2021)


Amalan	Butiran	Digunakan/ Tidak Digunakan/ Diterapkan/Tidak Diterapkan/Tidak Berkaitan	Halaman
PRINSIP A: KEPIMPINAN & KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH			
4.5 (Peningkatan)	Lembaga Pengarah mengenal pasti individu ditetapkan dalam pengurusan, untuk memberikan tumpuan khusus terhadap pengurusan kelestarian secara strategik, termasuk penyepaduan pertimbangan kelestarian dalam operasi syarikat.	Diterapkan	123
5.1	Jawatankuasa Penamaan hendaklah memastikan komposisi Lembaga Pengarah dirombak secara berkala. Tempoh jawatan setiap Pengarah hendaklah disemak oleh Jawatankuasa Penamaan dan pemilihan semula tahunan Pengarah hendaklah tertakluk pada penilaian prestasi dan sumbangannya kepada lembaga pengarah.	Digunakan	135, 136
5.2	Sekurang-kurangnya separuh daripada Lembaga Pengarah merangkumi pengarah bebas. Bagi Syarikat Besar, sebahagian majoriti ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada pengarah bebas.	Digunakan	106, 107, 130 Laporan CG 2022
5.3	Tempoh jawatan Pengarah Bebas tidak melebihi had tempoh sembilan tahun. Setelah tamat tempoh sembilan tahun, Pengarah Bebas boleh terus berkhidmat dalam lembaga pengarah sebagai pengarah bukan bebas. Jika lembaga pengarah berhasrat untuk mengekalkan Pengarah Bebas itu melebihi sembilan tahun, lembaga pengarah hendaklah memberikan justifikasi dan mendapatkan kelulusan tahunan pemegang saham melalui proses pengundian dua tingkat.	Tidak Berkaitan – Peningkatan 5.4 Diterapkan	135
5.4 (Peningkatan)	Lembaga Pengarah mempunyai dasar yang mengehadkan tempoh jawatan pengarah bebas kepada sembilan tahun tanpa lanjutan.	Diterapkan	135
5.5	Pelantikan ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan dibuat secara objektif berdasarkan kriteria, merit dan kepelbagaian kemahiran, pengalaman, usia, latar belakang budaya dan jantina. Pengarah yang dilantik dikehendaki menguntukkan masa secukupnya untuk berkhidmat kepada lembaga dengan berkesan. Lembaga Pengarah hendaklah mempertimbangkan jawatan Lembaga Pengarah sedia ada yang dipegang oleh pengarah, termasuk keahlian lembaga di syarikat tidak tersenarai. Sebarang pelantikan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap integriti dan tadbir urus syarikat hendaklah dielakkan.	Digunakan	108-115, 118-125, 130, 138
5.6	Dalam mengenalpastian calon pelantikan pengarah, lembaga pengarah tidak semata-mata bergantung pada saranan lembaga pengarah, pengurusan atau pemegang saham utama yang sedia ada. Lembaga Pengarah menggunakan sumber bebas untuk mengenal pasti calon yang layak dan sesuai. Jika pemilihan calon berdasarkan saranan yang dibuat oleh pengarah, pengurusan atau pemegang saham utama yang sedia ada, Jawatankuasa Penamaan hendaklah menjelaskan penggunaan sumber ini dan bukannya sumber lain.	Digunakan	138 Laporan CG 2022
5.7	Lembaga Pengarah hendaklah memastikan pemegang saham mempunyai maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan termaklum tentang pelantikan dan pelantikan semula pengarah. Perkara ini termasuk butiran tentang sebarang kepentingan, kedudukan atau perhubungan yang mungkin mempengaruhi, atau secara munasabah dianggap mempengaruhi, kapasiti material mereka untuk membuat pertimbangan bebas dalam pengemukaan isu di hadapan lembaga pengarah dan bertindak demi kepentingan terbaik syarikat tersenarai secara keseluruhannya. Lembaga Pengarah juga hendaklah memberikan kenyataan sama ada mereka menyokong pelantikan atau pelantikan semula calon itu berserta sebabnya.	Digunakan	Nota Penjelasan kepada Notis AGM, dan Penyata yang Disertakan Bersama Notis AGM ke-15
5.8	Jawatankuasa Penamaan dipengerusikan oleh Pengarah Bebas atau Pengarah Kanan Bebas.	Digunakan	115, 138v
5.9	Lembaga Pengarah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita.	Digunakan	110, 112, 114, 130
5.10	Lembaga Pengarah mendedahkan dasar syarikat tentang kepelbagaian jantina dalam lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam laporan tahunannya.	Tidak Digunakan	160
6.1	Lembaga Pengarah hendaklah melaksanakan penilaian tahunan yang formal dan objektif untuk menentukan keberkesanan lembaga pengarah, jawatankuasanya dan setiap pengarah individu. Lembaga Pengarah juga hendaklah mendedahkan cara pelaksanaan dan hasil penilaian, tindakan yang diambil dan cara penilaian tersebut telah atau akan mempengaruhi komposisi lembaga pengarah. Bagi Syarikat Besar, lembaga boleh mendapatkan khidmat pakar bebas sekurang-kurangnya setiap tiga tahun, untuk memastikan penilaian lembaga pengarah dapat dilaksanakan secara bebas dan telus.	Digunakan	134-135

Penerapan Prinsip dan Amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (MCCG 2021)

Amalan	Butiran	Digunakan/ Tidak Digunakan/ Diterapkan/Tidak Diterapkan/Tidak Berkaitan	Halaman
PRINSIP A: KEPIMPINAN & KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH			
7.1	Lembaga Pengarah mempunyai dasar dan prosedur imbuhan untuk menentukan imbuhan pengarah dan pengurusan kanan, dengan mengambil kira permintaan, kerumitan dan prestasi syarikat serta kemahiran dan pengalaman yang diperlukan. Dasar dan amalan imbuhan hendaklah mencerminkan peranan dan tanggungjawab berbeza pengarah bukan eksekutif, pengarah eksekutif dan pengurusan kanan dengan sewajarnya. Dasar dan prosedur disemak secara berkala dan disediakan di laman web syarikat.	Digunakan	141-144
7.2	Lembaga Pengarah mempunyai Jawatankuasa Imbuhan untuk melaksanakan dasar dan prosedur imbuhan termasuk menyemak dan mencadangkan perkara yang berkaitan dengan imbuhan kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan. Bidang Tugas bertulis memperuntukkan kuasa dan tugas Jawatankuasa Imbuhan dan Bidang Tugas tersebut disediakan di laman web syarikat.	Digunakan	138-144
8.1	Terdapat pendedahan terperinci yang menyenaraikan nama dan imbuhan setiap pengarah. Pecahan imbuhan setiap pengarah termasuk yuran, gaji, bonus, manfaat barangan dan emolumen lain.	Digunakan	142-143
8.2	Lembaga Pengarah mendedahkan nama serta komponen imbuhan yang dibayar kepada lima pemegang jawatan pengurusan kanan teratas yang merangkumi gaji, bonus, manfaat barangan dan emolumen lain dalam julat RM50,000.	Tidak Digunakan	144
8.3 (Peningkatan)	Syarikat digalakkan untuk mendedahkan nama dan imbuhan terperinci setiap ahli pengurusan kanan.	Tidak Diterapkan	
PRINSIP B: AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN			
9.1	Pengerusi Jawatankuasa Audit bukan Pengerusi Lembaga Pengarah.	Digunakan	108, 131, 147
9.2	Jawatankuasa Audit mempunyai dasar yang memerlukan bekas rakan firma audit luar syarikat tersenarai untuk mematuhi tempoh bertenang sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.	Digunakan	147
9.3	Jawatankuasa Audit mempunyai dasar dan prosedur untuk menilai kesesuaian, keobjektifan dan kebebasan juruaudit luaran demi menjaga kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit.	Digunakan	150
9.4 (Peningkatan)	Jawatankuasa Audit hendaklah terdiri daripada pengarah bebas sahaja.	Tidak Diterapkan	131, 147
9.5	Jawatankuasa Audit hendaklah memiliki pelbagai kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tugas secara kolektif. Semua ahli hendaklah celik kewangan, cekap dan dapat memahami perkara bawah skop Jawatankuasa Audit termasuk proses pelaporan kewangan. Semua ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melaksanakan pembangunan profesional yang berterusan untuk memastikan mereka mengikuti perkembangan yang berkaitan dengan piawaian, amalan dan peraturan perakaunan dan pengauditan.	Digunakan	137, 147 Laporan CG 2022
10.1	Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan.	Digunakan	161-169
10.2	Lembaga Pengarah hendaklah mendedahkan ciri rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman, serta kecukupan dan keberkesanan rangka kerja tersebut.	Digunakan	161-169
10.3 (Peningkatan)	Lembaga Pengarah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, majoritinya terdiri daripada pengarah bebas, untuk menyelia rangka kerja dan dasar pengurusan risiko syarikat.	Diterapkan	131, 153
11.1	Jawatankuasa Audit hendaklah memastikan keberkesanan fungsi audit dalaman dan kebebasan fungsinya.	Digunakan	151-152

Penerapan Prinsip dan Amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (MCCG 2021)

Amalan	Butiran	Digunakan/ Tidak Digunakan/ Diterapkan/Tidak Diterapkan/Tidak Berkaitan	Halaman
PRINSIP B: AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN			
11.2	<p>Lembaga Pengarah hendaklah mendedahkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> kebebasan pekerja audit dalaman sama ada bebas atau tidak daripada sebarang perhubungan atau konflik kepentingan, yang boleh menjejaskan keobjektifan dan kebebasan mereka; bilangan sumber dalam jabatan audit dalaman; nama dan kelayakan individu yang bertanggungjawab terhadap audit dalaman; dan pelaksanaan fungsi audit dalaman mengikut rangka kerja yang teriktiraf atau tidak. 	Digunakan	151-152 Laporan CG 2022
PRINSIP C: INTEGRITI PELAPORAN KORPORAT DAN HUBUNGAN BERMAKNA BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN			
12.1	Lembaga Pengarah memastikan komunikasi yang berkesan, telus dan tetap dengan pemegang kepentingan.	Digunakan	32-35, 156-159
12.2	Syarikat besar digalakkan untuk menerapkan pelaporan bersepadu berdasarkan rangka kerja teriktiraf pada peringkat global.	Digunakan	3-4, 160
13.1	Notis Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dimaklumkan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya 28 hari sebelum mesyuarat.	Digunakan	28 April 2023 Penerbitan Notis AGM ke-15
13.2	Semua pengarah menghadiri Mesyuarat Agung. Pengerusi Jawatankuasa Audit, Penamaan, Pengurusan Risiko dan jawatankuasa lain dengan wajar menjawab soalan yang diajukan kepada mereka.	Digunakan	Laporan CG 2022
13.3	<p>Syarikat tersenarai hendaklah memanfaatkan teknologi untuk memudahkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> pengundian termasuk undi tanpa hadir; dan penyertaan pemegang saham jarak jauh dalam mesyuarat agung. <p>Syarikat tersenarai juga hendaklah mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan amalan kesihatan siber yang baik dilaksanakan termasuk kebersendirian dan keselamatan data untuk mencegah ancaman siber.</p>	Digunakan	Laporan CG 2022
13.4	Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah memastikan perhubungan yang ramah antara lembaga pengarah, pengurusan kanan dan pemegang saham semasa mesyuarat agung. Perhubungan hendaklah interaktif dan termasuk perbincangan yang mendalam tentang prestasi kewangan dan bukan kewangan syarikat serta strategi jangka panjang syarikat, antara lainnya. Pemegang saham juga hendaklah diberi peluang secukupnya untuk mengemukakan soalan semasa mesyuarat agung dan semua soalan hendaklah dijawab secara wajar.	Digunakan	159 Laporan CG 2022
13.5	Lembaga Pengarah hendaklah memastikan pengendalian mesyuarat agung secara maya (maya sepenuhnya atau hibrid) yang menyokong perhubungan mendalam antara lembaga pengarah, pengurusan kanan dan pemegang saham. Hal ini termasuk penyediaan infrastruktur dan alatan yang sepatutnya untuk menyokong penyiaran mesyuarat agung yang lancar dan penyertaan interaktif oleh pemegang saham, antara lainnya. Soalan yang dikemukakan oleh pemegang saham hendaklah didedahkan kepada semua peserta mesyuarat semasa mesyuarat berlangsung.	Digunakan	159 Laporan CG 2022
13.6	Minit mesyuarat agung hendaklah diedarkan kepada pemegang saham selewat-lewatnya dalam tempoh 30 hari perniagaan selepas mesyuarat agung.	Digunakan	159



www.fgvholdings.com

FGV HOLDINGS BERHAD

Registration No. 200701042133 (800165-P)

Level 21, Wisma FGV, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

t +603 2789 0000

f +603 2789 0001